

SYEIKH MAHMUD AL-MAJZUB

1390 H - 1430 H



Madrasah Nurul Iman
2009

Cetakan Pertama 2009
© Syeikh Mahmud Al-Majzub 1390H - 1430H 2009

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku
ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama
ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara
lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Madrasah Nurul Iman Hulu Langat, Selangor.
Perundingan tertakluk kepada perkiraan
royalti atau honorarium.

Penerbit:
Madrasah Nurul Iman Hulu Langat
Batu 11 3/4, Jalan Kuari Sungai Long,
43100 Hulu Langat,
Selangor Darul Ehsan. Malaysia
Tel: 03-9021 4863

Dicetak oleh:
Percetakan Pak Sdn. Bhd.
AS 73, Jalan Hang Tuah Empat,
Salak South Garden,
57100 Kuala Lumpur.



Kandungan



MUQADDIMAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

الحَمْدُ لله نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهْ وَنُؤمِنُ بِهِ وَنَتَوكَّلُ عَلَيهِ وَنَعُوذُ بِالله مِنْ شُرُورِ أَنْفُسنَا
وَمِن سَيِّئَاتِ أَعْمَالنَا مَن يَهْدِهِ الله فَلاَ مُضِلَّ له وَمَنْ يُضلل الله فَلاَ هَادِيَ له وَنَشْهَدُ أَن لاَ
إِلَهَ إِلاَّ الله وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَه وَنَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا محمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوله صَلَّى الله تَعالى عَلَيهِ
وَعلى ألِهِ وَأَصْحَابه وَالتَّابِعِين وَمَنْ تبِعَهُمْ بِاحْسَانٍ اِلى يَوْمِ الدِّيْن.

أَمَّا بَعْد !

Dengan keagungan dan kebesaran Allah s.w.t dan dengan berkat mukjizat Rasulullah s.a.w serta berkat para Auliya'ullah yang dibangkitkan Allah s.w.t pada setiap kurun terutamanya pada abad ke-15 Hijrah ini, terlebih dahulu sidang pengarang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru dan pembimbing kami, Syeikhuna wa sanaduna Syeikh Mahmud Al-Majzub, atas keprihatinan beliau menghalusi setiap tajuk dan tulisan dalam buku ini. Sidang pengarang ingin menghidangkan kepada pembaca sekalian riwayat hidup Syeikh Mahmud Al-Majzub sempena menyambut hari tamat latihan beliau dalam mengharungi alam kesufian dan kerohanian selama 40 tahun. Segala isi kandungan buku ini amat bernilai untuk orang Salik dan Majzub yang ingin mengembara menuju kepada Allah s.w.t. dan juga untuk pencinta-pencinta ilmu kesufian. Sebelum pembaca yang budiman menatapi buku ini, sidang pengarang ingin memberi beberapa garis panduan:

i. Buku ini adalah berbeza dengan riwayat hidup tokoh-tokoh yang lain kerana tidak memfokuskan kepada riwayat hidup semata–mata, tetapi mengandungi pelbagai pengajaran , pedoman dan pengalaman Syeikh Mahmud yang dilaluinya sejak dari kecil hingga sekarang dalam alam kerohanian, alam jin dan alam manusia.

ii. Fokus buku ini adalah untuk mencapai keredhaan Allah dan ma'rifatullah. Sasarannya mestilah kembali kepada haqiqat asal kejadian roh. Untuk mencapai sasaran yang paling tepat, seseorang itu memerlukan bimbingan wahyu dan juga Rasul sebagai contoh dan ikutan. Begitu juga dengan Syeikh Mahmud, beliau adalah merupakan seorang manusia yang telah mengecapi haqiqat asal kejadian roh dengan semata-mata limpah kurnia Allah s.w.t selepas mengamalkan bimbingan wahyu yang berupa pengajaran syariat, toriqat, haqiqat dan ma'rifat serta mengikuti jejak langkah yang dilalui oleh para Rasul dan Auliya'ullah.

iii. Isi kandungan buku ini adalah sebahagian daripada ilmu tasawwuf yang menyentuh perkara - perkara rahsia, iaitu termasuk dalam ilmu mukasyafah atau ilmu di sebalik tabir. Ilmu ini terdapat dalam ajaran Islam. Sekiranya para pembaca menemui sesuatu

yang dirasai janggal dari segi pemikiran biasa atau pun fahaman yang zahir, maka hendaklah para pembaca bersabar sejenak dan bertanyalah kepada ahli-ahli tasawwuf terutamanya kepada Syeikh Mahmud. Jangan membuat telahan yang membuta tuli. Berkata Alim ulama لِكُلِّ فَنٍّ رِجَالٌ " yang bermaksud: "bagi setiap ilmu itu ada ahlinya". Dengan bersabar dan bertanya kepada ahlinya itu, maka terselamatlah para pembaca dari kesilapan dalam fahaman dan dari perbuatan menuduh dan mencerca ulama- ulama dan wali-wali Allah dengan tuduhan-tuduhan yang liar. Semoga dengan itu akan timbul fahaman yang sebenar dan kejernihan yang dapat dicapai dalam agama,terutama sekali dalam hal-hal yang menyentuh intisari agama Islam dan juga perhubungan roh seorang insan dengan penciptanya.

Sekali lagi sidang pengarang mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada guru kami, Syeikhuna wa sanaduna Syeikh Mahmud Al-Majzub yang telah meluangkan masa untuk menyemak kesemua isi kandungan buku ini. Tidak lupa juga kepada ahli - ahli jamaah yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.


Sidang pengarang juga memohon kemaafan seandainya terdapat kesilapan dan kecacatan dalam buku ini. Kesemua ini adalah disebabkan kelemahan dan kecuaian pihak kami. Apa yang baik itu daripada Allah s.w.t dan apa yang buruk itu daripada nafsu kami sendiri. Firman Allah taala didalam surah An-nisa' ayat 79:

مَّآ أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ فَمِن نَّفْسِكَ ۚ

"Apa sahaja nikmat kebaikan yang kamu perolehi adalah dari Allah dan apa sahaja bencana keburukan yang menimpamu maka dari (kesalahan) dirimu sendiri"

Semoga buku ini menjadi pengajaran dan pedoman kepada sidang pengarang, ahli jamaah muslimin dan muslimat serta para pembaca.

وَمَا تَوْفِيْقُنَا إِلاَّ بِاللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْهِ نُنِيْب



Tunku Harmy Tunku Hanan Al-Haj
penerbit



بسم الله الرحمن الرحيم

السَّنَدُ الْمُبَارَكُ لِشَيْخِنَا العَارِفُ الحَاجُ مَحْمُود بنْ الحَاج عَبْدُ الرَّحْمٰن أَطَالَ اللّٰهُ حَيَاتَهُ المُبَارَكَة فَهُوَ السَّنَدُ الْمُتَّصِلُ بِالرَّسُوْلِ الْكَرِيمِ وَخَاتَمِ النَّبِيِّينَ سَيِّدُ الْكَوْنَيْنِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهَا هُوَ تَرْتِيبُ السَّنَد فَاحْفَظُوهُ لِتَكُوْنُوا مِنَ الشَّاكِرِين. اللّٰهُ عَزَّ وَجَلَّ نَزَّلَ وَعَلَّمَ بِالْوَحْيِ وَالإِلْهَامِ فَنَزَّلَ بِهِ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا وَسَنَدِنَا سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَقُدْوَةِ الْمُحِبِّينَ حَبِيبُ اللّٰهِ وَخَلِيلُهُ عَلَى الإِطْلَاقِ سَيِّدِ الكَوْنَيْنِ محمدن الْمُصْطَفَى وَالْمُجْتَبَى أَبِي القَاسِمِ صَلَّى اللّٰهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنِ انْتَسَبَ إِلَيْهِ أَجْمَعِين. فَأَخَذَهُ عَنْهُ

١. أمير المؤمنين أسد الله الغالب سيدنا علي بن أبي طالب
٢. ثم أخذه عنه أول الأقطاب سيدنا الحسن ولده
٣. ثم أخذه عنه ابو محمد جابر
٤. ثم القطب سعيد الغزواني
٥. ثم القطب فتح السعود
٦. ثم القطب سعد
٧. ثم القطب سعيد
٨. ثم القطب احمد المرواني
٩. ثم القطب إبراهيم البصري
١٠. ثم القطب زين الدين الغزويني
١١. ثم القطب شمس الدين
١٢. ثم القطب تاج الدين
١٣. ثم القطب نور الدين
١٤. ثم القطب فخر الدين
١٥. ثم القطب تُقي الدين الفُقير بالتصغير فيهما
١٦. ثم القطب عبد الرحمن المدني
١٧. ثم القطب الكبير مولاي عبد السلام بن مشيش
١٨. ثم القطب الشهير ابو الحسن الشاذلي
١٩. ثم خليفته ابو العباس المرسي
٢٠. ثم العارف الكبير سيدي احمد بن عطاء الله
٢١. ثم العارف الكبير سيدي داؤد الباخلي
٢٢. ثم العارف سيدي محمد وفا بحر الصفا
٢٣. ثم العارف ولده سيدي على بن وفا
٢٤. ثم الولي الشهير سيدي يحي القادري
٢٥. ثم الولي الشهير سيدي احمد بن عقبه الحضرمي
٢٦. ثم الولي الكبير سيدي احمد زروق
٢٧. ثم سيدي أحمد بن يونس
٢٨. ثم سيدي على بن عبد الله
٢٩. ثم سيدي الشيخ ابو القاسم الوزير الغازي
٣٠. ثم سيدي الشيخ احمد بن إدريس
٣١. ثم سيدي الشيخ إبراهيم الرشيد
٣٢. ثم أخذه عنه شيخنا الشيخ عبد الصمد تابل الكلنتاني المعروف (توان صمد او توان تابا)
٣٣. ثم أخذه عنه القطب شيخ إسماعيل المعروف (توء والي إسماعيل الكلنتني)
٣٤. ثم أخذه عنه شيخنا الشيخ سعيد المعروف (أبه سعيد سالور الكلنتني)
٣٥. ثم شيخنا وسندنا وفخرنا الشيخ محمود بن عبد الرحمٰن (القدحي المَاليري)

والحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِين وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِين وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَن تَبِعَهُ أَجْمَعِين.

Ini adalah sanad yang berkat bagi guru kami Al-'Arif Billah Al-Hj Mahmud Bin Hj. Abdul Rahman Al-Majzub Al-Kedahi, semoga Allah memanjangkan umurnya yang berkat. Maka adalah sanad ilmu perjalanan kesufian ini bersambung dengan Rasulullah s.a.w yang mulia, penutup pangkat kenabian dan penghulu di dua alam. Maka inilah tertib susunan sanad , oleh itu hendaklah kamu memeliharanya agar kamu semua menjadi orang-orang yang bersyukur kepada Allah 'Azza Wa Jalla.

Allah 'Azza Wa Jalla telah menurunkan serta mengajarnya dengan wahyu dan ilham, maka turunlah Saiyidina Jibril 'Alaihissalam kepada Penghulu kami dan tempat berpegang kami, Penghulu segala mursalin dan Imam orang-orang yang bertakwa, ikutan orang-orang yang mencintai Allah, dialah Habibullah dan Khalilullah yang tidak boleh dipertikaikan lagi, Baginda juga merupakan Penghulu bagi dua alam (alam jin dan manusia), Muhammad Mustofa (yang dipilih lagi disucikan) Wal Mujtaba (dan manusia yang terpilih lagi berjaya) Abul Qosim (Ayah kepada Qosim) mencurah rahmat oleh Allah Yang Maha Tinggi dan memberi berkat dan kesejahteraan ke atas baginda dan keluarganya serta para sahabatnya dan orang-orang yang ada hubungan dengan beliau sekeliannya. Maka telah menerima dan beramal dengan Toriqat ini daripada beliau :

1. Amirul Mukminin Asadullah Al-ghalib Sayyidina Ali bin Abi Tolib
2. Kemudian telah menerima daripadanya Al-Qutub Sayyidina Hassan bin Ali bin Abi Tolib.
3. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Abu Muhammad Jabir
4. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Said Al-Ghazwani
5. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Fathu As-su'ud
6. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Saad
7. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Said
8. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Ahmad Marwani
9. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Ibrahim Al-Basri
10. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Zainuddin Al-Ghazwaini
11. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Syamsuddin
12. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Tajuddin
13. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Nuruddin
14. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Fakhruddin
15. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Tuqayyuddin Al-Fuqair
16. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Abdul Rahman Al-Madani
17. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Al-Kabir Maulai Abdul Salam bin Masyis
18. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Al-Syahir Abu Al-Hasan Al-Syazili
19. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Khalifahnya Abu Al-Abbas Al-Mursi
20. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Arif Al-Kabir Sidi Ahmad bin Ato'illah
21. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Arif Al-Kabir Sidi Daud Al-Bakhili
22. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Arif Sidi Muhammad Sofa Bahru Al-Sofa
23. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Arif Sidi Ali bin Wafa
24. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Wali Al-Syahir Sidi Yahya Al-Qadiri
25. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Wali Al-Syahir Ahmad bin Uqbah Al-Hadhromi
26. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Wali Al-Kabir Sidi Ahmad Zaroq
27. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Sidi Ahmad bin Yunus
28. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Sidi Ali bin Abdullah
29. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Sidi Syeikh Abu Al-Qosim Al-Wazir Al-Ghazi
30. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Sidi Ahmad bin Idris
31. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Sidi Ibrahim Al-Rasyid
32. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Syeikhuna(Guru kami) Al-Syeikh Abdul Somad Tabal Al-Kelantani yang lebih masyhur dengan panggilan Tuan Somad atau Tuan Taba
33. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Al-Qutub Al-Syeikh Ismail (Tok Wali Ismail Lundang Paku Kelantan)
34. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Syeikhuna (Guru kami) Said yang dikenali Ayah Said Salor Kelantan
35. Kemudian telah menerima daripadanya oleh Syeikhuna (Guru kami) Wa Sanaduna (sandaran kami) Wa Fakhruna (kebanggaan kami) Syeikh Mahmud bin Abdul Rahman Al-Kedahi Al-Malizi






اله الا الله

Bab 1

Fitrah Manusia Perlukan Bimbingan

رسالة نور الإيمان

Fitrah Manusia Perlukan Bimbingan

Segala puji bagi Allah s.w.t yang telah menciptakan manusia daripada roh dan jasad. Roh sebelum ditiupkan ke dalam jasad belum lagi dinamakan manusia. Ia masih lagi dinamakan roh. Begitu juga halnya dengan jasad. Asal kejadian roh ini adalah di dalam keadaan *fitrah*.

Firman Allah s.w.t:

فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ

ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Dialah fitrah yang Allah s.w.t jadikan sesuai pada manusia, tidak dapat diubah-ubah lagi pada kejadian Allah, itulah agama Allah yang betul tetapi ramai manusia tidak mengetahui" (Ar-Rum ayat 30).

Fitrah bermaksud naluri beragama tauhid kerana roh itu telah mengaku dan mengenal keesaan, keagungan dan kebesaran Allah s.w.t. Firman Allah Taala: أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ

"Bukankah aku Tuhan kamu?" jawab sekalian roh: "Bahkan kami telah menyaksikan Engkaulah Tuhan kami". (Al-A'raf ayat 172).

Kemudian apabila roh ditiupkan ke alam jasad dan jasad menjadi penyatuan dengan roh maka bermulalah titik permulaan dinamakan manusia. Jasad mempunyai dua kegelapan:

1. Kegelapan asal kejadian tanah, air, api dan angin
2. Kegelapan asal kejadian air yang hina

Daripada kedua-dua asal kejadian ini, terbentuklah satu jisim

yang tersangat halus yang dinamakan nafsu. Tabiat nafsu ialah sentiasa cenderung kepada asal kejadiannya dan sentiasa mendesak supaya melakukan kejahatan dan dosa.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

"Sesungguhnya nafsu itu sentiasa mendesak supaya melakukan kejahatan". (Surah Yusof ayat 53).

Fitrah atau naluri beragama Tauhid yang ada pada roh itu berkekalan sehingga jasad manusia dilahirkan ke dunia ini. Kemudian apabila manusia dilahirkan ke dunia ini maka bermulalah nafsu menguasai roh. Sementara roh pula terpaksa mengikuti kehendak asal kejadian jasad. Maka pada ketika itu manusia memerlukan kepada wahyu sebagai panduan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. Tanpa wahyu seseorang itu akan dicorak mengikut acuan orang yang melahirkannya. Sekiranya seseorang itu dilahirkan oleh ibu bapa yang A'si, Yahudi, Nasrani atau Wathani maka kanak-kanak itu akan menjadi A'si *(pelaku maksiat)*, Yahudi, Nasrani dan Wathani *(penyembah berhala)*. Sabda Nabi s.a.w di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم :

كُلُّ مَولُود يُولَدُ عَلى الفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانه أَوِيَنَصِّرَانه" (رواه ابو داود)

"Setiap seseorang itu dilahirkan ia di dalam keadaan fitrah (naluri beragama Tauhid) maka kedua ibu bapanya yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani"

Disebabkan adanya nafsu ini Allah s.w.t menurunkan wahyu kepada para nabi dan rasul dan disebabkan adanya nafsu ini Allah s.w.t membangkitkan juga para Auliya'ullah sehingga hari kiamat. Tujuannya ialah untuk membimbing manusia supaya kembali kepada asal kejadian roh dan mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Wahyu terbahagi kepada dua bahagian:

1. Yang ditilawahkan atau dibaca: iaitu kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan Jibril a.s. Wahyu ini dinamakan Al-Quranul Karim.

2. Yang tidak ditilawahkan atau tidak dibaca: iaitu perkataan, percakapan Nabi Muhammad s.a.w perbuatannya dan pengakuannya yang diambil oleh alim ulama' daripada sahabat-sahabat Baginda. Kemudian mereka menyusunnya di dalam kitab-kitab yang dikenali dengan Al-Hadis.

Panduan Al-Quran Dan Al-Hadis

Kedua-duanya merupakan panduan bagi manusia untuk menuju kepada Allah s.w.t. Tanpanya manusia akan teraba-raba di dalam memenuhi kehendak nalurinya.Maksud dan tujuan ia diturunkan oleh Allah s.w.t melalui Jibril ialah untuk membimbing manusia dengan nur wahyu tersebut supaya manusia tidak terjerumus ke dalam jurang kekufuran, kesyirikan dan kesesatan. Sabda Nabi s.a.w:

عَن أَنَس بن مَالِك رَضِيَ الله عَنْهُ مُرسَلاً قَال : قَال رَسُولُ الله صَلَّى الله عَليهِ وَسَلَّم :
تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَينِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَاب الله وَسُنَّة رَسُولِهِ
(رواه مالك فى المُوطأ)

Maksudnya: *Daripada Anas bin Malik yang meriwayatkannya secara mursal telah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda : Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara,kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua - duanya iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah.*

Sumber wahyu daripada Al-Quran dan Al-Hadis juga dipanggil syariat. Ia diselidiki, dikaji dan disusun oleh ulama' dalam bentuk hukum-hakam dan sebagainya dan dinamakan dengan kitab tauhid, feqah dan tasawwuf untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada manusia untuk kembali kepada tuntutan fitrah atau naluri beragama tauhid. Oleh itu ulama' muhaqqiqin telah mengariskan empat panduan yang mesti ditempuh oleh manusia untuk memenuhi fitrah dan mengenal Allah s.w.t dengan sebenar-benarnya iaitu:

i. Syariat
ii. Toriqat
iii. Hakikat
iv. Makrifat

❖ *Ta'rif syariat* ialah segala hukum-hakam yang diturunkan Allah kepada Rasulullah daripada Al-Quran dan Al-Sunnah secara nas dan dalil dan segala amalan yang dilakukan oleh anggota zahir iaitu seperti bacaan-bacaan wirid terutama sekali wirid zikir toriqat dan ibadat-ibadat zahir yang lain seperti solat fardhu dan sunat.

❖ *Ta'rif toriqat* ialah menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang haram dan makruh lebih-lebih lagi perkara yang harus dan melaksanakan perkara - perkara yang wajib dan sunat sekadar yang terdaya di bawah bimbingan seorang yang berpengalaman dan sampai kepada Allah s.w.t *(Arifbillah)* sepertimana Rasulullah s.a.w membimbing sahabat Baginda.

- *Ta'rif haqiqat* ialah terbuka hijab diantara seseorang dan diantara apa yang ia imani dengannya daripada zat Allah s.w.t, sifat keagungan dan kebesaran Allah, hakikat kenabian, kesempurnaan dan keistimewaan para nabi dan Rasul dan para sahabatnya, kedahsyatan hari kiamat dan lain-lain lagi seolah-olah beliau dapat melihat dan merasai dengan mata kepala .
- *Ta'rif ma'rifah* ialah pengenalan seseorang kepada Allah s.w.t secara *Haq* (pengenalan yang tidak bercampur aduk dengan kekerohan jasad dan bersesuaian dengan pengakuan mereka di alam zuriat ketika Allah s.w.t bertanya:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ

"Bukankah aku Tuhan kamu?" jawab sekalian roh: "Bahkan kami telah menyaksikan engkaulah Tuhan kami".

Amalan Asas Untuk Menuju Allah

Setelah memahami dan menghayati empat perkara di atas iaitu syariat, toriqat, hakikat dan ma'rifat, seseorang yang ingin sampai kehadrat Allah s.w.t juga hendaklah *berwasilah* dengan seorang guru ataupun syeikh yang arifbillah. Tanpa bimbingan daripada mereka dikhuatiri seseorang itu akan diperdaya oleh hawa nafsu dan syaitan. Syeikh yang Arifbillah akan membimbingnya dengan amalan-amalan yang telah diterima daripada syeikh-syeikhnya yang terdahulu yang bersambung sanadnya sampai kepada Rasulullah s.a.w. *Istighfar, selawat dan zikir* merupakan tiga amalan asas bagi setiap toriqat di seluruh dunia.

Wasilah

Kenapa Seseorang Itu Memerlukan Wasilah

Di dalam mengharungi perjalanan menuju kepada Allah s.w.t, seseorang itu memerlukan seorang yang Arifbillah untuk membimbingnya supaya dapat membersihkan diri daripada segala kekeruhan sehingga ia sampai mengenal Allah s.wt. Allah s.w.t berfirman di dalam surah Al-Maidah ayat 35:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱبْتَغُوٓا۟ إِلَيْهِ ٱلْوَسِيلَةَ

"Wahai orang-orang yang beriman takutlah kepada Allah dan carilah wasilah kepadanya" Di dalam ayat tersebut Allah s.w.t menyatakan dengan *wasilah* yang bermaksud *rabitoh* atau *perantara*. Kata Al-Imam Ibnu Kathir r.a:

الوَسِيْلَة هِيَ الَّتِي يَتَوَصَّلُ بِهَا اِلى تَحْصِيْلِ الْمَقْصُوْد

"Wasilah ialah sesuatu yang dapat menyampaikan dengannya untuk menghasilkan maksud"

Kata Imam Sayuti didalam Tafsir Al-Jalalain:

مَا يُقَرِّبُكُمْ اِلَيْهِ مِنْ طَاعَتِهِ

"Setiap sesuatu yang mendekatkan seseorang kepada Allah s.w.t yang terdiri daripada ketaatan kepadanya".

Bagi golongan sufi *wasilah* bermaksud seorang arifbillah yang mampu mentarbiah dan membimbing manusia untuk menggilapkan jiwa daripada nafsu-nafsu yang tercela sehingga ia dapat mengenal Allah s.w.t dengan sebenar – benarnya. Mereka juga dikenali dengan *syeikh, mursyid atau murabbi*. Tanpa bimbingan daripada mereka manusia akan terjerumus ke dalam lembah kesesatan. Kata Syeikh Muhammad Amin Al-Kurdi di dalam kitab Tanwirul Qulub:

فَمَن لاَ شَيْخَ لَهُ يُرْشِدُهُ فَمُرْشِدُهُ الشَّيْطَانُ

"Sesiapa yang tiada guru yang membimbingnya maka syaitanlah yang menjadi gurunya".

Hukum Berwasilah

Berwasilah kepada seorang ***syeikh*** yang bersambung sanadnya sampai kepada Rasulullah s.a.w adalah wajib bagi mereka yang mahu mengharungi perjalanan mengenal Allah dengan sebenar-benarnya. Kata Syeikh Abd Samad Al-Palembani di dalam kitab Sairus Salikin yang menaqalkan daripada Syeikh Tajuddin Naqshabandi di dalam Risalah Al-Makkiah:

طَلَبُ الشَّيْخِ فِى الطَّرِيْقِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُرِيدٍ وَلَو كَانَ مِن أَكَابِرِ العُلَمَاءِ

"Mencari guru di dalam perjalanan ahli sufi adalah wajib ke atas setiap murid yang salik dan jikalau adalah ia daripada sebesar-besar ulama' sekalipun".

Contoh Seorang Yang Akur Dengan Kepentingan Berwasilah

Peristiwa ini pernah berlaku kepada Syeikh Mahmud ketika mana beliau menumpukan sepenuh kehidupannya dengan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Nabi Khidir pernah datang berjumpa dan beliau enggan menerima bimbingan daripada Nabi Khidir a.s dengan katanya: *"Aku nak Allah bukannya nakkan awak"* tetapi selepas beliau terdengar suara ketuhanan berkata: *"kamu ikutlah orang ini untuk mengenal Aku"* barulah beliau akur dan menerima Nabi Khidir a.s sebagai pembimbingnya. Perkara ini berlaku adalah kerana hati Syeikh Mahmud yang bulat hanya mahukan Allah sahaja.




اله الا الله

Bab 2

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a.

رسالة نور الإيمان

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a.

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani merupakan seorang Waliyullah yang besar lagi masyhur di serata pelusuk dunia . Beliau merupakan seorang Mujaddid kurun ke-5 Hijrah yang berpangkat Qutub atau Ghaus iaitu pangkat yang tertinggi di dalam kedudukan kewalian. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani yang dianugerahkan pangkat Ghaus di dalam kewalian telah memainkan peranan yang sangat besar di dalam menyebarkan dan menghidupkan semula roh Islam yang telah sekian lama tenat dan mengalami zaman kegelapan dan kemunduran .Di atas jasa dan sumbangan beliau yang besar itu, beliau telah mendapat pangkat MUHYIDDIN yang memberi erti penghidup agama.

Peranan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a.

Peranan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a di dalam menghidupkan ruh Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

1. **Peranan Zohiriyyah:** iaitu peranan pada masa hayat Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a. Walaupun beliau sibuk melakukan ibadah kepada Allah s.w.t dengan berpuasa di siang hari dan menguruskan keluarga, namun beliau tetap memberi ruang dan masa untuk menyeru manusia ke jalan Allah s.w.t dengan memberi pengajaran dan pengajian Ilmu–Ilmu Syariat dan syarahan-syarahan kesufian kepada mereka yang hendak berjalan menuju Allah s.w.t. Di samping itu,

beliau juga adalah seorang mufti yang menjadi rujukan bagi segenap lapisan masyarakat di zamannya. Selain itu, beliau juga merupakan seorang karyawan agung yang banyak menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi khususnya dalam bidang Ilmu Tasawwuf dan umumnya dalam bidang Ilmu Fiqh. Karya-karya beliau menjadi sumber rujukan sejak dahulu hingga kini.

2. **Peranan Rohaniyyah**: iaitu peranan kerohanian ataupun kewalian. Inilah peranan paling besar yang dilakukan oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a pada masa hayat dan selepas kewafatan beliau kerana yang wafat itu hanyalah jasadnya yang mulia tetapi roh dan kewalian beliau tetap hidup bertugas di bumi Allah untuk membimbing manusia kepada iman dan taqwa.

Bukti Dan Dalil Peranan Kerohanian

Sekiranya perkara ini berlaku kepada Rasulullah s.a.w sebagai mukjizat, maka harus juga berlaku kepada umatnya iaitu Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a dan para auliya' yang lain sebagai karomah. Terdapat sebuah hadis sahih di dalam kitab susunan Imam Al-Bukhari daripada Abu Hurairah r.a, sabda Rasulullah s.a.w:

وَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ
يَقُولُ : مَنْ رَآنِي فِي الْمَنَامِ فَسَيَرَانِي فِي الْيَقَظَةِ وَ لاَ يَتَمَثَّلُ الشَّيْطَانُ بِي (رواه البخاري)

"Barangsiapa yang melihat aku di dalam mimpi maka dia akan melihat aku di dalam jaga maka sesungguhnya syaitan itu tidak dapat menyerupai aku".

Yang wafat dan bersemadi di dalam bumi hanyalah jasad Rasulullah s.a.w yang mulia sahaja tetapi ruhnya dan kerasulannya sentiasa hidup bertugas di bumi Allah untuk membimbing manusia kepada iman dan taqwa. Melalui jalan inilah umatnya dapat bertemu dengan Rasulullah di dalam tidur dan jaga. Begitu juga dengan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a dan para auliya' yang lain. Tegasnya sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh Allah s.w.t untuk bertemu dan berjumpa dengan Rasulullah s.a.w, maka ia boleh bertemu dan mendapat bimbingan mereka walaupun jarak masa hayat mereka terlalu jauh dengan orang yang dibimbing.

Peranan Pangkat Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jilani r.a.

Peranan Pertama

Peranan pangkat yang disandang oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a iaitu memohon petunjuk dan rahmat kepada Allah supaya terhindar daripada bala bencana untuk umat manusia sejagat.

Peranan Kedua

Peranan Ghaus juga diberi mandat oleh Allah s.w.t untuk melantik wali Allah dan memberi pangkat kepada mereka dengan pangkat Autad, Abdal, Nuqaba', Nujaba', Akhyar dan boleh menarik balik pangkat-pangkat yang telah disandang oleh mereka dengan izin Alllah s.w.t.


Peranan Ketiga

Peranan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a agak luas daripada para auliya' yang lain kerana berdasarkan ungkapan beliau yang mana merupakan ilham daripada Allah s.w.t iaitu **"Kakiku Di Atas Leher Segala Waliyullah"**. Ketika Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a mengungkap ungkapan ini, sekalian Auliya'ullah dan RijalulGhaib yang berada di atas muka bumi samada jauh mahupun dekat telah menundukkan kepala mereka sebagai tanda penghormatan.

Makna "Kakiku Di Atas Leher Segala Waliyullah"

Makna ungkapan beliau ini ialah "tidak ada wali Allah yang lahir di dunia ini, sama ada pada masa hayat ataupun selepas wafat beliau melainkan kesemua mereka berada di bawah perhatian dan bimbingan kewalian Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a ". Perkara ini telah masyhur di kalangan orang-orang sufi dan Auliya'ullah yang telah datang selepas Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a berdasarkan *dzaukiah* dan pengalaman yang mereka lalui bersama dengan kewalian Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani r.a.

Sultan Aulia' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani.
-Ghaus Ul A'zam dan Mujaddid Abad Ke-5H.
-(470H-561H), (1077-1166M).




اله الا الله

Bab 3

Tasawwuf dan Sufiyyah

رسالة نور الإيمان

Tasawwuf dan Sufiyyah

Asal Usul Tasawwuf

Asal perkataan tasawwuf menunjukkan satu golongan sufi .
Pelbagai pendapat dan pandangan telah dikemukakan oleh alim ulama' mengenai asal perkataan tasawwuf. Antaranya:

1. Oleh kerana orang-orang sufi mengutamakan kebersihan hati maka perkataan tasawwuf diambil dari "Sofa" yang bermaksud bersih.
2. Oleh kerana orang-orang sufi menjadikan *ahlu suffah* sebagai ikutan mereka maka asal perkataan tasawwuf diberi dan *suffah* bermaksud penghuni serambi Masjid Nabawi.
3. Oleh kerana orang-orang sufi suka memakai pakaian yang diperbuat daripada bulu dan asal perkataan ini ialah 'Suf' yang bermaksud bulu biri-biri.

Pelbagai pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh alim ulama' tentang asal-usul tasawwuf. Namun, semuanya itu hanyalah perbezaan pendapat tentang asal-usul perkataan tasawwuf sahaja dan ia bukanlah pokok perbahasannya.

Tujuan Atau Matlamat Tasawwuf

Tujuan utama tasawwuf adalah untuk membersihkan hati dan diri serta memperbaiki akhlak supaya sampai kepada maqam ihsan.

Tidak Ada Alasan Untuk Menolak Tasawwuf

Kebanyakan manusia menolak perkataan tasawwuf untuk digunakan. Alasan mereka ialah kerana perkataan itu tidak terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w dan zaman para sahabat r.a. Alasan itu sedikitpun tidak berasas kerana banyak lagi terdapat perkataan-perkataan lain yang diguna secara meluas sebagai istilah dan ungkapan di dalam syariat Islam sedangkan kesemuanya tidak ada pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a.

Para Sahabat Nabi Adalah Sufiyyah

Walaupun mereka tidak menamakan diri mereka orang-orang sufi tetapi, hakikatnya perbuatan dan tingkah laku mereka adalah sufi kerana asas tasawwuf bukan terletak pada nama tetapi terletak pada corak kehidupan dan penghayatan seseorang yang melakukan sesuatu kerana Allah dan untuk Allah. Kemudian mereka menghiasi diri dengan zuhud serta memberi tumpuan sepenuhnya kepada Allah s.w.t dengan roh setiap detik dan waktu.

Pandangan Ulama' Tentang Ahli Tasawwuf

Ibnu Khaldun telah berkata dalam kitab Muqaddimahnya: "Ilmu Tasawwuf terkandung di dalam Ilmu Syariat. Asal-usul perjalanan orang-orang sufi telah wujud semenjak zaman sahabat, tabi'in dan salafussoleh. Ianya juga adalah satu jalan yang benar lagi mendapat petunjuk". Katanya lagi "asal perjalanan mereka (ahlu tasawwuf) iaitu memberi sepenuh tumpuan ibadah kepada Allah s.w.t dan berpaling daripada perhiasan dunia dan mereka mengasingkan diri daripada manusia untuk beribadah kepada Allah dan apa yang orang ramai cari terdiri daripada kelazatan, harta benda dan pangkat".

Siapakah Yang Dinamakan Sufiyyah

Setelah sekian lama umat Islam jauh dari zaman Rasulullah, sahabat dan tabi'in, maka pada kurun ke – 2 Hijrah dan sesudahnya umat manusia mulai jauh dari jalan Allah yang sebenar. Mereka hanya memberi tumpuan

kepada duniawi sahaja. Maka orang yang menumpukan diri mereka beribadah kepada Allah s.w.t menamakan diri mereka sebagai sufiyyah.

Orang Yang Pertama Dinamakan Sufiyyah

Ada tertulis didalam kitab "Kashfuz Zunun" orang yang mula-mula dinamakan Sufi ialah Abu Hasyim As-Sufi yang telah meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah.

Peranan Sufiyyah Dalam Syariat Islam

Orang-orang sufi bukanlah seperti yang disangkakan oleh pengkritik dan penentang mereka. Mereka bukan hanya menumpukan sepenuh masa dengan beribadah kepada Allah atau mengasingkan diri daripada manusia sahaja, bahkan mereka bergiat cergas di dalam keseluruhan aspek syariat Islam yang terdiri daripada ibadah I'tiqad (pegangan tauhid), ibadah di dalam akhlak, ibadah di dalam ibadat, ibadah di dalam mua'malat, ibadah didalam munakahat (nikah kahwin), ibadah di dalam mua'syarat (pergaulan) dan ibadah di dalam jinayat (hukum qisas, hudud). Mereka melaksanakannya dengan penuh penghayatan.

Sumbangan Sufiyyah di Dalam Menyebarkan Agama Islam

Di dalam catatan sejarah, perkembangan Islam dan dakwah Islamiah di seluruh dunia, golongan sufi memberi sumbangan yang cukup besar dalam menyebarkan dan mengembangkan agama Allah melalui karya penulisan yang dapat kita dapat lihat hingga ke hari ini. Contohnya Imam Al-Ghazali dengan hasil karyanya, Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dengan hasil karyanya, Imam Ibnu Arabi dengan karyanya dan ramai lagi penulis-penulis sufi yang terdiri daripada ulama' besar yang ternama dan masyhur.

Kepelbagaian Sumbangan Sufiyyah

Ada di antara orang-orang sufi ini yang memberi sumbangan di dalam bentuk puisi contohnya seperti Al-Imam Jalaluddin Al-Rumi, Sa'di dan ramai

lagi. Ada juga di antara mereka yang memegang tampuk pemerintahan negara seperti Sultan Murad dan anaknya Sultan Muhammad Al-Fateh dan ada juga di antara mereka yang menjadi panglima di medan peperangan seperti Syeikh Omar Mukhtar dan Syeikh Abdul Qadir Al-Jazair. Pendek kata orang-orang sufi telah melaksanakan segala tuntutan fardhu kifayah dengan sempurna. Di dalam catatan sejarah juga ada disebutkan tentang penyebaran agama Islam bermula daripada Empayar Turki hingga ke Balkan dan Benua Afrika adalah hasil kerja keras orang sufi.

Sumbangan Sufiyyah Di Asia Tenggara

Perkembangan dakwah Islamiah di Nusantara juga tidak kurang hebatnya yang mana ia telah dipelopori oleh orang-orang sufi yang bergiat cergas menyebarkan agama Islam seperti Wali Sembilan ataupun Wali Songo di Indonesia, Syeikh Abdul Malik penterjemah kitab Al-Hikam yang juga terkenal dengan panggilan Tok Pulau Manis di Malaysia, Syeikh Habib Noh di Singapura, dan ramai lagi tokoh sufi yang bergiat cergas di dalam mengembangkan agama Islam yang suci ini ke seantero dunia sejagat.

Keyakinan Sufiyyah

Kaum sufi meyakini kewujudan kerajaan Auliya'ullah . Keyakinan mereka bukanlah suatu bentuk kepercayaan yang membuta tuli tanpa dalil bahkan ia bersumberkan daripada Hadis Nabi dan Athar Salaf bahkan pengalaman-pengalaman yang ditempuh sendiri oleh mereka yang terpilih menambahkan lagi keyakinan didalam kembara menuju kepada Allah s.w.t. Pengalaman-pengalaman yang sedemikian itu terpahat di dalam kitab-kitab Tasawwuf sepanjang zaman di seluruh pelusuk dunia.

Para Wali Pemegang Amanah Rasul

Ta'rif Wali

Wali adalah perkataan mufrad yang menunjukkan satu atau seorang dan jama'nya ialah Auliya' ertinya *seorang Arifbillah yang sentiasa tekun*

melaksanakan ketaatan, menjauhi kema'siatan, bertungkus lumus melawan hawa nafsu dan syahwat.

Peninggalan Nubuwwah Diamanahkan Kepada Al-Wilayah

Selepas wafatnya Rasulullah s.a.w tidak ada lagi nabi dan juga rasul yang diutuskan. Pintu nubuwwah telah tertutup dan yang ada hanyalah Al-Wilayah (kewalian). Merekalah yang mewarisi tugas para nabi dan para rasul hinggalah turunnya Nabi Isa a.s dari langit.

Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dengan sanad daripada Abu Hurairah r.a daripada Nabi s.a.w:

عَن أبي هُرَيْرَةَ رَضِيَ الله عَنْهُ عَن النَّبي صَلَّى الله عَلَيهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَنْ تَخْلُوَ الأَرْضَ مِن ثَلاَثِينَ مثل خَلِيلُ الرَّحْمٰنِ بِهِمْ تُغَاثُون وَبِهِم تُرْزَقُون وَبِهِم تُمْطَرُون (رواه ابن حبان)

"Tidak sunyi bumi Allah ini daripada tiga puluh orang seperti Nabi Ibrahim Khalilurrahman, dengan mereka kamu diberi pertolongan dan dengan mereka kamu diberi rezeki dan dengan mereka diturunkan hujan kepada kamu".

Bilangan Auliya'ullah, Kekosongan Pangkat Kewalian Yang Akan Diganti Dan Peranan Mereka Yang Terdapat Di Dalam Hadis Nabi Dan Athar

Oleh kerana banyak terdapat dalil dan bukti daripada Hadis Nabi dan Athar Sahabah sehingga menjadi seolah-olah satu kebodohan untuk tidak mempercayainya kerana ia telah mencapai kepada darjah mutawatir. Kerajaan para Auliya'ullah yang diterajui oleh Ghaus sepertimana yang tercatat di dalam Al-Hadis mempunyai dua riwayat. *Riwayat yang pertama* disebutkan 356 ahli kabinet dan *riwayat yang kedua* disebutkan dengan 500 ahli kabinet. Ada juga arifbillah yang mengatakan bahawasanya bilangan kabinet Auliya'ullah berjumlah 856 orang iaitu selepas digandingkan bilangan daripada riwayat daripada hadis yang pertama yang berjumlah 356 dan riwayat daripada hadis yang kedua yang berjumlah 500 orang.

Riwayat Pertama

Bilangan 356 itu telah tersebut di dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Al-Hafiz Abu Nu'aim dengan sanad daripada Abdullah

bin Mas’ud radiallahu anhu sabda Rasulullah s.a.w:

عن عبد الله بن مَسْعُود رَضِيَ الله عَنْه قَالَ: قَالَ رَسُولُ الله صلى الله عليه
وسلم : إنّ لله عَزَّ وَجَلَّ فِى الخَلْقِ ثلاثمائةِ نَفسٍ قُلُوبُهُمْ عَلى قَلْبِ آدَم
عليه السلام ولِله فى الخلق سَبْعَةٌ قُلُوبُهُمْ عَلى قَلْبِ اِبْرَاهِيم عليه السلام ولله
فى الخلق اربعون قلوبُهُم على قَلْبِ مُوسى عليه السلام ولله فى الخلق
خَمْسَةٌ قُلُوبُهم على قَلْبِ جبريل عليه السلام ولله فى الخلق ثلاثة قلوبُهم
على قلب ميكائيل عليه السلام ولله فى الخلق واحد قلوبُهم على قلب
اسرافيل عليه السلام وإذا مَاتَ الوَاحِدُ اَبْدَلَ اللهُ مَكَانَهُ مِنَ الثَّلاثَةِ واذا
مات من الثلاثة اَبْدَلَ الله مكانه من الخمسة واذا مات من الخمسة ابدل
الله مكانه من السبعة واذا مات من السبعة اَبْدَلَ الله مكانه من الأربعين
واذا مات من الأربعين اَبْدَلَ الله مكانه من الثلا ثمائة واذا مات من
الثلاثمائة ابدل الله مكانه من العَامَّةِ فَبِهِمْ يُحْيِي وَيُمِيتُ ويُمْطِرُ ويُنْبِتُ
ويُدْفَعُ البَلاَءُ عَن هَذِهِ الأُمَّةِ قِيلَ لِعَبْدِ الله بن مسعود كَيفَ بِهِمْ يُحْيِي
وَيُمِيت؟ قال : لأنَّهُم يَسْئَلُونَ الله اِكْثَارَ الأُمَمِ فَيَكْثُرُون وَيَدْعُونَ على
الجَبَابِرَةِ فَيُقْصِمُونَ وَيَسْتَسْقُونَ فَيُسْقُونَ وَيَسْأَلُونَ فَتَنْبُتُ الأَرْض وَيَدْعُونَ
فَيَدْفَعُ بِهِم اَنْوَاعُ البَلاَءِ (احرجه ابو نعيم وابن عساكر وغيرهما من ائمة الحديث المعتبرين)

“Sesungguhnya bagi Allah pada makhluk ciptaannya itu ada 300 orang, hati mereka seperti hati Nabi Adam a.s dan bagi Allah di atas makhluk ciptaannya itu ada 7 orang hati mereka seperti hati Nabi Ibrahim a.s dan bagi Allah diatas makhluk ciptaannya itu ada 40 orang hati mereka seperti hati Nabi Musa a.s dan bagi Allah di atas makhluk ciptaannya itu ada 5 orang hati mereka seperti hati Jibril a.s dan bagi Allah di atas makhluk ciptaannya itu ada 3 orang hati mereka seperti hati Mikail a.s dan bagi Allah di atas makhluk ciptaannya itu ada 1 orang hati mereka seperti hati Israfil a.s. Maka apabila mati yang seorang maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada yang 3 dan apabila mati yang seorang daripada yang 3 maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada yang 5 dan apabila mati yang seorang

daripada yang 5 maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada yang 7 dan apabila mati yang seorang daripada yang 7 maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada yang 40 dan apabila mati yang seorang daripada yang 40 maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada yang 300 dan apabila mati yang seorang daripada yang 300 maka digantikan oleh Allah pada tempatnya akan seorang daripada orang-orang yang soleh. Maka dengan mereka itu Allah menghidupkan dan Allah mematikan dan Allah menurunkan hujan dan Allah menumbuhkan tanaman dan Allah menolak akan bala daripada umat manusia. Ditanya kepada Abdullah bin Mas'ud bagaimana dengan mereka itu Allah menghidupkan dan mematikan jawab Abdullah bin Mas'ud kerana bahawasanya mereka memohon kepada Allah akan kebaikan kepada umat manusia maka baiklah umat dan mereka berdoa kepada orang yang keras hati lagi zalim maka Allah peliharakan mereka dan mereka meminta hujan maka Allah menurunkan hujan kepada mereka dan mereka memohon kepada Allah supaya ditumbuhkan tanaman maka bumi menumbuhkan tanaman dan mereka menyeru kepada Allah s.w.t maka ditolak dengan mereka itu berbagai-bagai bala.

Riwayat Kedua

Bilangan Auliya'ullah pada riwayat yang kedua berjumlah 500 orang sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Nu'aim dengan sanad Ibnu Umar r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:

" خِيَارُ أُمَّتِيْ فِى كُلِّ قَرْنٍ خَمْسُمِائَةٍ "

"Umatku yang terpilih pada setiap kurun terdapat lima ratus orang".

Dalil Daripada Riwayat Athar Sahabat

Susunan pangkat ini telah meriwayatkan oleh Al-Khatib di dalam kitabnya Tarikh Baghdad dan Ibnu Asakir di dalam kitabnya Tarikh Syam kedua-duanya telah mengambil daripada sanad Ubaidullah bin Muhammad Al-Abbasi bahawasanya beliau telah mendengar Al-Kattani telah berkata: "bahawa yang 300 orang itu digelar Nuqaba', yang 40 itu Al-Abdal atau Autadul Ardi, yang 7 itu Al-Akhyar atau Urafa', yang 5 orang itu An-nujaba', yang 3 orang itu Al-Mukhtarun dan yang seorang itu pimpinan tertinggi di dalam kerajaan para wali yang bergelar Qutbul 'Alam atau Al-Ghaus.

Susunan Kabinet Auliya'ullah

Semua ahli kabinet Auliya'ullah yang bilangan mereka 856 orang mempunyai pangkat kedudukan masing-masing di sisi Allah. Pangkat tertinggi di dalam kerajaan para wali iaitu Ghaus atau Qutub kemudian Mukhtarun, Nujaba', Akhyar atau Urafa', Abdal atau Autadul Ardi dan akhir sekali Nuqaba'.

Ta'rif Atau Maksud Al-Ghaus

Ghaus adalah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud pertolongan atau bantuan. Perkataan Ghaus, Qutub dan Sultan merupakan satu ungkapan yang disandang oleh salah seorang Auliya'ullah yang menerajui tampuk pemerintahan para wali.

Peranan Wali Yang Bergelar Al-Ghaus

Oleh kerana peranan Ghaus lebih besar daripada peranan Auliya'ullah yang lain, yang mana dengan doanya kepada Allah s.w.t manusia mendapat bantuan dan pertolongan maka perkataan Ghaus diambil dari satu perkataan yang tersebut.

Peranan Lain Ke Atas Seorang Yang Bergelar Auliya'ullah

Di antara peranan Al-Ghaus dan Ahli Kabinet kerajaan para Wali yang lain iaitu apabila berlaku musibah yang besar kepada umat manusia atau pun hajat-hajat yang terhalang daripada orang ramai seperti meminta di turunkan hujan pada saat kemarau yang bersangatan, maka An-Nuqaba' memohon kepada Allah s.w.t kemudian, Al-Abdal kemudian, Al-Akhyar atau Urafa kemudian, An-Nujaba' seterusnya Al-Mukhtarun lalu Allah s.w.t memperkenankan hajat mereka jika sebaliknya, barulah Qutub atau Ghaus berdoa kepada Allah. Al-Ghaus diberi mandat oleh Allah s.w.t membimbing sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh Allah s.w.t untuk melayakkan diri menyandang pangkat Waliyullah secara kerohanian dan memberi pangkat kepada mereka dengan pangkat Al-Mukhtarun, An-Nujaba', Al-Akhyar, atau Urafa, Al-Abdal dan An-Nuqaba' .

Toriqat Sufi Merupakan Tunggak Sejarah Islam

Apabila disebut sahaja orang-orang sufi, maka yang akan terlintas dalam fikiran tentulah ia berpegang dengan mana-mana toriqat. Begitulah rapatnya hubungan sufi dengan toriqat. Ta'rif atau makna toriqat dari sudut bahasa ialah jalan manakala dari sudut istilah orang-orang sufi pula ialah jalan yang khusus untuk orang-orang yang hendak berjalan menuju Allah. Tanpa toriqat pasti seseorang itu teraba-raba kerana toriqat menunjukkan bagaimana cara hendak berjalan menuju kepada Allah.

Kemunculan Toriqat

Selepas kurun ke - 5 Hijrah banyak toriqat yang muncul di dalam dunia Islam. Kebiasaannya setiap toriqat itu disandarkan kepada nama pengasasnya. Setiap aliran toriqat yang muncul akan mencipta tunggak sejarah Islam di negara ia muncul khususnya di seluruh dunia Islam amnya.

Pengasas–Pengasas Toriqat

Berikut adalah serba ringkas riwayat hidup sebahagian daripada aliran toriqat yang masyhur yang telah mencipta tunggak sejarah Islam

1. *Toriqat Al-Qadiriyyah* : Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jilani. Beliau telah dilahirkan di Jilan iaitu satu daerah di Tobaristan pada tahun 470 Hijrah dan wafat pada tahun 561 Hijrah di Baghdad. Toriqat beliau berkembang pesat di Tanah Arab, India, Pakistan, Afrika, Chechan, dan seluruh negara Islam termasuklah Malaysia.

2. *Toriqat Al-Ahmadiyyah*: Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Abu Fatayan Ahmad bin Ali bin Ibrahim bin Muhammad bin Abi Bakar Al-Badawi. Beliau dilahirkan di Badar Fas pada tahun 596 Hijrah. Ketika berusia 4 tahun beliau telah berpindah dengan ibu bapanya ke Mekah dan menetap di sana sehingga ibu bapanya meninggal dunia. Semasa berada di Mekah beliau telah dapat menghafal Al-Quran dan belajar ilmu dalam Mazhab Imam Syafie. Kemudian beliau pergi ke Mesir dan tinggal di Tanta di atas sutuh sebuah rumah. Beliau pernah tidak menjamah makanan dan minuman selama 40 hari. Keadaannya sentiasa berdiri melihat ke langit sehingga matanya

menjadi seperti bara api. Di atas sutuh itulah anak-anak muridnya datang untuk mendengar syarahan beliau. Beliau wafat pada 675H. Toriqat beliau berkembang pesat khususnya di Mesir dan di merata pelusuk negara Islam termasuklah negara Malaysia .

3. *Toriqat An-Naqsyabandiyyah*: Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Bahauddin. Beliau dilahirkan di sebuah kampung yang bernama Qasrul Arifin tidak jauh dari bandar Bukhara tempat lahir Imam Bukhari pada 717 Hijrah dan wafat pada 791 Hijrah. Pengaruh toriqat ini sungguh besar di dalam dunia Islam dan menjadi anutan serta sumber kekuatan Sultan Murad dan anaknya Sultan Muhammad Al-Fateh menentang kerajaan Konstantinople pada 20 Jamadil Awal 857 Hijrah. Toriqat ini telah berkembang pesat di seluruh negara Islam termasuklah Malaysia.

4. *Toriqat As-Syaziliyyah*: Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Sayyid Abu Hassan bin Abdullah bin Abdul Jabbar bin Hurmuz As-Syazili Al-Maghribi. Dilahirkan pada tahun 591 Hijrah di Ghamarah di sebuah kampung yang bernama Sabtoh di negara Afrika. Wafat pada 656 Hijrah di padang pasir Aizab dalam perjalanan mengerjakan haji. Beliau telah meninggalkan kenangan yang tidak dapat dilupakan di Afrika iaitu sebuah pertubuhan yang terkenal dengan Hizbul Syazili. Kata-kata mutiara yang amat bernas dari Abu Hassan ialah: “apabila zikir terasa berat atas lidahmu anggota tubuh berkembang menurut hawa nafsumu tertutup pintu berfikir untuk kemaslahatan hidupmu maka ketahuilah bahawa semua itu petanda banyaknya dosamu”.

5. *Toriqat As-Sanusiyyah:* Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Sayyid Mohammad Ali bin As-Sanusi. Dilahirkan pada tahun 1791 Masehi. Toriqat yang dipimpinnya berkembang luas dari Morokko sampailah ke Somalia, terutama sekali di daerah pendalaman Libya. Melalui ajaran toriqat ini berjuta-juta penduduk Afrika Tengah telah memeluk agama Islam. Toriqat As-Sanusiyyah mengajar kepada pengikut-pengikutnya ketangkasan berkuda, memanah dan berbagai seni bela diri. Setiap hari Jumaat akan diadakan latihan perang. Di antara panglima perang toriqat As-Sanusiyyah yang melakukan pemberontakan di Libya menentang penjajah Itali ialah Syeikh Omar Mukhtar.

6. *Toriqat At-Tijaniyyah*: Pengasas toriqat ini ialah Syeikh Abu Abbas Ahmad bin Mohammad bin Mukhtar bin Ahmad Syarif At-Tijani. Dilahirkan pada 1150 H bersamaan dengan 1737 Masehi. Seorang Syeikh toriqat At-Tijaniyyah yang menonjol dan gigih membela toriqat

ini ialah Hj Omar bin Syeikh Murobit yang lahir pada 1797 Masehi di sebuah kampung di Senegal dan wafat pada 1865 Masehi. Beliau telah meninggalkan pengaruh yang besar untuk kejayaan agama Islam di negeri orang-orang yang berkulit hitam. Perjuangannya telah diteruskan oleh pengikut-pengikutnya. Pengaruh mereka semakin meluas sehinggakan penjajah memandangnya satu gerakan yang amat merbahaya. Kaum penjajah berusaha membasmi gerakan itu. Ahli sejarah mengatakan hampir seluruh bumi Afrika dikuasai oleh Islam sekiranya Perancis tidak menindas perjuangan mereka.

7. *Toriqat Al-Ahmadiyyah Al-Idrisiah*: Pengasas toriqat ini ialah Sayyid Ahmad bin Idris. Terdapat dua riwayat tentang tarikh kelahiran beliau, pertama pada bulan Rejab 1163 Hijrah dan riwayat ke dua pula pada tahun 1172 Hijrah. Dilahirkan di bandar Fez, Morokko. Beliau telah banyak mengembara dan berdakwah di jalan Allah serta menyebarkan ajaran toriqatnya ke merata tempat hingga ke Mekah, Madinah, Mesir, Sudan, Yaman dan lain-lain lagi. Wafat pada malam Sabtu di antara waktu Maghrib dan Isya' pada tanggal 21 Rejab 1837 Hijrah di Jizan, Selatan Arab Saudi.

Perkembangan Toriqat Al-Ahmadiyyah Di Malaysia Dan Nusantara

Toriqat Ahmadiyah masuk ke Malaysia pada permulaan abad ke-20 Masehi melalui tiga orang ulama' iaitu melalui Syeikh Abdus Somad bin Muhammad Saleh (Tuan Tabal) di Kelantan, Hj Shafie Muhammad Saleh (Tok Shafie) yang berasal dari Kedah dan Hj Muhammad Said bin Jamaluddin Al-Linggi dari Negeri Sembilan. Di Kelantan, toriqat yang dibawa oleh Tuan Tabal dikenali sebagai Ahmadiyyah Al-Rashidiya. Manakala di Linggi, Negeri Sembilan dikenali sebagai Ahmadiyyah al-Rashidiya Al-Dandarawiyah.

Di Kelantan, Tuan Tabal mengajar toriqat di Masjid Muhammadi, Kota Bharu secara terhad kepada keluarga dan murid-muridnya yang tertentu sahaja dan tidak disebarkan secara meluas kepada masyarakat awam. Apabila Hj. Muhammad Said Al-Linggi datang ke Kota Bharu pada zaman seterusnya dan mengajar toriqat di sana, ramai pengikutnya yang mendapat majzub dan mabuk Allah dengan cepat setelah beramal dengan zikirnya. Suasana ini tidak disenangi oleh orang yang tidak faham tentang toriqat dan menimbulkan kekecohan. Perkara ini menyebabkan Raja Kelantan terpaksa meminta nasihat dari ulama' iaitu Wan Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fahthoni yang berada di Mekah ketika itu.

Peristiwa ini berlaku pada tahun 1323 Hijrah (1905 Masehi). Wan Ahmad dalam jawapan yang panjang lebar menjelaskan bahawa ada beberapa tingkatan majzub dan bagi beliau hal itu adalah suatu yang mungkin terjadi jika Allah s.w.t menghendakinya. Beliau juga menerangkan bahawa beliau pernah menerima toriqat Ahmadiyah, *"Tetapi sekarang belum hamba merasakan jazbah, seperti orang yang pernah merasainya"*.[1]

Di Ampangan, Negeri Sembilan, Hj Muhammad Said Al-Linggi mengajar toriqat secara terbuka kepada orang awam. Beliau mengembangkan toriqat Ahmadiyah di beberapa tempat antaranya iaitu di Kedah, Kelantan, Terengganu, Singapura, Saigon, Ayuthia (Thailand), Burma dan Pulau Riau . Masjid Haji Jamaluddin di Ayuthia, utara Bangkok yang beliau asaskan sempena nama bapa beliau masih kekal hingga hari ini. Hasil usaha beliau mengikut kiraan yang tidak rasmi, pengikut toriqat Ahmadiah di Negeri Sembilan sahaja telah berjumlah lebih 75% dari jumlah penduduk negeri tersebut. Hj. Muhammad Said Al-Linggi pernah bersahabat dengan Syeikh Ismail Lundang Paku yang merupakan murid kepada Tuan Tabal. Perlu dimaklumkan bahawa ketika itu Tuan Tabal telah pun meninggal dunia.

Adapun Tok Shafi'e Kedah bermastautin dan mengajar di dalam Masjidil Haram, Mekah. Ramai para ulama' dari Nusantara pernah mengaji ilmu Tasawwuf dan sebahagiannya mengambil Ijazah toriqat Al-Ahmadiyyah daripada beliau. Antaranya ialah Hj. Ismail bin Idris yang merupakan datuk kepada Syeikh Mahmud.

Toriqat Ahmadiyyah Qadiriyyah

Syeikh Mahmud menamakan toriqat yang didokongnya sebagai Ahmadiyyah Qadiriyyah sempena asuhan amalan toriqat Ahmadiyyah yang diterima daripada datuknya Hj Ismail bin Hj Idris sanad berasal dari Tok Syafi'e Kedah) sejak kecil dan sanad zahir toriqat Ahmadiyyah yang diperolehinya daripada Tok Ayah Said ketika beliau berumur 28 tahun. Manakala Qadiriyyah merujuk kepada gurunya di alam jazbah iaitu Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, pengasas toriqat Qadiriyah. Oleh kerana beliau amat mengkagumi kewibawaan Syeikh Ahmad Idris dalam menghayati perjalanan kesufian dan menghormati serta mengasihi Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, beliau letakkan nama tokoh tersebut sebagai nama toriqat nya.

Tujuannya supaya manusia menghayati kesungguhan serta perjuangan kedua tokoh ini di dalam mencari keredhaan Allah s.w.t.

Bagi beliau yang telah berpengalaman 40 tahun dalam jazbah sejak 1390 Hijrah hingga tahun 1430 Hijrah, sebenarnya istilah toriqat itu sendiri perlu difahami dengan jelas. Toriqat bukanlah terhad kepada amalan seperti wirid dan zikir sahaja, tetapi ia adalah kita mengamalkan syariat dengan bersungguh-sungguh iaitu melakukan yang wajib, sunat mengikut kemampuan, meninggalkan yang haram dan makruh serta menjauhi yang sia-sia di bawah asuhan seorang a'rifbillah sebagaimana para sahabat mengamalkan syariat di bawah bimbingan dan asuhan seorang A'rifbillah yang paling sempurna dan agung iaitu junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w.

Dengan toriq inilah syeikh akan mengasuh muridnya dalam memperbaiki diri serta mempertingkatkan taqwa sedikit demi sedikit secara mujahadah[1] dan riadhoh[2] latihan berdasarkan pengalamannya yang bersesuaian dengan zaman tersebut. Contohnya jika hendak main bola maka akan diberi riadhoh untuk bermain bola dan jika hendak pandai berenang maka akan diberi riadhoh untuk berenang. Perkara ini pernah dinyatakan oleh Syeikh Mahmud dalam salah satu syarahannya iaitu:

> *"Perjalanan saya muafakat dengan perjalanan Maulana Ilyas r.a. Pengasas Jemaah Tabligh, Ahli Zaman Abad 14 Hijrah dari segi menghancur hati kepada Allah s.w.t cuma caranya berbeza tetapi matlamatnya sama. Umpama nelayan yang menangkap ikan di lautan dengan matlamat hendak menjadi jutawan, tauke kilang yang membuka kilang kerana hendak menjadi jutawan dan peladang yang berladang dengan tujuan hendak menjadi jutawan juga. Walaupun cara mereka bekerja berbeza tetapi mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu hendak menjadi jutawan!".*

Syeikh Mahmud sentiasa mendidik murid-muridnya melalui riadhoh yang bersesuaian pada zaman ini untuk mendapat kekuatan zikir. Kerana itulah para guru mursyid dan murabbi yang memimpin sesuatu toriqat menggunakan pengalaman mereka untuk membimbing murid-murid mereka mengikut susunan aturcara yang bersesuaian dengan tahap murid-muridnya di zaman pimpinan mereka di samping mengamalkan istighfar,

[1] Mujahadah ialah memerangi hawa nafsu dalam segenap aspek, setiap saat dan setiap keadaan.
[2] Riadhoh ialah latihan mengamalkan syariat dan toriq.

selawat dan zikir. Perubahan yang dilakukan adalah di atas kebijaksanaan mereka untuk melatih muridnya. Atas dasar inilah Syeikh Mahmud yang telah menerima asuhan dan pengajaran daripada guru beliau Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di alam ghaib telah membuat sesuatu susunan tertib bagi membentuk manusia supaya mendekati Allah. Bermacam cara telah di cuba oleh beliau baik dari segi bacaan, aturcara suluk dan penghayatan bagi mencapai matlamat tersebut yang bersesuaian dengan syariat dan sunnah .

Sebahagian perkara yang kerap ditekankan oleh Syeikh Mahmud ialah asuhan Nabi Khidir a.s. melalui kata-katanya:

> *"Jadilah kamu hamba Allah sehamba-hamba Allah. Jika orang bertanya siapakah yang banyak dosa, engkaulah yang paling banyak dosa"*.

Begitu juga dengan asuhan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani menerusi kata-katanya:

> *"Ketaqwaan yang tinggi, meruntuhkan kesombongan di muka bumi".*

Ini bermakna ketinggian takwa amat dititik beratkan. Begitu juga kata-kata beliau iaitu:

> *"Kita tidak menentang sains dan teknologi kerana ia adalah rahmat Allah s.w.t. tetapi kita menentang kekufuran dan kesyirikan di dalam sains dan teknologi"*.

Bermakna beliau memberi penekanan terhadap penentangan kekufuran dan kesyirikan dalam segenap aspek untuk mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah. Menurut Syeikh Mahmud lagi, untuk melayakkan seseorang itu dapat mencapai kesufian hendaklah mereka sentiasa merendahkan diri serta menghina diri kepada Allah dan juga bersikap tawadhu' terhadap orang-orang Allah, rahsia perkara ini hanya akan diperolehi melalui proses bersohbah (berdamping) dengan para Ahlullah.

Dalil-dalil Karomah yang disepakati Ahlu Sunnah Wal-Jamaah

Terdapat dalil di dalam Al-Quran dan Al-Hadis yang menyebut tentang karomah Auliya'ullah.Tidak ada seorang pun yang menyangkalnya daripada

golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Hanya golongan Mu'tazilah sahaja yang menolaknya dengan alasan bahawa manusia akan menjadi lemah sekiranya mereka menerima karomah Auliya'ullah kerana tidak ada perbezaan lagi di antara karomah dan mukjizat.

Dalil Daripada Al-Quran

i. Firman Allah s.w.t :

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا ٱلْمِحْرَابَ وَجَدَ عِندَهَا رِزْقًا ۖ

قَالَ يَٰمَرْيَمُ أَنَّىٰ لَكِ هَٰذَا ۖ قَالَتْ هُوَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ

"Setiap kali Zakaria masuk untuk menemui Maryam di mihrabnya, ia dapati ada makanan di sisinya. Zakaria bertanya dari mana kamu memperolehi makanan ini? Maryam menjawab makanan itu dari sisi Allah". (Surah Ali-Imran ayat 37).

Tidak ada sesiapapun yang masuk ke mihrabnya *(tempat ibadah).* Apabila Nabi Zakaria keluar daripada Mihrab Maryam, beliau menutup dan menguncinya. Makanan yang berupa buah-buahan pada musim panas didapati pada musim sejuk dan makanan pada musim sejuk didapati pada musim panas.

ii. Begitu juga dengan kisah Wazir Nabi Sulaiman yang bernama Asif bin Barkhia yang dapat mendatangkan istana Balqis yang jaraknya dua bulan perjalanan hanya dengan sekelip mata dengan berkat doa:

يَا اِلهَنَا وَاِلهَ كُلِّ شَيْءٍ اِلهاً وَاحِدًا لاَ اِلهَ اِلاَّ اَنْتَ

Peristiwa ini Allah s.w.t rakamkan di dalam firmannya:

قَالَ ٱلَّذِى عِندَهُۥ عِلْمٌ مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبْلَ أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ ۚ

"Berkata seorang yang dianugerahkan kitab di sisinya, aku boleh membawa istana Balqis kepada mu wahai Sulaiman dalam sekelip mata". (Surah An-Namlu ayat 40).

Walaupun kedua-duanya bukanlah nabi utusan Allah tetapi dapat menzahirkan karomah.

Dalil Daripada Athar Sahabat

i. Sayyidina Umar r.a pernah mengarahkan angkatan tentera Islam yang sedang dikepung oleh musuh dari jarak yang jauh lalu terucap

di lidahnya ketika sedang berkhutbah di Madinah!:

يَا سَرِيَّةَ الجبل الجبل !

maksudnya: *"wahai angkatan tentera Islam hendaklah kamu berlindung di atas bukit itu supaya kamu selamat"*.

Di dalam kisah Saiyyidina Umar ada dua karomah. Pertama, kasyaf beliau dapat melihat dari negeri yang jauh dan yang kedua suara Sayyidina Umar sampai kepada tentera Islam.

ii. Abdullah bin Umar pernah mengarahkan seekor singa yang menghalang manusia di jalan yang dilalui oleh orang ramai dengan katanya:

"Berundurlah kamu ! maka singa tersebut menggoyang-goyang ekornya lalu beredar dari situ".

Orang ramai pun dapat melalui jalan tersebut. Kata Abdullah bin Umar benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w:

مَنْ خَافَ اللهَ خَوَّفَ اللهُ مِنْهُ كُلَّ شَيْءٍ

Maksdunya: *"Barangsiapa yang takutkan Allah S.w.t maka Allah S.w.t akan takutkan daripadanya tiap-tiap sesuatu"*

Maka wajiblah bagi mereka yang mengaku mengikut Ahli Sunnah wal Jamaah beriman dengan karomah Auliya'ullah samada ia berlaku di tangannya sendiri atau di tangan orang lain sepertimana yang dijelaskan oleh Sayyidi Al-Yafi'e. Tidak sepatutnya bagi seseorang itu menyangkal pada keimanan dengan karomah para Auliya'ullah kerana ia harus dari segi akal dan juga terdapat nas dan dalil. Keharusannya dari segi akal kerana ia merupakan sesuatu yang *mumkinat* yang tidak mustahil di atas qudrat Allah s.w.t. Walaubagaimanapun, kata Syeikh Ali Khawwas r.h *"Auliya'ullah yang telah sampai kepada darjah al-Kamil merasa takut berlakunya karomah di tangan mereka.* Ketakutan itu akan bertambah sekiranya ia ditakuti menjadi *istidraj*".

Karomah dan Sihir

Perbezaan Antara Karomah Dan Sihir

Karomah ialah satu perkara yang mencarik adat yang hanya berlaku pada mereka yang bersungguh-sungguh mengikut dan berada di atas landasan syariat.

Sihir ialah satu perkara yang mencarik adat yang berlaku pada orang yang fasiq, zindiq dan kafirin yang bukan berada di atas landasan syariat. Justeru itu Sayyidi Al-Yafi'e di dalam membahagikan manusia yang engkar dengan karomah kepada tiga golongan:

1. Mereka yang menolak karomah Auliya'ullah mentah-mentah iaitu golongan Mu'tazilah.
2. Mereka yang membenarkan karomah Auliya'ullah terdahulu tetapi mendustakan karomah Auliya'ullah yang berlaku pada zamannya.
3. Mereka yang membenarkan bahawasanya bagi Allah s.w.t terdapat Auliya'ullah pada zamannya tetapi tidak membenarkan ianya berlaku pada orang-orang tertentu.

Pembahagian Karomah

Karomah terbahagi kepada dua:

1. *Hissiyyah*
2. *Ma'nawiyyah*
    1. ***Karomah Hissiyyah*** ini boleh dikenali walaupun dikalangan orang awam seperti perkhabaran tentang perkara-perkara yang akan berlaku, berjalan di atas air, terbang di udara dan doanya mustajab. Maka ini adalah Auliya' di sisi orang awam.
    2. ***Karomah Ma'nawiyyah*** ini hanya dikenal oleh golongan *khawwas* daripada Ahlullah yang besar dan yang mulia sahaja. Contohnya Allah s.w.t menjaga mereka dengan adab-adab syariat yang muafakat dengan akhlak yang mulia, menjaga mereka dengan melaksanakan ibadah-ibadah yang wajib dan sunat, bersegera melakukan kebaikan, menyucikan hati daripada sifat-sifat yang tercela dan berbagai lagi. Maka inilah sebesar-besar karomah di sisi orang-orang yang muhaqqiqin yang tidak dapat dikelirukan oleh tipu daya dan *istidraj*. Berbeza dengan karomah Hissiyyah yang berkemungkinan dikelirukan dengan tipu daya.

Kepentingan Mukjizat Dan Karomah

Sesungguhnya para nabi dan rasul menjadikan mukjizat sebagai satu hujah atau bukti kepada golongan musyrikin. Sementara para Auliya'ullah pula menjadikan karomah sebagai hujah atau dalil ke atas diri mereka untuk memperbaiki diri dan sebagai penambah ketenangan dan keyakinan. Kata Syeikh Izzudin bin Abdul Salam r.h:

> *"Sebahagian daripada dalil atau bukti di atas kebenaran dan juga mengesahkan perjalanan golongan sufiyyah serta keikhlasan mereka di dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t ialah berlakunya karomah dan perkara-perkara yang mencarik adat di tangan mereka".*

Begitulah yang berlaku kepada Syeikh Mahmud semasa beliau diperingkat *permulaan* mengharungi perjalanan kesufian iaitu peristiwa kebakaran yang pertama di Pekan Batu 5 Sik dan yang keduanya berdekatan rumah Harun Jusuh bekas wakil rakyat PAS.

Peristiwa Karomah Pertama

Pada suatu malam Syeikh Mahmud tidak dapat melelapkan matanya kerana mendengar suara sorakan jin dari arah Pekan Bt 5. Beliau menjangkakan sesuatu perkara yang tidak diingini akan berlaku. Lebih kurang pada pukul 1.30 pagi Syeikh Mahmud mendengar suara riuh rendah orang menjerit meminta pertolongan dari arah Pekan Bt 5 yang tidak berapa jauh dari rumah beliau. Maka Syeikh Mahmud segera bangun dan bergegas ke arah suara riuh rendah tersebut. Tibanya beliau di sana, beliau dapati kebakaran berlaku. Api yang sedang marak telah menghanguskan beberapa buah kedai milik peniaga-peniaga berketurunan Cina dan yang tinggal hanya kedai runcit kepunyaan Teik Ei dan kedai gunting rambut Husin. Lalu Syeikh Mahmud berkata: *"Teik Ei kamu jangan takut"*. Menurut Teik Ei, pada ketika itu perasaan takut dan cemas terus hilang dari diri mereka sekeluarga. Kemudian Syeikh Mahmud pulang ke rumah beliau dan mengambil segenggam pasir di halaman madrasahnya. Beliau terus pergi ke tempat kebakaran dengan berlinangan air mata dan melontarkan genggaman pasir ke arah api yang yang sedang marak. Maka, lontaran Syeikh Mahmud itu dengan kehendak Allah s.w.t telah meredakan api yang sedang marak membakar seterusnya beransur-ansur padam. Kemudian barulah pasukan bomba dari Gurun dan Guar Cempedak datang. Mereka hanya mengawal api dari terus merebak dan memadamkan bara api yang yang masih menyala. Hanya dua buah kedai sahaja yang terselamat daripada dijilat api di dalam kejadian tersebut iaitu kedai runcit Teik Ei dan kedai gunting rambut Hussin. Selepas itu, Syeikh Mahmud pulang ke rumahnya dan berdiam diri dan tidak ke mana-mana selama seminggu kerana beliau berasa malu kepada Allah s.w.t yang telah menzahirkan keagungan dan kebesaran di tangan beliau. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1978 Masehi.

Peristiwa Karomah Kedua

Peristiwa ini berlaku pada 12 Rabi'ul Awal sekitar tahun 80an semasa Syeikh Mahmud dan ahli jemaah beliau sedang mengadakan majlis sambutan Maulidul Rasul. Kebakaran ini berlaku berhampiran rumah Harun bin Jusuh bekas wakil rakyat PAS. Kebakaran ini berpunca daripada api kawasan berdekatan dengan rumah Harun Jusuh merebak dengan cepat atas faktor cuaca ketika itu. Pelbagai ikhtiar dan usaha telah diambil untuk memadamkan api tetapi, semuanya tidak berhasil. Teik Ei, yang pernah mengalami pengalaman yang sama telah mencadangkan supaya memanggil Syeikh Mahmud. Maka, Syeikh Mahmud datang dalam keadaan berkaki ayam dan kedua belah tangannya menggenggam pasir. Sesampainya di sana beliau terus meluru ke arah api yang sedang marak. Seorang wanita tua cuba menghalang Syeikh Mahmud dengan berkata: *"Awang! jangan pergi, api terlalu kuat"*. Beliau tidak mengendahkan larangan tersebut dan terus menuju ke arah api yang sedang marak dan melontar genggaman pasir di tangannya. Beliau menempik ke arah api seraya berkata: *"jadi......... !*. Maka dengan izin Allah s.w.t api yang marak tadi terus beransur lemah . Selepas itu beliau mengisyaratkan sesuatu kepada api dan api tersebut menuju ke arah tepi dan terus terpadam. Melihatkan kejadian itu membuatkan Syeikh Mahmud menangis berlinangan air mata ketika berjalan pulang. Beliau tidak keluar selama beberapa hari dari kawasan madrasahnya selepas orang ramai menyaksikan kejadian tersebut.



Gambar ini diambil semasa kunjungan Syeikh Mahmud ke Bangkok pada tarikh 28-6-1993 (1414H).



Bab 4

Sejarah Syeikh Mahmud Al-Majzub

مدرسة نور الإيمان

Sejarah Syeikh Mahmud Al-Majzub

Kelahiran Dan Keturunan

Syeikh Mahmud telah di puterakan pada malam Selasa 27 Jamadil Akhir 1362 Hijrah / 8 Julai 1943 Masehi di Kampung Kepala Parit, Jalan Tokai, Alor Setar, Kedah. Beliau telah dibukakan hijab oleh Allah s.w.t. pada 16 Rabiul Awal 1390 Hijrah / 1970 Masehi hari Jumaat jam 9.45 pagi selepas solat Dhuha dan dianugerahkan *jazbah*.

Beliau berasal daripada dua keturunan. Keturunan sebelah bapa berasal daripada keturunan Panglima Raja Legeh, iaitu kawasan selatan Pattani, Thailand. Manakala keturunan sebelah ibunya pula berasal daripada Raja Laos yang telah berhijrah ke daerah Sintok, Kedah.



Ayahanda Syeikh Mahmud,
Hj. Abdul Rahman Bin Hj. Ismail

Bapanya Hj. Abdul Rahman b. Hj. Ismail ialah seorang Ketua Kampung. Di samping itu, beliau turut mengajar ilmu fardhu ain kepada masyarakat setempat. Ibunya Hajah Puteh bt. Itam adalah seorang wanita solehah yang zuhud sehinggakan memadai baginya sehelai dua pakaian sahaja. Ibunya berkahwin dengan Hj. Abdul Rahman b. Hj. Ismail ketika berusia 14 tahun. Selepas berkahwin, beliau telah dididik oleh bapa mertuanya sehingga boleh membaca kitab dan mengajarnya pula. Ibu bapa Syeikh Mahmud juga merupakan guru Al-Quran di kampung mereka.



Bonda Syeikh Mahmud, Hjh. Puteh
Binti Hj. Itam

Keistimewaan Syeikh Mahmud telah dapat dilihat sejak dilahirkan lagi iaitu beliau dilahirkan dalam keadaan



Kg. Selarong Panjang Simpang Empat, tempat Syeikh Mahmud dibesarkan.



Syeikh Mahmud menunjukkan bekas tapak rumah datuknya Hj Ismail.

bersalut dengan sarung ketuban seperti mayat yang dikafan. Bidan yang menyambut kelahirannya adalah seorang yang mempunyai firasat yang dapat membaca petanda ini. Bidan itu mengatakan:

> *"Petanda yang ada pada budak ini, sekiranya dia pergi ke dunia, terkenallah dunianya. Sekiranya pergi ke akhirat terkenallah akhiratnya. Bersama-samalah kita lihat nanti."*

Nama Mahmud telah diberi oleh datuknya Hj. Ismail. Pada mulanya Hj. Ismail bercadang hendak memberi nama ini kepada anaknya sendiri tetapi beliau telah mendapat alamat daripada Allah s.w.t. bahawa nama Mahmud ini adalah untuk cucunya nanti.

Asuhan Datuk

Syeikh Mahmud sejak kecil telah dipelihara oleh datuk sebelah bapanya, Hj. Ismail b. Hj. Idris di Kampung Selarong Panjang, Jalan Kangkung, Simpang Empat, Alor Setar, Kedah. Beliau merupakan cucu kesayangan Hj. Ismail. Datuk beliau adalah seorang ulama' sufi yang mengamalkan Toriqat Al-Ahmadiyyah Idrisiah yang diambil daripada Tok Syafie Kedah ketika mengaji di Kota Mekah. Tok Syafie Kedah adalah seorang ulama' yang mengajar Tasawwuf di dalam Masjidil Haram dan merupakan murid Syeikh Ismail Nawab yang telah mencapai kewalian.

Menurut Syeikh Mahmud, datuk beliau adalah seorang yang berani, tegas, teguh pegangan agamanya dan kuat berzikir sehinggakan Jepun takut hendak masuk ke dalam kampungnya semasa mereka menjajah Malaysia, apatah lagi orang-orang yang nakal. Datuknya telah mengasuh beliau dengan pengajaran kesufian, iaitu sejak beliau berusia 3 tahun. Datuknya juga telah menerapkan pengajaran tauhid kepada anak cucunya dengan mengajar mereka nasyid:

> *"Allah, Allah... Allah, Allah.. Tuhan kami. Esa, Benar lagi Terang".*

Setiap kali mereka berkumpul nasyid ini akan didendangkan beramai-ramai. Mengingati Allah dalam setiap perbuatan adalah pengajaran kesufian Syeikh Mahmud yang pertama daripada datuknya yang soleh.

Hj. Ismail yang halus pemahaman kesufiannya telah mendidik Syeikh Mahmud sejak kecil supaya tidak terlibat dalam unsur-unsur syubhat. Syeikh Mahmud dilarang menjual batang pisang kepada orang Cina kerana

mereka menggunakannya untuk makanan khinzir mereka. Datuknya juga tidak akan menjual ayam peliharaannya kepada orang kafir melainkan beliau sendiri menyembelih ayam tersebut terlebih dahulu. Beliau tidak mahu ayam peliharaannya dimakan orang tanpa disembelih walaupun yang memakannya orang kafir. Syeikh Mahmud sejak kecil lagi telah diasuh oleh datuknya supaya bersesuaian dengan ahli agama seperti memakai kopiah putih dan mencukur rambut. Datuknya sangat berhasrat semoga beliau menjadi ahli agama. *'Semoga kau menjadi orang agama'* pesan Hj. Ismail kepada cucu kesayangannya itu.

Suasana ilmu dan ibadah sentiasa wujud di rumah datuk beliau kerana datuknya kuat berzikir *jahr* (dengan suara nyaring) di samping kelas pengajian Al-Quran dan ilmu fardhu ain yang diadakan setiap malam. Rumah datuknya juga sentiasa dikunjungi oleh para auliya', alim ulama', pelajar pondok dan orang-orang soleh seperti Tuan Guru Hj. Husin Dol, Abdullah Yaman dan lain-lain lagi. Syeikh Abdul Kadir Al-Mandili seorang ulama' terbilang juga pernah datang mengambil upah bekerja di bendang datuknya sewaktu beliau belajar pondok di Kedah. Daripada situ, Allah s.w.t. telah mendorong kepada Syeikh Mahmud untuk melihat peribadi mereka yang mulia ini.

Pada tahun 1953 Masehi datuknya, Hj. Ismail b. Hj. Idris kembali ke rahmatullah pada usia 69 tahun (lahir tahun 1884 Masehi dan meninggal tahun 1953 Masehi). Beliau meninggal dunia dalam keadaan berzikir. Menjadi kebiasaan datuk beliau untuk berzikir sebelum tidur. Pada suatu malam datuknya berkata *"Aku nak tidur sedap (nyenyak) malam ni."* Beliau berzikir seperti biasa dan meninggal dunia pada malam itu. Semasa pemergian arwah datuknya ke rahmatullah, Syeikh Mahmud berusia 10 tahun.



Tuan Guru Hj. Husin Dol r.a/Hj. Husin Chik Doi, Kedah. (1904-1967M)

Asuhan Haji Husin Dol r.a. (1904 -1967 Masehi)

Tuan Guru Haji Husin Dol adalah salah seorang sahabat datuknya dan mereka juga mempunyai hubungan kekeluargaan. Syeikh Mahmud memanggilnya dengan panggilan "Tok Long." Beliau merupakan seorang auliya' yang bertaraf *abdal* dan sangat akrab dengan Syeikh Mahmud kerana dia telah mengenali kewalian yang ada pada Syeikh Mahmud. Hj. Husin Dol merupakan seorang pejuang. Beliau telah mengepalai orang-orang Melayu bertempur dengan

Kumpulan Bintang 3 dari bangsa Cina yang mengamuk di Jenun pada tahun 1947 Masehi selepas zaman penjajahan Jepun.

Setiap kali wali *abdal* ini berjumpa Syeikh Mahmud, beliau akan memberi nasihat dengan berkata :
"Buat kerana Allah Mahmud!"

Pernah pada suatu petang, Syeikh Mahmud terserempak dengan beliau, lalu Hj. Husin Dol bertanya :

"Nak pergi mana Mahmud?"
"Nak pergi main bola," jawab Syeikh Mahmud.
"Oh, tak apa lah! Buat kerana Allah Mahmud," kata Husin Dol pula.

Syeikh Mahmud berasa pelik dengan nasihat Hj. Husin Dol. Fikirnya, *"Takkanlah nak main bola pakai seluar pendek pun kena kerana Allah"*. Nasihat Hj. Husin Dol ini menjadi tanda tanya kepada Syeikh Mahmud pada masa itu yang telah berusia sekitar 17 atau 18 tahun.

Semasa beliau menuntut di Nahdhoh, Tuan Guru Hj. Husin Dol selalu mengunjungi beliau dan menasihatinya. Nasihat yang sentiasa diberikan setiap kali bertemu tidak lain melainkan :

"Buat kerana Allah Mahmud".

Lama-kelamaan Syeikh Mahmud berasa hairan dengan kedatangan Tuan Guru Hj. Husin Dol yang kerap mengunjunginya. Setiap kali beliau balik dari mengaji beliau mendapati Hj. Husin Dol sedang tidur dalam pondoknya, kemudian bangun dan minta diri untuk pulang. Beliau hairan bagaimana Hj. Husin Dol boleh masuk ke dalam pondoknya padahal pondoknya sentiasa berkunci. Selepas terbuka hijab barulah beliau faham yang datang itu bukanlah jasad Hj. Husin Dol tetapi adalah kewaliannya r.a.

Hj. Husin Dol telah bermalam di rumah Syeikh Mahmud sebelum beliau bertolak untuk melanjutkan pengajiannya ke India pada tahun 1967. Selepas Syeikh Mahmud solat subuh berjemaah dengan Hj. Husin Dol, Haji Husin Dol telah mengadapkan mukanya kepada Syeikh Mahmud kemudian menundukkan kepalanya dalam keadaan menangis seraya berkata :

"Mahmud anak Tok Long walaupun Mahmud bukan anak Tok Long, Mahmud tetap anak Tok Long. Semoga Mahmudlah yang akan menyambung kerja-kerja Tok Long. Anak Tok Long kira perut."

Syeikh Mahmud berasa pelik dengan kata-kata Hj. Husin Dol tersebut. Timbul kemusykilan di dalam benak fikirannya terhadap kata-kata Tok Wali ini yang mengatakan beliau adalah anaknya walaupun bukan anak kandungnya dan kerja apa yang akan disambung.

Selepas Allah s.w.t. menganugerahkan *jazbah* kepada Syeikh Mahmud barulah terjawab segala kemusykilan beliau terhadap segala nasihat dan kata-kata Wali Abdal ini kepada beliau.



Sebulan selepas Syeikh Mahmud berangkat ke India, Tuan Guru Haji Husin Dol kembali ke rahmatullah ketika berusia 63 tahun.



Makam Hj. Husin Dol r.a di Guar Chempedak, Kedah.

Asuhan Rijalul Ghaib

Syeikh Mahmud dapat mengenali seseorang itu wali Allah atau tidak melalui suara bisikan *Rijalul Ghaib* ditelinganya. Suara itu akan memberitahu kepada beliau :

"Orang ini wali, orang ini tidak."

Menurut Syeikh Mahmud, *Rijalul Ghaib* adalah lelaki manusia biasa yang telah mencapai taraf ahlullah kemudian mereka ini Allah masukkan ke dalam alam kemalaikatan (tidak makan, tidak minum, tidak tidur dan tidak mempunyai syahwat jantina) tetapi bukanlah mereka menjadi malaikat. Mereka ini semuanya adalah tentera Khidir a.s. yang mendiami di Bumi Putih.

Ketika berusia 3 tahun, Syeikh Mahmud telah mendapat bimbingan daripada *Rijalul Ghaib*. *Rijalul Ghaib* telah mentalqinkan kepada beliau kalimah لا إله إلا الله محمد رسول الله *(laa ila ha illAllah Muhammadur Rasulullah)*. Mereka telah menyuruh Syeikh Mahmud berzikir dengan kalimah ini. *Rijalul Ghaib* juga mengasuh beliau untuk makan, minum dengan tangan kanan, memakai kasut dengan kaki kanan dahulu dan menanggalkannya dengan kaki kiri. Ringkasnya, pada usia ini beliau telah dididik oleh *Rijalul Ghaib* untuk menggunakan tangan kanan dan tangan kiri, kaki kanan dan kaki kiri dengan cara yang muafakat dengan Sunnah Rasulullah s.a.w

Semasa berkawat di padang sekolah beliau telah disuruh oleh *Rijalul Ghaib* supaya memulakan langkah dengan kaki kanan dahulu dan menyebut 'kanan kiri' tidak seperti yang dilakukan pelajar-pelajar lain. Pelajar-pelajar lain berkawat dengan memulakan langkah kaki kiri dahulu sambil menyebut 'kiri kanan.' Peristiwa ini berlaku semasa beliau belajar di Sekolah Melayu.

Rijalul Ghaib juga mengajar Syeikh Mahmud berdoa kepada Allah untuk apa jua hajat yang diingini, tujuannya supaya beliau lebih yakin dengan Allah.

Semenjak usia beliau 7 tahun lagi, Allah s.w.t. telah memperlihatkan kepada beliau melalui *Rijalul Ghaib*, Nabi Ibrahim a.s. sedang bersandar di *Baitul Makmur* setiap kali menghadiri kuliah bacaan kitab Isra' Mikraj di bulan Rejab yang diadakan di masjid atau surau pada setiap tahun.

Pernah suatu ketika, semasa beliau berusia 9 tahun, Syeikh Mahmud terlihat sarang burung tempua di atas pokok kelapa yang tinggi. Syeikh Mahmud yang dipanggil oleh datuknya sebagai 'Awang' sangat suka bermain dengan anak burung. Syeikh Mahmud berhajat

untuk mendapatkan anak burung di atas pokok kelapa yang tinggi itu. Lalu *Rijalul Ghaib* pun menyuruh Syeikh Mahmud berdoa kepada Allah. Beliau pun berdoa dengan berkata :

"Ya Allah turunkanlah angin bagi burung jatuh."

Selesai sahaja beliau berdoa, angin pun datang bertiup lalu terkabullah hajat beliau.

Datuknya yang melihat kebolehan cucunya itu berkata :

"Kamu ambil mana burung ni?"
"Langut tengok (pandang atas)... burung jatuh", kata Syeikh Mahmud.
"Hang (kamu) ni keramat!", sampuk datuknya pula.
"Keramat tak keramat, mana tahu, (tapi) anak burung ada dalam tangan." Ujar Syeikh Mahmud pula.

Semasa bermain sorok-sorok dengan kawan-kawannya, *Rijalul Ghaib* mengajar Syeikh Mahmud berdoa kepada Allah agar melindungi dirinya daripada pandangan rakan-rakannya. Akhirnya rakan-rakan Syeikh Mahmud tidak dapat mencarinya walaupun Syeikh Mahmud ada di hadapan mereka.

Pada suatu hari semasa bermain dengan kawan-kawan, Syeikh Mahmud telah bercakap dengan Fadhil, salah seorang kawannya.

"Hang nak tak aku ajar ilmu melesap (ilmu ghaib)?"
"Nak", jawab Fadhil.

Syeikh Mahmud pun mengajar Fadhil doa untuk menghilangkan diri, iaitu:

"Ya, Allah. Ya Tuhanku, lindungilah aku daripada pandangan kawan-kawanku".

Fadhil pun berdoa sebagaimana yang diajar oleh Syeikh Mahmud, tetapi doanya tidak dimakbulkan.

"Aku buat tak jadi pun", kata Fadhil.
"Mana aku tahu", ujar Syeikh Mahmud pula.

Pernah suatu masa, beliau bermain sorok-sorok di dalam telaga selepas hujan bersama rakan-rakannya. Apabila beliau masuk ke dalam telaga beliau pun membaca doa agar kawan-kawannya tidak boleh melihat dirinya. Akhirnya kawan-kawan beliau bergegas balik ke rumah dalam keadaan cemas kerana mereka menyangka bahawa Syeikh Mahmud telah mati lemas selepas mereka puas mencarinya tetapi tidak ditemui.

Dengan asuhan datuk dan dorongan daripada *Rijalul Ghaib*, apabila usianya mencecah 7 tahun, beliau telah mula bersembahyang. Pernah suatu ketika sewaktu berumur 9 tahun, beliau telah tertidur selepas solat Maghrib sehingga terlajak ke larut malam. Semasa tidur itu *Rijalul Ghaib* telah membuka gambaran api neraka kepada beliau di dalam mimpinya, lalu beliau pun terjaga dalam ketakutan dan teringat solat Isyak belum ditunaikan lagi. Beliau pun bangun lalu berwudhu' dan menunaikan solat Isyak. Semenjak itu, beliau tidak pernah meninggalkan solat.


Zaman kanak-kanak Syeikh Mahmud tidak tercemar dengan amalan yang tidak bermoral kerana mendapat kawalan dan bimbingan daripada *Rijalul Ghaib*. Sekiranya beliau terjerumus melakukan perkara yang tidak baik, *Rijalul Ghaib* akan mempamerkan kepada beliau gambaran api neraka lalu beliau pun menjadi takut. Semenjak itu beliau akan berhati-hati agar tidak melakukan perkara yang bercanggah dengan syariat.

Pada tahun 1956 Masehi ketika Syeikh Mahmud belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Syeikh Mahmud pernah menziarahi makam Tok Kenali[3], seorang ulama' dan wali Allah yang terkenal di Alam Melayu. Semasa menziarahi makam ini *Rijalul Ghaib* telah memberi teguran terhadap pemikiran beliau pada masa itu. Pada mulanya Syeikh Mahmud terfikir :

> *"Buat apa aku nak minta daripada dia (Tok Kenali[1]), dia pun dah mati, bukan boleh buat apa-apa pun lagi."*

Tiba-tiba beliau terdengar suara *Rijalul Ghaib* yang berkata:

> *"Bukan macam itu Mahmud, bila kita datang ziarah makam orang-orang soleh, kita hadiahkan bacaan Al-Quran pada mereka kemudian bacalah doa sebegini "Ya, Allah, kau anugerahkanlah kepada hambaMu ini keimanan, ketaqwaan dan kesolehan sebagaimana keimanan, ketakwaan dan kesolehan yang telah Kau anugerahkan pada mereka."*



Hj. Muhammad Yusuf Bin Ahmad Al-Kelantani/ Tok Kenali. (1871-1933M)

[3] Nama sebenar Tok Kenali ialah Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad al-Kalantani, lahir pada 1287 H/1871 M, wafat Ahad, 2 Syaaban 1352 H/19 November 1933.



Makam Tok Kenali.

Rijalul Ghaib telah mengajar beliau adab menziarahi makam para solehin dan yang paling penting ialah supaya kita jangan syirik dengan makam-makam orang soleh sebagaimana yang dilakukan oleh manusia-manusia yang jahil dan taksub dengan wali-wali Allah. Syeikh Mahmud amat tidak menyenangi sikap sebahagian kaum muslimin yang keterlaluan ketika menziarahi makam para auliya' sehingga membuat amalan *bid'ah* dan syirik.

> ***"Mereka ini hanya mencari para auliya' yang sudah meninggal dunia tapi tidak mahu mencari para auliya' yang masih hidup, seolah-olah mereka mahu auliya' yang sudah meninggal itu hidup semula dan membimbing mereka, kalau begitu lebih baik minta Rasulullah s.a.w. hidup semula untuk membimbing kita, ini lebih afdhol!"***

Ucapan ini merupakan salah satu peringatan yang sering dinyatakan oleh Syeikh Mahmud dalam syarahan-syarahan beliau.

Selepas beliau disingkap *hijab* (tabir yang mendindingi seseorang daripada melihat kebesaran dan keagungan Allah), *Rijalul Ghaib* masih memberi bimbingan kepada beliau. Pernah satu masa ketika menunggang

basikal beliau terjumpa bangkai seekor kera di tengah jalan. Syeikh Mahmud tidak mengendahkan bangkai itu dan terus mengayuh basikalnya. Tiba-tiba *Rijalul Ghaib* telah memiat telinganya dan menyuruh beliau berpatah balik dan membuang bangkai kera itu.

Rijalul Ghaib sentiasa mengejutkan beliau pada waktu malam untuk bertahajud. Semenjak kecil, Syeikh Mahmud hanya menuruti sahaja segala arahan *Rijalul Ghaib* tanpa membantah tetapi apabila pemahaman kesufian beliau semakin matang, perubahan telah berlaku dalam cara beliau melaksanakan arahan mereka. Contohnya, sewaktu beliau sedang berkhalwat di Gua Bukit Enggang, *Rijalul Ghaib* telah mengejutkan beliau untuk bersolat tahajud. Apabila bangun daripada tidur, beliau tidak terus bersolat tahajud seperti biasa tetapi hanya membaca istighfar sehingga basah pakaiannya dengan air mata kerana 'hancur hati' kepada Allah. Selepas itu barulah beliau bersolat sunat, itupun sekadar 2 rakaat sahaja tetapi solat yang dilakukan itu penuh dengan kesyukuran dan hancur hati kepada Allah, kerana solat ini dilakukan benar-benar kerana Allah. Kadang-kadang Syeikh Mahmud langsung tidak solat sunat tahajud kerana asyik menangis mengingati Allah. Padanya bertahajud itu bukan matlamat tetapi tahajud itu hanya laluan untuk sampai matlamat. Matlamat sebenar ialah Allah, kata Syeikh Mahmud.

Istighfar yang beliau baca ialah:

أَللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيْرًا كَبِيْرًا وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ

فَاغْفِرْلِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الغَفُورُ الرَّحِيمُ

"Wahai Allah! Sesungguhnya daku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak lagi besar dan tiada yang mengampuni segala dosa kecuali Dikau. Maka ampunilah daku dengan keampunan dari sisiMu serta rahmatilah daku. Sesungguhnya Dikaulah Zat Yang Maha Pengampun Lagi Maha Pengasih."

Istighfar ini merupakan salah satu istighfar yang Rasulullah s.a.w. ajarkan kepada Saiyyidina Abu Bakar As-Sidiq r.a.

Sekolah Melayu

Pada tahun 1951 Masehi ketika berusia 8 tahun, Syeikh Mahmud mula masuk ke alam persekolahan. Sekolah pertama beliau ialah Sekolah

Melayu Simpang Empat Kangkung, Alor Setar, Kedah. Beliau belajar di sekolah ini sehingga ke tahap Kelas Lima (1956 Masehi).

Ketika di Sekolah Melayu ini, sifat kepimpinan beliau mula menyerlah. Beliau telah dilantik oleh guru sebagai Ketua Murid. Pada setiap pagi sebelum memulakan pelajaran, sekolah akan mengadakan perhimpunan. Guru akan meminta Syeikh Mahmud dan dua orang rakannya untuk menyanyikan lagu yang mempunyai seni kata yang memberi nasihat dan perangsang seperti di bawah ini :

Waktu belajar jangan main-main,
Guru tunjuk ajar jangan ingat lain,
Menulis melukis buat sampai habis,
Membaca mengira cuba sampai jaya.

Ketika berada di dalam darjah 4 pada usia 11 tahun, kecenderungan beliau terhadap ahli sufi semakin meningkat. Semasa di alam persekolahan ini beliau telah terdedah dengan kisah Tok Habib, seorang wali Allah yang telah membunuh Chu Pandan. Chu Pandan adalah panglima negara Siam yang hendak menyerang Melaka di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Baginda Sultan telah memohon pertolongan daripada Tok Habib agar mempertahankan Melaka daripada diserang.

Tok Habib ini telah memperkenankan permohonan Sultan, lalu beliau memanah ke arah langit seraya berkata "Matilah Chu Pandan." Dengan izin Allah pada masa itu juga Chu Pandan yang berada di Siam tiba-tiba berasa sakit di dada dan akhirnya mati. Dengan kematian Chu Pandan ini, Siam pun membatalkan hasrat mereka hendak menyerang Melaka. Orang-orang Melaka telah mengabadikan peristiwa bersejarah ini di dalam pantun berikut :

Chu Pandan anak bubannya,
Hendak menyerang ke Melaka,
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Syeikh Mahmud telah tertarik dengan kehebatan yang ada pada wali Allah ini sehingga mampu menumpaskan kezaliman. Melalui kisah ini, Allah s.w.t. telah membuka minda beliau pada usia kanak-kanak lagi untuk menentang kezaliman.

Kini, dalam usianya yang matang, prinsipnya tak pernah luntur untuk menentang kezaliman. Beliau sering berkata :

"Selagi mana Mahmud Bin Abdul Rahman masih hidup,
dia akan menentang kezaliman!"

Pengajian Agama

Pada tahun 1956 Masehi, Syeikh Mahmud menamatkan persekolahannya. Selepas menamatkan pembelajaran di Sekolah Melayu beliau telah mendapat tawaran untuk menjadi guru pelatih di Derga, Alor Setar tetapi tawaran itu telah beliau tolak kerana sentiasa mengingati pesanan arwah datuknya agar menjadi orang agama. Beliau kemudiannya telah menyambung pelajaran di dalam jurusan agama di Madrasah An-Nahdhoh, Bukit Besar, Kedah yang lebih di kenali Pondok Tuan Guru Hj. Pak Man, Bukit Besar ataupun Pondok Nahdhoh. Syeikh Mahmud menuntut di sini selama 8 tahun bermula tahun 1956 Masehi sehingga tahun 1964 Masehi.

Syeikh Mahmud memasuki sistem pengajian pondok[4] ketika berumur 12 tahun. Dengan usia yang sebegini muda, beliau telah mula terdedah dengan hidup berdikari. Suasana hidup di pondok yang serba daif telah membentuk peribadi beliau untuk menjadi manusia yang cekal.

Pengajian yang dijalankan di pondok Nahdhoh berasaskan dua sistem iaitu sistem *'umumi* dan *nidzomi*.



Madrasah An-Nahdhah, Bukit Besar/ Pondok Pak Man Bukit Besar.

---

[4] Sistem pondok ialah satu sistem pengajian yang mana para pelajar akan tinggal di dalam pondok-pondok kecil yang mereka bina dengan perbelanjaan sendiri ataupun yang diwakafkan. Kebiasaannya pondok-pondok itu berukuran dalam 3 meter lebar dan 4 meter panjang bahkan ada juga yang lebih kecil daripada itu. Di dalam pondok inilah para pelajar akan menyimpan barang-barang mereka seperti kitab-kitab, pakaian, peralatan memasak dan lain-lain lagi. Mereka akan mentelaah kitab, muzakarah ilmu dengan kawan, tidur dan makan di dalam pondok tersebut. Selalunya satu pondok dihuni seorang atau dua pelajar sahaja. Kebiasaannya Tuan Guru tidak menggalakkan satu-satu pondok didiami oleh ramai pelajar kerana bimbang mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pelajaran kerana asyik berbual sesama sendiri. Orang yang memasuki sistem pengajian ini akan terdedah untuk hidup berdikari seperti memasak makanan sendiri, membasuh pakaian sendiri bahkan ada juga yang terpaksa menanggung perbelanjaan sendiri walaupun ketika awal usia belasan tahun atas faktor ekonomi. Tidak hairanlah kebanyakan pelajar lepasan pondok ini bukan sahaja memiliki ilmu agama tetapi mereka juga boleh bertukang, bercucuk tanam, berniaga, membuat jala dan lain-lain lagi.

Mahmud Lebai

Di Pondok ini, Syeikh Mahmud terkenal dengan akhlak yang baik dan kesungguhan dalam menuntut ilmu serta kewarakannya sehingga dikenali dengan panggilan 'Mahmud Lebai'. Beliau seorang sahaja di Pondok Nahdhoh ini yang sentiasa mencukur kepala dan berkopiah putih kerana telah diasuh sebegini oleh datuknya semenjak kecil lagi. Beliau juga rajin berkhidmat membersihkan surau, membentangkan tikar mengkuang setiap kali masuk waktu untuk bersolat dan menggulungnya selepas menunaikan solat.

Sekiranya pengajian tamat hampir waktu solat Zuhur, beliau tidak terus pulang ke pondoknya seperti yang dilakukan oleh rakan-rakannya untuk menanak nasi. Selepas menunaikan solat Zuhur, barulah Syeikh Mahmud pulang ke pondoknya untuk menanak nasi dan makan. Beliau sangat tertib dalam menjaga solatnya dan akan segera mengerjakan solatnya apabila masuk waktu solat.

Makna Lebai



Allahyarham Ustaz Hamzah Bin Abdul Rahman

Menurut Allahyarham Ustaz Hamzah, rakan persekolahan beliau, seorang tokoh agama negeri Pulau Pinang, kewarakan dan akhlak yang ada pada Syeikh Mahmud bukan dibuat-buat tetapi akhlak ini adalah tabiat beliau. Gelaran Mahmud Lebai adalah satu pengiktirafan dan penghormatan masyarakat terhadap beliau apabila mereka melihat kewarakan, kezuhudan, ibadah dan akhlak yang baik yang terdapat pada diri beliau. Pengiktirafan ini diberi bukanlah sempena kelahiran orang besar-besar seperti gelaran Dato', Dato' Sri atau Tan Sri dan lain-lain lagi yang dianugerahkan oleh Yang Di Pertuan Agong atau Sultan kepada seseorang sempena hari keputeraan mereka.

Menurut beliau kalimah lebai ini adalah diambil daripada perkataan لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ *(lab baikAllah humma labbaik)* ertinya *Wahai Allah aku menerima seruanMu yang disebut oleh orang yang mengerjakan haji*. Maknanya orang yang digelar dengan '**Lebai**' ialah orang yang menerima seruan Allah sebab itulah orang yang kuat beragama digelar lebai oleh masyarakat dahulu kerana mereka menganggap orang itu mulia di sisi Allah, ujarnya lagi.

Pemeliharaan Allah

Allah s.w.t. telah menghindarkan beliau daripada kejahatan nafsu syahwat jantina dengan meletakkan perasaan malu yang tebal terhadap orang perempuan. Dikatakan beliau tidak bercakap dengan pelajar perempuan di dalam kelas apatah lagi untuk bergaul bebas dengan mereka. Sekiranya ibu beliau hendak menghalang beliau daripada berjalan ke rumah orang, ibunya akan berkata: "Di rumah orang itu ada anak dara." Apabila Syeikh Mahmud mendengar kata-kata ibunya itu, dia akan membatalkan hasratnya untuk pergi ke rumah orang tersebut. Pernah berlaku semasa usianya 17 tahun seorang remaja perempuan memegang tangan beliau, dengan tiba-tiba terus sahaja seluruh badan beliau menggigil dan berpeluh seraya mulutnya berkata:

"Sesungguhnya Aku takutkan Allah."

Allah s.w.t. juga telah memelihara beliau sejak kecil lagi daripada memakan makanan yang boleh menjumudkan (melembabkan perjalanan kerohanian) seperti udang, ketam, kerang dan sotong. Beliau akan sakit perut dan muntah-muntah sekiranya memakan makanan ini. Pernah ibunya memasak laksa yang kuahnya dimasukkan belacan. Apabila beliau menyuap laksa itu ke dalam mulut, terus sahaja beliau sakit perut dan muntah-muntah. Semenjak itu ibunya tidak menggunakan bahan-bahan tersebut sekiranya hendak menjamu beliau.

Dua minggu sekali, iaitu pada hari Khamis dan Jumaat, Syeikh Mahmud akan pulang ke rumahnya untuk membantu ibunya Hajah Puteh binti Itam untuk mengajar anak-anak kampung mengaji Al-Quran dan ilmu fardhu ain. Pada usia remaja ini, Allah s.w.t. telah mendorong beliau untuk berkhidmat kepada agama dengan kadar kemampuan yang ada pada beliau seperti berkhidmat di surau tempat pengajiannya dan menyebarkan ilmu apabila balik ke rumahnya.

Semenjak remaja, kezuhudan dan ketegasan beliau dalam memegang prinsip agama telah tergambar apabila Syeikh Mahmud tidak akan menjamah gulai ikan yang dimasak kerana beliau tidak setuju dengan sikap bapanya yang boros berbelanja membeli ikan yang mahal, iaitu di luar kemampuan pendapatan bapanya.

Sewaktu tidur di pondok, Syeikh Mahmud pernah bermimpi sedang mengajar dan memimpin manusia yang ramai yang semuanya berpakaian serba putih di dalam sebuah madrasah. Mimpi itu beliau alami ketika berusia 14 tahun. Sekarang barulah Syeikh Mahmud tahu bahawa mimpinya itu adalah gambaran yang Allah tunjukkan kepadanya keadaan pada masa



Syeikh Mahmud sedang mengajar di Madrasah Nurul Iman, Hulu Langat

kini. Madrasah yang beliau lihat di dalam mimpi itu ialah Madrasah Nurul Iman, Hulu Langat.

Sekitar usianya 17 dan 18 tahun, Syeikh Mahmud sudah terkenal dengan kewarakannya. Peribadi beliau tidak seperti rakan-rakannya yang lain yang akan mencuri-curi menonton filem Melayu atau Hindustan pada hujung minggu di pawagam Alor Setar, Kedah. Harga tiket wayang pada masa itu adalah sekitar 65 sen. Rakan-rakannya yang nakal ini selalu mengajak beliau mengikut mereka menonton filem namun Syeikh Mahmud sentiasa menolak permintaan mereka dan menghabiskan masanya dengan *mentelaah* kitab dan membaca Al-Quran.

Ketegasan dan keteguhan Syeikh Mahmud memegang prinsipnya menyebabkan rakan-rakannya menjadi begitu beriya-iya mengajak beliau sehingga ada yang ingin memberi tiket percuma, belanja makan dan meminjamkan pakaian kepada beliau. Ajakan yang beriya-iya dan bertalu-talu daripada rakan–rakannya, menyebabkan Syeikh Mahmud pernah sekali menuruti kehendak rakan-rakannya. Namun apabila beliau sampai di panggung, perasaannya begitu menyesal, marah dan tidak senang dengan tindak tanduk rakan-rakannya yang membawa perempuan. Sejak kejadian itu, beliau sentiasa menjauhi rakan-rakan tersebut.

Apabila pulang ke rumah, selepas menukar pakaian yang dipinjamkan oleh rakan-rakannya, beliau duduk dengan kain basahannya di perdu pokok kelapa sementara menunggu masuknya waktu Zohor. Tiba-tiba

Rijalul Ghaib menegur sikapnya:

> *"Mana t-shirt hitam dan seluar ketat awak tadi? Sekarang awak duduk di perdu kelapa pakai kain basah."*

Syeikh Mahmud memahami sindiran *Rijalul Ghaib* yang bermaksud bahawa pekerjaannya sebelum ini adalah pekerjaan yang sia-sia lalu beliau pun memohon keampunan daripada Allah s.w.t.

Di Pondok Nahdhoh ini beliau telah menuntut ilmu daripada Tuan Guru Haji Uthman Bin Haji Yunus[5] yang lebih dikenali Tuan Guru Lebai Man atau Pak Man Bukit Besar. Lebai Man pernah bercerita tentang Tok Khurasan yang pernah ditawarkan berkahwin dengan gadis Melayu. Tapi Tok Khurasan telah menolak pelawaan itu sambil berkata:

> *"Saya sayang saya punya benih mahu taruh pada orang Melayu."*



Tuan Guru Hj. Othman B. Hj. Yunus/Pak Man Bukit Besar (1904-1987)



Sheikh Mahmud bergambar bersama rakan sekelas, Kelas 7 (3 Thanawi) pada tahun 1964.

[5] Tuan Guru Lebai Man adalah murid Tuan Guru Hj. Abdullah Tahir dan pernah juga belajar hadis dan ilmu alat daripada Sayyid Hassan Al-Khurasani yang lebih dikenali sebagai Tok Khurasan semasa belajar di Kelantan.

Menurut Syeikh Mahmud, Tok Khurasan menolak dikahwinkan dengan gadis Melayu kerana melihat masyarakat Melayu yang masih hidup dalam *jahiliah*, jadi Tok Khurasan bimbang zuriatnya nanti akan turut tercemar dengan sikap *jahiliah* itu. Tok Khurasan adalah seorang wali Allah yang berasal dari Kabul, Afghanistan.

Sewaktu menimba ilmu di Nahdhoh, Syeikh Mahmud sudah mendisiplinkan dirinya dengan melakukan solat *istikiharah* memohon petunjuk daripada Allah s.w.t. dalam setiap pekerjaan yang hendak dilakukannya. Kebiasaannya untuk balik bercuti ke rumah ibu bapanya, beliau akan *beristikharah* terlebih dahulu. Pernah selepas melakukan solat sunat *istikharah* jawapan yang diterima beliau tidak diizinkan balik. Walaupun mendapat jawapan *negatif* tetapi pada hari itu, Syeikh Mahmud ingin mencuba untuk melihat apa yang akan berlaku kepadanya sekiranya beliau melanggar jawapan yang diterima dalam *istikharahnya* lalu beliau pun balik ke rumahnya di kampung. Apabila beliau sampai di rumah, ibunya Hajah Puteh telah memarahinya kerana balik bercuti.

Filem Ahmad Badawi



Sheikh Mahmud pada tahun 1964 ketika berusia 21 tahun setelah tamat 4 Thanawi di An-Nahdhoh.

Pada tahun 1961 Masehi, Syeikh Mahmud menonton filem Syeikh Ahmad Badawi di Panggung Cathay yang baru dibuka di Alor Setar, Kedah. Beliau berminat untuk menonton filem tersebut setelah diberitahu oleh ustaznya bahawa filem Ahmad Badawi ialah filem yang mengisahkan seorang wali Allah.

Beliau sangat tertarik melihat kezuhudan dan kesungguhan Ahmad Badawi beribadah di dalam filem tersebut. Setelah menonton filem itu, timbul suatu semangat serta keazaman baru Syeikh Mahmud :

"Aku hendak jadi Ahmad Badawi."

Lalu beliau pun bersungguh-sungguh lagi beribadah kepada Allah.

Belajar Di Kelantan

Selepas menamatkan pelajaran di peringkat 4 thanawi di Nahdhoh, beliau berazam hendak menyambung pelajarannya lagi kerana merasa dirinya masih kekurangan ilmu. Beliau berhasrat melanjutkan pengajiannya di Kelantan kerana negeri itu memang terkenal dengan pusat pengajian ilmu lebih-lebih lagi sistem pondok sehingga digelar "Serambi Mekah."

Memandangkan keluarga beliau bukanlah orang berada, tambahan pula pada masa itu ibunya sedang uzur, maka beliau telah bekerja mengambil upah bekerja di bendang (sawah) untuk mengumpul duit bagi tujuan melanjutkan pengajiannya. Beliau berjaya mengumpul duit sebanyak RM 60 dan dengan duit itulah beliau pergi ke Kelantan. Syeikh Mahmud tetap dengan pendiriannya untuk menyambung pengajiannya di Kelantan walaupun terdapat segelintir bapa saudaranya yang memujuk beliau supaya membatalkan hasratnya itu dan meminta beliau terus bekerja sahaja untuk membantu keluarga.

Pada masa itu, untuk pergi ke Kelantan daripada Kedah terpaksa menaiki keretapi yang akan masuk ke Thailand dan turun di Golok, Thailand. Dari Golok barulah ke Kelantan.

Pada tahun 1965 Masehi, Syeikh Mahmud mula mengaji di Kelantan ketika usianya 23 tahun. Pada mulanya Syeikh Mahmud mengaji di Madrasah Ahmadiah, Bunut Payung yang lebih dikenali dengan panggilan Pondok Bunut Payung. Di sana beliau tinggal di rumah ayah angkatnya, Tuan Guru Hj. Ahmad bin Ali, menantu tuan guru Haji Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad[6]. Tuan Guru Haji Abdullah Tahir merupakan pengasas pondok tersebut. Tuan Guru Haji Ahmad menganggap Syeikh Mahmud seperti anaknya sendiri kerana tertarik dengan peribadi dan kepintaran beliau. Walaupun mendapat perhatian daripada Tuan Guru, Syeikh Mahmud mendapati tempat itu tidak sesuai baginya kerana terdapat ramai pelajar perempuan.

Syeikh Mahmud kemudiannya bersuluk selama 7 hari 7 malam serta banyak membaca Al-Quran. Beliau memohon petunjuk daripada Allah s.w.t. agar menunjukkannya pondok yang paling sesuai untuk beliau menimba ilmu. Allah s.w.t. mengabulkan doa beliau dengan menunjukkan kepada beliau agar pergi ke Pasir Tumbuh yang juga di negeri Kelantan. Beliau kemudiannya berpindah ke Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah atau lebih dikenali dengan panggilan Pondok Pasir Tumbuh setelah mengaji di Pondok Bunut Payung selama 3 bulan.

[6] Tuan Guru Haji Abdullah Tahir B. Hj Ahmad 1897-1961, murid tua/muris senior Tok Kenali. Dikatakan pondok ini merupakan pondok yang berjaya melahirkan ramai ulama' yang terbilang.





Asrama pelajar Pondok Pasir Tumbuh.



Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah/Pondok Pasir Tumboh, Kota Bharu yang diambil pada 2008 masih lagi aktif hingga sekarang.

Di Pondok Pasir Tumbuh, Syeikh Mahmud terkenal dengan sikapnya yang selalu berpuasa, berjaga malam untuk bertahajud dan membaca Al-Quran. Suara beliau senantiasa kedengaran apabila beliau membaca Al-Quran bermula pukul 4 pagi hingga masuk waktu Subuh. Kebiasaannya pada awal pagi, Tuan Guru Hj. Mustapha dan adiknya Hj. Abdul Aziz[7] akan datang mengejutkan para pelajar dengan mengetuk pondok mereka untuk bersolat Subuh tetapi pondok Syeikh Mahmud tidak pernah diketuk sebab tuan guru tahu bahawa beliau telah bangun kerana mereka terdengar suaranya membaca Al-Quran.

Beliau telah mendisiplinkan dirinya untuk membaca Al-Quran setiap hari. Sekiranya beliau tidak berkesempatan membaca Al-Quran, beliau akan *mengqodho'* nya pada keesokan hari.

Syeikh Mahmud telah asyik dengan Al-Quran semenjak boleh membaca Al-Quran di usia yang kecil lagi. Beliau pernah bercita-cita untuk menjadi seorang *hafiz* tetapi cita-citanya ini tidak kesampaian. Apabila Allah s.w.t. membuka hijab beliau telah terdengar suara *ketuhanan* yang berkata :

> *"Sekiranya kau hafaz Quran Mahmud, kau akan membiarkan umat ini kerana kau sentiasa hancur hati sahaja."*

Beliau juga amat dikenali dengan sikapnya yang sangat rajin membaca kitab sehingga *mentelaah* 14 kitab dalam sehari. Kesungguhannya dalam menimba ilmu menyebabkan ayah angkatnya Tuan Guru Hj. Ahmad b. Ali bimbang beliau akan menjadi gila.

Mula Berselawat

Di Pondok Pasir Tumbuh beliau telah berkawan dengan seorang pelajar yang dikenali 'Man Kudung'. Syeikh Mahmud suka berkawan dengan Man Kudung kerana dia seorang yang miskin dan dilihat doanya mustajab. Ramai orang yang datang berjumpa rakannya ini kerana meminta air penawar dan air yang ditawar itu mujarab. Pada suatu hari Syeikh


[7] Tuan Guru Hj.l Abdul Aziz Pasir Tumbuh lahir pada tahun 1923 Masehi dan meninggal dunia pada tahun 1987 Masehi. Mengaji di Pondok Tok Kenali dan daripada Tuan Guru Hj. Abdullah Tahir di Pondok Bunut Payung sebelum mengaji di Mekah. Waktu kecil ayahnya meminta Tok Kenali meludah ke dalam mulut dia dan abangya Hj. Mustapha tetapi Tok Kenali enggan, beliau kemudiannya meludah di dalam bekas yang berisi air lalu diberi minum kepada 2 beradik ini.



Tok Wan Ali Kutan.

Mahmud ternampak kitab *Lum'atul Aurad* di dalam pondok Man Kudung. Beliau tertarik dengan amalan dan selawat-selawat yang terdapat di dalamnya. Syeikh Mahmud bertanya dimana beliau boleh memperoleh kitab itu dan berapa harganya. Man Kudung memberitahu bahawa kitab itu boleh dibeli di kedai kitab di Kota Bharu dan harganya hanya RM 1. Syeikh Mahmud pun membeli kitab itu.

Pada tahun yang sama, 1965 Masehi, Syeikh Mahmud mula mengamalkan selawat yang terdapat di dalam kitab *Luma'tul Aurad* yang disusun oleh Tok Wan Ali Kutan[8].



اينله بيراف
فوائد الابراد يغد نماكن
لمعة الاوراد
دعاء انتوق دنيا دان اخرة
اوله
شيخنا وان علي بن عبد الرحمن
كلنتن

Kitab Luma'tul Aurad yang disusun oleh Tok Wan Ali Kutan.

---

[8] Nama sebenar Hj. Wan Muhammad Ali Bin Wan Abdul Rahman, lahir di Kelantan tetapi sejak kecil beliau dibawa oleh ayah beliau menetap di Mekah, mengaji di Masjidil Haram dan akhirnya diberi kepercayaan mengajar di Masjidil Haram. Tok Kenali pernah mengaji daripada beliau. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Wan Ali Kutan. Kutan adalah nama kampungnya di Tumpat Kelantan. Beliau sezaman dengan Tuan Tabal, iaitu guru kepada Wali Qutub Ismail Lundang Paku.

Berjumpa Orang Majzub Di Bukit Panau

Apabila kawannya melihat beliau bersungguh-sungguh beribadah dan minat dengan perkara yang berkaitan dengan auliya', lalu suatu hari Man Kudung memberitahu Syeikh Mahmud:

> *"Awak nak jumpa Tok Wali, adik Mud? Kalau awak nak jumpa, ada seorang Tok Wali di Bukit Panau, Tanah Merah."*

Syeikh Mahmud kemudiannya naik ke Bukit Panau untuk bertemu dan meminta nasihat daripada seorang *majzub* bernama Shamsuddin yang dikatakan sebagai seorang Tok Wali oleh Man Kudung. Apabila bertemu orang *majzub* tersebut, beliau bertanya kepada Syeikh Mahmud akan hajatnya, lalu Syeikh Mahmud memberitahu bahawa dia inginkan amalan *"Nak buat kerana Allah."* Shamsuddin pun memejam celik matanya kemudian berkata:

> *"Oh Awang... awak dapat Selawat Tajalli. Awak ada anak isteri. Awak dalam kalangan masyarakat."*

Shamsuddin kemudiannya menulis Selawat Tajalli dan membacakannya kepada Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud mampu *menghafaz* Selawat Tajalli yang agak panjang walaupun Shamsuddin melafaznya hanya sekali. Selepas menerima selawat tersebut, hati Syeikh Mahmud terdetik hendak bersolat Zohor apabila turun dari Bukit Panau. Tiba-tiba Shamsuddin berkata :

> *"Eloklah Awang sembahyang di bawah.."(kerana di atas Bukit Panau tidak ada air).*

Syeikh Mahmud terkejut dengan apa yang dikatakan oleh Shamsuddin itu seraya hatinya berkata:

> *"Orang ini tahu isi perut aku."*

Semasa menuntut di Pondok Pasir Tumbuh, Syeikh Mahmud berkesempatan berdamping dengan seorang wali Allah bernama Tuan Guru Haji Ahmad @ Tok Bangkok[9], anak Tok Kenali. Tok Bangkok pernah datang ke Pondok Pasir Tumbuh kerana dijemput untuk menyampaikan syarahan sempena sambutan Maulid Nabi. Majlis tersebut telah dipengerusikan oleh Syeikh Mahmud. Tok Bangkok juga telah menasihati beliau agar membuat sesuatu kerana Allah.

[9] Tuan Guru Haji Ahmad B Hj. Muhammad Yusuf. Digelar sebagai Tok Bangkok kerana dikatakan pondoknya terdapat ramai pelajar daripada Bangkok, Thailand.

Semasa belajar di sini, pelajar-pelajar yang nakal berasa malu dengan Syeikh Mahmud kerana beliau pernah menegur sikap mereka yang nakal dan malas belajar.

Apabila tiba musim cuti pengajian di Pondok Pasir Tumbuh, beliau akan balik ke rumah ibu bapanya di Sungai Pau, Sik, Kedah. Pada masa itu ramailah kawan-kawannya datang mengunjungi beliau dan akhirnya mereka tertarik dengan peribadi beliau. Mereka telah mengikut cara beliau berpakaian, iaitu memakai kain sarung, berbaju teluk belanga @ baju Melayu, berkopiah putih dan mencukur rambut.

Salah seorang rakan beliau yang mengikuti beliau sehingga kini ialah Haji Daud atau lebih dikenali sebagai 'Pak Ngah Daud' kerana telah berkahwin dengan adik kedua Syeikh Mahmud yang bernama Halimah. Pak Ngah Daud mengatakan mereka cukup seronok sekiranya Syeikh Mahmud balik bercuti di kampung. Mereka suka berkawan dengan beliau kerana beliau pandai mengambil hati kawan-kawan serta tidak sombong walaupun keluarga beliau amat disegani masyarakat. Syeikh Mahmud juga turut menasihati kawan-kawannya supaya bersolat. Salah satu aktiviti kegemaran Syeikh Mahmud apabila balik bercuti ialah menangkap ikan dan masuk ke hutan untuk memburu. Menurut Pak Ngah Daud lagi, Syeikh Mahmud cekap menembak dan senapang yang digunakan adalah kepunyaan ayahnya sendiri.

Sewaktu mengaji di Kelantan juga, Syeikh Mahmud telah berdikari dengan menjual madu lebah dan kain batik apabila balik bercuti ke kampung halamannya. Kain batik itu beliau ambil daripada seorang Mak Cik yang berniaga di bandar Kota Bharu. Mak cik itu sangat mempercayai kejujuran beliau sehingga telah membenarkan beliau mengambil kain-kain itu tanpa perlu membayar terlebih dahulu. Selepas kain habis dijual barulah dijelaskan bayarannya. Selepas berguru dengan Ayah Said, beliau dapat mengetahui bahawasanya Mak cik ini adalah murid Tok Ayah Said qaddasallahusirrah. Duit keuntungan jualan kain ini beliau kumpul untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat seterusnya.

Beliau berazam untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi kerana kecintaan yang sangat tinggi terhadap ilmu. Sepanjang pembelajaran beliau di Kelantan, beliau banyak berdikari kerana tidak mahu membebankan orang tuanya di kampung tambahan pula mereka bukanlah keluarga yang berada. Demi menyara perbelanjaan semasa menimba ilmu, beliau sanggup pergi ke kampung asal keturunan beliau di Narathiwat, Thailand kerana mengambil upah bekerja di bendang. Semasa di situ, beliau telah menerima zakat padi. Kemiskinan dan kesusahan hidup yang dialami itu tidaklah mematahkan semangat beliau untuk menimba ilmu.

Pada Mac 1967 Masehi, Syeikh Mahmud telah melanjutkan pelajarannya ke India. Beliau bertolak ke India menggunakan wang sakunya sendiri sebanyak RM 2,000 hasil daripada perniagaan kain batik yang beliau jalankan.

Belajar Di India

Di India, Syeikh Mahmud belajar selama 4 bulan di Jami'ah Darul 'Ulum, Deoband, Uttar Pradesh dan kemudiannya berpindah ke Kolej Jamaliah di Madras kerana menghadapi masalah bahasa pengantar. Jamiah Deoband menggunakan bahasa Urdhu sebagai bahasa pengantar manakala Kolej Jamaliah menggunakan bahasa Arab. Ketika menuntut di Kolej Jamaliah, Syeikh Mahmud mendapat asuhan daripada seorang *Abdal*, Maulana Abdul Bari. Maulana Abdul Bari telah mengenali tanda-tanda kewalian yang ada pada Syeikh Mahmud dan pernah bertanya kepada beliau:

"Kau ambil mana Mahmud?"

Syeikh Mahmud yang tidak memahami maksud Maulana Abdul Bari, menjawab:

"Saya ambil dari pondok"

Lantas Maulana Abdul Bari menjawab :

"Ramai orang yang datang dari pondok tetapi tak macam awak."



Jamiah Darul Uloom, Deoband, Uttar Pradesh.

Kolej Jamaliah, Madras, India.



Bilik pejabat.

Kolam untuk mengambil wuduk.

Perkarangan di Kolej Jamaliah.



Bilik Kelas.

Setelah Syeikh Mahmud terbuka hijabnya, barulah beliau memahami soalan gurunya dan menyedari bahawa gurunya adalah seorang yang tinggi *kasyafnya* dan telah mengenali kewalian yang ada padanya.

Di Kolej Jamaliah ini, Syeikh Mahmud dilantik menjadi imam solat dan Ketua Pelajar Malaysia bagi mewakili pelajar-pelajar Malaysia ketika itu. Apabila beliau dilantik menjadi imam, Syeikh Mahmud lebih bersungguh-sungguh menjaga tingkah lakunya supaya tidak terjebak dengan amalan yang tidak bermoral. Timbul perasaan malu kepada Allah di dalam jiwa Syeikh Mahmud sekiranya beliau melakukan perkara yang tidak berakhlak dan kemudian akan memimpin manusia untuk menyembah Allah pula. Ini adalah kehalusan asuhan Maulana Abdul Bari dalam mendidik Syeikh Mahmud supaya beliau tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan.

Maulana Abdul Bari mendidik Syeikh Mahmud dalam perjalanan kesufian dengan banyak menggunakan kaedah *lisanul hal*, yakni di dalam tingkah laku seperti ketika sedang mengajar Maulana Abdul Bari akan menangis teresak-esak apabila bertemu dengan ayat-ayat yang menunjukkan keagungan Allah atau ancaman Allah.

Sewaktu belajar di Kolej Jamaliah ini, Syeikh Mahmud lebih bersungguh-sungguh belajar kerana terpengaruh dengan suasana ilmu yang subur, sehinggakan Syeikh Mahmud terasa seperti mandi tidak basah dan makan pun tidak sempat kerana asyik dengan ilmu.


Maulana Abdul Bari r.a.

Abu Al-Khair

Maulana Abdul Bari juga menggelar Syeikh Mahmud *"Abul Khair"* kerana pernah suatu ketika Syeikh Mahmud diminta memberi pandangan tentang pelajar-pelajar dari Thailand yang belajar di Jamaliah Kolej, tetapi peribadi mereka tidak disenangi oleh guru-guru kerana mereka tidak mengamalkan syariat. Mereka gemar memakai pakaian barat dan seluar jeans tetapi ingin belajar agama. Apabila Maulana Abdul Bari bertanya pandangan Syeikh Mahmud, maka pada masa itu juga Allah mempamerkan kewalian Syeikh Mahmud, lantas beliau menjawab:

"Mereka ini semuanya telah lama duduk dalam negara yang diperintah oleh orang-orang Buddha. Ini menyebabkan banyak amalan yang menyimpang daripada Islam mereka amalkan. Orang-orang

sebeginilah yang harus kita asuh, agar apabila mereka balik ke negara asalnya, mereka akan asuh orang lain untuk mendapat iman dan akhlak."

Maulana Abdul Bari terpegun dengan pendapat Syeikh Mahmud, lantas beliau berkata :

"Anta, Abul Khair" (kamulah Bapa Kebaikan)

Keistimewaan Selawat

Pada hari raya, rakan-rakan Syeikh Mahmud telah mengajak beliau bersiar-siar di bandar tetapi beliau menolak ajakan tersebut. Kemudian beliau duduk berselawat *tajalli* seorang diri sehingga menangis kerana hancur luluh hatinya mengenangkan baginda Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba penjaga kolej ternampak beliau menangis dan bertanya kenapa Syeikh Mahmud menangis. Syeikh Mahmud pun menjawab dia menangis kerana teringatkan suasana hari raya di negaranya.

"Pada hari raya kami akan menziarahi rumah-rumah jiran dan para guru, mereka akan menjamu kami makanan yang enak." kata Syeikh Mahmud kepada penjaga kolej.

Beliau memberi jawapan sebegitu kerana hendak menyembunyikan *dzaukiah* yang beliau rasai ketika berselawat.

Apabila penjaga kolej mendengar jawapan tersebut, beliau turut menangis dan telah mengarahkan tukang masak kolej memasak nasi briyani untuk menjamu pelajar-pelajar di situ terutamanya pelajar-pelajar dari luar negara. Apabila kawan-kawan Syeikh Mahmud pulang dari bersiar-siar di bandar mereka amat terkejut apabila mendapati pihak kolej mengadakan jamuan hari raya untuk pelajar. Mereka pun berasa seronok kerana dapat makan nasi briyani pada hari tersebut.

Semasa menuntut di India, Syeikh Mahmud telah berpeluang melihat peribadi para auliya' dan orang-orang soleh di sana, sama ada di Deoband atau di Kolej Jamaliah sendiri. Syeikh Mahmud berasa sangat kagum apabila melihat peribadi mereka yang sangat prihatin terhadap sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w. serta penghayatan mereka terhadap syariat. Manakala kaum wanita pula tidak kelihatan berpeleseran di bandar-bandar kerana mereka sangat menjaga maruah.

Kembali Dari India

Pada 27 Disember 1968 Masehi setelah 21 bulan menuntut di Kolej Jamaliah, Madras, Syeikh Mahmud pulang ke Malaysia. Beliau pulang dengan niat untuk menegakkan agama Allah di bumi Malaysia melalui mengajar. Beliau berazam hendak menghayati kehidupan orang-orang soleh yang telah beliau dampingi. Kepulangannya ke Malaysia adalah atas nasihat Syeikh Maulana Abdul Bari yang mengatakan bahawa kelebihan yang ada padanya tidak akan diperolehi atau dipelajari di mana-mana. Atas nasihat tuan gurunya itu, Syeikh Mahmud tidak meneruskan pengajiannya ke Mesir walaupun mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya di sana. Beliau pulang ke Malaysia dengan *Syahadah Afdhol Ulama'* (Bachelor of Arts / B.A.).





Syeikh Mahmud setelah tamat pengajian di Jamaliah College Madras (Disember 1968) ketika berusia 25 tahun.

Menyertai Parti Islam Se-Malaysia (Pas)

Sekembali dari India, Syeikh Mahmud meneruskan perjuangannya menegakkan Islam melalui landasan parti politik yang mengamalkan demokrasi iaitu PAS. Beliau aktif dalam parti ini kerana beliau adalah anak asuhan Tuan Guru Lebai Man dari Pondok Nahdhoh, iaitu Pesuruhjaya PAS, Negeri Kedah ketika itu.

Niat Syeikh Mahmud menyertai PAS bukanlah kerana hendak menegakkan PAS tetapi kerana hendak menegakkan Islam. Semasa dalam parti tersebut, beliau telah menegur ahli-ahli PAS melalui pidatonya supaya ahli-ahli PAS memperbaiki diri dan menghayati ajaran Islam sepenuhnya. Beliau juga menegur mereka yang hanya pandai bercakap sahaja tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam.

Menurut arwah Pak Ngah Hassan, bekas Setiausaha PAS salah satu kata-kata teguran Syeikh Mahmud ialah:

> *"PAS nak perintah cara Islam macam mana, kalau sembahyang pun tidak?"*

Arwah Pak Ngah Hassan menjadi antara murid terawal Syeikh Mahmud dalam perjalanan kesufian. Allahyarham Pak Ngah Hassan inilah yang membawa Syeikh Mahmud pergi menyampaikan pidatonya dalam PAS. Mereka pergi dengan menaiki motosikal Pak Ngah Hassan. Syeikh Mahmud cukup berani dan bersemangat dalam perjuangannya bersama PAS. Syeikh Mahmud telah menawarkan diri untuk menggempur tempat-

B I O D A T A



Hj. Hassan Bin Hj. Ishak/
Pak Ngah Hassan
(1930-2002)

- Pejuang PAS yang aktif dari tahun 1959 Masehi-1969 Masehi.
- Mula mengikut perjalanan Syeikh Mahmud pada tahun 1972 Masehi dan terus tinggalkan politik pada tahun 1984 Masehi.
- Setiausaha merangkap Bendahari bagi Madrasah Nurul Iman, Batu 5, Kedah mulai 1978 Masehi-2002 Masehi.

tempat yang menjadi kubu kuat UMNO. Di sana, Syeikh Mahmud telah menyampaikan pidato yang sangat berkesan sehinggakan ramai orang mula menyakini dan seterusnya menyokong PAS.

Walaupun begitu, kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin PAS tidak menyenangi pidato beliau. Ini kerana mereka tidak bersetuju dengan cara Syeikh Mahmud yang menegur ahli-ahli PAS melalui pidato tersebut terutamanya ketika kempen pilihan raya. Mereka berkata kepada Pak Ngah Hassan:

> *"Kita bukan nak ajak orang bersembahyang tapi nak ajak orang undi PAS, bila kita dah menang barulah kita ajak orang sembahyang."*

Akibat daripada perasaan tidak puas hati, akhirnya mereka tidak membenarkan Syeikh Mahmud berpidato lagi.

Semasa beliau bergerak aktif dalam PAS, parti ini telah berjaya menawan kawasan Sik dalam pilihan raya tahun 1969 Masehi. Walaupun beliau bertungkus lumus berkempen dalam pilihan raya tersebut bagi memenangkan PAS, namun jiwanya sentiasa bercelaru apabila melihat ahli-ahli PAS lebih menumpukan perhatian mereka terhadap politik berbanding penghayatan ajaran Islam, sehinggakan ada di antara ahli- ahli PAS sanggup meninggalkan solat akibat sibuk berkempen. Tidak lama kemudian, dengan berkat selawat yang diamalkan oleh Syeikh Mahmud dengan penuh keikhlasan semenjak di Pondok Pasir Tumbuh, maka beliau telah terdengar suara hatif:

> *"Mahmud sekiranya awak cinta Allah tinggalkan politik."*

Sejak dari peristiwa tersebut, beliau terus bertaubat daripada atur cara politik demokrasi dan menumpukan seluruh perhatiannya kepada atur cara mengislahkan diri dan beribadah.

Perkahwinan Yang Pertama

Setelah pulang ke Malaysia, beliau didesak oleh ibunya untuk berkahwin. Padahal secara peribadinya tidak terlintas langsung di hati Syeikh Mahmud untuk berkahwin kerana beliau sangat terpengaruh dengan peribadi Syeikh Ahmad Badawi. Mindanya sentiasa berfokus:

> *"Aku nak jadi Ahmad Badawi."*

Akibat selalu didesak oleh ibunya, beliau pun berdoa:

> *"Ya Allah! Sekiranya permintaan ibuku itu muafakat dengan keredhaanMu, kau tunaikanlah."*

Selepas berdoa Allah s.w.t. telah membuka pintu hatinya untuk menurut kemahuan ibunya tetapi dengan bersyarat :

> *"Kalau emak nak kahwinkan saya, carilah anak orang miskin bukan anak Tok Guru. Cari orang yang boleh ikut kita,"* kata beliau kepada ibunya.

Akhirnya pada hari Rabu bersamaan 4 Jun 1969 Masehi, Syeikh Mahmud berkahwin dengan isteri pertamanya, Jamaliah binti Othman atas pilihan ibunya. Apabila berkahwin dengan Jamaliah binti Othman, terdapat desas-desus daripada kerabat Syeikh Mahmud yang memerli beliau kerana berkahwin dengan wanita moden padahal Syeikh Mahmud seorang *wara'* dan berpendidikan agama. Lalu Syeikh Mahmud pun menjawab sindiran mereka dengan berkata:

> *"Kamu jangan panggil aku Mahmud, sekiranya aku tidak boleh mengasuh isteri aku menjadi wanita solehah."*

Pak Ngah Daud juga pernah bercerita bahawa Syeikh Mahmud pernah berkata kepada beliau:

> *"Daud, hari ini kamu lihat kakak kamu macam ini, tapi abang akan asuh dia semoga dia akan menjadi wanita yang solehah. Kamu tunggu tengok!"*

Pekerjaan awal Syeikh Mahmud ialah menoreh getah. Beliau belajar menoreh daripada isterinya. Beliau melakukan pekerjaan ini sehingga penghujung bulan November 1969 Masehi. Semasa menoreh getah, beliau banyak berselawat dan berzikir sehingga hasil susu getahnya sentiasa melebihi hasil susu getah isterinya walaupun bilangan pokok getah yang ditoreh adalah sama. Pernah suatu ketika, isterinya mengatakan bahawa kawasan pokok getah yang ditoreh oleh Syeikh Mahmud susu getahnya lebih banyak, lalu Syeikh Mahmud menyuruh isterinya menukarkan kawasan torehan dengannya. Esoknya, didapati jumlah susu Syeikh Mahmud tetap mengatasi jumlah susu getah isterinya walaupun mereka telah bertukar kawasan. Dari pengalaman inilah, isterinya, Jamaliah telah belajar tentang keberkatan selawat dan zikir dalam setiap pekerjaan yang dibuat.

Semasa beliau bekerja sebagai penoreh, terdapat segelintir masyarakat sekeliling yang menyindir beliau menoreh getah sedangkan

beliau berkelulusan tinggi dari luar negara. Syeikh Mahmud hanya berkata kepada mereka:

> *"Aku menoreh getah sama macam kamu, tetapi jiwa aku tidak sama macam kamu."*

Pada permulaannya, mereka hanya berjalan kaki ke kebun untuk menoreh, lama kelamaan mereka mampu membeli sebuah basikal.

Selepas Allah s.w.t. membuka hijab kepada Syeikh Mahmud, beliau telah terdengar suara ketuhanan yang berkata:

> *"Kami tambat kau di bumi agar kau kembali kepada manusia kalau tidak kau di kalangan orang yang hilang."*

Selepas mendengar suara ini barulah beliau faham kenapa beliau dikahwinkan.

Pengalaman Mak Wa

Jamaliah bt. Othman lebih dikenali dengan panggilan 'Mak Wa' di kalangan ahli jemaah Nurul Iman. Gelaran Mak Wa bermaksud Ibu Yang Tertua ataupun Yang Sulung. Sebahagian masyarakat Melayu Kedah akan memanggil anak pertama mereka dengan panggilan Wa yang bermaksud yang tertua. Oleh kerana Syeikh Mahmud adalah anak yang tertua di kalangan adik beradiknya maka isterinya telah dipanggil dengan gelaran Mak Wa.

Menurut Mak Wa, kehidupan awal mereka ketika tinggal di Batu Lima sering dihimpit kesusahan. Walaupun begitu, mereka tetap ceria, tambahan pula peribadi suaminya yang sangat tinggi dan tidak risau dalam permasalahan rezeki. Kebiasaannya, mereka makan nasi berlaukkan ikan sungai kerana Syeikh Mahmud rajin menangkap ikan di sungai. Pada setiap pagi, Syeikh Mahmud akan mengangkut air sungai dan memenuhkannya di dalam tong untuk kegunaan Mak Wa di rumah. Jarak sungai dari rumah mereka di Pondok Batu Lima adalah lebih kurang 500 meter. Kelahiran anak-anak mereka juga dibidankan oleh Syeikh Mahmud sendiri dan selama tempoh berpantang selepas bersalin, beliau jugalah yang bertanggungjawab merawat isterinya dan membasuh pakaian mereka dan anak-anak setiapkali sebelum pergi mengajar di Sekolah Agama Batu 8, Sik.

Asam Kelubi

Mereka berdua (Syeikh Mahmud dan Mak Wa) juga akan masuk ke hutan mencari buah asam kelubi untuk dijual. Biasanya Pak Ngah Daud turut serta mencari buah asam kelubi ini. Menurut Pak Ngah Daud, hasil jualan itu akan dibahagi tiga, satu bahagian untuk dia sendiri, satu bahagian untuk Syeikh Mahmud dan satu bahagian lagi untuk Mak Wa. Namun pada kebiasaannya Mak Wa akan menyerahkan bahagiannya kepada Syeikh Mahmud. Ini menunjukkan Syeikh Mahmud tidak menzalimi isterinya, beliau tetap menghargai jerih payah isterinya yang turut sama masuk hutan untuk mencari asam kelubi berdasarkan cerita Pak Ngah Daud.

Mak Wa juga membuat kuih untuk dijual. Kuih itu dijual sekeliling kampung oleh salah seorang murid Syeikh Mahmud yang bernama Abu Bakar yang sememangnya menjaja kuih setiap pagi. Beliaulah yang mencadangkan kepada Mak Wa supaya membuat kuih untuk dijual selepas merasai keenakan kuih yang dibuat oleh Mak Wa. Syeikh Mahmud juga ada menghadiahkan skaf yang dibelinya di Mekah kepada Mak Wa selepas balik daripada menunaikan fardhu haji yang pertama. Kemudian Mak Wa telah cuba meniru jahitan skaf tersebut dan akhirnya beliau telah berjaya menghasilkan skaf. Syeikh Mahmud memuji hasil kehalusan jahitan skaf yang dihasilkan oleh Mak Wa. Tidak lama kemudian, para ahli jemaah yang menetap di Johor Baharu telah menjual skaf yang dijahit oleh Mak Wa. Syeikh Mahmud juga pernah berhutang sebahagian wang daripada Mak Wa yang diperolehinya daripada hasil keuntungan jualan skaf ini bagi menampung perjalanan Syeikh Mahmud ke Mekah pada tahun 1981 Masehi. Apabila Syeikh Mahmud pulang dari Mekah, beliau telah melunaskan hutangnya kepada Mak Wa.

Syeikh Mahmud juga telah mendoakan Mak Wa dengan berkata:

> *"Awaklah isteri aku di dunia dan juga di akhirat."*

Doa ini dilafazkan selepas beliau terbuka hijab pada 16 Rabiul Awal 1390 Hijrah kerana beliau telah bertanya kepada Mak Wa:

> *"Aku sekarang ini tak macam orang lain lagi, aku akan masuk hutan (kerana akan menjalani latihan kesufian). Kalau awak nak balik duduk dengan orang tua awak, aku boleh hantar."*

Mak Wa telah menjawab bahawa beliau sanggup mengikut suaminya dalam apa jua keadaan sekalipun.

Mak Wa menceritakan walaupun mereka hidup dalam kedaifan, namun Syeikh Mahmud senantiasa membantu dan menghulurkan bantuan kepada ahli jemaah yang susah. Kebiasaannya apabila beliau mendapat gaji daripada tugas mengajar, maka beliau akan membeli beras dan menghantar kepada murid-muridnya yang susah. Beliau juga tidak lupa memberikan mereka ikan yang diperoleh hasil tangkapan di sungai. Menurut Mak Wa lagi, Syeikh Mahmud juga ada membuat pondok khas di bawah pokok durian untuk beribadah.



Rumah Hjh. Jamaliah Bt. Othman (Mak Wa) di Pondok Batu Lima, Sik

Haji Othman, ayah Mak Wa berasal dari Terengganu dan pernah belajar daripada Haji Abdul Rahman yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Selehong, di Kelantan. Selepas Syeikh Mahmud terbuka hijab, bapa mertuanya ini pernah bermuzakarah dengan Syeikh Mahmud tentang ilmu tasawwuf. Syeikh Mahmud telah bersyarah atas pelukan kewalian Tok Selehong. Haji Othman berasa kagum dan lantas berkata:

"Mahmud bersyarah sama seperti Tok Selehong."

Mengajar Ilmu Dan Silat

Pada Disember 1969 Masehi, Syeikh Mahmud mula mengajar di Pondok Haji Salleh, di Seberang Sik, Kedah. Muridnya adalah seramai 20 orang (16 perempuan dan 4 lelaki). Syeikh Mahmud mendapat sagu hati sebanyak RM 50 di atas sumbangannya mengajar di pondok tersebut. Beliau telah berkhidmat di sini selama setahun.

Sekitar tahun 1969 Masehi, Syeikh Mahmud mula berdakwah dengan menyampaikan ilmu. Syeikh Mahmud telah mengumpulkan pemuda-pemuda di sekitar Batu Lima dan mengajar mereka ilmu syariat yang Fardhu ain. Pada masa ini juga Syeikh Mahmud telah belajar ilmu persilatan dengan seorang guru yang berbangsa Jawa bernama Wak Dolah. Wak Dolah mempunyai hubungan persaudaraan dengan Syeikh Mahmud kerana berkahwin dengan sepupu Syeikh Mahmud. Silat yang dipelajari adalah Silat Lintar. Syeikh Mahmud telah mempelajari silat selama 40 hari 40 malam daripada puak-puak *khadam*. Walaupun hanya belajar dalam masa yang singkat, namun kecekapannya melebihi Wak Dolah iaitu gurunya sehingga gurunya itu kagum terhadap kecekapan yang dimiliki oleh beliau.

Sebenarnya Syeikh Mahmud mempelajari silat bukanlah untuk kemegahan tetapi untuk memupuk sifat berani dalam dirinya. Silat bukanlah menjadi matlamat utama beliau, namun ia dijadikan sebagai laluan untuk memupuk sifat keberanian dalam jiwanya sahaja.

> *"Saya mempelajari silat kerana nak menghilangkan perasaan takut. Orang yang hendak masuk perjalanan kesufian mestilah berjiwa berani kalau tidak, lambat. Saya berdoa kepada Allah minta dibukakan cara untuk menghilangkan perasaan takut, kemudian kaki bergerak dengan sendiri untuk bertemu dengan guru silat",* kata Syeikh Mahmud.

Pada tahun 1965 Masehi, beliau pernah berdoa kepada Allah agar dianugerahkan dengan permainan mempertahankan diri yang tidak memerlukan beliau belajar. Permohonan beliau itu telah Allah s.w.t. kabulkan pada tahun 1969 Masehi apabila Wak Dolah datang membawa silat ini. Syeikh Mahmud terus menerimanya kerana mendengar suara *Rijalul Ghaib*:

> *"Itulah guru kamu"*

Semasa bersilat ini, Syeikh Mahmud telah bertemu dengan kerohanian Syeikh Abdul Qadir Jawa di alam jin. Syeikh Abdul Qadir Jawa

adalah murid Sultan Auliya' iaitu Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Syeikh Abdul Qadir Jawa adalah guru Syeikh Mahmud di dalam alam persilatan.

Dengan mengajar silat ini, Syeikh Mahmud telah berjaya menarik orang ramai untuk bersembahyang dan berzikir. Syeikh Mahmud telah mengubah nama silat ini kepada Silat Gerak Makrifat, kerana dalam pergerakan silat ini perlu menyebut kalimah *"Allah, Allah"* ketika bersilat.

Syeikh Mahmud telah berkecimpung di dalam dunia persilatan silat sebelum terbuka hijab lagi dan diteruskan sehinggalah selepas terbuka hijab. Pada tahun 1975 Masehi beliau pun berhenti bersilat atas arahan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Beliau telah berada di dalam arena ini selama 3 tahun 8 bulan. Dalam tempoh ini beliau telah pergi ke Tanah Pattani, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Beliau telah pergi bersama Pak Teh Ibrahim dan dalam perjalanan itu mereka juga memberi nasihat kepada orang ramai, lebih-lebih lagi kepada ahli persilatan supaya bertaubat. Syeikh Mahmud berkata kepada mereka:

> *"Tidak ada siapa pun yang megah di bumi Allah ini, semuanya kena mati."*

Semua ahli persilatan yang ditemui mengakui kehebatan Syeikh Mahmud dalam persilatan selepas mereka beradu tenaga dengan beliau. Mereka kagum dengan kelincahan Syeikh Mahmud sehingga beliau boleh merampas senjata yang ada di tangan mereka tanpa mereka sedari, bahkan sesetengah daripada mereka langsung tidak boleh bergerak untuk menyerang beliau kerana menjadi kaku.



Wan Muhammad Bong/ Mad Bong (1930-1977)

Mad Bong

Sewaktu di Pattani, Nabi Khidir a.s telah mengarahkan Syeikh Mahmud untuk menasihati Mad Bong yang merupakan seorang pejuang Pattani. Mad Bong telah melakukan latihan khalwat selama 13 tahun, tetapi walaupun begitu belumlah lagi beliau dapat masuk ke dalam perjalanan ahlullah kerana beliau menolak amalan *tawassul*.

Di rumahnya terdapat bilik khas untuk beliau bersuluk. Bilik itu tidak sesiapa pun dibenarkan masuk bahkan ibunya sendiri pun tidak pernah masuk. Apabila Syeikh Mahmud sampai di rumahnya, Syeikh Mahmud telah masuk ke dalam

bilik khalwat itu dan duduk di atas sejadah Mad Bong. Apabila Mad Bong melihat keadaan ini, terjadilah dialog antara Mad Bong dan Syeikh Mahmud:

> *"Ustaz kenapa saya duduk di bawah sementara Ustaz duduk di atas tikar sembahyang saya?"* Tanya Mad Bong kepada Syeikh Mahmud.
>
> Syeikh Mahmud pun menjawab: *"Tawassul " (kerana saya ada tawassul).*
>
> Mad Bong bertanya lagi: *"Berapa umur Ustaz?"*
>
> Syeikh Mahmud menjawab: *"28 "*

Apabila Mad Bong mendengar umur Syeikh Mahmud baru 28 tahun, terus Mad Bong berkata: *"Alangkah hebatnya apabila Ustaz berumur 40 nanti."*

Syeikh Mahmud lantas berkata: *"Wallahu'alam, esok saya mati."*

Peristiwa ini berlaku pada 1970 Masehi selepas Syeikh Mahmud terbuka hijab.



Syeikh Mahmud (1971) ketika berusia 28 tahun.

Pada tahun 1970 Masehi juga, beliau mula mengajar di Sekolah Agama Rakyat di Batu 8, Sik, Kedah. Manakala pada sebelah malamnya pula beliau mengajar di rumah sendiri. Semasa mengajar di sekolah ini, beliau banyak membantu Guru Besar dalam menjalankan tugas. Beliau juga menekankan kepada para pelajar supaya mengamalkan ilmu yang dipelajarinya di samping menggalakkan para pelajar menasihati ibu bapa mereka supaya bersolat serta memesan agar ibu bapa mereka datang bertemu dengannya jika marah dengan nasihat tersebut.

Pada 1 Februari 1978 Masehi, Jabatan Agama Negeri Kedah telah menggantung tugas beliau sebagai guru di sekolah ini (Sek Agama Rakyat Bt. 8) kerana dituduh membawa ajaran sesat dan mengajar tanpa tauliah. Selepas beliau diberhentikan, Allah s.w.t. telah "menidurkan" beliau selepas menunaikan solat sunat Dhuha sehingga kebanyakan orang telah selesai menunaikan solat Zuhur dan solat Jumaat. Kejadian ini berlaku selama 6 bulan. Hal ini berlaku kerana Allah s.w.t. hendak menghilangkan perasaan terikatnya kepada adat kebiasaan beliau yang sentiasa pergi mengajar di awal pagi setiap hari selama 8 tahun. Peristiwa ini juga muafakat dengan kata-kata Ayah Said yang berkata kepada beliau pada tahun 1976 Masehi.

> *"Anak ambo tak lama dah, nak beradu (nak duduk) macam ambo".* Kata Ayah Said.

Pada masa beliau dalam keadaan ini, berlakulah fitnah yang disebarkan orang ramai bahawa beliau tidak mahu bersolat Jumaat.



Sekolah Agama Batu 8, Sik tahun 2008 Masehi, kini dinamakan Maktab Mahmud Batu 8, Sik, Kedah - *Sekolah dimana Syeikh Mahmud mengajar dari tahun 1970 Masehi sehingga 1978. Masehi*

Mula Berpindah Ke Batu Lima, Sik

Setelah berkahwin dengan Mak Wa, berlakulah ujian Allah s.w.t. kepadanya. Ibunya menuduh Syeikh Mahmud terlalu mengikut kehendak isterinya lalu beliau dihalau keluar dari rumah keluarganya. Sebenarnya ibu Syeikh Mahmud tidak menyenangi Mak Wa kerana ibunya terkena sihir oleh orang yang hasad terhadap Syeikh Mahmud. Mereka menjadi marah kerana mereka pernah masuk meminang Jamaliah @ Mak Wa tetapi pinangan mereka telah ditolak.

Pada 8 Julai 1970 Masehi, beliau mula berpindah ke Batu Lima atas cadangan ayahnya Hj. Abdul Rahman. Hj. Abdul Rahman telah memberi

sebidang tanah dusunnya di Batu Lima kepada Syeikh Mahmud. Selama 4 bulan beliau berpisah dengan ibunya dan selama itu beliau tinggal di Batu Lima yang masih merupakan kawasan hutan belukar. Syeikh Mahmud dan isterinya telah menebang kayu di hutan untuk membina pondok kediaman di atas tanah pemberian Hj. Abdul Rahman.

Tanah yang Syeikh Mahmud diami itu merupakan tempat yang 'keras'. Tanah itu asalnya adalah gelanggang silat. Di tanah itu juga penduduk kawasan Sik memuja jin dan membuang jin. Pada masa itu juga, kawasan Pekan Batu Lima terdapat rumah pelacuran. Bersebelahan dengan Pondok Batu Lima dahulu, terdapat rumah yang dijadikan tempat pemuda dan pemudinya bermain kugiran (Kumpulan Gitar Rancak) dan berlatih muzik. Pernah kawan Syeikh Mahmud datang berjumpa beliau dan bertanya beliau tentang perkara ini, lalu Syeikh Mahmud berkata:

> *"Sekiranya ana kuat, mereka akan ikut ana dan sekiranya ana lemah, ana akan terpengaruh dengan mereka."*

Lama kelamaan kumpulan muzik itu pun dibubarkan kerana penyanyinya (Pak Man Kemelong) telah menjadi salah seorang pengikut Syeikh Mahmud.

Perlulah difahami bahawa orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam semuanya beragama Hindu, Buddha dan berfahaman animisme. Walaupun Islam telah bertapak di rantau Melayu, tetapi amalan Hindu, Buddha dan animisme masih dominan dalam masyarakat Melayu. Oleh kerana itu, mereka masih memuja dan membuang jin dalam kawasan tapak Pondok Batu Lima yang didiami oleh Syeikh Mahmud. Dikatakan tapak itu amat 'keras' sehinggakan orang ramai tidak berani hendak memetik daun di dalamnya apatah lagi memetik buah. Sekiranya ada yang berani melakukan perkara itu, pada malamnya mereka akan dirasuk oleh jin-jin yang mendiami kawasan tersebut. Apabila Syeikh Mahmud berpindah ke situ, beliau telah berzikir secara *'jahr'* di kawasan tersebut sehingga puak-puak bomoh jin tidak senang dengan Syeikh Mahmud . Mereka telah membuat sihir kepada Syeikh Mahmud tetapi sihir itu telah berpatah balik kepada mereka sehingga akhirnya segala amalan khurafat yang terdapat dalam kawasan itu pupus. Puak-puak bomoh jin telah menuduh Syeikh Mahmud menggunakan jin sama seperti mereka juga. Mereka berkata jin Syeikh Mahmud lebih hebat daripada mereka sebab Syeikh Mahmud menggunakan jin bukit. Semenjak Syeikh Mahmud melancarkan *zikir jahr* di pondoknya amalan khurafat dan tahyul mulai berkurangan di bumi Malaysia.

Terbuka Hijab

Pada 16 Rabiul Awal 1390 Hijrah bersamaan 1970 Masehi hari Jumaat jam 9.45 pagi, selepas menunaikan solat sunat Dhuha, Syeikh Mahmud dibukakan hijab oleh Allah s.w.t. Bertitik tolak dari tarikh ini, bermulalah episod baru dalam hidup beliau. Peristiwa penting ini berlaku semasa beliau berada di rumah ibunya ketika menziarahi ibunya yang sedang sakit. Pada masa itu Syeikh Mahmud telah mengamalkan selawat lebih-lebih lagi selawat Tajalli selama 5 tahun semenjak tahun 1965 Masehi hingga 1970 Masehi. Dalam tempoh tersebut beliau telah berselawat sebanyak 5 juta 6 ratus ribu kali 5.6 juta).

Menurut Syeikh Mahmud, hijab yang mula-mula Allah s.w.t. bukakan pada beliau ialah hakikat Nur Rasulullah s.a.w. dan daripada situ Allah s.w.t. bukakan pula hakikat dunia. Ketika dibukakan hakikat dunia beliau telah berdoa:

> *"Ya Allah kau cabutlah nyawaku dan sekiranya kau nak hidupkan ku, Kau hidupkanlah aku sebagaimana kau hidupkan Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani."*

Beliau berdoa sebegini kerana terlalu gerun melihat kekotoran kekufuran, kesyirikan dan *zulmah* yang ada di dunia sehingga beliau merasakan tidak ada ruang baginya untuk bernafas.

Pada masa hijab dibuka, beliau telah mendengar satu bunyi yang sangat memekakkan telinga. Bunyi itu seperti bunyi pergerakan rantai sauh kapal yang penuh dengan karat yang lama bergulung ketika sauh dilepaskan ke dalam laut. Ketika Allah s.w.t. bukakan hijabNya, Syeikh Mahmud telah menangis teresak-esak seperti seorang bayi bahkan lebih lagi. Semasa hijab itu dibuka, beliau juga telah melihat roh para nabi, para rasul dan para auliya yang masih hidup dan yang telah mati datang mengunjungi beliau. Ada yang beliau kenali seperti Haji Husin Dol dan Maulana Abdul Bari. Pada masa itu juga ibunya telah berkata kepada beliau:

> *"Mahmud, apa yang kamu minta daripada Allah, pasti Allah tunaikan permintaan kamu."*

Ibunya berkata begitu kerana Allah s.w.t. telah mempamerkan kepada beliau keistimewaan yang terdapat pada anaknya itu.


Menurut Pak Ngah Daud pada permulaan peristiwa itu berlaku, beliau tidak ada di rumah tetapi isterinya, iaitu adik Syeikh Mahmud telah memanggilnya balik untuk melihat keadaan Syeikh Mahmud yang

menangis sambil berguling-guling. Mereka semua menyangka yang Syeikh Mahmud telah menjadi gila. Apabila Pak Ngah Daud sampai di rumah, beliau melihat Syeikh Mahmud dan ibunya sedang menangis teresak-esak. Syeikh Mahmud telah memohon ampun dan maaf daripada ibunya. Beliau berkata yang beliau banyak melakukan dosa kepada ibunya.

Pada peringkat awal selepas terbuka hijab Syeikh Mahmud telah mengambil talkin dan ijazah Toriqat Ahmadiyyah Idrisiyyah daripada Tuan Guru Hj. Mahmud Lanai atas dorongan Pak Teh Ibrahim. Tuan Guru Hj. Mahmud Lanai merupakan ahli kasyaf, pernah satu masa beliau pergi ke Pondok Syeikh Mahmud di Batu Lima dan tiba-tiba dia menjerit seraya berkata "Berjaya dia! Berjaya dia" yakni Syeikh Mahmud berjaya. Dua minggu selepas peristiwa itu Tuan Guru Hj. Mahmud Lanai pun meninggal dunia pada tahun 1979 Masehi.

Menziarahi Makam Syeikh Abdul Malek @ Tok Pulau Manis r.a.

Tempat yang pertama sekali beliau kunjungi selepas terbuka hijab ialah Makam Syeikh Abdul Malek @ Tok Pulau Manis r.a di Terengganu. Junjungan beliau ini adalah atas arahan kerohanian yang beliau terima selepas terbuka hijab. Beliau pergi ke sana dengan Pak Teh Ibrahim. Syeikh Mahmud juga diarah untuk bermalam di Masjid Tok Pulau Manis. Apabila sampai di sana,



Makam Syeikh Abdul Malek@Tok Pulau Manis di Terengganu.

Allah s.w.t. telah menguji Syeikh Mahmud melalui imam masjid tersebut. Imam masjid telah mempelawa beliau bermalam di rumahnya seraya berkata bahawa Syeikh Mahmud pasti akan kurang selesa bermalam di masjid. Tetapi Syeikh Mahmud telah menolak pelawaan tersebut secara berhemah.

"Saya datang sini dengan niat hendak bermalam dalam masjid ini, kalau saya pergi bermalam di rumah Pak Imam, saya sudah buat salah, niat nak buat lain tapi buat lain ". Kata Syeikh Mahmud kepada Imam.
"Sungguh juga" ujar Imam.

Kemudian Tuan Imam itu telah berkhidmat kepada Syeikh Mahmud dan Pak Teh dengan memberi bantal dan selimut untuk digunakan. Syeikh Mahmud telah beribadah dalam masjid itu semalaman dan pada keesokan paginya beliau telah terdengar suara dari Makam Tok Pulau Manis yang terdapat dalam masjid itu yang berkata:

"Awak sudah dapat ilmu, awak boleh balik."

Latihan Di Bukit Enggang

Dari tarikh terbuka hijab, beliau mula lebih bersungguh-sungguh bermujahadah dan beruzlah. Beliau sering berulang-alik ke Bukit Enggang dan kerana terlalu khusyuk beribadah kepada Allah, beliau tidak banyak memikirkan tentang makan, minum dan tidurnya. Sejak itu, beliau mula mengamalkan makan nasi dengan garam serta sayur rebus dan kadang-kadang berlaukkan telur rebus sehingga 3 tahun 8 bulan. Beliau telah berulang alik pergi beruzlah ke Bukit Enggang selama 7 tahun. Beliau pergi ke sana tanpa mengira masa. Kadang-kadang beliau pergi pada waktu pagi dan balik pada waktu petang atau pergi petang balik tengah malam atau pagi esoknya. Pernah juga beliau menjalani latihan di Bukit Enggang berhari-hari dan tidak balik ke rumah. Di Bukit Enggang beliau beruzlah di dalam gua.

Semasa di Bukit Enggang beliau hanya makan daun yang menjalar di atas batu dan meminum air sungai. Ketika berada di sana, beliau telah mendengar suara batu, kayu, air sungai, air hujan, angin, daun-daun, ranting dan dahan pokok serta binatang-binatang dan serangga berzikrullah, bahkan beliau mendengar suara zikir di langit. Di Bukit Enggang ini juga beliau telah berzikir sehingga tidak sedar bahawa kakinya berdarah.



Batu yang terletak di luar gua dimana Syeikh Mahmud menunaikan solat.



Daun yang tumbuh liar di atas batu menjadi makanan Syeikh Mahmud sewaktu beliau berkhalwat.



Gua Bukit Enggang tempat Syeikh Mahmud berkhalwat.

Selama 7 tahun, Syeikh Mahmud berulang-alik di Bukit Enggang sehingga hilanglah segala perasaan takutnya terhadap malam, hantu, jin dan binatang-binatang buas. Semasa Syeikh Mahmud di dalam hutan ini beliau akan berjalan kaki ayam sambil memejamkan mata sementara mulutnya sentiasa berzikir.

Pernah di satu malam ketika Syeikh Mahmud sedang berjalan di dalam hutan dalam keadaan menutup mata dan berkaki ayam sambil mulutnya berzikir, tiba-tiba beliau terasa di depannya lebih gelap daripada sebelumnya, lalu beliau pun membuka mata. Rupa-rupanya ada seekor jin yang menghalang perjalanan beliau. Timbul perasaan takut dalam dirinya kepada jin tersebut tetapi ketika itu juga beliau terdengar satu suara yang berkata di dalam hatinya:

"Kau masih syirik Mahmud."

Lantas beliau pun terus beristighfar dan dengan tiba-tiba timbul satu keberanian dalam diri beliau lalu mencabar jin itu seraya berkata:

"Wahai jin! Kalau kau berani menjelmalah sama besar dengan aku, marilah kita berlawan, Tuhan jadi saksi!"

Apabila jin itu mendengar cabaran Syeikh Mahmud, jin tersebut terus lari kerana takut dan malu kepada Syeikh Mahmud. Semasa di Bukit Enggang juga beliau dapat mengetahui bahawa jin-jin telah bermesyuarat untuk membunuh beliau. Mereka berkata:

"Mari kita bunuh budak ini sebelum dia dapat ilmu, kalau dia berjaya dapat ilmu susah kita nanti."

Walaupun begitu setiap kali Syeikh Mahmud sampai di kaki Bukit Enggang dia terdengar suara jin-jin yang berkata:

"Mari kita lari, dia dah sampai dah."

Ada seorang muridnya yang sudah lama mengikuti Syeikh Mahmud pernah hendak turut naik ke Bukit Enggang bersama tetapi pada mulanya Syeikh Mahmud tidak membenarkannya dan mengatakan beliau tidak mampu nak berbuat sepertinya. Tetapi akhirnya orang itu dibenarkan ikut selepas beliau mendesak berkali-kali. Apabila tiba di Bukit Enggang, orang itu terasa menyesal dan hendak pulang tetapi berasa takut untuk balik seorang diri. Kemudian Syeikh Mahmud telah memanggil seekor harimau dan menyuruh orang itu naik di belakang harimau. Syeikh Mahmud telah menyuruh harimau itu menghantar kawannya sampai di kaki bukit. Harimau itu telah mengikut arahan beliau.

Pada satu hari semasa berulang-alik berkhalwat di Bukit Enggang, beliau telah menziarahi Hajah Puteh, bonda beliau yang sedang uzur yang membawa kematiannya. Dalam pertemuan itu bondanya telah berkata:

> *"Mahmud! Kamu hendak apa sahaja akan ditunaikan Allah. Kamu hendak duduk rumah batu pun boleh."*

Syeikh Mahmud telah menjawab *"Yang itu bukan anak emak, anak emak yang ada di depan emak sekarang, yang hidup sehelai sepinggang."*

Selepas terbuka hijab, beliau sentiasa berzikir dan banyak menangis. Kebiasaannya beliau akan berkaki ayam apabila berjalan kaki sambil memegang kasutnya di bahu dan mulutnya sentiasa berzikir. Menurut Syeikh Mahmud sejak tahun 70-an lagi, apabila beliau berjalan kaki, jalannya amat pantas sehinggakan mereka yang mengikutnya terpaksa berlari-lari untuk mengikutnya berjalan. Namun begitu mereka masih ketinggalan dan apabila hendak berhenti Syeikh Mahmud terpaksa berpaut pada pokok.

Syeikh Mahmud pernah naik bas ketika perasaannya penuh "mabuk dengan Allah", lalu beliau tidak duduk di atas kerusi tetapi duduk di lantai bas sambil berzikir *jahr*. Apabila penjual tiket bas bertanya kepada beliau:

> *"Hendak pergi mana?"*

Lantas Syeikh Mahmud menjawab: *"Allah!"* sambil mengangkat sebelah tangannya dan mengisyaratkan jari telunjuknya ke arah langit (maksudnya hendak pergi menuju Allah).

Semenjak terbuka hijab pelbagai fitnah dan tohmah yang dilemparkan oleh alim ulama' dan orang ramai kepada beliau. Mereka telah mengatakan beliau gila, sesat, zindik, dajjal akhir zaman, pemecah belah masyarakat, komunis dan lain-lain lagi.

Di samping menjalani latihan di Bukit Enggang Syeikh Mahmud juga pergi ke tanah perkuburan di tengah malam. Selama 6 bulan beliau melakukan latihan ini dengan tujuan untuk menghilangkan perasaan takut terhadap hantu dan kubur yang sentiasa bermain di dalam minda dan perasaannya.

NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Sel. P.U. 48

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM, 1989

FATWA TENTANG AURAD ISMAILIAH AJARAN MAHMUD BIN HAJI ABD. RAHMAN

En. 21/1989 PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(1) Ajaran Aurad Ismailiah yang diajar oleh Mahmud bin Abd. Rahman didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

(2) Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Aurad Ismailiah yang diajar oleh Mahmud bin Abd. Rahman di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.

Dibuat pada 25hb Oktober 1995.
[JAI. Sel. 8014/7 Jilid IV; P.U. Sel. AGM/0007]

DATO' HAJI ISHAK BIN HAJI BAHAROM,
Mufti,
Negeri Selangor

Fatwa yang memfitnah Syeikh Mahmud.

Date

4-5-2001

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang
Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Besar Nabi Muhammad S.a.w.

Kepada

Yang Berhormat
Dato' Ishak Baharom

Assalamualaikum!

Saya menulis surat ini atas arahan guru saya iaitu Tok Ayah (Sheikh Abdul Qadir Mahmud Alkedahi).
Tujuannya adalah untuk saling ingat-mengingati antara sesama Islam.
Tuan sekarang berada dalam keadaan di mana para aulia Allah tidak menyenangi tuan. Ini adalah karena perbuatan tuan yang telah menentang atur cara perjalanan para aulia.
Tuan juga tidak disenangi oleh golongan ahli dunia.
Jadi ke mana arah tuju tuan?
Semoga tuan tidak lagi menentang atur cara perjalanan para aulia Allah.
Untuk pengetahuan tuan, guru saya mendapat bimbingan dari Nabi Khidir a.s. dan juga Sheikh Abdul Qadir Jailani.
Sebelum tuan membuat apa-apa keputusan mohonlah pada Allah s.w.t agar diberi petunjuk apakah kata-kata saya ini benar atau tidak. Tolong jangan menentang perjalanan para aulia hanya berpandukan dengan ilmu yang ada.
Semoga dapat keredhaanNya.
Sekian.

Yang benar

MUHAMMAD NUR ZULKARNAIN
NO. 8, JALAN TELOK PULAI,
TAMAN BUKIT SEPUTIH,
58000.
TEL: 019-348103:

Surat mohon penjelasan dari Mufti Negeri Selangor terhadap fatwa tentang Aurad Ismailiyah.

Menerima Asuhan Terus Daripada Rasulullah S.A.W.

Syeikh Mahmud telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dengan satu keistimewaan yang sangat besar iaitu dipilih oleh Allah s.w.t. untuk mendapat pengajaran secara langsung daripada Sayyidul Mursalin Nabi Muhammad s.a.w. Beliau menerima bimbingan ini selepas terbuka hijab pada 16 Rabiul Awal 1390 Hijrah. Sebahagian daripada asuhan Rasulullah s.a.w. kepada beliau ialah Baginda s.a.w. menyuruh beliau banyak menangis kerana takutkan Allah.

Pada tahun 1983 Masehi, Syeikh Mahmud telah mendapat arahan kerohanian untuk pergi menziarahi makam Rasulullah s.a.w. Apabila Syeikh Mahmud tiba di sempadan Madinah, beliau telah mengalunkan selawat sehingga kedua-dua isteri beliau Mak Wa dan Mak Teh Munah (isteri kedua) pengsan. Beliau mengalunkan selawat kerana Baginda s.a.w. telah mempersilakannya masuk ke Madinah ketika tiba di sempadan itu.

Pada tahun 1988 Masehi, Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan beliau mengisytiharkan jemaah Al-Arqam yang dipimpin oleh Ashaari Muhammad sebagai menyeleweng. Sebelum itu pada tahun 1982, Syeikh Mahmud telah berkata kepada Ustaz Ghazali Kelantan, salah seorang sahabat beliau:

"Ghazali kamu tengok lepas ni Ashaari akan masuk guni".

Beliau berkata begitu selepas Ustaz Ghazali bertanya pandangan Syeikh Mahmud tentang kata-kata Ustaz Ashaari yang mengatakan zaman ini bukan zaman rohani. Pada tahun 1994 Masehi, Gerakan Al-Arqam telah diharamkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Kemudian pada tahun yang sama juga, Ashaari Muhammad serta isterinya dan beberapa pemimpin kanan jemaah tersebut telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Asuhan Daripada Nabi Khidir A.S.

Sebahagian Pengajaran Khidir a.s kepada Syeikh Mahmud:

1. Pertama kali Nabi Khidir a.s datang berjumpa beliau, Syeikh Mahmud tidak mahu menerima Nabi Khidir a.s. Beliau berkata:

   "Aku nak Allah bukannya nakkan awak",

tetapi selepas beliau terdengar suara ketuhanan:

"Kamu ikutlah orang ini untuk mengenal Aku"

Barulah beliau menerima Nabi Khidir a.s untuk membimbingnya. Perkara ini berlaku adalah kerana hati Syeikh Mahmud yang bulat hanya mahukan Allah sahaja. Selepas kejadian ini fahamlah Syeikh Mahmud peri pentingnya ***bertawassul*** dengan orang-orang Allah sekiranya untuk sampai ke darjah mengenal Allah. Ini adalah kerana orang-orang Allah mengenal Allah dengan sebenar-benar pengenalan dan bagaimana mungkin orang yang tidak mengenal Allah hendak memimpin orang lain untuk mengenal Allah? Sebagaimana mungkin orang yang tidak tahu memandu kereta hendak mengajar orang lain memandu?

2. Nabi Khidir a.s pernah berkata kepada Syeikh Mahmud bahawa beliau akan ditangkap dan akan dimasukkan ke dalam tahanan di Batu Gajah atau Pulau Jerjak atau Kemunting. Syeikh Mahmud hanya berdoa:

إِلَـــهِى أَنْتَ مَقْصُوْدِى وَرِضَاكَ مَطْلُوْبِى اَعْطِنِى مَحَبَّتَكَ وَمَعْرِفَتَكَ يَا اللهُ

"Wahai Tuhanku! Dikaulah matlamat tujuanku, dan keredhaanMu yang ku tuntuti, kurniakanlah kepada ku kasih sayang dan ma'arifah kepadaMu Ya Allah."

Apa yang dikhabarkan oleh Khidir a.s itu tidak berlaku kerana kejujuran dan penyerahan Syeikh Mahmud kepada Allah yang total.

3. Pada tahun 1977 Masehi, sewaktu Kerajaan Siam membunuh orang-orang Melayu Islam di Pattani, Syeikh Mahmud berasa berang dan ingin pergi ke sana tetapi Nabi Khidir a.s telah memerli beliau dengan berkata:

"Kalau kamu pergi Mahmud, air sungai Pattani akan jadi merah (kerana penuh dengan darah)".

Syeikh Mahmud terus beristighfar kepada Allah apabila diperli oleh Nabi Khidir a.s. kerana beliau masih terpengaruh dengan perasaan beliau dan hendak membuat sesuatu tanpa menunggu arahan daripada guru terlebih dahulu.

4. Pernah pada tahun 1981 Masehi, Syeikh Mahmud terasa hendak melancarkan pemberontakan terhadap kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah Malaysia, kemudian Nabi Khidir a.s pun menasihati beliau dengan berkata:

> *"Itu pendapat kamu Mahmud, sekiranya pendapat kamu itu betul, kamu akan dapat dua pahala tetapi sekiranya pendapat kamu salah kamu akan dapat satu pahala. Tetapi adakah kamu tahu apa yang Allah nak buat keesokan hari?"*

Syeikh Mahmud pun menjawab, *"Tidak"*.

Khidir a.s berkata lagi:

> *"Habis jika kamu sendiri tidak tahu apa yang ingin Tuhan lakukan esok, jadi kenapa kamu hendak campur tangan dalam pekerjaan Tuhan?*

5. Semasa di Kota Mekah, Nabi Khidir a.s telah mengarah beliau mengaji dengan para ulama' berfahaman Wahabi yang mengajar di Masjidil Haram. Pada masa itu beliau dapat mengetahui kekeliruan dan penyelewengan yang terdapat dalam fahaman tersebut. Beliau telah belajar selama 6 bulan sekitar tahun 1982 Masehi sehingga 1983 Masehi.

6. Selepas menjalani latihan kerohanian selama 13 tahun, maka pada tahun 1983 Masehi Nabi Khidir a.s telah memberi arahan kepada beliau dengan berkata:

   > *"Sekarang kamu baliklah ke Asia, jadilah kamu hamba Allah sehamba-hambanya dan sekiranya orang bertanya kepada kamu siapakah orang yang paling banyak dosa? Kau angkatlah tangan dan katakan bahawa kaulah orang yang paling banyak dosa!"*

   Peristiwa ini berlaku ketika beliau berada di Kota Mekah.

7. Nabi Khidir a.s juga telah menyuruh beliau memerhatikan bagaimana batu, kayu, air, pokok-pokok, angin, rama-rama, burung-burung dan haiwan-haiwan lain berzikir.

Asuhan Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al- Jilani r.a.

Setelah genap 3 tahun 8 bulan Syeikh Abdul Qadir Jawa mengasuh Syeikh Mahmud dengan Gerak Makrifat, beliau pun menyerahkan Syeikh Mahmud kepada Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani untuk diasuh di dalam perjalanan ahlullah yang tidak bercampur aduk dengan *khadam*.



Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani.
Ghaus Ul A'zam dan Mujaddid Abad Ke-5H. (470 Hijrah-561 Hijrah),
(1077 Masehi-1166 Masehi).

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah datang menemui Syeikh Mahmud pada kali pertama di Pondok Batu Lima semasa beliau berada dalam keadaan pengsan kerana diserang penyakit athma akibat makan buah langsat. Pada pertemuan pertama itu Syeikh Mahmud tidak mahu menerima bimbingan daripada Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, dengan berkata:

"Aku nak Allah bukannya nakkan awak".

Tetapi selepas beliau mendengar suara ketuhanan yang berkata:

"Mahmud ikutlah orang ini sekiranya kamu hendak sampai kepada Aku".

Barulah beliau mahu menerima bimbingan daripada Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani.

Pada pertemuan beliau dengan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani kali kedua, Sultan Auliya' ini telah berkata;

"Mahmud kamu tinggalkan cara perkembangan Islam di Jawa (yakni amalan Gerak Makrifat) dan ambillah cara perkembangan di India yang dipelopori Maulana Ilyas".

Kemudian Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah mengarahkan beliau

memeluk Maulana Ilyas, pengasas Jemaah Tabligh. Maulana Ilyas adalah murid Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di abad 14 Hijrah. Beliau juga merupakan Ghaus dan Mujaddid kurun ke 14 H.

Tidak berapa lama selepas peristiwa itu, satu kumpulan Jemaah Tabligh telah datang ke Kedah yang dipimpin oleh Maulana Lutfur Rahman. Maulana Lutfur Rahman adalah warga Bangladesh dan merupakan salah seorang ahlullah yang menerima asuhan daripada Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah mengarah Syeikh Mahmud pergi ke masjid yang jemaah itu berada. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani juga telah memesan supaya beliau masuk ke dalam masjid menggunakan pintu yang tertentu dan jangan memberi salam kepada Maulana Lutfur Rahman, tetapi hanya menunggu ucapan salam daripada Maulana ini. Pada pertemuan ini, Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah mengarah Maulana Lutfur Rahman untuk berbai 'ah dengan Syeikh Mahmud.

Pada tahun 1975 Masehi juga Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah menasihat beliau dengan berkata: "Mahmud! Selagimana awak berasa hendak berjumpa Lailatul Qadar selama itulah kamu tidak akan berjumpa Lailatul Qadar. Pada tahun itu jugalah Syeikh Mahmud mula berjumpa Lailatul Qadar selepas dinasihat oleh Sultan Auliya' dan semenjak tarikh itu beliau telah dianugerahkan oleh Allah bertemu Lailatul Qadar pada setiap tahun.

Pada satu masa Syeikh Mahmud berasa hendak pergi menziarahi makam Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di Baghdad, lalu Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani pun berkata kepada beliau:

"Kamu nak tengok Baghdad bolehlah Mahmud!"

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani berkata begitu kerana hendak menyedarkan kesilapan Syeikh Mahmud yang hendak pergi ke makamnya sedangkan beliau sering datang bertemu Syeikh Mahmud di alam kerohanian kerana memberi pengajaran dan asuhan. Syeikh Mahmud terus beristighfar selepas di tegur Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di atas kecuaian beliau itu.

Pada tahun 1996 Masehi Syeikh Mahmud telah pergi Baghdad dan berkesempatan menziarahi makam Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Semasa menzirahi makam, beliau telah merasai sama seperti yang dikatakan oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani pada tahun 70an dahulu kerana beliau mendapati kerohanian Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani tiada di makamnya yang ada hanyalah jasadnya sahaja.

Semasa Syeikh Mahmud mengalami lelah yang teruk (athma), Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah menyuruh beliau mengingati Allah dalam

setiap nafas. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani tidak mahu Syeikh Mahmud membiarkan nafas yang keluar masuk itu kosong daripada kalimah Allah. Pada peringkat awal Syeikh Mahmud selalu diserang penyakit athma, boleh dikatakan hampir setiap hari dan malam beliau dalam keadaan penat ataupun athma. Penyakit athma beliau semakin berkurangan pada awal tahun 90an.

Syeikh Mahmud juga telah diberitahu oleh Sultan Auliya' ini:

"Jarang Mahmud orang yang mendapat 3 helai jubah."

Pada tahun 1986 Masehi Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah memberi arahan kepada Syeikh Mahmud supaya pergi menutup tiga satelit jin yang besar di Asia Tenggara iaitu Pulau Besar di Melaka, Tasik Hijau di Jawa Barat Indonesia dan Pulau Phuket di Thailand.

Sekitar tahun 2002 Masehi seorang keturunan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani yang bernama Syeikh Muhammad Hydra Ahmed Ibrahim Al-Jilani dari Gambia telah datang mengunjungi Syeikh Mahmud. Tidak beberapa lama selepas beliau kembali ke Gambia, beliau telah mengalami satu pengalaman kerohanian.

Syeikh Muhammad Hydra telah menyuruh salah seorang pengikutnya menghantar emel kepada Syeikh Mahmud untuk memberitahu pengalaman kerohaniannya itu.



Syeikh Muhammad Hydara (kanan) semasa lawatannya ke Nurul Iman Batu Lima, Kedah.

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ
وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ ۖ
بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Katakanlah: Ya Muhammad! Wahai Allah yang mempunyai kerajaan, Engkau menganugerahkan kerajaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau menghilangkan kerajaan dari siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau memuliakan siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau menghinakan siapa yang Engkau kehendaki. Ditangan Engkaulah segala kebajikan, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa keatas tiap sesuatu. (Surah Ali-Imran ayat 26).

From :	Burae Abdel-Rahman <buraae@yahoo.com>
To :	Ramzi Abdullah <ramziz77@hotmail.com>
Subject :	Selaams from Sh. Muhammed (Hydara) Ahmed Ibrahim el Jilani
Date :	Wed, 23 Oct 2002 08:21:01 -0700 (PDT)

Reply Reply All Forward Delete Put in Folder... Printer Friendly Version

Selaam wa alaykum brothers A/Raouf, Bahr elRoum, A/Rahman and sister Hawa and all your loved ones.

Sh. Muhammed Hydara is sending his regards to Sh. Mahmud Kedahi and his family, to you all as well as the kind brothers & sisters of Madrasah Nur al Iman.

Brother A/Raouf, Sh. Muhammed has asked me to relay to you a vision ("Rui'ya") which el hamduliAllah he witnessed this morning which MashAllah concerns Sh. Mahmud and his "mureeds". Please pass this "good news" to him. I will try to relay as best as I can remember. The vision was as follows:

****

Sh. Muhammed Hydara was attending a Ziqr session in a "zawiyya" in which Sh. A/Qadir Jilani (Qaddas Allahhu Sirrahu) was presiding over. Sh. A/Qadir Jilani was having in his hand a golden chain. He then calls Sh. Muhammed to come to him. He placed his other hand on Sh. Muhammed's shoulder and he then proceeded to take Sh. Muhammed to an occassion/social function.

Sh. Muhammed noticed that he (Sh. Muhammed) was wearing a white turban on his head. Sh. A/Qadir Jilani and Sh. Muhammed proceeded into a room in which Sh. Mahmud Kedahi was seated on a chair and was dressed in a green "jellabiya" (Arabic gown for men). Sh. A/Qadir approaches Sh. Mahmud and places the golden chain around Sh. Mahmud's neck.

Sh. A/Qadir walks around very pleased and states to all those present that "We are with you all always" and then disappears.

Sh. Mahmud Kedahi is pleased with this visit and offers to request that he and his mureeds recite the Blessed Sura Al Ikhlas, three hundred and thirteen times (313) as a gift to Seyyidna Muhammed (SellaAllahu aleyhi wa Salam), Seyyidna Khidir, Seyyidna A/Qadir el Jilani and to all the descendents of Sh. A/Qadir el Jilani (may Allah be pleased with them all, Ameen!)

Sh. Mahmud Kedahi and his mureeds then started the recitation of the Blessed Sura. Sh. Muhammed Hydara then noticed that his turban (Sh. Muhammed's) had now become green. The vision ends.
****

Sh. Muhammed was instructed to inform the brothers in Malaysia of the contents of this morning's vision.InshAllah this is good news and we offer our congratulations to Sh. Mahmud Kedahi and to all his mureeds.

Fi aman Allah
Burae

PS Sh. Muhammed is on route to Senegal inshAllah and inshAllah is making preparation to go to Mecca/Medina for Ramadan inshAllah.

Email dari Syeikh Muhammad Hydara.

Terjemahan ke Bahasa Melayu:

Assalamualaikum saudara Abdul Raouf, Baharum, A/Rahman and saudari Hawa dan keluarga kamu yang tersayang. Syeikh Muhammed Hydara kirim salam kepada Syeikh Mahmud Al-Kedahi dan keluarganya, juga kepada awak dan sahabat-sahabat di Madrasah Nurul Iman.

Saudara Abdul Raouf,
Syeikh Muhammed meminta saya agar menyampaikan kepada awak tentang pengalaman rohani (Rui'ya), yang syukur Alhamdulillah beliau saksikan pagi ini yang mana Masya Allah melibatkan Syeikh Mahmud dan murid-muridnya. Tolong sampaikan berita gembira ini kepadanya. Saya akan cuba sampaikan seberapa baik yang saya ingat.

Pengalaman tersebut adalah seperti berikut:
Syeikh Muhammad Hydra sedang mengikuti majlis zikir di "zawiyah" dimana ia dipimpin oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani (Qaddasallahu Sirrahu). Di tangan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani terdapat kalung emas. Kemudian beliau memanggil Syeikh Muhammed agar datang kepadanya. Beliau meletakkan tangannya yang satu lagi di atas bahu Syeikh Muhammed dan berjalan membawa Syeikh Muhammed ke suatu majlis lain. Syeikh Muhammed Hydara sedar ketika itu beliau sedang memakai serban putih di kepalanya. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dan Syeikh Muhammed kemudiannya masuk ke dalam satu bilik dimana Syeikh Mahmud Al-Kedahi sedang duduk di atas kerusi dan sedang memakai jubah hijau. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani menghampiri Syeikh Mahmud dan meletakkan kalung emas di leher Syeikh Mahmud. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani berjalan dengan gembira dan berkata kepada mereka yang hadir "Kami akan tetap bersama kamu" dan kemudiannya beliau ghaib. Syeikh Mahmud Al-Kedahi berasa gembira dengan lawatan ini dan mempelawa dan meminta dirinya dan murid-muridnya agar membacakan surah Al-Ikhlas sebanyak 313 kali sebagai hadiah kepada Rasulullah s.a.w., Saidina Khidir a.s., Saidina Abdul Qadir Al-Jilani r.a. dan seluruh keturunan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani (Radhiallahu Anhum Ajma'in, Amin!) Kemudian Syeikh Mahmud Al-Kedahi dan murid-muridnya mula membaca surah-surah tersebut. Kemudian Syeikh Muhammed Hydara menyedari bahawa serban beliau menjadi hijau selepas itu. Pengalaman rohani ini pun berakhir.

****

Syeikh Muhammed mengarahkan agar memberitahu saudara-saudara di Malaysia tentang pengalaman rohaninya pagi ini. Insya Allah ini adalah berita gembira kami. Kami mengucapkan tahniah kepada Syeikh Mahmud Al-Kedahi dan semua murid-murid beliau.

Fi Amanillah.
Burae

Note: Syeikh Muhammed sekarang sedang dalam perjalanan ke Senegal dan Insya Allah sedang bersiap sedia untuk pergi ke Mekah / Madinah pada bulan Ramadhan ini Insya Allah.

Menziarahi Makam Syeikh Abdul Wahab Rokan r.a.

Pada tahun 1975 Masehi Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah mengarah Syeikh Mahmud menziarahi Makam Syeikh Abdul Wahab Rokan di Besilam @ Bab Al-Salam, Langkat, Sumatera, Indonesia. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani hanya berkata :

> *"Mahmud, kamu pergi Indonesia nanti ada orang tunggu awak di sana dan awak guna duit itu untuk tambang ke sana."*

Menurut Syeikh Mahmud, duit yang diguna itu adalah duit Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani kerana pada masa itu Syeikh Mahmud ada mengubat orang dengan bertawassul dengan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Orang-orang yang menerima rawatan akan menghadiahkan sedikit duit sekadar ikhlas kepada Syeikh Mahmud tetapi duit tersebut beliau tidak menggunakannya kerana beliau menganggap duit tersebut bukan duit beliau tetapi adalah duit Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani tidak menyebut supaya pergi Besilam, hanya mengatakan Indonesia sahaja ujar Syeikh Mahmud lagi.

Apabila sampai di pelabuhan, Syeikh Mahmud telah bertemu dengan seorang pegawai polis yang menunggu ketibaan beliau. Sebetulnya pegawai polis tersebut sedang bercuti tetapi telah datang ke pelabuhan



Sheikh Abdul Wahab Rokan/ Tuan Guru Babus-salam (Besilam), Sumatera, Indonesia. (1811-1926)

hari itu kerana telah mendapat satu desakan yang kuat untuk datang ke pelabuhan kerana hendak berjumpa seseorang yang istimewa. Pegawai polis tersebut telah bertanya adakah Syeikh Mahmud hendak pergi ke makam Syeikh Abdul Wahab Rokan. Apabila Syeikh Mahmud mendengar kata-kata pegawai polis itu barulah Syeikh Mahmud faham yang beliau dikehendaki pergi menziarahi Syeikh Abdul Wahab Rokan di Besilam.

Pegawai polis itu telah memberi pedoman kepada Syeikh Mahmud untuk pergi ke Besilam. Pada mulanya Syeikh Mahmud telah bermalam di Masjid Tanjung Pura pada malam beliau sampai di Langkat. Tetapi, akhirnya seorang wakil rakyat yang bernama Bapak Tahir Nasution telah mengajak Syeikh Mahmud bermalam di rumahnya kerana beliau telah Allah bukakan kewalian yang ada pada Syeikh Mahmud. Bapak Tahir Nasution ini pengamal Toriqat An-Naqsyabandiyyah Al-Khalidiyah dan pernah berkhalwat di zawiyah Syeikh Daud salah seorang anak Syeikh Abdul Wahab Rokan.

Keesokannya, Syeikh Mahmud bertolak ke Besilam. Apabila Syeikh Mahmud turun daripada bas ketika sampai di simpang untuk masuk ke *zawiyah* Syeikh Abdul Wahab Rokan, beliau melihat Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dan Syeikh Abdul Wahab Rokan telah menunggu kedatangan beliau. Syeikh Abdul Wahab Rokan telah berkata:

"Silalah masuk ke dalam Mahmud!"

Jarak daripada simpang dan zawiyah Syeikh Abdul Wahab Rokan adalah 6 km, Syeikh Mahmud telah berjalan kaki untuk ke zawiyah tersebut sambil diiringi Syeikh Abdul Qadir Al -Jilani di sebelah kanannya dan Syeikh Abdul Wahab Rokan di sebelah kirinya. Di dalam perjalanan itu Syeikh Abdul Wahab Rokan telah meminta kepada Syeikh Mahmud memberi nasihat dan teguran kepada para pengikutnya kerana mereka telah menyeleweng daripada aturan perjalanan beliau. Syeikh Mahmud berasa sangat malu terhadap Syeikh Abdul Wahab Rokan kerana Syeikh ini telah menunjukkan perasaan hormat dan kasih yang amat mendalam terhadap Syeikh Mahmud.

Setelah tiba di makam Syeikh Abdul Wahab Rokan, Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dan Syeikh Abdul Wahab Rokan pun hilang daripada pandangan Syeikh Mahmud. Pada mulanya pintu makam tidak dibuka oleh penjaganya kerana mereka hanya membukanya setahun sekali sahaja tetapi akhirnya dibuka juga kerana salah seorang daripada keturunan Syeikh Abdul Wahab Rokan yang datang pada masa itu hendak menziarahi makam tersebut sebelum berangkat untuk menunaikan umrah.

Ketika berada di *zawiyah* Syeikh Abdul Wahab Rokan, Syeikh Mahmud telah memberi teguran kepada orang-orang yang sedang bersuluk di sana kerana mereka semuanya telah terkeluar daripada garisan perjalanan Syeikh Abdul Wahab Rokan. Haji Madyan merupakan khalifah di Besilam pada tahun tersebut.

Pengalaman Dengan Kewalian Saiyyid Ahmad Badawi r.a.

Saiyyid Ahmad Badawi merupakan ahli zaman abad 8 Hijrah dan merupakan salah seorang yang mendapat asuhan daripada Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Makam beliau terdapat di Tantho, Mesir.

Beliau juga merupakan salah seorang penasihat Syeikh Mahmud di dalam alam kerohanian. Menurut Syeikh Mahmud, Saiyyid Ahmad Badawi datang mengajar beliau dengan cara *lisanul hal* yakni dengan perbuatan ataupun tingkah-laku. Apabila beliau lihat *Qutubul Ghaus* ini datang, terus Allah s.w.t. membuka kepada beliau bagaimana kesungguhan Saiyyid Ahmad Badawi berjalan di dalam perjalanan ahlullah dan berjuang menundukkan kezaliman pada abad ke 8 Hijrah.

Saiyyid Ahmad Badawi telah mengajar Syeikh Mahmud dengan secara tidak langsung dengan gerak-gerinya yang tidak bercampur aduk dengan haiwaniah tentang tiga sifat para siddiqin iaitu zuhud dan yakin, tidak menggunakan logik akal dan tidak merasa memiliki sesuatu walaupun sebesar zarah atau atom.

Syeikh Abdul Qadir Manikapuri r.a.

Syeikh Abdul Qadir Manikapuri dikenali juga dengan Syeikhul Hamid ataupun Shahul Hamid. Beliau adalah seorang wali Allah yang besar di zamannya dan merupakan ahli zaman abad kesepuluh hijrah. Beliau juga merupakan salah seorang anak murid Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di alam kerohanian.

Semasa Syeikh Mahmud menjalani latihan di hutan Bukit Enggang, beliau pernah terserempak dengan Syeikh Abdul Qadir Manikapuri. Syeikh Mahmud telah mengucapkan salam kepada Syeikh ini. Salam itu dibalas tetapi suara Syeikh Abdul Qadir Manikapuri itu keluar daripada



Syeikh Mahmud dan rombongannya berjalan menuju ke makam Syeikh Shahul Hameed Basha Manikapuri.



Makam Syeikh Shahul Hameed Basha Manikapuri.

mulut Syeikh Mahmud sendiri. Kemudian Syeikh Mahmud bertanya namanya tetapi Syeikh Abdul Qadir Manikapuri telah menengking beliau dengan berkata:

> *"Pergi buat kerja awak! Jangan nak ambil tahu tentang kerja orang lain!"*

Hampir tiga tahun Syeikh Mahmud berasa kebingungan selepas ditengking oleh Syeikh Abdul Qadir Manikapuri. Semenjak itu juga beliau langsung tidak pernah bertanya nama orang-orang yang datang berjumpa beliau dan tidak pedulikan orang lain. Selepas 13 tahun Syeikh Mahmud menjalani latihannya, Syeikh Abdul Qadir Manikapuri telah datang berjumpa beliau dengan wajah yang tersenyum.

Pada Februari 1997 Masehi Syeikh Mahmud telah pergi ke India dan berkesempatan menziarahi makam Syeikh Abdul Qadir Manikapuri di Nagore. Semasa Syeikh Mahmud berada di makam ini, Syeikh Abdul Qadir Manikapuri telah datang berjumpa Syeikh Mahmud kerana menghormati kunjungan Syeikh Mahmud.

Pada tahun 2002 Masehi, sekali lagi Syeikh Mahmud mengunjungi makam Syeikh Abdul Qadir Manikapuri di Nagore, tetapi beliau mendapati kunjungannya kali ini tidak mendapat sambutan daripada Syeikh Abdul Qadir Manikapuri. Lalu Syeikh Mahmud telah bermunajat kepada Allah dan pada masa itu juga beliau telah terdengar suara kerohanian Syeikh Abdul Qadir Manikapuri berkata:

"(Sekarang) Ini zaman kau Mahmud".

Terasa hancur hati Syeikh Mahmud seperti kaca dihempas ke lantai apabila mendengar sindiran daripada Syeikh Abdul Qadir Manikapuri itu. Dengan tidak semena-mena berlakulah *syatoh* di mulut beliau dengan berkata:

"Aku tak akan pijak Nagore, selagi Allah tidak tenggelamkan Nagore".

Pada tahun 2004 Masehi, Tsunami melanda rantau Asia yang melibatkan Selatan India dan telah menenggelamkan Nagore. Menurut Syeikh Mahmud, kewalian ataupun kerohanian Syeikh Abdul Qadir Manikapuri sudah tiada lagi di makamnya sebab itulah berlakunya amalan bidaah dan khurafat di makam beliau.

Syeikh Abdul Qadir Manikapuri juga telah meminta agar beliau menasihat orang berketurunan India lebih-lebih lagi keturunan beliau sendiri. Rentetan daripada dorongan yang Syeikh Mahmud terima daripada ahli zaman abad 10 Hijrah ini maka pada tahun 1985 Masehi orang berketurunan India di Singapura mula mengikut perjalanan Syeikh Mahmud.

Pada tahun 1997 Masehi ketika mengunjungi India, Syeikh Mahmud telah dilantik sebagai Khalifah Ratib Jalaliyyah Malaysia oleh Thaikka Lebbai. Selepas tarikh tersebut Syeikh Mahmud telah dijemput oleh

orang India Muslim untuk memimpin halqah zikir di Masjid Kapitan Kling, Pulau Pinang setiap tahun sempena memperingati 'hol' kelahiran Syeikh Abdul Qadir Manikapuri. Masjid Kapitan Kling diasaskan oleh keturunan Syeikh Abdul Qadir Manikapuri.

Menurut Syeikh Mahmud pertemuan beliau dengan Rasulullah s.a.w, Khidir a.s, Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dan roh-roh suci yang lain adalah secara spontan. Mereka ini datang menemui beliau tanpa memberitahu dan pulangnya juga tidak diberitahu. Syeikh Mahmud juga tidak berasa hendak berjumpa atau berasa tidak mahu berjumpa mereka, cuma di hatinya sentiasa tertumpu kepada:

إِلَهِى أَنْتَ مَقْصُودِى وَرِضَاكَ مَطْلُوْبِى اَعْطِنِى مَحَبَّتَكَ وَمَعْرِفَتَكَ يَا اللهُ


"Wahai Tuhanku! Dikaulah matlamat tujuanku, dan keredhaanMu yang ku tuntuti, kurniakanlah kepada ku kasih-sayang dan ma'rifah kepadaMu Ya Allah."

Tuan Guru Haji Saleh Wara' r.a.

Pada tahun 1971, Syeikh Mahmud mula berdamping dengan Tuan Guru Haji Saleh Wara'. Tuan Guru ini membuka pondok di Pekan Sik yang terletak berhadapan Masjid Pekan Sik. Tuan Guru Hj. Saleh Wara' adalah seorang wali yang duduk di makam tajrid semenjak dari kecil lagi dan pangkat kewalian yang ada pada beliau tidak diketahui oleh anak isterinya apatah lagi orang ramai.

Tuan Guru Haji Saleh Wara' pernah berkata kepada Syeikh Mahmud ketika mereka berdua berbual:

> *"Tak boleh Mahmud, kalau orang tahu rahsia kita, orang akan bunuh kita, (sebab) tidak ada orang mukmin."*



Tuan Guru Hj. Salleh Wara'.

Syeikh Mahmud meminta Haji Saleh Wara' mengajar beliau kitab tasawwuf yang berjudul *Durrun Nafis* yang dikarang oleh seorang wali Allah yang bernama Syeikh Nafis Al-Banjari. Kitab ini walaupun nipis, tetapi mempunyai perbahasan tauhid yang tinggi dan halus. Hanya orang yang sampai kewalian sahaja memahami perbahasan yang terdapat di dalam kitab ini.

Pada tahun 1987 Masehi, Tuan Guru Haji Saleh Wara' pergi menunaikan ibadah haji dan ketika di sana beliau telah sakit. Pada tahun itu Syeikh Mahmud juga berada di Mekah dan Syeikh Mahmud pergi

menziarahi Haji Saleh Wara'. Semasa menziarahi, Syeikh Mahmud telah bertanya:

"Ayah! Kenal tak siapa ni?"

Haji Saleh pun lantas memejamkan matanya dan lalu berkata:

"Hah, Mahmud! Kau tolong doa untuk aku banyak sikit. Alhamdulillah dapat pijak Tanah Haram, haji masalah lain."

Haji Saleh Wara' telah kembali ke rahmatullah ketika usianya 120 tahun.

Tok Wali Ismail Lundang Paku r.a.

Tok Ayah Ismail adalah seorang wali Allah berpangkat Qutub dan beliau pernah berkata:

"Perjalananku akan berkembang di akhir zaman."

Tok Wali Ismail adalah seorang wali Allah yang sentiasa tenggelam di dalam memandang kebesaran dan keagungan Allah. Beliau merupakan murid kepada Tuan Guru Haji Abdul Samad Tabal (1840-1891 Masehi) yang lebih dikenali dengan Tuan Tabal. Tok Wali Ismail dilahirkan pada tahun 1850-an di Lundang Paku, Beta, Kelantan dan meninggal dunia pada tahun 1926 Masehi.



Tempat Makam Tok Wali Ismail di Lundang Paku, Beta, Kelantan.


Makam Tok Wali Ismail Lundang Paku.

Pada awalnya, masyarakat Kota Bharu, Kelantan menganggap beliau seorang gila tetapi selepas Allah s.w.t. menzahirkan karomahnya, barulah mereka menghormati Tok Ayah Ismail r.a.

Karomahnya telah dizahirkan oleh Allah selepas berlaku peristiwa di antara beliau dengan Raja Kelantan ketika itu. Raja ini telah merantai kaki Tok Wali Ismail dengan rantai besi pada sebatang tiang kerana menganggap beliau seorang gila yang mengganggu orang ramai. Tiba-tiba pada suatu masa, gemparlah istana kerana mereka melihat Tok Wali ini sedang berada di dalam bilik peraduan DiRaja, sedangkan mereka baru sahaja merantai kaki beliau. Orang ramai dapat melihat Tok Wali Ismail berjalan-jalan di sekitar Kota Bharu walaupun tadinya kaki beliau dirantai, mereka dapat melihat Tok Wali ini melepaskan ikatan rantai besi di kakinya dan memasang rantai pada kakinya semula selepas beliau pergi berjalan di sekitar Kota Bharu dan istana Raja. Semenjak Raja mendapat tahu yang Tok Wali Ismail telah masuk ke dalam biliknya, baginda telah melepaskannya daripada dirantai dan menghormatinya.

Pernah suatu masa Raja Kelantan pergi ke rumah Tok Wali Ismail kerana ingin bertemu dengan beliau. Apabila Raja tiba di rumah Tok Wali Ismail, beliau menyuruh Raja masuk ke dalam reban ayamnya terlebih dahulu sekiranya hendak bertemu dengan beliau. Raja terpaksa akur dengan syarat yang dikenakan Wali Qutub ini. Raja mahu bertemu dengan Tok Wali Ismail kerana ingin memohon restu daripada beliau untuk pergi ke luar negeri dan memohon agar Tok Wali Ismail memantau negeri Kelantan.

Tok Wali Ismail hidup sezaman dengan Tok Kenali. Tok Kenali merupakan seorang ulama' yang telah mencapai darjah kewalian. Tok Kenali lebih mahsyur dalam bidang ilmu. Kebiasaannya apabila Tok Kenali sedang menyampaikan kuliah beliau akan berhenti mengajar apabila dia terdengar suara Tok Wali Ismail yang sedang berjalan dan Tok Kenali akan mula mengajar apabila Tok Wali Ismail berlalu dari tempat beliau mengajar. Tok Kenali berbuat demikian kerana menghormati Wali Qutub ini.

Kebiasaannya sebelum makan, Tok Wali Ismail akan berzikir terlebih dahulu. Lafaz zikir yang beliau sebut sebelum makan ialah:

> *"Dia (Allah) yang bagi makan, Dia (Allah) yang tak bagi makan."*

Sekiranya perasaan beliau tidak penuh dengan Allah, dia tidak akan makan dan meninggalkan makanan tersebut. Diceritakan juga beliau makan dalam tiga hari sekali.

Ketika Syeikh Mahmud menghadapi pelbagai fitnah dan tohmahan daripada ulama' Kedah dan orang ramai sehingga Ahli Majlis Fatwa Negeri Kedah telah memfatwakan bahawa beliau telah sesat. Jabatan Agama Islam Negeri Kedah juga telah mengeluarkan teks-teks khutbah yang memberi peringatan kepada orang ramai supaya menjauhi Syeikh Mahmud. Mereka juga telah mengeluarkan warta yang mengatakan Syeikh Mahmud mengamalkan ajaran sesat dan warta itu ditampal di seluruh masjid Negeri Kedah. Di dalam akhbar juga diterbitkan tentang fitnah mereka terhadap Syeikh Mahmud.

Rentetan daripada pelbagai fitnah dan tohmahan yang dihadapi oleh Syeikh Mahmud, maka pada suatu petang ketika beliau sedang mandi di telaga, beliau telah terhidu satu wangian yang amat harum dan fahamlah beliau bahawa bau yang harum itu adalah bau kerohanian Tok Ayah Said, guru beliau yang mulia. Kemudian Syeikh Mahmud mendongak ke langit dan beliau telah terdengar suara Ayah Said menyuruh beliau datang ke Lundang Paku, Kelantan. Apabila Syeikh Mahmud sampai di surau Ayah Said di Kelantan, Ayah Said telah berkata kepada beliau dengan penuh pelukan kewalian Tok Wali Ismail dengan katanya:

> *"Mahmud! Kalau kau juga tak berani ibarat anak ayam hilang ibu. Kau jangan takut Mahmud, bangsa kita keturunan kita tak akan jadi begitu."*

Pada masa itu juga Syeikh Mahmud telah merasai pengalaman kerohanian yang tidak pernah dilihat oleh mata, yang tidak pernah didengar oleh telinga dan yang tidak pernah terlintas di dalam hati-hati manusia. Kemudian Syeikh Mahmud pun lantas berdoa kepada Allah:

> *"Ya Allah! Kau anugerahkanlah kepada hambaMu ini keimanan, keyakinan dan ketaqwaan sebagaimana yang telah Kau anugerahkan kepada penasihatku Wali QutubMu Ismail Lundang Paku."*

Tok Wali Ismail juga telah mengarahkan Syeikh Mahmud berkahwin dengan Maimunah Binti Haji Abdul Rahman, isteri kedua Syeikh Mahmud. Tok Wali Ismail berkata:

> *"Mahmud! Awak ambil budak ini, jadikan isteri. Awak akan dapat banyak ilmu."*

Pada mulanya Syeikh Mahmud menolak. Tetapi, apabila dzaukiah beliau terangkat, beliau menerima arahan tersebut.

Tok Ayah Said q. s.



Wazir amanah wali qutub, Tok Ayah Said q.s (1849-1984). Orang yang Mustaghraqun Billah.

Tok Ayah Said adalah murid kepada Tok Ayah Ismail Lundang Paku, Kelantan. Tok Ayah Said asalnya adalah seorang Tok Pendekar. Kemudian pada usianya sekitar 65 tahun beliau mula mencari Allah.

Pada tahun 1910, beliau telah berkhalwat di Bukit Enggang Sik, Kedah. Selepas tiga hari tiga malam berkhalwat di sana beliau telah mendapat alamat bahawasanya "Bukit Enggang adalah tempat Syeikh Mahmud menjalani latihan kesufiannya nanti." Daripada kisah ini, dapat difahami bahawa Ayah Said adalah seorang ahli *kasyaf* yang hebat dan beliau telah mengenali kewalian Syeikh Mahmud sebelum Syeikh Mahmud dilahirkan lagi bahkan pada tahun 1910 Masehi itu ayahanda dan bonda Syeikh Mahmud juga belum lagi lahir kerana ayahanda Syeikh Mahmud lahir pada 1919 Masehi dan bondanya pada 1928 Masehi.

Selepas Ayah Said mengetahui Bukit Enggang adalah tempat latihan Syeikh Mahmud lalu beliau telah berkhalwat di Gunung Yan dan kini lebih dikenali dengan Guar Kepayang, Kedah. Ketika berkhalwat di sana, beliau mendapat alamat supaya balik ke Gunung Bintang di Besut, Terengganu. Ketika berkhalwat di Gunung Bintang selama beberapa bulan, Tok Ayah Said telah mendapat alamat dan arahan untuk berjumpa dan berguru dengan Tok Wali Ismail Lundang Paku, Kelantan. Apabila Tok Ayah Said berjumpa dengan Tok Wali Ismail lantas Tok Wali Ismail berkata pada beliau:

> ***"Said! Aku tunggu mu lama dah".*** *(Said! Aku sudah lama menunggu kedatangan kamu)*





Makam Tok Ayah Said q.s di Lundang Paku, Beta, Kelantan.

Tok Ayah Said duduk di bawah asuhan Tok Wali Ismail lebih kurang 14 tahun. Pada tahun 1939 Masehi, Tok Ayah Said mula *'bersohbah'* dengan Tok Wali Che Mud selepas Tok Wali Ismail meninggal dunia. Pada tahun 1951 Masehi pula Tok Wali Che Mud meninggal dunia.

Tok Ayah Said adalah *wazir* amanah Wali Qutub Ismail Lundang Paku. Di tangan beliaulah amanah Wali Qutub Ismail Lundang Paku diserahkan kepada Syeikh Mahmud.

Berguru Dengan Tok Ayah Said q.s.

Pada tahun 1970 Masehi, Khidir a.s telah memberi arahan kepada Syeikh Mahmud supaya pergi menasihati Muhammad Daud yang mabuk Allah. Pada ketika itu, Muhammad Daud sedang berkhalwat di Bukit Marak, Kelantan. Semasa di Kelantan juga Syeikh Mahmud telah berkenalan dengan salah seorang murid Tok Ayah Said yang bernama Cikgu Haji Ali.

Cikgu Haji Ali menceritakan tentang Ayah Said kepada Syeikh Mahmud lalu Syeikh Mahmud pun berkata kepada Cikgu Ali:

> *"Guru kamu adalah seorang ahli kasyaf yang tinggi kalau tidak dia tidak akan tahu rahsia ini."*

Syeikh Mahmud juga menasihati Cikgu Ali agar bersungguh-sungguh mengikuti Tok Ayah Said.

Selepas menjalankan tugas yang telah diarah oleh Khidir a.s Syeikh Mahmud kembali ke Batu Lima, Sik dan berkhalwat selama 40 hari di Bukit Enggang. Dalam tempoh berkhalwat, beliau telah menghadapi tiga ujian daripada Allah.

Ujian yang pertama ialah seekor Puteri Jin datang menggoda Syeikh Mahmud. Puteri Jin ini menjelma dengan menyerupai seperti Sara Banu seorang pelakon filem Hindustan yang terkenal dengan kecantikannya di zaman tersebut. Dia telah menawarkan diri untuk menjadi isteri Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud telah memerli jin tersebut dengan berkata:

> *"Kamu boleh jadi isteri aku tapi syaratnya kamu hidup dalam alam aku bukan dalam alam jin."*

Puteri jin menjadi malu dengan kata-kata sindiran Syeikh Mahmud itu.

Ujian yang kedua apabila Syeikh Mahmud didatangi oleh Raja Jin yang bernama Abu Yusuf. Raja Jin telah menawarkan diri untuk berkhidmat

dengan Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud telah menolak tawaran Abu Yusuf seraya berkata:

> *"Aku adalah hamba Allah, kau pun hamba Allah sama macam aku. Lebih baik kita berkhidmat kepada Allah sahaja bukan kepada yang lain."*

Raja Jin ini pun turut malu apabila mendengar kata-kata Syeikh Mahmud.

Ujian yang ketiga ialah Syeikh Mahmud telah ditawarkan harta. Raja Jin menawarkan kepada beliau emas yang tertanam dalam bumi yang bernilai 13 juta ringgit pada masa itu. Syeikh Mahmud telah menolak tawaran itu seraya berkata:

> *"Itu sedikit sahaja, Bukit / Jabal Qubis tawarkan pada Rasulullah hendak jadi emas pun Rasul tolak, apatah aku umat dia yang serba jahil yang hidup di akhir zaman ini.'*

Selepas berjaya menghadapi ujian yang berbentuk wanita, kuasa dan harta, barulah Syeikh Mahmud mendapat arahan kerohanian supaya pergi berguru dengan Tok Ayah Said q. s. Pada 12 Rabiul Awal 1392 Masehi, malam Isnin jam 11.00 di Bukit Enggang, Syeikh Mahmud terdengar suara *hatif* yang berkata:

> *"Pergilah Mahmud bertemu dengan Haji Said Lundang Paku, Wazir amanah Wali Qutub Ismail Lundang Paku.'*

Apabila mendapat arahan tersebut, Syeikh Mahmud terus bermunajat kepada Allah agar mempermudahkan beliau bertemu dengan Ayah Said sekiranya arahan dan alamat itu adalah perkara sebenar yakni *haq*. Ini adalah kerana Syeikh Mahmud tidak mahu memahami segala arahan dan alamat kerohanian itu dengan menggunakan minda dan perasaan yang masih dibelenggu oleh jasad.

Apabila Syeikh Mahmud pulang ke rumah, beliau telah memanggil Pak Ngah Daud dan Allahyarham Pak Ngah Hassan datang ke rumahnya. Syeikh Mahmud menghidangkan air kopi kepada mereka berdua kerana bersyukur memperolehi guru Murabbi. Syeikh Mahmud berkata:

> *"Alhamdulillah kita dah dapat guru."*

Tidak lama selepas itu, Syeikh Mahmud telah Allah s.w.t. gerakkan kaki beliau pergi ke tempat Ayah Said di Lundang Paku. Ketika dalam perjalanan ke tempat Ayah Said, Roh Tok Kenali telah bangkit dari kuburnya dan menggamit kepada Syeikh Mahmud supaya datang kepadanya. Syeikh Mahmud telah menolak pelawaan Tok Kenali dengan

membuat isyarat dengan tangan dan menunjukkan isyarat hendak pergi ke depan kerana hendak pergi bertemu dengan Ayah Said. Syeikh Mahmud telah menolak pelawaan Tok Kenali walaupun dia seorang wali Allah yang terkenal di zamannya kerana Allah s.w.t. tidak memerintahkan beliau untuk berguru dengan Tok Kenali tetapi sebaliknya berguru dengan Tok Ayah Said, seorang wali Allah yang masih hidup lagi. Sampai di sana, Ayah Said telah berkata kepada Syeikh Mahmud:

> *"Awang mari dari Bukit Enggang".*

Ayah Said telah menjamu Syeikh Mahmud makan nasi dengan gulai ayam yang beliau sembelih, gulai ayam itu dimasak khas untuk Syeikh Mahmud sebelum Syeikh Mahmud tiba di surau Ayah Said lagi.

Semasa majlis zikir selepas solat Maghrib, Allah s.w.t telah mempamerkan kewalian yang ada pada Ayah Said kepada Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud telah nampak *nur iman* yang sentiasa memancar daripada dada Ayah Said dan menyuluh kepada jiwa-jiwa manusia. Pada masa itu juga berlaku syattah di mulut Ayah Said dengan berkata:

> *"Orang yang duduk di Bukit Enggang suluh nampak, kamu?" ('kamu' di sini adalah ditujukan kepada para pengikutnya yang telah lama ikut beliau berzikir).*

Syeikh Mahmud berada di bawah asuhan Tok Ayah Said selama lebih kurang 13 tahun. Dalam tempoh tersebut, Syeikh Mahmud telah berulang alik dari Bt Lima, Sik Kedah ke Lundang Paku, Kelantan untuk *bersohbah* dengan guru beliau ini.

Ketika berada di *zawiyah* Ayah Said, Syeikh Mahmud menggunakan kesempatan tersebut dengan banyak berkhidmat dengan gurunya dan para ahli jemaah gurunya. Syeikh Mahmud selalu menangkap ikan di sungai untuk dijadikan lauk makanan mereka walaupun pada masa itu beliau kurang memakan makanan yang berdarah. Syeikh Mahmud juga telah berusaha mengumpulkan duit untuk membeli pam air selepas beliau ternampak gurunya yang berusia seratus tahun lebih bersusah payah mengetuk tin untuk dijadikan timba untuk menyedok air telaga. Syeikh Mahmud selalu memimpin dan memapah gurunya ketika berjalan kerana gurunya telah uzur.

Sebahagian Kata-kata Ayah Said kepada Syeikh Mahmud

1. *"Ayah nampak ustaz seorang aje yang boleh"* (memperolehi ilmu kesufian).

2. *"Anak ambo berjalan macam lompat gagak"* Kata-kata teguran Ayah Said kepada Syeikh Mahmud yang pada masa itu belum lagi matang di dalam perjalanan *muqarrabin*. Pada masa itu Syeikh Mahmud sibuk dengan kerja buatnya sehingga kerja buat itu masih boleh mempengaruhi tumpuan beliau terhadap Allah dan menyebabkan tumpuan beliau tidak bersesuaian dengan perjalanan *muqarrabin*.

3. *"Anak ambo tak lama dah, nak beradu macam ambo".* Kata-kata ini Ayah Said sebut ketika dalam halqah zikir ketika Syeikh Mahmud sedang menangis teresak-esak kerana telah dipamerkan Allah kepada beliau tentang kewalian yang ada pada Ayah Said. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1976 Masehi selepas Syeikh Mahmud bersungguh-bersungguh membuat tumpuan kepada Allah apabila beliau pulang ke Kedah selepas ditegur Ayah Said seperti gagak melompat.

4. *"Tak apalah Ayah ikut ustaz".* Kata-kata ini keluar apabila satu kumpulan dakwah datang dan mengajaknya ke surau untuk bersama-sama dengan mereka memakmurkan surau. Kemudian Ayah Said bertanya Syeikh Mahmud apa pandangan beliau. Lalu Syeikh Mahmud menjawab : "Eloklah kita pergi, orang dah jemput," pandangan ini diberi oleh Syeikh Mahmud berdasarkan pemahaman beliau terhadap ilmu syariat sedangkan Ayah Said mengajar beliau ilmu hakikat. Ayah Said pun berkata: *"Tak apalah Ayah ikut ustaz".* Apabila Syeikh Mahmud mendengar jawapan Ayah Said begini, beliau terus beristighfar dan hatinya terus terdetik: *"Ada benda yang tak elok akan berlaku sebab Ayah ikut aku, sepatutnya akulah yang kena ikut dia".* Ketika di surau tersebut, berlakulah peristiwa yang tak sihat kerana pemimpin jemaah tersebut tidak membenarkan Ayah Said membawa zikir sebagaimana biasa yang dilakukan oleh Ayah Said dan murid-muridnya. Orang itu tidak menghormati Ayah Said Wazir amanah Wali Qutub. Akibatnya, sehingga sekarang orang tersebut hidupnya jadi tidak menentu dan menentang perjalanan Auliya' kerana taa'sub dengan caranya sahaja. Sedangkan Allah s.w.t. telah mengistiharkan perang terhadap orang-orang yang menyakiti para waliNya, sebagaimana yang terdapat pada hadis qudsi.

عن أبي هريرة رضى الله عنه قال رسول الله صلى الله عليه و سلم (إِنَّ اللهَ تَعَلَى قَالَ :
مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ أَذَنْتُهُ بِالحَرْبِ ....)

Daripada Abu Hurairah, telah bersabda Rasulullah s.a.w, Allah Taala telah berfirman "sesiapa yang menyakiti waliKu maka sesungguhnya Aku mengsitiharkan perang". Hr. Imam Bukhari.

5. Pernah suatu masa ada orang yang datang ke surau Ayah Said dan berbual-bual dengannya. Apabila orang itu pulang, Ayah Said telah berkata kepada Cikgu Daud salah seorang murid Syeikh Mahmud:

    "Orang tadi tu tak kenal orang, kalau Cikgu nak kenal orang berkawanlah dengan ustaz, ustaz kenal orang".

6. Semasa Syeikh Mahmud sibuk menangkap ikan di sungai ketika berada di *zawiyah* Ayah Said, tiba-tiba datang seorang murid Ayah Said memberitahu bahawa Ayah Said panggil balik. Apabila sampai depan Ayah Said yang sedang duduk bersama para muridnya, Ayah Said terus berkata:

    "Ni ustaz, tadi ada orang datang dari Kota Bharu bawa dua bungkus laksa, sebungkus Ayah dah makan, ini ada sebungkus lagi untuk ustaz, orang lain tak ada rezeki".

    Syeikh Mahmud pun mengambil bungkusan tersebut dengan perasaan malu dan mengagihkan sedikit laksa itu kepada rakan-rakannya yang duduk bersama Ayah Said untuk sama-sama merasa keberkatan pemberian daripada Ayah Said.

7. Pada suatu masa, ada orang datang berjumpa Ayah Said kerana hendak mengajak beliau menghadiri solat jenazah ahli keluarganya. Si mati tersebut adalah ahli maksiat. Tujuan orang itu mengajak Ayah Said kerana berharap semoga dosa-dosa saudaranya yang mati tersebut akan diampun oleh Allah sekiranya para Auliya' datang menyembahyangkan jenazahnya. Tetapi Ayah Said telah menolak permintaan orang tersebut seraya berkata:

    "Minta maaflah awang, ambo uzur".

    Orang itu pun menerima keuzuran Ayah Said yang sudah mencecah usia seratus tahun lebih. Kemudian orang itu telah mempelawa Syeikh Mahmud yang ada di situ dan baru sahaja tiba dari Kedah. Orang itu telah mengetahui keistimewaan Syeikh Mahmud sebelum ini melalui Ayah Said. Apabila Ayah Said melihat orang tersebut mengajak Syeikh Mahmud lalu berlakulah *syatoh* di mulut Ayah Said yang mulia:

    "Ustaz nak pergi?"

    Bila Syeikh Mahmud melihat mulut Ayah Said yang sedang bercakap itu, Allah s.w.t telah membuka kepada beliau gambaran api neraka. Lalu Syeikh Mahmud menolak permintaan orang tersebut seraya berkata:

"Minta maaflah, ambo baru sahaja sampai dari Kedah, letih naik keretapi tak habis lagi".

8. Syeikh Mahmud dan Ayah Said pernah berjalan di bandar Kota Bharu. Tiba-tiba terserempak dengan seorang lelaki yang mengenali Ayah Said dan lelaki tersebut terus memanggil Ayah Said. Lelaki tersebut hendak datang mendekati Ayah Said tetapi Ayah Said telah membuat satu isyarat menyebabkan orang itu terhenti, kemudian Ayah Said berkata kepada Syeikh Mahmud:

   "Dulu Ayah sangka dia itulah akan menjadi tonggak di Kelantan tapi menyeleweng. Nak buat macam mana hak (kepunyaan) Dia (Allah) belaka."

9. Ayah Said mengajar perjalanan kesufian kepada Syeikh Mahmud banyak dengan menggunakan lisanul hal, jarang sangat beliau bercakap. Pernah suatu masa Syeikh Mahmud tidur di dalam surau Ayah Said. Tiba-tiba beliau tersedar dan mendapati Ayah Said sedang duduk di atas sejadah kerana menunggu masuk waktu solat Subuh sambil membuat tumpuan kepada Allah. Bila Syeikh Mahmud melihat jam ada setengah jam lagi hendak masuk waktu Subuh. Syeikh Mahmud berasa malu apabila melihat kesungguhan Ayah Said beribadat walaupun Ayah Said sudah berusia seratus tahun lebih.

10. Apabila Ayah Said mendapati setiap tindak-tanduk Syeikh Mahmud bersesuaian dengan orang hakikat beliau akan berkata :

    "Pandai Ustaz berjalan".

    Sedangkan beliau tidak pernah menyuruh ataupun memberi arahan secara lisan kepada Syeikh Mahmud membuat sesuatu.

11. *"Kita kena pergi haji dengan mengikut cara orang ramai ia ustaz tapi Tok guru kita (Tok Wali Ismail) Masya Allah".* Ayah Said berkata begini kerana Tok Wali Ismail pergi menunaikan ibadah haji di Mekah tanpa menaiki apa-apa kenderaan, hanya semata-mata anugerah Allah. Dikatakan orang-orang Kelantan yang pergi menunaikan ibadah haji akan terjumpa Tok Wali Ismail di sana.

12. Ayah Said pernah terdengar Syeikh Mahmud sedang asyik mengalunkan selawat Tajalli lalu secara spontan beliau berkata:

    "Masih ada dunia".

Kemudian apabila Syeikh Mahmud memeriksa semula setiap perkataan yang terdapat dalam selawat itu barulah beliau perasan terdapat satu ayat yang apabila diterjemah ke dalam bahasa Melayu.

"Sesiapa yang melihat aku pastilah akan berasa gerun".

Lalu Syeikh Mahmud telah menukarkan ayat tersebut dengan ayat yang lebih sesuai yang tidak mempunyai unsur-unsur keduniaan.

Syeikh Mahmud sangat mencintai dan menghormati guru beliau walaupun Ayah Said menganggap beliau sebagai seorang saudara seperguruan Tok Wali Ismail bukan sebagai murid. Di dalam jiwa Syeikh Mahmud langsung tidak terdapat perasaan sangkaan buruk terhadap Ayah Said walaupun Ayah Said tidak mempunyai ilmu zahir syariat seperti beliau kerana Allah s.w.t. telah membuka kepada beliau bahawa gerak-geri guru beliau sama yang Allah telah lakukan terhadap Khidir a.s. semasa bersama Musa a.s kerana Ayah Said merupakan seorang *majzub*. Syeikh Mahmud pernah berkata, di sisi gurunya emas dan pasir adalah sama sahaja, orang perempuan dan tunggul kayu sama sahaja.

Syeikh Mahmud pernah disuruh oleh Ayah Said untuk memberi teguran kepada para pengikut Ayah Said agar berpegang dengan syariat. Apabila Syeikh Mahmud memberi pengajaran kepada mereka tentang syariat, mereka berkata:

"Ustaz orang syariat, kami ikut Ayah Said".

Kata-kata yang selalu disebut oleh Ayah Said ialah: *"Ada yang lain lagi ka? Tak ada dah! Mari kita pakat sebut* لاإله إلا الله *(La Ila ha IllAllah)".* Di sebabkan Ayah Said merupakan orang yang *majzub*, maka pengajaran beliau tidak mampu difahami oleh para murid yang lain melainkan Syeikh Mahmud seorang. Ini adalah kerana Syeikh Mahmud juga orang yang *majzub*. Perkara ini telah diakui oleh Haji Muhammad Kamal seorang murid Syeikh Mahmud yang mempunyai pengalaman majzub dan telah bersuluk di Jabal Nur selama 4 bulan 10 hari dengan hanya makan roti *sabil* dan air zam-zam. Haji Muhammad Kamal menyatakan sekiranya beliau tidak berjumpa Syeikh Mahmud, dia pasti tidak memahami segala pengajaran Ayah Said.

Ketika makan, orang yang duduk berdekatan dengan Ayah Said samada isteri beliau sendiri akan memberitahu kepada beliau supaya meletakkan lauk dalam pinggannya. Bila diberitahu depannya ada lauk, barulah Ayah Said perasan depannya ada lauk. Kalau tidak, hingga habis makan Ayah Said akan makan nasi tanpa berlauk kerana beliau makan penuh asyik dengan Allah sehingga tidak perasan dengan keadaan sekelilingnya.

Pernah Syeikh Mahmud memerhati Ayah Said makan nasi ketika beliau berpeluang makan bersama gurunya ini. Syeikh Mahmud telah mengira berapa banyak suapan Ayah Said makan dan berapa suapan yang beliau sendiri makan. Bila dikira bilangan suapannya sama sahaja tetapi nasi di dalam pinggan Ayah Said tidak berkurangan. Fahamlah Syeikh Mahmud bahawa gurunya dianugerahkan oleh Allah memakan makanan yang bukan dari alam dunia ini.

Pernah suatu masa, Syeikh Mahmud datang mengunjungi Ayah Said. Ketika tiba di zawiyah Ayah Said, Syeikh Mahmud belum bersolat lagi dan beliau telah ternampak Ayah Said sedang duduk bersama muridnya lalu beliau terus bersalam dengan Ayah Said dan duduk bersama mereka.Tiba-tiba Syeikh Mahmud ternampak yang wajah Ayah Said berubah menjadi merah padam, fahamlah Syeikh Mahmud yang beliau telah melakukan satu kesilapan iaitu beliau belum bersolat lagi tetapi telah pergi duduk hendak berbual dengan Ayah Said. Syeikh Mahmud pun bangun dan pergi bersolat. Pada perasaan Syeikh Mahmud apa yang beliau lakukan pada permulaan itu sudah dianggap beradab dengan guru tetapi selepas Ayah Said menunjukkan reaksi yang tidak senang dengan perbuatannya itu, barulah beliau faham yang Ayah Said bukan membawa manusia kepada dirinya tetapi membawa manusia kepada Allah.

Pada tahun 1974 Masehi, Syeikh Mahmud membawa jemaah seramai 5 orang ke Kelantan untuk bertemu Ayah Said dan membawa halqah zikir di suraunya. Pada tarikh itu adalah mula terbukanya Lundang Paku dan Ayah Said mula kembali ke surau lama Tok Wali Ismail. Surau Tok Wali Ismail yang ditinggalkan kembali digunakan.

Pada bulan April tahun 1975 Masehi, Syeikh Mahmud telah membawa 44 orang muridnya dari Kedah ke zawiyah Ayah Said dan menziarahi makam Tok Wali Ismail. Apabila sampai ke sana, beberapa orang murid Syeikh Mahmud telah berbincang untuk membeli ikan kerana hendak dijadikan lauk pada waktu makan nanti. Akhirnya, mereka pergi ke pekan dan membeli beberapa kilogram ikan. Ketika mereka ke pekan, seorang peniaga ikan dari bandar Kota Bharu telah datang ke zawiyah Ayah Said dan memberi kepada Ayah Said satu tong berisi ikan. Kemudian Ayah Said pun berkata *"mereka tu pergi cari ikan tapi ini ada orang hantar satu tong ikan, tak gaduh (susah) kita nak pergi cari".* Para jemaah yang ada pada masa itu berasa kagum dengan karomah Ayah Said yang Allah perlihatkan kepada mereka.


Ahli jemaah menziarahi Ayah Said pada tahun 1975.

Sekiranya ada orang bercakap depan Ayah Said tentang masalah kewangan, beliau akan berkata: *'Oh! Tak usah nak gaduhlah, pitis (duit) kita belanar (banyak).'* Pernah Hj. Ahmad, murid Ayah Said pergi ke bandar Kota Bharu dengan salah seorang pengikut Syeikh Mahmud yang bernama Abdul Wahab. Ketika di Kota Bharu mereka telah bertemu dengan orang yang mengenali Ayah Said dan orang itu telah mengirim duit untuk Ayah Said kepada Haji Ahmad. Apabila mereka balik ke *zawiyah* Ayah Said, Hj. Ahmad terlupa hendak menyerahkan duit itu kepada Ayah Said, tapi dengan tiba-tiba Ayah Said berkata kepada Hj. Ahmad: *"Pitis (duit) ambo ada dalam kocek demo (awak)".*

Selepas berjumpa dengan Ayah Said, Syeikh Mahmud mula mengamalkan selawat selama 15 minit di atas sejadah sementara menunggu masuk waktu solat. Syeikh Mahmud pergi mendampingi Ayah Said dalam tempoh setahun sekali kerana hendak menyelaraskan cinta Allah.

Wazir amanah Wali Qutub ini telah kembali ke rahmatullah pada malam Isnin, 10 Rabiul Awal 1405 Hijrah bersamaan 3 Disember 1984 Masehi. Setahun sebelum beliau meninggal dunia beliau sering menyebut: *"Ambo tak mahu duduk Kelantan lagi, ambo nak pergi duduk Kedah di tempat Ustaz".*

Selepas Tok Ayah Said meninggal dunia, Syeikh Mahmud terus berjalan memperbaiki diri beliau di atas perjalanan ahli sufi dengan berpandukan sedikit sebanyak pengalaman yang beliau timba selama berdampingan dengan Tok Ayah Said *Qaddasallah hu sirrah* sehinggalah ke hari ini.



Sheikh Abdullah B. Harun r.a (1836 -1992) - Orang yang Mustaghraqun Fillah

Syeikh Abdullah Bin Harun r.a. (1837-1993 Masehi)

Syeikh Abdullah Bin Harun adalah seorang ahlullah yang Allah s.w.t sembunyikan kewaliannya. Masyarakat setempat menganggap beliau orang gila pada hal beliau merupakan seorang Auliya' yang besar yang sentiasa karam di dalam memandang kebesaran Allah. Beliau seorang yang *majzub*. Menurut Syeikh Mahmud, Syeikh Abdullah Bin Harun adalah seorang Ahlullah berpangkat *Imaman*.

Syeikh Mahmud mengetahui tentang Syeikh ini melalui seorang bekas pengikut Syeikh Mahmud yang bernama Hj. Abdul Rahman. Hj. Abdul Rahman telah menceritakan kepada Syeikh



Makam Sheikh Abdullah B. Harun r.a di Teluk Malek, Jitra, Kedah.



Pondok kediaman Sheikh Abdullah di akhir hayatnya.

Mahmud tentang beberapa orang yang telah beliau temui termasuklah Syeikh Abdullah Bin Harun. Kesemua yang diceritakan oleh Hj. Abdul Rahman itu tidak masuk dalam kouta Ahlullah melainkan Syeikh Abdullah Bin Harun seorang sahaja. Sebelum bertemu dengan Syeikh Mahmud, Haji Abdul Rahman pernah menceritakan tentang Syeikh Abdullah ini kepada salah seorang ulama' di tempat beliau. Tetapi ulama' itu berkata bahawa Syeikh Abdullah bukan seorang Wali Allah kerana tidak sembahyang. Haji Abdul Rahman telah bercerita perkara ini kepada Syeikh Mahmud sewaktu mereka bermalam di rumah Abbas sepupu Syeikh Mahmud di Simpang Empat.

Pada keesokan paginya, Syeikh Mahmud dan Abbas pergi ke tempat Syeikh Abdullah Bin Harun di Sungai Korok, Kedah. Apabila sampai di kediaman Syeikh Abdullah, mereka melihat Syeikh Abdullah tidak menghiraukan kedatangan Syeikh Mahmud. Beliau hanya sibuk membuat kerjanya membaiki jalan di depan kediamannya. Apabila Syeikh Mahmud memandang Syeikh Abdullah, beliau sudah nampak lambang orang yang kenal Allah di wajah Syeikh Abdullah. Kemudian Syeikh Mahmud telah masuk ke dalam alam Khidir a.s secara kerohanian untuk memastikan adakah Syeikh Abdullah mendapat ilmu daripada Khidir a.s. Tetapi, Syeikh Abdullah tidak menunjukkan sebarang reaksi. Kemudian Syeikh Mahmud telah masuk ke dalam alam Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani pula secara kerohanian untuk memastikan adakah Syeikh Abdullah mendapat ilmu Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, tetapi Syeikh Abdullah tetap tidak menunjukkan sebarang reaksi. Tetapi apabila Syeikh Mahmud masuk ke dalam alam *jazbah*, beliau telah bertemu dengan kerohanian Syeikh Abdullah di alam jabarrut. Pada masa itu barulah Syeikh Abdullah

bin Harun menunjukkan reaksi dan berkata: *"Hang nak pisang?"* Syeikh Abdullah telah menebang pohon pisang di tepi kediamannya lalu menghadiahkan setandan pisang kepada Syeikh Mahmud. Pada masa itu Syeikh Abdullah telah menunjukkan reaksi seperti orang siuman tidak seperti orang gila. Beliau telah menyisir pisang itu dan meletakkan dengan baik ke dalam raga motor Abbas. Kemudian Syeikh Abdullah Bin Harun duduk mencangkung di depan kediamannya sambil mengurut-ngurut janggutnya dan mendongak ke langit. Selepas itu beliau telah memberi isyarat agar mengikutnya masuk ke dalam kediamannya.

Semasa masuk ke dalam kediaman itu, Syeikh Abdullah telah menghamparkan guni plastik untuk dijadikan hamparan duduk kepada Syeikh Mahmud dan Abbas. Kemudian telah memberi mereka berdua bantal dan memberi isyarat kepada mereka berdua agar tidur. Selepas itu, dia pun masuk ke dalam kelambunya dan tidur. Menurut Abbas dia tak tidur kerana mahu melihat dengan mata kepalanya apa yang akan berlaku lagi. Semasa itu dia telah ternampak cahaya hijau kebiru-biruan di dalam kelambu Syeikh Abdullah. Selang tidak beberapa lama Syeikh Abdullah pun keluar dari kelambunya dan Syeikh Mahmud pun tersedar, Syeikh Abdullah telah berkata kepada mereka berdua, katanya : *"Rayuan ada!"* Kemudian Syeikh Mahmud telah memeluk Syeikh Abdullah sambil menangis dan memohon agar Syeikh Abdullah mendoakannya.

Pada malamnya sekitar jam 3 pagi ketika Syeikh Mahmud sedang tidur di rumahnya, tiba-tiba beliau telah terjaga dan terus sahaja berzikir. Hal ini berlaku kerana kerohanian Syeikh Abdullah Bin Harun telah datang mengejutkan Syeikh Mahmud daripada tidur dan mengajak berzikir. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1979 Masehi.

Pada tahun 1982 Masehi, Syeikh Mahmud mendapat arahan kerohanian agar pergi berjumpa Syeikh Abdullah Bin Harun sekali lagi. Apabila sampai di kediaman Syeikh Abdullah, Syeikh Mahmud telah mengucapkan salam. Tetapi Syeikh Abdullah telah membalas salam itu dengan menyebut : *"Emmh"*. Selepas itu beliau telah memberi isyarat kepada Syeikh Mahmud agar masuk ke dalam kediamannya. Pada pertemuan kali ini Syeikh Abdullah telah memberi pengajaran kepada Syeikh Mahmud dengan membuat isyarat sahaja. Isyarat yang beliau buat ialah beliau hanya menggosok-gosok kepalanya dengan kedua-dua belah tangannya.

Pada tahun 1985 Masehi, Syeikh Mahmud telah mendapat arahan kerohanian agar pergi berjumpa Syeikh Abdullah Bin Harun sekali lagi. Pada kali ini Syeikh Abdullah telah memberi pengajaran kepada Syeikh Mahmud hanya dengan membuat isyarat menggunakan tangannya. Syeikh ini hanya melurut-lurut tapak tangan kanannya ke atas lengan kirinya

bermula dari siku hingga ke jari kiri dan tapak tangan kirinya ke atas lengan kanannya bermula dari siku hingga ke jari kanan.

Arifbillah yang agung ini telah meninggal dunia pada tahun 1993 ketika berusia 156 tahun Sebulan sebelum beliau meninggal dunia, Syeikh Mahmud mendapat alamat daripada Allah yang Syeikh Abdullah akan meninggal, lalu Syeikh Mahmud pun bermunajat kepada Allah agar mempamerkan kewalian yang ada pada Syeikh Abdullah kepada orang ramai. Pada hari kematian Syeikh Abdullah, Syeikh Mahmud berada di Madrasah Nurul Iman Kok Sira, Thailand.

Syeikh Mahmud telah berdamping dengan Syeikh Abdullah selama 13 tahun. Dalam tempoh itu beliau hanya menerima tiga pengajaran daripada Syeikh ini. Itupun hanya dengan isyarat sahaja. Pada tahun 2003 Masehi ketika berbual dengan Tengku Harmy dan Allahyarham Pak Yusuf di bawah sarang burung merpati di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat barulah Allah s.w.t. merungkaikan kepada Syeikh Mahmud terhadap 3 pengajaran daripada Syeikh Abdullah bin Harun.

1. Pengajaran yang pertama bermaksud hendaklah ada zuhud dan yakin.
2. Pengajaran yang kedua bermaksud janganlah menggunakan logik akal.
3. Pengajaran yang ketiga bermaksud janganlah merasa kita memiliki sesuatu walaupun sebesar atom dan zarah.

Ketiga-tiga pengajaran ini adalah merupakan perwatakan para *muqarrabin* lagi *siddiqin*.



Disinilah terdapatnya lubang tempat khalwat Tok Selehong.



Hj Abdul Rahman B. Hj. Othman/ Tok Selehong - Meninggal dunia pada 18 Zulkaedah 1353H bersamaan 20 Februari 1935.



Lubang menuju tempat berkhalwat dalam tanah di kawasan Pondok Batu Lima.



Batu tempat beribadat dalam lubang khalwat yang telah diubah suai.

Khalwat Di Dalam Lubang

Pada tahun 1971 Masehi Syeikh Mahmud telah mendapat arahan kerohanian pergi ke tempat khalwat Haji Abdul Rahman yang lebih dikenali dengan Tok Selehong[10] di Tumpat, Kelantan. Tok Selehong adalah seorang ulama' sufi yang terkenal di Kelantan dan membuka pusat pengajian di pinggir Sungai Selehong. Beliau berkhalwat di dalam lubang yang beliau gali di kawasan tanah perkuburan Selehong. Ketika Syeikh Mahmud tiba di tempat khalwat tersebut kewalian Tok Selehong telah menjelma di hadapan beliau dan bercakap: *"Aku buat ini untuk kamulah Mahmud." "Kamu datanglah berkhalwat di sini."* Oleh kerana Syeikh Mahmud menetap di Batu Lima, Kedah maka beliau telah menggali lubang khalwat di tempatnya sendiri. Pada mulanya lubang tersebut terdapat di dalam rumah Syeikh Mahmud, kemudian satu lubang lagi digali pada tempat yang mula-mula kerohanian Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani turun di dalam kawasan pondok Batu Lima dan lubang ini masih kekal hingga sekarang. Lubang yang di dalam rumah Syeikh Mahmud telah di timbus.

Syeikh Mahmud berulang alik masuk berkhalwat di dalam tanah selama 16 bulan. Menurut Syeikh Mahmud pengalaman berkhalwat dalam tanah adalah lebih hebat jika dibandingkan berkhalwat di dalam hutan dan gua.

[10] Tok Selehong, Hj.l Abdul Rahman B. Haji Osman. Pada peringkat awal mengaji di Kelantan kemudian ke Tanah Pattani dan akhirnya melanjutkan pelajarannya di Tanah Suci Mekah. Beliau mengaji di Mekah selama 18 tahun. Salah seorang guru beliau di Mekah adalah Tok Syafie Kedah. Kembali ke Kelantan pada tahun 1921 dan membuka pusat pengajian. Beliau meninggal dunia pada jam 8.30 malam Khamis 18 Zulkaedah 1353H bersamaan 20 Februari 1935. Dikebumikan di Tanah Perkuburan Selehong. Beliau pandai bersilat serta suka memukat ikan di sungai dan memburu rusa. Salah satu hobi beliau ialah memelihara haiwan seperti kuda, biri-biri dan ayam jantan laklung sama seperti ayam serama di zaman ini. Ketika beliau membaca kitab israk mikraj ramai orang yang menangis dan ramai ahli maksiat bertaubat di tangannya lalu menjadi murid beliau.

Memakai Serban Dan Jubah


Pak Tamin di Kuala Ketil, Kedah.

Pada tahun 1972 Masehi, Syeikh Mahmud mempunyai dua atau tiga orang murid. Apabila Haji Dasuki menjadi murid Syeikh Mahmud, beliau juga telah membawa sebelas orang anak muridnya. Anak murid Haji Dasuki telah belajar Kitab Hikam sebuah kitab tasawwuf yang ditulis oleh Syeikh Ahmad Ibnu Atoillah Assakandari. Kemudian diterjemah dan diulas ke Bahasa Melayu oleh Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malek. Mereka telah mempelajari kitab ini selama 6 bulan. Kemudian Allah s.w.t. telah mengilhamkan kepada seorang hambaNya yang bernama Tamin supaya menghadiahkan serban dan kain putih untuk dibuat jubah oleh Syeikh Mahmud. Mulai tarikh tersebut, Syeikh Mahmud mula memakai serban dan jubah walaupun beliau belum menunaikan ibadah haji. Di kalangan masyarakat Melayu Malaysia, orang yang memakai serban dan jubah adalah orang yang telah menunaikan fardhu haji dan menjadi satu kejanggalan bagi mereka apabila memakai serban dan jubah jika belum menunaikan haji. Tamin juga menghadiahkan sebatang tongkat kepada Syeikh Mahmud pada tahun 2006 Masehi bersamaan Rabiul awal 1427 Hijrah.


Tongkat Nibong yang dihadiahkan kepada Syeikh Mahmud pada 2006 Masehi.

Pada tahun 1972 Masehi juga, kaum muslimah yang mengikuti Syeikh Mahmud mula memakai tudung dan purdah ekoran daripada apa yang Allah s.w.t bukakan kepada Cikgu Latifah pengalaman jazbah yang pada ketika itu mula memakai tudung dan berpurdah. Menurut cerita Mak Wa, isteri pertama Syeikh Mahmud, disebabkan pada tahun itu mereka hidup dalam kedaifan maka beliau telah menggunakan telekung sembahyang sebagai tudung yang digunakan sebagai di luar sembahyang juga. Apabila beliau mula-mula memakai tudung dan purdah ramailah masyarakat sekeliling berkata : ***"Dulunya laki dia gila (Syeikh Mahmud) sekarang ini dia (Mak Wa) pula gila."*** Pernah satu masa di peringkat awal memakai tudung dan berpurdah, Mak Wa telah dibawa oleh Pak Ngah Daud, adik ipar Syeikh Mahmud pergi ke bandar Sungai Petani pada tahun 1979 Masehi kerana menguruskan kemasukan air paip ke dalam Pondok Batu Lima. Apabila mereka berdua berjalan di dalam bandar Sungai Petani, orang ramai terkejut melihat Mak Wa dalam keadaan memakai tudung dan purdah. Ini adalah merupakan pertama kali[11] bagi mereka melihat orang perempuan Islam di Malaysia memakai pakaian yang bersesuaian dengan syariat.

[11] Sebelum ini sudah ada orang perempuan yang memakai tudung dan purdah di Malaysia seperti yang terdapat di satu perkampungan Islam di Sungai Cincin Gombak di bawah pimpinan seorang wali Allah yang bernama Syeikh Muhammad Nor Al-Kholidi sekitar tahun 1894-1919 tetapi tidak tersebar luas di kalangan masyarakat awam.

Menunaikan Fardhu Haji



Maulana Ibrahim B. Ghazali/ Pak Teh Ibrahim

Pada tahun 1979 Masehi, Syeikh Mahmud menunaikan ibadah haji. Ketika berada di sana, beliau berjumpa Pak Teh Ibrahim yang telah menamatkan pengajiannya di India dan Pakistan. Pak Teh Ibrahim telah melanjutkan pengajiannya di India dan Pakistan pada tahun 1971 Masehi atas dorongan Syeikh Mahmud. Semasa di Pakistan, Pak Teh telah belajar daripada Maulana Yusuf Binuri seorang wali Allah yang berpangkat *Autad* menurut Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud telah berada di Kota Mekah pada waktu ini selama 45 hari.

Pertumpahan Darah Di Dalam Masjidil Haram

Semasa Syeikh Mahmud berada di Kota Suci Mekah, berlaku peristiwa berdarah di dalam Masjidil Haram dan menurut Khidir a.s kejadian itu adalah bunga abad 15 Hijrah dan menyuruh agar Syeikh Mahmud jangan campur tangan dalam kejadian ini. Peristiwa ini berlaku pada hari Selasa 1



Syeikh Mahmud bersama Kiyai Hj. Hadrawi Banjarmasin (kanan sekali) semasa lawatan beliau ke Hulu Langat pada Januari 2009 Masehi.

Muharram 1400 Hijrah.

Pada malam sebelum peristiwa tersebut, Syeikh Mahmud telah berzikir dengan *zikir jahr* bersama beberapa orang muridnya iaitu Pak Teh Ibrahim, Kiyai Hadrawi Banjarmasin, Ustaz Shahir dan Ustaz Ghazali pengikut Ayah Said di dalam Masjidil Haram. Semasa berzikir, orang Saudi yang berfahaman *Wahabi* dan polis yang terdapat di dalam masjid telah memarahi mereka kerana berzikir dengan mengatakan mereka membuat amalan bidaah dan syirik. Menurut Kiyai Hadrawi, pada masa berzikir, beliau telah terdengar Syeikh Mahmud berkata bahawa Saudi akan mendapat musibah dan kata-kata ini diulang sebanyak tiga kali ujar Kiyai Hadrawi lagi. Syeikh Mahmud juga telah melihat Hajarul Aswad ketika itu berwarna merah yang merupakan satu alamat akan berlaku pertumpahan darah.

Semasa kejadian tembak menembak berlaku di dalam Masjidil Haram itu, Khidir a.s telah mengarahkan Syeikh Mahmud agar membawa keluar orang-orang yang berbuat ibadah yang terperangkap di dalam masjid. Syeikh Mahmud pergi bertemu dan berbincang dengan Juhaiman iaitu seorang pemimpin pejuang yang memberontak terhadap pemerintah Saudi. Selepas berbincang, Syeikh Mahmud dan Pak Teh mengarahkan orang ramai yang terperangkap agar keluar dari Masjidil Haram melalui satu lubang yang telah mereka pecahkan di dinding masjid.

Perkahwinan Dengan Isteri Kedua

Pada tahun 1978 Masehi, Syeikh Mahmud telah berkahwin dengan Maimunah binti Haji Abdul Rahman yang berketurunan Melayu Pattani dan berasal dari Kampung Hangus, Baling Kedah. Perkahwinan ini diterima oleh Syeikh Mahmud atas arahan Tok Wali Ismail Lundang Paku. Maimunah merupakan murid pertama Syeikh Mahmud yang berjaya menghabiskan suluk tidak makan dan tidak minum selama 10 hari yang dianjurkan oleh Syeikh Mahmud di Batu Lima. Di kalangan ahli jemaah, isteri kedua Syeikh Mahmud lebih dikenali dengan panggilan 'Mak Teh Munah' atau 'Mama'.

Selepas berkahwin dengan isteri kedua, Syeikh Mahmud mendapat arahan daripada suara *hatif* agar tidak lagi bertemu Tuan Guru Hj. Omar Azzuhdi di Madrasah Misbahul Falah yang lebih dikenali dengan Hj. Omar Pondok Lanai. Perkara ini terjadi kerana Hj. Omar Lanai merasa sangsi dengan perkahwinan Syeikh Mahmud kali ini, lalu dia telah bermunajat kepada Allah dengan menyebut *"Ya Allah sekiranya Mahmud berkahwin*



Rumah Hjh. Maimunah Bt. Abdul Rahman (Mak Teh) di Batu Lima, Sik, Kedah.

dengan nafsunya janganlah dia datang ke sini lagi." Pada mulanya Syeikh Mahmud memang sentiasa datang *bermuzakarah* dengan Hj. Omar Lanai dan menghadiri kuliahnya di Pondok Lanai, ini adalah kerana Tuan Guru ini berpengalaman mengaji kitab-kitab tasawwuf di Kota Mekah. Tuan Guru Hj. Omar Al-Zuhdi juga telah memberi ijazah ilmu kepada Syeikh Mahmud.

Kini, Mak Teh Munah menetap di Madrasah Nurul Iman, Batu Lima, Sik, Kedah. Perkahwinan Syeikh Mahmud dengan isteri keduanya telah dikurniakan 13 orang anak.

Menurut Mak Teh Munah, Syeikh Mahmud tidak berasa malu untuk menolong isteri-isterinya membuat kerja-kerja rumah seperti membasuh pakaian, membasuh pinggan mangkuk, tukar lampin anak, mandikan anak dan bangun di tengah-tengah malam untuk membancuh susu anak. Pada masa itu anak-anak masih kecil dan hidup dalam kedaifan serta kemiskinan. Syeikh Mahmud juga akan pergi menangkap ikan haruan untuk dijadikan makanan isterinya yang sedang berpantang melahirkan anak.



Syeikh Mahmud bersama anak dan menantunya.



Syeikh Mahmud sedang menjamu selera bersama ahli keluarga dan anak menantunya ketika majlis walimatulurus salah seorang anak lelakinya.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الذي اجازني اعتمد والصلاة والسلام على سيدنا محمد خير سند وبعد فيقول احقر الورى
عمر زهدي بن محمد صالح الكلنتاني خويدم الطلبة بمصباح الفلاح بڠكول براڠ كولا كدح يالبث قدح
قد طلب مني اللوذعي الفاضل ابن أخي في الله المحب الاواه الشيخ محمود بن عبد الرحمن المجذوب ان اجيزه بما يتضمنه
الاثبات المتداولة في هذا العصر وفي الاعصار المتقدمة وليس ذلك الا لحسن ظنه في فضلا وان كنت لست اهلا
بلغه الله الاماني فاجزته بما تجوز لي روايته من مسموعاتي ومقروآتي ومجازاتي رجاء النفع على يديه
كما اجازني به اشياخي النبلاء ومنهم شيخنا الشيخ حسن المشاط مدرس بالحرم المكي وشيخنا الشيخ محمد ياسين
بن عيسى الفاداني وشيخنا الشيخ محمد صالح الكلنتاني مدرس بالحرم المكي وشيخنا سيد محمد امين الكتبي
مدرس بالحرم المكي وشيخنا الشيخ اسماعيل الفطاني مدرس بالحرم المكي وشيخنا الشيخ سليمان الصيداني
مدرس بالحرم المكي وشيخنا الشيخ عبد الرحمن بن داود الفطاني مدرس بالحرم المكي وغيرهم من علماء
الحرم المكي النجباء واكثرهم عن شيخ مشايخنا الشيخ عمر حمدان المحرسي والشيخ علي المالكي وشيخنا الشيخ
محمد شافعي القدحي مدرس بالحرم المكي وعن الشيخ عبد الحي بالاجازة الكتاني عن
عن الشيخ محفوظ بن عبد الله الترمسي الجاوي وسنده مذكور في ثبته المسمى بكفاية المستفيد لما علا من الاسانيد
~~ ~~ وغيره من الاثبات المتداولة في الاعصار المتأخرة كثبت الامير الكبير وأنموذج العلوم وسد الارب والعجلونية
والالم واوصي نفسي والمجاز المذكور بتقوى الله في السر والعلن واتقان القراءة وحسن الاداء والرجوع الى
الله تعالى في جميع الامور كلها وملازمة اهل السنة والجماعة وملازمة العلم وان لا ينساني
من دعواته المستجابة لي ولوالدي ولمشايخي وذرياتي في خلواته وجلواته وصلى الله على سيدنا محمد
وعلى آله وصحبه وسلم

كتبه عمر زهدي ببنانه

أجيزت في يوم الاربعاء الموافق ٨/١٠/١٣٩٤هـ - ١ مايو ١٩٧٤م.

الحقير الذليل محمود عبد الرحمن
باتو ليم سبله قدح
محمود

Ijazah Ilmu yang diterima oleh Syeikh Mahmud daripada Tuan Guru Haji Omar Al-Zuhdi Madrasah Misbah Al-Falah.

Kehilangan Dzaukiyah

Pada tahun 1980 Masehi, Mat Teh Munah sakit dan pada ketika itu Syeikh Mahmud kuat beribadah. Kadang-kadang ketika Mak Teh Munah diserang penyakitnya dengan teruk, Syeikh Mahmud terpaksa mengikat tali di kaki beliau dan kaki isterinya itu ketika beliau menunaikan solat. Hal ini sedikit sebanyak telah mengganggu ibadah Syeikh Mahmud dan menyebabkan timbulnya perasaan geram di hati beliau lalu dengan tiba-tiba Syeikh Mahmud terdengar suara ketuhanan yang berkata kepadanya:

"Awak tak senang qodho' Aku Mahmud!"

Akibat daripada peristiwa tersebut, beliau gagal dalam menghadapi ujian daripada Allah. Lalu, beliau telah dipecat. Allah s.w.t telah merampas *dzaukiah* yang telah dianugerahkan kepada Syeikh Mahmud selama ini. Menurut Syeikh Mahmud, beliau telah dipecat selama 6 bulan.

Ketika kehilangan *dzaukiah*, Syeikh Mahmud keluar dari Negeri Kedah dan merantau sehingga ke negeri Kelantan, Pahang, Selangor, Johor dan Singapura kerana mencari *dzaukiah*nya yang hilang. Syeikh Mahmud mengatakan perasaannya ketika itu seperti seorang kanak-kanak yang terlepas burung kesayangannya. Pada masa merantau ini Syeikh Mahmud telah bertemu dengan beberapa kumpulan yang telah tertipu dengan jin kerana mereka semuanya telah masuk ke dalam alam jin. Syeikh Mahmud telah mengetahui bahawa mereka itu semuanya telah tertipu dengan puak-puak jin kerana beliau telah belajar tentang alam jin selama 3 tahun 8 bulan daripada Syeikh Abdul Qadir Jawa dahulu.

Menurut Syeikh Mahmud, seseorang yang ingin memikul amanah Rasulullah s.a.w akan mendapat sentuhan alam kejinan kerana Rasulullullah s.a.w juga dihantar kepada golongan jin. Kemudian mereka akan mendapat sentuhan alam kerohanian ahlullah yang duduk di alam kemalaikatan dan akhirnya akan mendapat sentuhan alam ahlullah yang dibangsakan kepada kemanusiaan kerana ingin menyempurnakan latihan mereka agar menjadi insan kamil iaitu manusia yang berjiwa kemalaikatan tetapi menjalani kehidupan manusia.

Syeikh Mahmud telah memberi nasihat dan teguran kepada mereka agar mencari *guru mursyid* untuk membimbing mereka agar mereka selamat daripada kekeliruan dan tipu daya yang terdapat di dalam alam jin. Tetapi mereka semuanya membantah dengan nasihat Syeikh Mahmud kerana mereka menganggap mereka semuanya orang yang tinggi makamnya di sisi Allah. Akhirnya kumpulan-kumpulan ini telah membuat perkara yang menggemparkan negara Malaysia ketika itu seperti memecahkan kuil hindu di Kerling, Selangor dan ada yang pergi menyerang balai polis di Batu Pahat, Johor.

Perkahwinan Dengan Isteri Ketiga

Pada tahun 1984 Masehi, Syeikh Mahmud telah berkahwin dengan seorang warganegara Thailand bernama Laila di Mekah. Di kalangan ahli jemaah Nurul Iman, isteri ketiga Syeikh Mahmud di panggil dengan gelaran 'Umi Laila'. Umi Laila berketurunan Melayu Pattani berdarah kacukan Bangladesh. Sebelum mengahwini Laila, Syeikh Mahmud mendapat alamat daripada Allah bahawa beliau akan berkahwin dengan seorang wanita Melayu Pattani yang berketurunan India dan perkahwinannya kali ini bertujuan menghidupkan kembali perjalanan Auliya' yang telah pupus di Tanah Pattani dan Thailand.

Pada mulanya Syeikh Mahmud tidak menyangka bahawa beliau akan berkahwin dengan Umi Laila. Tambahan pula beliau menyewa sebuah bilik dari rumah yang disewa Haji Zawawi iaitu abang Umi Laila di Mekah. Sebelum berkahwin dengan Laila, Syeikh Mahmud telah menolong Ibrahim iaitu seorang Melayu Pattani yang menetap di Mekah dengan memberi hutang wang kepadanya kerana beliau ingin meminang Umi Laila. Tetapi akhirnya Ibrahim terpaksa membatalkan hasratnya kerana tidak mendapat restu daripada ahli keluarganya. Pada tahun itu juga Haji Ahmad, pengikut Ayah Said ada di Mekah lalu beliau telah menemui Haji Zawawi dan berkata yang beliau merasakan bahawa Laila akan dikahwinkan dengan Syeikh Mahmud.

Ketika Umi Laila mengandungkan anak sulungnya sewaktu masih berada di Mekah, beliau teringin makan ikan Tenggiri. Umi Laila memberitahu Haji Zawawi akan keinginannya itu, Haji Zawawi memberitahu kepadanya bahawa beliau tidak mempunyai wang pada masa itu dan bertanya kenapa tidak memberitahu Syeikh Mahmud tentang perkara tersebut. Umi Laila memberitahu bahawa Syeikh Mahmud juga tidak mempunyai wang. Mereka berdua hanya makan roti sabil sahaja. Kemudian Haji Zawawi memberitahu kepada Syeikh Mahmud tentang keinginan Umi Laila ketika pulang daripada solat di Masjidil Haram.

Menurut cerita daripada Haji Zawawi, semasa mereka bertiga balik daripada masjid beliau pun berkata kepada Syeikh Mahmud: “Ustaz (panggilan Syeikh Mahmud pada ketika itu) Laila teringin nak makan ikan Tenggiri.” Apabila Syeikh Mahmud mendapat tahu, beliau terus mengajak untuk ke pasar. Tetapi Umi Laila berkata “Buat apa nak pergi bukan ada duit pun.” “Kalau tak boleh beli, kita boleh tengok sahaja pun jadilah” jawab Syeikh Mahmud. Apabila tiba di pasar, kami ternampak ada seekor ikan tenggiri dan Syeikh Mahmud telah menyuruh saya bertanya kepada

peniaga ikan tersebut berapa harganya. Peniaga tersebut memberitahu 50 riyal. Kemudian Syeikh Mahmud menyuruh saya membayarnya tetapi saya memberitahu Syeikh Mahmud bahawa saya tidak mempunyai wang. Lalu Syeikh Mahmud menyuruh saya menyeluk poket jubah saya. Saya pun menyeluk poket jubah walaupun saya tahu pada masa itu dalam poket tidak ada wang. Ketika saya selukkan tangan ke dalam poket, memang tidak ada duit tetapi bila saya nak keluarkannya daripada poket tiba-tiba di tangan saya terlekat wang, saya pun terkejut. Bila saya keluarkan tangan dari poket, terlihat di tangan saya wang sebanyak 50 riyal dan Syeikh Mahmud pun berkata:

"Hah itu pun duit".

Saya pun membayar harga ikan dan kami terus berjalan pulang ke rumah, ujar Haji Zawawi.

Kini, Umi Laila menetap di Madrasah Nurul Iman Kok Sira, Narathiwat, Thailand, salah satu zawiyah Syeikh Mahmud. Perkahwinan Syeikh Mahmud dengan Umi Laila telah dikurniakan anak seramai 8 orang.



Rumah Hjh Laila Bt. Abdul Rahman (Umi Laila) di Kok Sira, Narathiwat, Thailand.

Perkahwinan Dengan Isteri Keempat

Syeikh Mahmud mengahwini isteri keempat beliau yang bernama Umi Kalthum binti Hasbullah, guru berkelulusan dari Universiti di England pada tahun 1986 Masehi di Gombak, Selangor. Umi Kalthum dikenali dengan panggilan 'Ummi' di kalangan ahli jemaah Nurul Iman dan beliau berketurunan Syeikh Abdul Wahab Rokan.

Sebelum Syeikh Mahmud mengahwini Ummi, Haji Muhammad Kamal, adik Ummi yang mengikuti Syeikh Mahmud sejak tahun 1984 Masehi terlebih dahulu mendapat alamat daripada Allah tentang perkahwinan ini. Syeikh Mahmud sendiri telah mendapat alamat daripada Allah tentang perkahwinan beliau yang keempat bahawa isterinya nanti merupakan wanita yang pernah berkhalwat di Jabal Nur. Pada tahun 1986 Masehi, Ummi telah bersuluk selama 10 hari di Jabal Nur.

Menurut cerita dari Haji Abdul Wahab pada tahun 1981 Masehi, Syeikh Mahmud pernah bersyarah di Mekah di atas pelukan Kesultanan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di depan murid-murid beliau. Di dalam syarahan tersebut ada menyebut *"Apabila guru kamu tamat latihan, Allah s.w.t akan hadiah padanya beristeri empat dan yang keempat adalah orang belajar sekular. Anak murid dia ramai datang dari serata dunia. Dia akan buka pusat pengajarannya di Kuala Lumpur".* Kata Haji Abdul



Rumah Umi Kalthum Bt. Hasbullah (Ummi) di Hulu Langat, Selangor.

Wahab, pada waktu itu saya menyangka yang bersyarah itu adalah Syeikh Mahmud, tetapi apabila sudah lama ikut, barulah kami tahu kadang-kadang pada masa itu yang bersyarah itu adalah Kesultanan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani yang memeluk jasad Syeikh Mahmud. Haji Abdul Wahab adalah Melayu Pattani dari Thailand yang mula-mula mengikuti Syeikh Mahmud.

Walaupun Ummi telah berkahwin dengan Syeikh Mahmud, Syeikh Mahmud tidak menghalang beliau untuk terus bekerja bahkan melarang beliau daripada berhenti kerja . Dalam masalah ini terdapat kemusykilan di dalam pemikiran orang-orang yang cetek pemahaman agamanya terhadap tindakan Syeikh Mahmud yang membenarkan isterinya keluar bekerja seperti orang ramai padahal beliau adalah seorang guru *Mursyid* lagi *Murabbi*. Lalu Syeikh Mahmud menjelaskan perkara ini untuk menghilangkan syak wasangka mereka. Kata Syeikh Mahmud:

> *"Ada orang komen kenapa saya benarkan isteri saya keluar bekerja".*

Mereka ini sebenarnya tidak faham prinsip Al-Quran yang Allah sampaikan. Dalam Al-Quran Allah s.w.t menyebut:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ

"Dan hendaklah ada segolongan daripada kamu yang mengajak membuat kebajikan". (Surah Ali-Imran ayat: 104).

Dalam ayat ini Allah s.w.t menyuruh manusia agar ada segolongan manusia menyeru manusia membuat kebajikan bukannya menyeru manusia berhenti kerja. Isteri saya itu biasa menerima duit gaji beribu ringgit, biasa pakai kereta. Sekiranya dia berhenti kerja siapa pula yang hendak menyediakan segala kebiasaannya itu. Kalau berhenti kerja dengan nafsu bukannya menyelesaikan masalah, lagi tambah berserabut dan akan semakin syirik dengan Allah sedangkan iman pula belum tentu dapat lagi. Sekarang ini kamu tengok bagaimana pengorbanannya di jalan Allah, kamu pun tidak boleh nak lawan! Begitulah caranya Rasulullah s.a.w mengasuh isterinya yang hartawan Siti Khadijah r.a. Ini ada sebahagian manusia yang baru keluar dakwah 3 hari, 40 hari dan 4 bulan, sudah berhenti kerja kononnya nak berjuang di jalan Allah. Selepas itu mulalah kelam-kabut, anak dan isteri hendak makan, anak nak ke sekolah, serabut pasal rumah, hendak bayar itu dan ini. Iman belum dapat lagi tetapi sudah berhenti kerja. Akhirnya, syirik semakin menebal.

Kini, Umi Kalthum menetap di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat, Selangor, salah satu zawiyah Syeikh Mahmud.

Perjalanan Ke India, Pakistan Dan Mekah


Syeikh Mahmud (1981) ketika berusia 38 tahun.

Pada awal tahun 1981 Masehi, Syeikh Mahmud telah digerakkan oleh Allah untuk pergi ke India, Pakistan dan seterusnya ke Mekah untuk mendalami lagi ilmu kesufian.

Oleh kerana abad ke-14 Hijrah merupakan abad perkembangan perjalanan Maulana Ilyas Al-Kandahlawi yang lebih dikenali sebagai Jemaah Tabligh, maka ketika di India dan Pakistan Syeikh Mahmud telah melawat markas-markas Tabligh di Madras, Nizammuddin Delhi, Lahore dan Karachi. Syeikh Mahmud berada di Karachi selama 10 hari.

Semasa di Nizammuddin, Syeikh Mahmud telah berjumpa dengan jasad "Kaka". Kaka adalah seorang wali Allah yang majzub dan merupakan murid Maulana Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi[12]. Sebelum ini Syeikh Mahmud pernah mendengar suara azan Kaka berkemundang di langit ketiga semasa Syeikh Mahmud berkhalwat di Bukit Enggang. Selain Kaka, Syeikh Mahmud juga sering menyebut yang beliau pernah bertemu dengan kerohanian Tok Damin di langit pertama selepas mendengar suara Kaka di langit ketiga. Tidak lama selepas Tok Damin bertemu dengan jasad Syeikh Mahmud beliau telah menyerahkan salah seorang anak perempuannya yang bernama Sufiah kepada Syeikh Mahmud untuk diasuh. Kemudian Syeikh Mahmud telah menjodohkan Sufiah dengan Pak Teh Ibrahim.

Menurut Syeikh Mahmud perjalanan yang diteroka oleh Maulana Ilyas Al-Kandahlawi di abad ke-14 telah melahirkan beberapa orang ahlullah seperti Maulana Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi, Kaka, Maulana Lutfur Rahman, Maulana Abu Su'ud Muhammad Bangalore, Maulana Ismail Ghulam Gujrati, Maulana An 'amul Hassan dan Maulana Omar Palanpuri r. anhum. Apabila mereka ini semua telah kembali ke rahmatullah maka pangkat yang mereka semua ini sandang dalam kewalian telah kosong dan setakat ini belum ada lagi pengikut daripada Toriq Maulana Ilyas yang mengganti kekosongan itu dan buat masa ini Syeikhul Hadis Maulana

[12] Maulana Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi. Lahir di Kandalah pada hari Rabu 25 Jamadil Ula 1335 Hijrah / 20 Mach 1917 Masehi. Wafat pada hari Jumaat 29 Zul Kaedah 1384 Hijrah / 2 April 1965 Masehi di Lahore Pakistan. Sehari sebelum meninggal beliau telah pengsan semasa dibawa balik ke tempat persinggahannya selepas menyampaikan syarahan di ijtimak Lahore. Semasa Maulana Ilyas masih hidup Maulana Yusuf hanya memberi tumpuan terhadap bidang ilmu sahaja dan tidaklah memberi perhatian kepada pergerakan Tabligh bahkan amat menentangnya. Selepas kewafatan Maulana Ilyas barulah beliau bersungguh-sungguh memberi tumpuan kepada usaha Tabligh, iaitu selepas beliau berbai'ah dengan Maulana Ilyas dan bapanya ini telah menyerahkan amanah usaha Tabligh kepada beliau pada hari Rabu 20 Rejab sehari sebelum beliau meninggal dunia. Maulana Ilyas meninggal pada hari Khamis ketika azan Subuh 21 Rejab 1363/ 13 Julai 1944 Masehi. Kitab Hayatus Sahabah merupakan karya besar Maulana Yusuf Al-Kandahlawi.

Muhammad Waliyullah menjadi pemangku kepada penaung kerohanian Jemaah Tabligh ujar Syeikh Mahmud lagi .

Ketika di Karachi, Syeikh Mahmud berhasrat hendak pergi bertemu dengan Syeikh Abdullah Ad-Daghestani[13] di Syria kerana hendak mengambil adab dan tertib suluk daripadanya. Tetapi hasrat itu dibatalkan apabila Syeikh Mahmud mendapat alamat daripada 'langit' bahawa Syeikh Abdullah Daghestani telah meninggal dunia. Syeikh Abdullah Daghestani adalah merupakan salah seorang murid Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di dalam alam kerohanian dan beliau adalah guru kepada Syeikh Muhammad Nazim Haqqani.

Kata-Kata Syeikh Muhammad Nazim Haqqani



Syeikh Abdullah Ad- Daghestani

Sekitar tahun 1990 Masehi Syeikh Muhammad Nazim telah mengunjungi Malaysia. Ketika Syeikh Muhammad Nazim berada di zawiyahnya di Damansara Kuala Lumpur, Syeikh Mahmud telah pergi mengunjungi beliau. Apabila Syeikh Muhammad Nazim melihat kedatangan Syeikh Mahmud beliau terus berkata kepada murid-muridnya:

"Sepatutnya kitalah yang perlu pergi berjumpa Syeikh Mahmud, bukannya dia yang datang berjumpa kita kerana beliau adalah murid Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qodir Al-Jilani".

"Sekiranya Syeikh Mahmud mengambil kayu dan membuat begini kepada seseorang pastilah orang itu mati" kata Syeikh Nazim lagi sambil menggerakkan tangannya seperti merodok sesuatu.


Syeikh Mahmud mengatakan yang beliau pergi mengunjungi Syeikh Muhammad Nazim kerana menghormatinya selaku seorang yang telah berumur dan telah lama berpengalaman di dalam mengikuti perjalanan ahli sufi.



Syeikh Muhammad Nazim Al-Haqqani.

[13] Syeikh Abdullah Ad-Daghestani lahir di Daghestan pada hari Khamis 12 Rabi'ul Awal 1309 Hijrah / 1891 Masehi. Ketika berumur 15 tahun dan selepas 6 bulan berkahwin, gurunya Syeikh Sharafuddin Ad-Daghestani mengarah beliau berkhalwat di dalam gua selama 5 tahun. Beliau pernah menyertai angkatan tentera dan berperang melawan Rusia. Berhijrah ke Turki seterusnya ke Mesir dan akhirnya ke Syria dan wafat di Syria pada 4 Ramadhan 1393 Hijrah/September 1973 Masehi (Syeikh Sharafuddin Ad-Daghestani lahir pada hari Rabu 3 Zulkaedah 1292 Hijrah/ Disember 1875 Masehi dan wafat pada hari Ahad 27 Jamadil Awal 1355 Hijrah / 1936 Masehi).

Bertolak Ke Mekah



Jabal Sim-Sim, Shiab Amir, Mekah.

Dari Karachi, Syeikh Mahmud telah bertolak ke Mekah. Beliau berada di Kota Mekah selama 6 bulan dan menginap di rumah putih di Jabal Sim Sim yang didiami oleh warga Thailand berketurunan Melayu Pattani.

Rumah itu mempunyai 4 tingkat dan Syeikh Mahmud menyewa di tingkat yang bawah sekali. Syeikh Mahmud telah meminta kebenaran daripada penghuni yang tinggal di situ untuk menjadikan ruang kosong di dalam rumah tersebut sebagai surau.

Syeikh Mahmud sentiasa berkhidmat membersihkan kawasan rumah, membuang sampah dan menyapu sekitar kawasan rumah orang-orang Pattani yang turut menyewa di situ. Salah satu masalah yang sentiasa di hadapi semasa di rumah itu ialah bekalan air. Oleh kerana itu penyewa-penyewa rumah tersebut selalu berebut untuk mendapatkan bekalan yang di hantar ke kawasan itu setiap 2 minggu sekali. Kebiasaannya air dihantar pada waktu malam dan Syeikh Mahmud telah berkhidmat memenuhkannya ke dalam tong-tong air penyewa rumah tersebut. Beliau melakukan perkara itu ketika orang-orang lain sedang nyenyak tidur.

Syeikh Mahmud telah berkhidmat kepada mereka semua tanpa mengira siapa walaupun terhadap orang yang tidak senang terhadap beliau. Kadang-kala tong air beliau dan jemaahnya sendiri tiada berair sebab memenuhkan tong-tong orang lain dulu. Walaupun begitu Syeikh Mahmud tidak pernah bersungut. Apabila jadi begitu Syeikh Mahmud mengajak para jemaahnya pergi mandi di bilik air Masjidil Haram.

Pada tahun ini juga Syeikh Mahmud telah berdamping dengan Syeikh Ismail Yamani, Syeikh Abdullah Panji dan Syeikh Iwad. Mereka ini merupakan ulama' yang bertaraf ahlullah yang mengajar di Kota Mekah dan berasal dari Yaman.

Pengalaman Dengan Syeikh Ismail Yamani.

Ustaz Muhammad Shahir telah membawa Syeikh Mahmud bertemu Syeikh Ismail Yamani. Ketika itu Muhammad Shahir masih belajar di Mekah daripada Syeikh Ismail Yamani. Ustaz Muhammad Shahir telah mengikuti perjalanan Syeikh Mahmud semenjak tahun 1974 sewaktu mengaji di Kedah lagi.

Apabila mereka tiba di Madrasah Syeikh Ismail Yamani, azan zohor pun berkumandang lalu Syeikh Mahmud terus mengambil wuduk. Sedang beliau berwuduk tiba-tiba Syeikh Ismail Yamani datang dan menepuk belakang Syeikh Mahmud seraya berkata: "Assalamu 'alaikum Ya Habibi."

Ustaz Muhammad Shahir terkejut melihat kejadian itu kerana setahu

beliau Syeikh Mahmud dan Syeikh Ismail Yamani belum pernah bertemu lagi, lalu bagaimana mereka berdua saling mengenali dan mesra. Sebelum kedatangan Syeikh Mahmud, Syeikh Ismail Yamani telah memasak nasi beriani untuk menjamu Syeikh Mahmud selepas solat zohor.

Bagi Syeikh Mahmud pengalaman sebegini adalah lumrah bagi para ahlullah kerana mereka sentiasa saling berkasih sayang serta mengenali walaupun jasad tidak pernah bertemu.

Semasa di Mekah beliau telah kehabisan wang perbelanjaan. Oleh sebab beliau mempunyai hati yang cekal dan berjiwa tinggi, beliau tidak meminta bantuan kepada sesiapa sebaliknya hidup dengan memakan roti sabil dan air zam-zam selama 40 hari. Kebetulan pada masa itu ialah akhir bulan Ramadhan dan keadaan ini berlanjutan sehingga jemaah haji datang. Dalam tempoh tersebut beliau telah memberi tumpuan untuk mentelaah kitab dan mengajar ilmu kesufian kepada beberapa orang muridnya. Apabila jemaah haji datang, murid-murid beliau telah memberi bimbingan dan ceramah kepada jemaah-jemaah haji ini.

Sebagaimana biasa Syeikh Mahmud yang tidak tahu membuang masanya dengan sia-sia dan sentiasa hidup berdikari maka beliau telah mengambil upah menyembelih binatang korban dan dam. Lebih daripada 30 ekor binatang yang telah disembelih dan beliau berjaya mengumpul duit lebih daripada 4000 riyal, dan dengan duit itulah Syeikh Mahmud menggunakannya sebagai tambang balik. Sebelum balik pada akhir tahun 1981 Masehi beliau telah berazam untuk membawa isterinya Jamaliah menunaikan haji. Dalam perjalanan balik Syeikh Mahmud telah singgah di Cairo, Mesir dan berkesempatan menziarahi makam Imam Syafie dan Saiyid Ahmad Badawi rahimahullah humma (semoga Allah merahmati ke dua-dua mereka).



Makam Syeikh Ahmad Badawi yang terletak di dalam Masjid Ahmad Badawi di Thonto, Mesir.

Menghidupkan Perjalanan Aulia' Di Thailand

Seterusnya, pada tahun 1982 Masehi, beliau kembali semula ke Mekah dan tinggal di rumah yang sama selama 16 bulan (sehingga haji yang berikutnya pada tahun 1983 Masehi). Selain beribadat, beliau mula mentarbiyyah warga Thailand berketurunan Melayu Pattani dengan mewujudkan surau dan mengajar mereka. Hasilnya, mereka telah meninggalkan amalan yang tidak bersesuaian dengan syariat seperti merokok, mementingkan kerja dari ibadat dan sebagainya. Mereka telah mengikut Syeikh Mahmud kerana tertarik dengan peribadi beliau dan kesungguhan beliau dalam beribadah kepada Allah.



Tuan Guru Hj. Wayin B. Ibrahim/ Hj. Yin. (1931-2000).

Tuan Guru Haji Wayin @ Hj. Yin b. Ibrahim telah menasihati orang-orang Pattani yang mengaji dengannya:

> *"Bergantunglah kamu kepada Ustaz Mahmud walaupun dia terjun dalam api. Janganlah kamu menentang dia walaupun kamu tak larat nak ikut dia, kamu pasti akan dapat menjadi wali kecil sekiranya kamu tak menentang dia".*

Haji Yin merupakan seorang ulama' Melayu Pattani yang menetap di Mekah. Beliau adalah seorang wali Allah dan merupakan murid seorang wali Allah yang dipanggil Tok Pedo yang merupakan murid Tok Syafie Kedah.

Rata-rata orang-orang Melayu Pattani yang menetap di sana mempunyai semangat berjuang untuk memerdekakan 4 wilayah bumi Pattani Darus Salam iaitu Narathiwat, Yala, Pattani dan Sattun daripada penjajahan Siam yang beragama Buddha. Bumi Pattani telah dijajah oleh Siam sejak tahun 1785 Masehi. Dalam masalah ini Syeikh Mahmud selaku murid Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di abad 15 ini pernah berkata:

> *"Tidak akan merdeka bumi Pattani melainkan di bawah kesultanan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani".*

Bumi Pattani sebenarnya merupakan bumi yang berkat dan bumi para auliya'. Ramai para auliya' dan para ulama' solehin di kalangan bangsa Melayu yang berketurunan Melayu Pattani bahkan Syeikh Mahmud juga berketurunan Melayu Pattani dari sebelah pihak bapanya. Ulama' Pattani juga telah banyak menaburkan jasa dalam menyebarkan Islam khususnya di rantau Melayu. Mereka telah membuka kelas-kelas pengajian di Mekah

dan juga pusat-pusat pengajian di Tanah Pattani sendiri. Walaupun begitu, selepas kewafatan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Dala pada tahun 1395 Hijrah / 1975 Masehi, keberkatan dan kewalian yang ada di Bumi Pattani telah terangkat.


Tuan Guru Hj. Muhammad Sulung Al-Pattani r.a.

Menurut Syeikh Mahmud, para auliya' yang terdapat di bumi Pattani yang hampir masanya dengan zaman beliau adalah Tuan Guru Syeikh Abdullah Bendang Kucir, Tuan Guru Haji Sulung Pattani dan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Dala. Maklumat tentang kewalian mereka ini Syeikh Mahmud perolehi daripada Khidir a.s. Alhamdulillah dengan keberkatan mukjizat Saiyidul Mursalin Nabi Muhammad s.a.w., kemurabbian Khidir a.s dan Kesultanan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani perjalanan auliya' yang muqarrabin telah mula kembali bertapak di bumi Pattani dan Thailand pada tahun 1985 Masehi. Pada masa ini Syeikh Mahmud telah membuka 3 zawiyah di Thailand iaitu Madrasah Nurul Iman Kok Sira Narathiwat, Madrasah Nurul Iman Satun @ Setoi dan Madrasah Muhyiddin Nurul Iman Bangkok.


Madrasah Muhyiddin Nurul Iman Bangkok.


Madrasah Nurul Iman Kok Sira.

Syeikh Mahmud pernah menasihat para pejuang pembebasan Pattani yang dikenali PULO sewaktu beliau berada di Kota Mekah. Satu perjumpaan telah diadakan di antara beliau dengan 12 orang ulama' PULO di rumah Abdul Rahman Jalil Ketua PULO di Jabal Sudan. Perjumpaan itu dianjurkan kerana para pejuang PULO mengatakan bahawa Syeikh Mahmud telah mengganggu perjuangan mereka. Dalam perjumpaan tersebut Syeikh Mahmud telah menerangkan perjuangan yang sebenarnya ialah membebaskan diri terlebih dahulu daripada penjajahan hawa nafsu dan tipu daya iblis.

Kemudian Syeikh Mahmud meminta 40 orang pejuang PULO mengikut beliau turun ke Tanah Jawi (Tanah Pattani) berlawan dengan askar Siam. Syeikh Mahmud sanggup untuk berada di hadapan dan mereka hanya berada di belakang beliau. Tetapi mereka telah menolak kerana tidak sanggup. Kemudian Syeikh Mahmud meminta 20 orang pula, mereka juga tidak sanggup. Kemudian Syeikh Mahmud meminta 4 orang sahaja pun mereka tak sanggup. Terus Syeikh Mahmud berkata:

> *"Kamu semua pembohong, kata nak berjuang tapi penakut, hanya mengaum di Kota Mekah sahaja. Tak berani nak berjuang di tanah air sendiri".*

Semenjak itu mereka malu dengan Syeikh Mahmud.

Syeikh Mahmud pernah berkata kepada salah seorang pejuang Pattani yang bernama Karim. Syeikh Mahmud bertanya kepadanya:

> *"Abang, siapa yang nak beri kemerdekaan pada orang Pattani?"*

Dia diam tanpa menjawab apa-apa. Syeikh Mahmud berkata lagi,

> *"Selagi mana kamu tak betul dengan Allah dan Rasul, selama itulah kamu tidak akan merdeka. Jangankan 3 tahun, 30 tahun pun tak akan merdeka".*

Pada sangkaan mereka mereka akan mencapai kemerdekaan daripada penjajahan bangsa Siam dalam tempoh tiga tahun lagi. Karim telah menangis selepas mendengar kata-katah Syeikh Mahmud tersebut. Bumi Pattani sentiasa mengalami pergolakan antara pemerintah Siam Buddha dan orang-orang Melayu Islam.

Semenjak Thailand diperintah oleh Perdana Menteri yang bernama Thaksin Shinawatra pada tahun 2002, telah berlaku pelbagai kezaliman terhadap orang-orang Islam Pattani dengan dorongan daripada kerajaan Amerika yang dipimpin George W.Bush. Tindakan Thaksin ini menyebabkan Syeikh Mahmud menjadi berang lalu Allah s.w.t. telah mentakdirkan mulut beliau berkata :

> *"Selagi aku hidup aku akan menghancurkan kerajaan Thaksin".*

Pada tahun 2006 Masehi, kerajaan pimpinan Thaksin telah digulingkan oleh pihak tentera Thailand. Selepas itu beberapa orang Perdana Menteri Thailand yang mempunyai hubungan dengan Thaksin semuanya digulingkan oleh rakyat Thailand.

Kini, sudah 23 tahun Syeikh Mahmud membuka Thailand. Dengan kesungguhan beliau mempraktikkan amanah guru-gurunya maka



Pertemuan Syeikh Mahmud dengan Dr. Bhokin Bhalakula di Bangkok, Thailand.

pertubuhanyanghendakmewujudkan kedamaian di Selatan Thailand telah melantik beliau sebagai penaung mereka. Pada tahun 2007 Masehi ketika beliau pergi membuka zawiyah Muhyiddin Nurul Iman di Bangkok, satu pertemuan telah diadakan antara Syeikh Mahmud, Pertubuhan Kedamaian, pejuang PULO dan Dr. Bhokin Bhalakula, iaitu bekas Menteri Dalam Negeri Thailand untuk membincangkan keadaan pergolakan yang berlaku di Selatan Thailand. Dalam perbincangan itu Syeikh Mahmud telah berkata:

> *"Kezaliman dan pembunuhan bukanlah jalan penyelesaian."*

Kata-kata Syeikh Mahmud ini telah Bhokin sampaikan kepada Sami Diraja Thailand, iaitu Praprom Wachirayan dan Maharaja Thailand Bhumipol Adulyadej. Apabila mendengar kata-kata ini, maka Sami Diraja telah datang berjumpa Syeikh Mahmud di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat dan menyampaikan hadiah daripada Maharaja Thailand kepada Syeikh Mahmud.



Hadiah daripada Maharaja Thailand kepada Syeikh Mahmud pada 22 Mac 2007.



Mari kita bersatu menentang kezaliman.

Dalam pertemuan tersebut sami itu telah berkata kepada Syeikh Mahmud:

> *"Tuan, demokrasi ini jahat, mari kita bersatu menentang kezaliman. Tuan jaga orang Islam, saya jaga orang Buddha".*

Sami ini telah memanggil Syeikh Mahmud dengan gelaran "Bapa Kedamaian".

Pada tahun 2008 Masehi, Sami Diraja ini telah menganjurkan pertemuan antara beliau, Paderi Besar Kristian Thailand dan Syeikh Mahmud di Bangkok untuk bersatu mewujudkan kedamaian. Dalam pertemuan tersebut sami ini telah memberitahu Bhokin bahawa sekiranya kamu kumpulkan semua sami di dalam dunia untuk melawan Syeikh Mahmud pasti mereka tidak terlawan dia. Perjumpaan itu telah dihadiri oleh wartawan dari negara-negara Barat



Syeikh Mahmud menghadiahkan tongkat kepada Sami Diraja Siam, Phra Promwachirayan.



Permuafakatan tiga agama untuk mewujudkan kedamaian di Selatan Thailand pada 13 Mei 2008.

untuk membuat liputan. Di dalam perjumpaan tersebut masing-masing daripada mereka memberi ucapan. Sebahagian daripada ucapan Syeikh Mahmud ialah:

> *"Agama yang benar hanyalah Islam sahaja akan tetapi pada hari ini kita bukanlah hendak membincangkan tentang agama. Hari ini kita hendak berbincang agar kedamaian wujud di muka bumi ini".*



Gambar ini dipamerkan di tengah Bandar Narathiwat selatan Thailand.

Bertepatan dengan kata-kata Syeikh Mahmud bahawa kezaliman dan pembunuhan bukanlah jalan penyelesaian, maka pada 17 Disember 2008 Masehi, Syeikh Mahmud telah menganjurkan satu perjumpaan di antara ulama' Narathiwat, Ketua Kampung, pegawai kerajaan yang meliputi Gabenor Narathiwat dan Ketua Tentera 3 Wilayah (Yala, Narathiwat dan Pattani) untuk memberi penjelasan dan kesedaran bagi mewujudkan keamanan di Narathiwat. Inilah usaha besar Syeikh Mahmud setelah 23 tahun beliau bertapak dan berzikir di bumi Narathiwat



Gabenor Narathiwat memberi ucapan dalam majlis yang dianjurkan oleh Syeikh Mahmud di Madrasah Nurul Iman, Kok Sira.



Temubual dan liputan secara langsung majlis oleh TV5 Bangkok.



NGO dan askar dari cawangan Narathiwat turut menghadiri majlis yang bertemakan "Kezaliman Dan Pembunuhan Bukan Jalan Penyelesaian".



Perhimpunan ini dihadiri oleh ulama'', ketua kampung dan pegawai kerajaan di Narathiwat.

Membuka Cirebon Indonesia


Syarif Hidayatullah Sunan Gunung Jati

Allah s.w.t. telah mencampakkan dalam hati Syeikh Mahmud agar menghidupkan kembali perjalanan ahlullah di Indonesia. Pada tahun 2007 Masehi, Syeikh Mahmud telah pergi ke Palembang tetapi di situ beliau melihat tidak sesuai untuk dijadikan pusat pengajaran beliau, lalu beliau bertolak ke Jambi. Apabila beliau tiba di Jambi, beliau telah terdengar suara ketuhanan yang mengarahkan beliau agar pergi ke Cirebon, Jawa Barat dan membuka zawiyah di sana.

Ketika itu Syeikh Mahmud belum lagi mengetahui tentang sejarah kewalian yang terdapat Cirebon . Apabila sampai di sana barulah beliau mengetahui bahawa dahulunya pada abad ke 6 Hijrah, terdapat seorang ahlullah yang hebat bernama Syarif Hidayatullah. Syarif Hidayatullah lebih dikenali dengan nama Sunan Gunung Jati dalam dunia Islam amnya dan rantau Melayu khasnya. Sunan Gunung Jati aktif menyebarkan Islam sehingga beliau berjaya mengislamkan ramai penganut Hindu dan Buddha. Beliau juga telah berjaya menghapuskan ilmu-ilmu hitam dan mewujudkan pemerintahan Islam. Walaupun begitu, selepas kewafatannya yang beratus tahun, amalan-amalan khurafat dan ilmu hitam telah kembali menular dalam kalangan masyarakat Jawa dan Indonesia. Tujuan Syeikh Mahmud membuka zawiyah beliau di Cirebon agar masyarakat tersebut kembali menghayati keimanan dan ketakwaan Syarif Hidayatullah Sunan Gunung Jati.

Bagi Syeikh Mahmud dengan terbukanya Cirebon di Jawa Barat itu merupakan satu petanda bahawa perjuangan beliau di dalam merempuh latihan dalam lautan kesufian telah tamat. Ini adalah kerana pada peringkat permulaan beliau memasuki perjalanan ahlullah beliau telah dibimbing oleh Syeikh Abdul Qadir Jawa dan sekarang ini perjalanan beliau juga telah balik bertapak ke Bumi Jawa. Perjalanan yang diteroka oleh Syeikh Mahmud memang mempunyai hubungan yang rapat dengan para auliya' yang berasal dari Indonesia seperti Syeikh Abdul Wahab Rokan, Tajul 'Arifin Syeikh Yusuf Khuluti Makassar, Diponegaro, Abah Safwah @ Abah Sepuh dan Panglima Haji @ Raja Haji. Kewalian mereka ini semua pernah datang memberi nasihat kepada Syeikh Mahmud pada peringkat permulaan mujahadah beliau.


Madrasah Nurul Iman Cirebon, Jawa Barat.

Haji Dan Umrah

Syeikh Mahmud menunaikan ibadat haji yang pertama pada tahun 1979 Masehi / 1399 Hijrah. Tahun ini merupakan tahun berlakunya peristiwa bersejarah 'Kepala Abad 15. Selepas peristiwa tersebut sehingga tahun 2008 Masehi, beliau telah berulang alik ke Kota Suci Makkah sebanyak 30 kali untuk menunaikan haji, umrah dan beribadat di sana.



Jabal Nur, Mekah

Pada tahun 1981 Masehi, kunjungan beliau pada kali ini selama 6 bulan (15 Rejab 1401 Hijrah – 16 Muharram 1402 Hijrah). Pada kali ini, beliau berulang alik ke Jabal Nur untuk berkhalwat. Beliau menginap di Rumah Putih di Jabal Sim Sim yang didiami oleh warga Thailand.

Pada tahun 1982 Masehi, beliau kembali semula dan tinggal di rumah yang sama selama 16 bulan sehingga haji yang berikutnya pada tahun 1983 Masehi. Kali ini beliau telah membawa isteri pertama beliau Jamaliah Binti Othman.

Pada tahun 1983 Masehi yang juga merupakan Haji Akbar, beliau telah menggalakkan jemaah dari Malaysia untuk menunaikan haji dengan hanya menyediakan tambang pergi dan balik sahaja. Manakala, beliau telah memberi kemudahan penginapan dan makanan



Syeikh Mahmud bersama ahli jemaah yang datang menunaikan fardhu haji.


Bermalam di Muzdalifah.


Melontar di Jamrah di Mina.


Syeikh Mahmud bersama jemaah di Arafah.

untuk membolehkan jemaah melaksanakan ibadat haji. Seramai 40 orang jemaah dapat menunaikan haji pada tahun tersebut. Pada 12 Rejab 1403 Hijrah / 1983 Masehi, Nabi Khidir a.s mengarah beliau kembali ke Asia.

Pada tahun 1984 Masehi, beliau berkunjung lagi ke Kota Mekkah dengan membawa jemaah untuk menunaikan haji dan tinggal di sana selama 6 bulan. Pada tahun ini juga beliau telah mengahwini isterinya yang ketiga iaitu Leila Abd Rahman yang berasal dari Thailand. Pada tahun 1985 Masehi, di atas keprihatinan beliau untuk menyuburkan iman, beliau telah membuka perkampungan di Kok Sira, Narathiwat, Thailand. Isteri

dan warga Thailand yang lain juga kembali ke Thailand untuk memulakan penghidupan yang baru di Madrasah Nurul Iman Kok Sira.

Secara keseluruhannya, pada setiap tahun bermula tahun 1982 M sehingga kini, beliau akan mengunjungi Kota Suci Makkah dan bersama-sama jemaah yang ingin turut serta sama ada di musim haji ataupun melakukan umrah sahaja.

Pada tahun 1990 Masehi Syeikh Mahmud telah mendapat teguran daripada Allah tentang ibadah haji. Pada tahun itu beliau telah pergi ke Mekah dan berazam hendak melakukan ibadah haji sekali. Tetapi hasrat beliau telah dibatalkan kerana terpaksa balik ke Malaysia lebih awal disebabkan ada beberapa urusan yang perlu beliau selesaikan. Oleh itu beliau berasa sedikit dukacita kerana tidak dapat melaksanakan ibadah haji lebih-lebih lagi tahun itu merupakan haji akbar. Tiba-tiba beliau terdengar suara ketuhanan: *"Ada yang lebih akbar (besar) daripada Aku, Mahmud?"*

Di tahun 1998 Masehi ketika Syeikh Mahmud berada di Madinah beliau telah pengsan di dalam bilik hotel penginapannya. Ketika pengsan itu beliau telah bertemu Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Di dalam pertemuan itu Rasulullah s.a.w hanya menangis sahaja dan beliau pun turut sama menangis. Ketika itulah Allah s.w.t telah membuka kepada beliau rahsia yang sangat halus terhadap kelebihan air mata orang yang takutkan Allah. Perkara ini bersesuaian dengan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> *"Setitik air mata orang yang menangis takutkan Allah akan memadamkan api neraka".*
>
> *"Sekiranya kamu tahu dengan apa yang aku tahu pastilah kamu banyak menangis dan sedikit ketawa".*

Menurut Syeikh Mahmud air mata yang menangis takutkan Allah boleh membersihkan sel-sel kejadian manusia yang 'zulmah' yang Allah s.w.t jadikan daripada air yang hina.

Di dalam pertemuan itu juga beliau telah dibukakan lebih halus lagi tentang *Nur Rasulullah s.a.w.* Segala sesuatu yang terdapat di langit, bumi dan keduanya itu diliputi oleh Nur Muhammad s.a.w. Setiap nafas beliau yang keluar masuk, setiap titik darah yang mengalir dalam jasad beliau dan setiap sel yang terdapat pada diri beliau adalah Nur Muhammad s.a.w. Allah s.w.t telah menganugerahkan kepada beliau kefahaman yang lebih halus lagi terhadap perjalanan *"Uwaisiah"*. Perjalanan *'Uwaisiah'* adalah perjalanan ahli majzub. Dinamakan dengan *"Uwaisiah"* sempena nama Uwais Al-Qarni seorang tabien yang agung yang mengenali Rasulullah s.a.w. dengan "Nur Rasulullah s.a.w" bukan dengan jasad beliau yang dijadikan daripada air yang hina.

Ujian-Ujian Syeikh Mahmud

Sudah menjadi sunnatullah hidup di dunia ini seseorang itu tidak akan terlepas daripada menghadapi ujian dan bala. Semua ini adalah semata-mata untuk menguji keimanan dan ketaqwaan mereka terhadap Allah. Allah s.w.t. telah berfirman didalam Surah Al-Mulk ayat 2:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dialah yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji kamu, siapakah diantara kamu yang lebih baik amalannya".

Untuk berdamping diri dengan Allah seseorang itu pasti akan diuji. Lagi tinggi darjat seseorang itu di sisi Allah lagi banyaklah ujian yang akan menimpa mereka. Adapun bagi golongan 'arifin ujian yang menimpa mereka itu akan lebih menambah pengenalan mereka terhadap Allah. Sabda Nabi s.a.w:

عَنْ أُخْتِ خَدِيجَة رَضِيَ الله عَنْهُمَا قَالَتْ قَالَ النَّبِي صَلَّى الله عَلَيهِ وَسَلَّم : اَشَدُّ

النَّاسِ بَلاَءً الأَنْبِيَاء ثُمَّ الصَّالِحُونَ ثُمَّ اَلأَمْثَل فَالأَمْثَل (رواه الطبري)

Daripada saudara perempuan Khadijah r.a berkata, bersabda Nabi s.a.w: "Manusia yang paling banyak menanggung bala' dan ujian ialah para nabi-nabi kemudian orang-orang soleh kemudian orang-orang mempunyai kemulian di sisi Allah kemudian orang-orang yang sepertinya" (Hadis riwayat At-Tobaroni)

Begitu jugalah yang telah dihadapi oleh Syeikh Mahmud sepanjang tempoh 40 tahun beliau di dalam jazbah. Beliau telah menerima pelbagai pahit getir ujian daripada Allah seperti dikatakan sesat, zindik dan bermacam-macam lagi tuduhan dan fitnah yang orang-ramai lemparkan terhadap beliau. Terkadang beliau terpaksa menggadai nyawa di dalam merempuh ujian-ujian yang mendatang demi memikul amanah para ahlullah dan mempertahankan akidah umat Islam seperti dua peristiwa yang berlaku pada tahun 1976 dan 2007. Sebahagian daripada ujian yang beliau rempuh telah dinyatakan secara tidak langsung pada tajuk-tajuk yang terdahulu cuma di sini dicatat sebahagian lagi merupakan ujian-ujian yang sangat halus.

Alim Ulama' Negeri Kedah Memfitnah Syeikh Mahmud

Peristiwa ini berlaku pada 6 Jun 1976 semasa Syeikh Mahmud mengajak manusia kembali kepada Allah dan mengajar mereka beribadah. Para alim

ulama' di negeri Kedah telah mengadakan satu perjumpaan di Yayasan Al-Khairiah Kg Pisang Baling. Majlis tersebut telah dihadiri oleh orang ramai sekitar 500 orang kerana hendak mendengar penjelasan dan pandangan alim ulama' tentang perjalanan aurad yang di bawa oleh Syeikh Mahmud.

Pada sebelah pagi Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah Syeikh Abdul Majid dan Kadhi Besar Negeri Kedah Syeikh Abdul Aziz telah bersyarah dan menyentuh perjalanan amalan Aurad Ismailiyyah. Mereka mengatakan bahawasanya perjalanan ini terdapat perkara yang syirik. Ia juga telah memecah-belahkan masyarakat dan berbagai-bagai lagi yang tidak sepatutnya keluar daripada mulut seorang yang mempunyai banyak ilmu.

Pada sebelah petangnya mereka telah mengadakan majlis dialog. Di dalam majlis tersebut seorang pengikut Syeikh Mahmud telah mencabar alim ulama' yang ada di situ supaya mencari dalil dan bukti untuk mensabitkan kesesatan perjalanan ini. Pengikut dan pengamalnya sanggup bertaubat sekiranya memang ianya terbukti sesat dan salah tegas pengikut Syeikh Mahmud itu lagi. Alim ulama' tersebut tidak berani menghukum kerana tidak mempunyai dalil dan bukti. Dalam keadaan panas dengan isu-isu yang dibangkitkan pada ketika itu, Ustaz Ismail murid Syeikh Mahmud telah keluar dari dewan dan melaungkan azan asar di atas Surau Yayasan Al-Khairiah. Syeikh Abdul Aziz, Kadhi Besar berasa tidak senang dan marah dengan tindakan Ustaz Ismail melaungkan azan kerana seolah-olah tidak menghormatinya seorang yang disegani masyarakat.

Majlis dialog diteruskan lagi dengan satu usulan daripada Ustaz Suhaimi bin Hj. Ahmad. Beliau telah mengesyorkan kepada Jabatan agama negeri Kedah supaya mengistiharkan mana-mana Toriqah yang masyhur yang diamalkan oleh orang ramai dan yang boleh diijazahkan serta mengambil tindakan ke atas mana-mana Khalifah Toriqah yang tidak mempunyai tauliah daripada Jabatan Agama. Beliau juga mengesyorkan kepada Jabatan Agama Negeri Kedah supaya mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja yang mengajar agama tanpa tauliah.

Syeikh Abdul Aziz juga telah mencerca dan memfitnah dengan mengatakan pengikut Aurad Ismailiyyah pimpinan Syeikh Mahmud ketika berzikir mereka mengangkat tangan untuk berjabat tangan dengan Allah.

Apabila Syeikh Mahmud mendengar fitnah yang mereka sebarkan itu beliau pun terus bermunajat kepada Allah dengan berkata:

> *"Ya Allah, sekiranya Kau nak gelapkan Negeri Kedah, biarlah aku mati".*

Enam bulan selepas majlis perjumpaan di Yayasan Al-Khairiah, Syeikh Abdul Aziz telah pergi ke Mesir. Semasa di dalam perjalanan pulang kapal terbang yang ditumpanginya telah jatuh terhempas di atas sebuah kilang lalu meletup di Bangkok Thailand.

Gadis Lari Ke Nepal

Pada tahun 2007 Masehi salah seorang anak gadis ahli jemaah Syeikh Mahmud telah lari mengikut lelaki Buddhist ke negara Nepal. Kedua ibu bapa gadis ini telah berjumpa Syeikh Mahmud dan mengadu masalah mereka. Syeikh Mahmud berasa sangat dukacita lebih-lebih lagi apabila beliau mengenangkan Sami Buddha yang terbesar di Asia ini telah tunduk kepada kalungan Muhyiddin yang Allah s.w.t kalungkan kepada beliau di abad 15 Hijrah ini. Lalu Syeikh Mahmud telah bermunajat kepada Allah dengan tidak menggunakan semua pangkat yang Allah anugerahkan kepada beliau. Beliau telah bermunajat selaku Mahmud bin Haji Abdul Rahman, di dalam munajatnya itu beliau telah memohon agar Allah mencabut nyawanya sekiranya gadis itu keluar dari Islam.

Tidak berapa lama kemudian gadis itu telah balik ke pangkuan ibu bapanya dan memberitahu yang dia sangat merindui Syeikh Mahmud ketika berada di Nepal. Gadis itu telah dibawa berjumpa dengan Syeikh Mahmud dan telah bertaubat di hadapan Syeikh Mahmud. Kemudian tidak berapa lama selepas itu pemuda Nepal itu telah datang mencari gadis tersebut dan menyatakan hasratnya untuk berkahwin dengan gadis itu, beliau juga sanggup memeluk Islam. Selepas memeluk Islam pemuda itu telah melihat dalam mimpinya yang Syeikh Mahmud telah menyembelih seekor lembu yang besar di Nepal dan orang ramai telah lari bertempiaran selepas lembu itu disembelih. Sekarang ini pemuda itu telah menjadi seorang muslim yang baik.

Daripada dua kisah ini dapatlah kita memahami betapa tegas dan prihatinnya Syeikh Mahmud memikul amanah para ahlullah dan mempertahankan akidah Islam sehinggakan sanggup menggadai nyawa. Keprihatinan beliau dalam memikul amanah para ahlullah untuk membimbing manusia juga tergambar apabila beliau sering berkata:

> *"Sekiranya disebabkan saya manusia lambat sampai Allah di zaman ini lebih baiklah saya mati, tidak guna kita hidup sekiranya kita menjadi batu penghalang kepada orang lain untuk berjalan di jalan Allah."*

Kejujuran Kepada Allah

Pada tahun 1978 Masehi, Syeikh Mahmud telah mengalami dalam satu hal kerohanian dan pada masa itu beliau telah terdengar suara ketuhanan yang berkata:

> *"Mahmud, kau nak apa daripada Aku? Gurumu pernah minta nak pergi Mekah 40 kali."*

Syeikh Mahmud hanya menjawab:

إِلَـــهِى أَنْتَ مَقْصُوْدِى وَرِضَاكَ مَطْلُوْبِى اَعْطِنِى مَحَبَّتَكَ وَمَعْرِفَتَكَ يَا الله

"Wahai Tuhanku! Dikaulah matlamat tujuanku, dan keredhaanMu yang ku tuntuti, kurniakanlah kepada ku kasih-sayang dan ma'rifah kepadaMu Ya Allah".

Bersemuka Ahli Fatwa



Syeikh Mahmud bergambar bersama jemaah di perkarangan Masjid Zahir yang berdekatan dengan Mahkamah Syariah/Jabatan Agama Islam Alor Setar pada tahun 1979.

Pada tahun 1979 Masehi beliau telah dipanggil ke Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Kedah di Alor Setar untuk bermuzakarah berkenaan Aurad Ismailiah yang beliau amalkan dengan Ahli Majlis Fatwa Negeri Kedah. Apabila Syeikh Mahmud menerima surat jemputan untuk menghadiri muzakarah tersebut timbullah kebimbangan dalam hatinya kerana beliau akan berdepan dengan 8 orang alim ulama' Kedah. Lalu beliau

Warta Negeri Kedah.

pun bercadang hendak menyemak kitab-kitab kerana hendak membuat persedian tetapi dengan tiba-tiba Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani telah muncul dan berkata kepada beliau:

"Bukan awak yang nak jawap Mahmud tetapi aku yang akan jawab".

Pada 25 April 1979 Masehi / 28 Jamadil awal 1399 bersamaan hari Rabu ketika Syeikh Mahmud masuk ke dalam bilik muzakarah itu Kesultanan Syeikh Abdul Qodir Al-Jilani telah datang memeluk jasad beliau. Kesultanan itu telah mematahkan segala hujjah para ulama' tersebut dengan berkata:

قَبِيْحٌ مِنَ الإِنْسانِ يَنْسَى عُيُوبَهُ * وَيَذْكُرُ عَيْبًا فِى أَخِيهِ قَدْ إِخْتَفَى

فَلَو كَانَ ذَا عَقْلٍ لَمَا عَابَ غَيْرَهُ * فَفِيهِ عُيُوبٌ لَو رَاٰهَا إِكْتَفَى

Maksudnya: *Satu kecelaan yang ada pada manusia ia lupa keaiban dirinya sendiri. Ia menyebut-nyebut keaiban saudaranya yang tersembunyi. Andainya ia seorang yang berakal nescaya tidaklah ia aibkan orang lain. Pada dirinya penuh keaiban, andainya diperhatikan cukuplah baginya.*

Para ulama' tersebut terus terdiam apabila mendengar kata-kata ini. Daripada kejadian itu bertambah yakinlah Syeikh Mahmud terhadap kewibaan Sultan Auliya Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani serta janji-janji Allah kepada para kekasihNya dan orang-orang yang bersungguh-sungguh berbakti di jalanNya.

Tidak berapa lama selepas muzakarah itu seorang kawan Syeikh Mahmud yang bekerja di Jabatan Agama Islam Kedah telah bertemu dengan beliau dan menceritakan komen Ahli Majlis Fatwa terhadap Syeikh Mahmud. Ada dikalangan Ahli Majlis Fatwa berkata:

> *"Ustaz Mahmud pakai ilmu apa? Kita nak tengok dia pun tak berani? Dia pakai jin ke?"*

Syeikh Mahmud pun cakap kepada kawannya itu:

> *"Kalau aku pakai jin, mereka pakai malaikat. Takkanlah malaikat kalah dengan jin".*

Sesungguhnya memang terlalu banyak ujian yang Syeikh Mahmud telah rempuh sekiranya hendak dicatat di dalam buku ini.

Lawatan Kerja Syeikh Mahmud

Ke semua lawatan kerja Syeikh Mahmud dilakukan selepas tahun 1983 Masehi iaitu selepas Khidir a.s mengarah kepada beliau balik ke Asia sewaktu di Kota Mekah. Arahan itu diberi selepas Syeikh Mahmud menghabiskan latihannya selama 13 tahun.

Syeikh Mahmud banyak melakukan lawatan kerja di luar negara dan terlalu banyaklah peristiwa yang berlaku semasa beliau berada di sana. Cuma di sini hanya dicatatkan lawatan dan peristiwa yang sering disebut oleh Syeikh Mahmud sahaja.

Tujuan lawatan dilakukan adalah untuk menghidupkan perjalanan kesufian dan juga menghayati kembali perjuangan para nabi, rasul dan para auliya' yang terdahulu. Kebanyakan negara ataupun tempat yang beliau kunjungi mempunyai kesan-kesan sejarah perjuangan para nabi, rasul dan para auliya'.

Indonesia.

Pada tahun 1986

Beliau telah pergi menutup satelit jin di Tasik Malaya Jawa Barat atas arahan Syeikh Abdul Qadir AL-Jilani. Sebelum pergi ke Tasik Hijau Syeikh Mahmud dan rombongannya telah singgah di Pesanteren Suralaya yang telah diasas oleh seorang ahlullah yang bernama Syeikh Abdullah Mubarak B. Nur Muhammad yang lebih dikenali dengan Abah Sepuh @ Abah Safwah. Pada masa itu pesanteren tersebut dipimpin oleh Kiyai Ahmad Sohibul Wafa Tajul Arifin yang dikenali dengan Abah Anum anak kepada Abah Safwah. Syeikh Mahmud dan rombongan sampai di pesanteren



Syeikh Abdullah Mubarak Nur Muhammad/ Abah Sepuh @Abah Safwah.



Kiyai Ahmad Sohibul Wafa Tajul Ariffin/Abah Anom.

tepat pada waktu solat subuh. Sewaktu hendak mendirikan solat subuh berjemaah yang diimamkan oleh Abah Anum, dengan tiba-tiba Abah Anum telah menoleh ke belakang seraya menyebut "Sila Mahmud" kerana mempersilakan Syeikh Mahmud mengimamkan solat. Untuk menjaga adab sebagai tetamu Syeikh Mahmud telah menyahut kembali dari belakang supaya Abah Anum terus mengimamkan solat. Semasa bersarapan pagi dengan Abah Anum beliau telah bertanya siapakah ketua rombongan yang baru tiba ini. Pertanyaan ini membuat rombongan terpinga-pinga kerana ketika solat subuh hendak dimulakan Abah Anum memanggil nama Syeikh Mahmud, tetapi sekarang menanyakan siapa pula ketua rombongan. Selepas bersarapan Syeikh Mahmud menerangkan kepada ahli jemaah beliau bahawa yang datang ketika sebelum solat subuh ialah 'angin' kewalian Abah Sepuh @ Abah Safwah yang memeluk jasad Abah Anum.



Berjalan meninggalkan Makam Syeikh Abdullah Mubarak di perkarangan pasantren Suryalaya di Tasik Malaya.

Semasa berada di pesanteren itu Syeikh Mahmud dan rombongannya telah menziarahi makam Abah Sepuh @ Abah Safwah dan membuat halqah zikir di samping makam. Menurut Syeikh Mahmud, Abah Sepuh menerima latihan daripada Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani sebab itu dia dapat melukis wajah Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Syeikh Mahmud mengarahkan supaya gambar lukisan itu dirakam dengan kamera dan apabila kembali ke Malaysia nanti foto itu dilukiskan kembali. Menurut Haji Amran, pada mulanya pelukis yang diminta melukis wajah Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani mengalami kesulitan untuk melukis semula foto itu. Ia merasa hairan kerana hal ini tidak pernah terjadi kepadanya. Tetapi apabila ia telah melakukan sembahyang sunat hajat barulah Allah mengilhamkannya cara yang terbaik untuk melukis semula foto itu. Menurut Syeikh Mahmud, 90 % wajah yang dilukis itu menyerupai dengan wajah asal Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani ketika usianya 65 tahun.

Pada tahun 2004 Masehi, sekali lagi Syeikh Mahmud pergi melawat Pesanteren Suralaya dan menziarahi Abah Anum yang uzur.

Tahun 1994.

Syeikh Mahmud telah pergi ke Dumai, Sumatera bersama dengan Umi Kalsum, Ayub dan Haji Zainuddin. Kemudian beliau telah menyuruh Hj. Zainuddin terus ke Palembang untuk membawa pulang anak-anak didik Nurul Iman yang belajar di Seri Bandung. Syeikh Mahmud bersama Umi Kalsum dan Ayub pula telah pergi menziarahi sanak saudara Umi dan Ayub di Dumai yang merupakan anak cucu Syeikh Abdul Wahab Rokan.

Syeikh Mahmud telah mengarahkan agar anak-anak didik Nurul Iman dibawa pulang kerana beliau melihat persekolahan tersebut tidak bersesuaian dengan aturan perjalanan ahlullah. Para pelajar tersebut sempat belajar di sana selama sebulan. Di sekolah tersebut terdapat seorang pelajar perempuan yang bernama Munirah yang turut sama belajar dengan anak-anak didik Nurul Iman. Beliau telah tertarik dengan peribadi anak-anak didik Nurul Iman yang diasuh oleh Syeikh Mahmud.

Pada tahun 2007 Munirah telah datang berjumpa Syeikh Mahmud di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat. Beliau mengalami 'gangguan' kerana disihir dan telah pergi berubat di merata tempat sebelum berjumpa Syeikh Mahmud tetapi tidak juga sembuh. Apabila beliau mengamalkan amalan yang diberi oleh Syeikh Mahmud barulah gangguan sihir tersebut hilang dari dirinya. Selepas itu Munirah telah mengakui yang Syeikh Mahmud sebagai guru yang boleh membimbingnya. Syeikh Mahmud telah menjodohkan Munirah dengan Suparjo orang yang diamanahkan untuk menjaga zawiyah Syeikh Mahmud di Cirebon, Jawa Barat.



Pasangan suami isteri ini menjaga zawiyah Nurul Iman Cirebon, Jawa Barat.

Tahun 1996 Masehi

Syeikh Mahmud telah pergi melawat Banjarmasin, Kalimantan. Semasa lawatan itu Syeikh Mahmud berkesempatan menziarahi makam Syeikh Arsyad Al-Banjari seorang ulama' yang bertaraf ahlullah yang aktif mengembangkan Islam sekitar abad 12 Hijrah. Di Banjarmasin juga terdapat seorang murid Syeikh Mahmud yang bernama Kiyai Hj. Hadrawi yang telah membuka pusat pengajiannya sendiri serta aktif berdakwah dan mempunyai ribuan murid. Beliau telah diasuh oleh Syeikh Mahmud di Kota Mekah sejak tahun 1979 Masehi lagi.



Syeikh H. Muhammad Arsyad Al-Banjari(1702-1807) Martapura, Kalimantan



Menziarahi Ketua Dewan Ulama' Balik Papan pada 2001. Dari kanan, Hj. Sharwandi, Syeikh Mahmud, Kiyai Hj. Hadrawi dan Hj. Rizal.

Tahun 2004 Masehi

Syeikh Mahmud telah pergi ke Pekan Baru, Sumatera. Ketika di sana Haji Ismail cicit Syeikh Abdul Wahab Rokan telah bertanya Syeikh Mahmud perihal maqam di dalam perjalanan ahlullah.

Syeikh Mahmud pun menjawab apa yang beliau faham daripada pengalaman yang diperolehinya daripada Sultan auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani iaitu:

مَنْ عَرَفَ رَبَّهُ فَسَدَ الجَسَدُ

"Sesiapa yang mengenal Tuhannya nescaya hancurlah jasadnya". (yakni hilanglah segala sel bahlul yang tidak mengenal Allah)

"Orang-orang yang 'fasadal jasad' tidak kisah dengan maqam-maqam" ujar Syeikh Mahmud lagi.

Apabila Hj. Ismail mendengar jawapan ini beliau terus kagum dengan kewibawaan Syeikh Mahmud dan menghadiahkan kepada Syeikh Mahmud kesemua duit yang diterimanya daripada orang ramai pada hari itu.



Syeikh Mahmud di rumah Hj. Ismail Pekan Baru.

Pakistan

Tahun 1991 Masehi

Menghadiri sambutan Maulud di Gujranwala, Lahore. Kunjungan ini adalah memenuhi undangan Maulana Said Mujaddidi iaitu seorang murid Syeikh Mahmud yang telah mencapai taraf abdal. Beliau telah berbaiah dengan Syeikh Mahmud pada tahun 1988 Masehi di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat atas arahan Khidir a.s. Beliau menggantikan kedudukan kewalian Maulana Lutfur Rahman yang meninggal dunia sekitar penghujung tahun 1987 Masehi ataupun awal 1988 Masehi.

Maulana Said Mujaddidi dan pengikutnya telah memberi penghormatan dan sambutan yang hebat kepada Syeikh Mahmud. Mereka telah menampal poster yang memaklumkan kehadiran Syeikh Mahmud. Haji Zainuddin yang turut sama dalam kunjungan ini telah berkata: *Kalau Ayah duduk sini, jadi jutawan"* beliau berkata begini apabila melihat para jutawan dan orang ramai menghormati Syeikh Mahmud.



Poster Maulidur Rasul di Gunjranwala, Lahore, Pakistan yang menunjukkan Syeikh Mahmud sebagai jemputan khas.

Syeikh Mahmud terus berkata *"bukan matlamat Din!"*

Selepas menghadiri Majlis Maulud, Syeikh Mahmud telah pergi melawat muzium yang menyimpan beberapa peninggalan Rasulullah s.a.w seperti serban dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1990 Masehi Maulana Said Mujaddidi telah datang menziarahi Syeikh Mahmud. Semasa beliau tiba di Malaysia Syeikh Mahmud sedang berada di Madrasah Nurul Iman Kok Sira, Thailand. Lalu Syeikh Mahmud telah keluar dari Thailand dan mengadakan pertemuan dengan Maulana Said Mujaddidi di rumah salah seorang sahabat Syeikh Mahmud di Kota Bharu, Kelantan. Selepas makan malam bersama di atas lantai, sahabat Syeikh Mahmud telah bangun lalu duduk di atas kerusi sedangkan Syeikh Mahmud dan Maulana Said Mujaddidi masih duduk di atas lantai.



Syeikh Muhammad Said Mujaddidi menyampaikan cenderamata kepada Syeikh Mahmud di Majlis Maulidur Rasul.

Apabila Maulana Said Mujaddidi melihat perbuatan orang itu dia pun bertanya kepada Syeikh Mahmud:

"Orang ini sudah berapa lama ikut Syeikh?"

Syeikh Mahmud menjawab yang orang tersebut adalah merupakan kawan beliau sahaja dan bukanlah pengikut beliau.

Kemudian Maulana Said Mujaddidi pun lantas berkata:

"Saya datang ke sini semata-mata hendak bertemu dengan Syeikh Mahmud, semoga dengan itu Allah s.w.t menerima segala amalan ibadah yang telah saya lakukan selama ini".


Syeikh Mahmud menziarahi Syeikh Mujaddidi yang uzur pada tahun 2002 Masehi.

Syeikh Mahmud berasa sangat malu terhadap Allah apabila melihat ketinggian adab muridnya yang bertaraf abdal ini.

Pada bulan Februari 2002 Syeikh Mahmud telah pergi menziarahi Maulana Said Mujaddidi yang sedang uzur. Syeikh Mahmud memberitahu Maulana Said Mujaddidi bala' yang menimpanya itu adalah kerana Allah s.w.t hendak meninggikan lagi darjatnya. Lebih kurang 6 bulan selepas itu Maulana Said Mujaddidi pun kembali ke rahmatullah. Ketika sedang menziarahi Maulana Said Mujaddidi terdapat juga seorang Syeikhul Hadis dan seorang guru toriqah dari Peshawar di dalam bilik Maulana Said Mujaddidi. Syeikhul Hadis telah bertanya beberapa soalan kepada Syeikh Mahmud tetapi Syeikh Mahmud tidak menjawabnya. Keesokan harinya ketika berada di dalam bilik perpustakaan Syeikhul Hadis, Syeikh Mahmud telah meminta agar dibawa kitab Mukasyafah Al-Qulub karya Imam Ghazali kepadanya. Apabila kitab itu dibawa kepada Syeikh Mahmud, beliau pun terus membuka kitab itu dengan spontan tanpa perlu melihat muka surat yang ke berapa terlebih dahulu dan menunjukkan kepada Syeikhul Hadis jawapan yang beliau tanya kelmarin. Syeikhul Hadis dan guru toriqah dari Peshawar menjadi kagum dengan cara jawapan yang diberikan oleh Syeikh Mahmud secara spontan itu. Guru toriqah tersebut pun terus mengucup tangan Syeikh Mahmud.

Maulana Said Mujaddidi telah meninggal dunia pada tahun 2002.

Tiga hari sebelum beliau meninggal Hazrat Abdul Rahman seorang Ulama' daripada Kerala yang menjadi penaung Jami'ah Sadiyah telah datang berbai'ah dengan Syeikh Mahmud di Madrasah Nurul Iman Hulu Langat.


Sayyid Abdul Rahman Al-Bukhari, Penaung Jami'ah Sa'adiah Arabiah, Kerala.

Tahun 1992 Masehi

Menzirahi anak-anak didik Madrasah Nurul Iman Batu Lima yang sedang menuntut di Madrasah Muhammad Yusuf Binuri Town, Karachi.

Tahun 1993 Masehi

Menziarahi anak-anak didik Madrasah Nurul Iman Batu Lima yang sedang menuntut di Pakistan. Lawatan dilakukan semasa di dalam perjalanan ke Mekah. Ketika di Pakistan beliau telah dikunjungi Maulana Zarwali Khan. Di dalam pertemuan itu Maulana Zarwali Khan bertanya kepada Syeikh Mahmud adakah beliau terkena sihir, Syeikh Mahmud menjawab tidak tetapi masalah yang dihadapi oleh Maulana Zarwali kerana kurang berselawat.

Tahun 2002 Masehi

Menziarahi anak-anak didik Nurul Iman yang belajar di sana. Syeikh Mahmud juga telah menginap di rumah Pelajar Nurul Iman selama 3 hari dan memberi mereka garis panduan zikir yang bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai pelajar. Berkesempatan juga bertemu dengan Dr. Abdul Razak mudir Jamiah Al-Ulum Al-Islamiah Karachi.

Tahun 2004 Masehi

Kunjungan Syeikh Mahmud kali ini ke Pakistan adalah untuk melihat satu kesan peninggalan sejarah seorang wali Allah di sana yang berhampiran dengan Masjid Badshahi. Beliau juga telah membawa isteri ke tiganya bersama. Semasa berada di sana Syeikh Mahmud telah pengsan 7 hari 7 malam dan telah dimasukkan ke dalam hospital. Ketika pengsan itu beliau telah terdengar suara ketuhanan yang berkata“ Di tangan kaulah, matinya Jin Sindhi yang berusia 400 tahun.”

India

India merupakan negara yang kerap Syeikh Mahmud kunjungi.

Tahun 1990 Masehi

Syeikh Mahmud telah mengunjugi Markas Jemaah Tabligh di Nizammuddin Delhi. (Sebelum ini beliau pernah mengunjugi Markas Jemaah Tabligh pada tahun 1981 Masehi).

Tahun 1997 Masehi

1. Di dalam lawatan kali ini beliau telah melawat kubah yang telah dibina atas arahan Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di Kayalpattinam. Seorang wali Allah dari Baghdad yang bernama Saiyid Abdullah Al-Qadiri telah datang sini dan telah bermimpi Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani mengarah beliau membina kubah. Selepas kubah ini siap dibina Saiyid Abdullah Al-Qodiri telah mengamanahkannya kepada seorang muridnya yang bernama Khalifah Saiyid Ismail Alim sebelum beliau pulang ke Baghdad. Dikatakan sekarang ini kubah itu telah berusia sekitar 140 tahun.



Kubah Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani.



Syeikh Mahmud dan rombongan dirai oleh penduduk Kayalpattinam di dlam kubah.

2. Menziarahi makam Tamim Ansari sahabat Rasulullah s.a.w yang menyebarkan Islam di India.

3. Menziarahi Makam Syeikh Abdul Qadir Al-Manikapuri di Nagore. Sewaktu menziarahi makam, Syeikh Nagore telah datang bertemu Syeikh Mahmud secara kerohanian kerana menghormati kunjungan Syeikh Mahmud sebagai tetamunya. Di dalam pertemuan itu Syeikh Mahmud dapat mengetahui yang kerohanian dan kewalian Syeikh Abdul Qadir Manikapuri tiada di makamnya tetapi berada di Afrika Selatan kerana memantau perkembangan Islam di sana. Ketika kerohanian Abdul Qadir Manikapuri datang bertemu Syeikh Mahmud, salah seorang ahli rombongan yang bernama Abdul Qadir hampir pengsan lalu Syeikh Mahmud menepuk belakangnya seraya berkata "baru setakat ini pun kamu sudah tidak tahan' dan selepas ditepuk Syeikh Mahmud barulah beliau mendapat kekuatan.

4. Menziarahi seorang wali Allah yang bernama Syeikh Abdul Rahman Kambam. Syeikh Abdul Rahman telah berkhalwat di dalam biliknya hampir 30 tahun. Semasa bertemu itu Syeikh Abdul Rahman Kambam telah cuba meninjau sejauh mana kedudukan Syeikh Mahmud di alam kerohanian dengan kasyafnya dan dengan keberkatan kewalian bapanya. Perbuatan Syeikh Kambam itu telah disedari oleh Syeikh Mahmud lalu denga tiba-tiba Syeikh Kambam berkata: "Anjing ini cuba hendak melihat sejauh mana kedudukan Syeikh Mahmud



Menziarahi Hazrat Abdul Rahman di Kambam, India pada Februari 1997.

di dalam kewalian dengan menggunakan pengalaman anjing ini sendiri tetapi tidak kesampaian. Anjing ini juga telah cuba dengan keberkatan bapa anjing ini pun masih tidak kesampaian. Bertuahlah kamu semua kerana dapat hidup di zaman Syeikh Mahmud dan dapat berjumpa dengan dia". Syeikh Kambam telah meminta agar Syeikh Mahmud sudi membai'ah ahli keluarganya, dia juga telah mengarah semua murid dan penduduk kampung datang bertemu serta berjabat tangan dengan Syeikh Mahmud.

5. Bertemu dengan Thaikka Lebbai. Thaikka Lebai adalah orang yang diamanahkan menyebarkan Ratib Jalaliyah ke seluruh dunia. Beliau telah mempelawa Syeikh Mahmud serta rombongan menginap di hotelnya yang bernama Marble Lodge di Madras. Thaikka Lebbai adalah keturunan Mapillai Aleem seorang Wali Allah yang hidup 300 tahun yang lampau. Thaikka Lebbai seorang yang sangat mengasihi para auliya' dan banyak pengalaman di dalam berdamping dengan para auliya' Allah serta bersifat dermawan dan tidak lokek membelanjakan hartanya di jalan Allah. Beliau juga amat mengagumi serta mengasihi Syeikh Mahmud dan telah melantik Syeikh Mahmud sebagai penaung Ratib Jalaliah pimpinannya. Beliau telah menggelar Syeikh Mahmud dengan gelaran "Ruhul Zikr."



Thaikka Lebbai menghadiahkan Kitab Ratib Jalaliyah kepad Syeikh Mahmud.

6. Syeikh Mahmud telah mentalkinkan selawat kepada orang-orang di Kayyalpatinam. Syeikh Mahmud meminta mereka cuba menghabiskan selawat sebanyak 5 juta 6 ratus ribu (5.6 juta) dalam tempoh 5 tahun. Ramailah dikalangan mereka yang telah dapat bermimipi bertemu dengan Rasulullah s.a.w dengan berkat mengamalkan selawat. Syeikh Mahmud telah berazam untuk mengadakan majlis suluk di Kayyalpattinam.

Tahun 2001 Masehi

Menganjurkan suluk ataupun khalwat di Kayalpattinam. Pada mulanya Syeikh Mahmud telah bercadang hendak pergi menyertai suluk tersebut tetapi terdapat halangan dalam masalah kelulusan visa kerana ketika itu dunia telah digemparkan dengan peristiwa robohnya dua bangunan Pusat

Perdagangan New York yang dirempuh kapal terbang. Walaupun begitu terdapat hikmah yang besar yang diperolehi oleh orang-orang yang menyertai suluk itu kerana mereka telah dapat melihat kewalian Syeikh Mahmud hadir memantau sepanjang majlis suluk tersebut. Daripada situ bertambahlah keyakinan mereka terhadap perjalanan ahlullah yang telah diteroka oleh Syeikh Mahmud. Suluk itu dijalankan selama 3 hari di kubah Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dan seterusnya disambung selama 7 hari lagi di Masjid Mikail. Seramai 80 orang ahli jemaah Nurul Iman daripada Singapura mengikuti program suluk tersebut. Syeikh Mahmud telah melantik Ustaz Ahmad Singapura untuk memimpin suluk itu.

Pada 2002 Masehi

1. Kunjungan Syeikh Mahmud kali ini adalah selepas beliau terdengar suara ketuhanan yang mengarah beliau pergi membunuh jin berkepala 7 yang berada di India. Jin ini telah dipuja oleh seorang pemimpin yang melakukan kezaliman di Malaysia. Selepas jin ini dibunuh, pemimpin tersebut telah meletakkan jawatannya.



Syeikh Mahmud serta rombongan dalam Masjid Mikail di Kayalpattinam pada 2002.

2. Menziarahi Makam Syeikh Abdul Qadir Manikapuri di Nagore sekali lagi. Tetapi dalam kunjungan kali ini Syeikh Abdul Qadir Manikapuri tiada di sana lalu Syeikh Mahmud terus bermunajat kepada Allah. Ketika itu juga beliau telah mendapat jawapan daripada Syeikh Abdul Qadir Manikapuri “Ini zaman kau Mahmud”.

3. Pada kali ini Syeikh Mahmud dan rombongan berkesempatan melihat barang-barang peninggalan Syeikh Abdul Qadir Manikapuri seperti tempurung kelapa laut yang telah dihadiahkan oleh Nabi Adam a.s, tasbih, Al-Quran tulisan tangan beliau, tongkat dan lain-lain lagi.


Tempurung Kelapa Laut, tasbih, kopiah peninggalan Shahul Hameed.


Tongkat dan Al-Quran tulisan tangan.

4. Sekali lagi menziarahi makam Tamim Ansari sahabat Rasulullah s.a.w. pada tahun ini.

5. Mengunjugi Kubah Syeikh Abdul Qodir Al-Jilani dan Masjid Mikail yang dibina pada tahun 730 Hijrah di Kayalpattinam.

Tahun 2003 Masehi

1. Syeikh Mahmud menganjurkan suluk selama tiga hari di rumah Jamal Hajiyar di Palavagam, Madras pada kunjungan kali ini. Suluk tersebut disertai oleh jemaah Nurul Iman daripada Malaysia dan Singapura.


Rumah Jamal Hajiyar di Palavagam, Madras dimana majlis suluk diadakan.


Majlis suluk tiga hari di Madras.

2. Melawat Masjid Malik Bin Dinar di Kerala.

3. Pertama kali melawat Jami'ah As Sa'adiah A'rabiah di Kerala dan menghadiri Majlis Zikir Ratib Jalaliyah di sana yang dianjur oleh Thaikka Lebbai dan para Ulama' Kerala. Majlis zikir tersebut dihadiri hampir 15 ribu orang. Syeikh Mahmud memberi syarahan dalam syarahan itu beliau menerangkan yang beliau adalah anak asuhan Maulana Abdul Bari seorang ulama' dan ahlullah yang berasal dari




Ketibaan Syeikh Mahmud dan rombongan ke Kerala disambut dengan meriah.



Penuntut di Jami'ah As-Sa'adiah A'rabiah meraikan kedatangan Syeikh Mahmud.


Syeikh Mahmud bersama Syeikh Abdul Qadir Musliyar, Pentadbir Jami'ah Sa'adiah Arabiah, Kerala.

Kerala. Kedatangan beliau adalah kerana membalas jasa Maulana Abdul Bari. Para pentadbir Jami'ah Sa'adiah telah membawa Syeikh Mahmud melawat sekitar Kompleks Jamiyah yang berkeluasan 30 ekar. Di dalam kompleks tersebut terdapat pengajian agama dan akademik sehingga ke tahap kejuruteraan, rumah penjagaan anak-anak yatim, hospital dan perpustakaan yang mengandungi ribuan kitab di dalamnya. Syeikh Mahmud berasa kagum dengan kesungguhan para ulama' dan penduduk Kerala di dalam menghayati pengajaran agama.


Perpustakaan di Jami'ah Sa'adiah Arabiah, Kerala.


Asrama penuntut Jami'ah Sa'adiah Arabiah, Kerala.


Kemudahan teknologi.

Tahun 2005 Masehi

Kunjungan ini dilakukan pada 17 -30 Rabiul Awwal 1426 / 26 April – 9 May 2005 Masehi

1. Memimpin Halqah zikir di Jami'ah As Sa'adiah Kerala yang dianjurkan oleh Thaikka Lebbai dan para ulama' Kerala. Para alim ulama' Kerala mengatakan zikir yang dianjurkan itu adalah untuk kedamaian dunia. Hazrat Masthan seorang ulama' di sana telah menyampaikan syarahan di atas pelukan kerohanian "Muhyiddin abad 15". Dalam syarahan itu beliau telah menceritakan tentang istighfarnya Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a. Beliau telah meminta kepada semua para ulama' yang hadir pada malam itu agar mencari satu kesalahan yang telah dilakukan oleh Saiyidina Abu Bakar dan sekiranya ada walaupun kesalahan yang kecil dia sanggup mengoyakkan kulitnya untuk dijadikan tali kasut para ulama' tersebut. Hazrat Masthan mengatakan lagi, walaupun Saiyidina Abu Bakar r.a. tidak



Menghadiri Majlis Ratib Jalaliyah.



Majlis zikir yang dihadiri oleh 15 ribu penduduk di Kerala.

melakukan kesalahan, beliau telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. agar membanyakkan beristighfar dengan membaca:

أَللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيْرًا كَبِيْرًا وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ

فَاغْفِرْلِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الغَفُورُ الرَّحِيمُ

Ya Allah! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak lagi besar dan tiada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau. Maka oleh itu ampunilah aku dengan keampunan daripada sisiMu dan curahkanlah kasih-sayangMu ke atasku, sesungguhnya Engkaulah zat yang bersifat Maha Pengampun Lagi Maha Pengasih."

Syeikh Mahmud juga menyampaikan syarahan tentang pengalaman beliau dan kepentingan zikrullah di dalam majlis tersebut.

2. Syeikh Mahmud juga telah menjemput Syeikhul Hadis Maulana Waliyullah bertemu dengannya di rumah saudara Ajmal Bukhari di Madras. Maulana Waliyullah adalah sahabat Syeikh Mahmud semasa belajar di Darul Ulum, Deoband pada tahun 1967 Masehi. Di dalam pertemuan itu Syeikh Mahmud telah menerangkan sedikit tentang kewalian Tok Wali Ismail Lundang Paku kepada Maulana Muhammad Waliyullah. Syeikh Mahmud juga telah meminta Maulana Muhammad Waliyullah memberi syarahan tetapi beliau menolak kerana berasa malu kepada Syeikh Mahmud. Beliau juga menganggap Syeikh Mahmud sebagai gurunya.



Syeikhul Hadis Maulana Waliyullah.



மணிச்சுடர்

உலக அமைதிக்காக திக்ரு மஜ்லிஸ் - பிரார்த்தனை

சென்னை புதுப்பேட்டையில் நடக்கிறது

Ketua Ratib Jalaliah, Asia Tenggara, Syeikh Mahmud Al-Kedahi beserta dengan penganjur Ratib Jalaliah Hj. Thaikka Lebbai.

Terjemahan Keratan Akhbar di Kerala

Majlis Zikir dan Doa untuk Keamanan Dunia

Bagi menghentikan pepe-rangan dan mewujudkan keamanan di kalangan ummah, satu majlis zikir telah diadakan pada 5 November 2001 dari 4.50 p.m hingga 5.50 p.m di Puthupeythei Masjid Mahmud, Chennei, India.

Ketua Ratib Jalaliah bahagian Asia Tenggara, Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Mahmud (Malaysia) bersama-sama 100 orang anak muridnya telah mengadakan majlis zikir dan doa. Imam masjid Puthupeythei, Syed Ali Bargawi yang telah mengalu-alukan Syeikh Mahmud dan rombongannya.

Maulana Maulawi Diwa dan Kalandar Mastan Rahmani Qodiri telah memberi kata-kata aluan. Ulama' dan ketua-ketua masyarakat turut menghadiri majlis tersebut.

Sri Lanka



The second is a poster exhibition which is to be held in Colombo and Kandy. "This will be interesting for the

125th anniversary of Ratheeb Jalaliya

The 125th anniversary of Ratheeb Jalaliya organised by the Ratheeb Jalaliya Central Committee to commemorate the 183rd birth anniversary of the founder of Ratheeb Jalaliya Kuthubuzaman Imamul Aroose Mathi Hussaibdian Assheik Seyed Mohamed Mapillai Alim (Rali)will be commemorated and the religious dignitary who has come from Malaysia Shiek Abdul Cader Mahmooth Bin Abdul Rahman Ketha and other religious dignitaries with him will deliver religious sermons on Friday after Mahrib Prayers at the Devatagaha Mosque, next to Town Hall, informs Sri Lanka Jalaliya's leader and Minister of Provincial Councils and Local Government, Al Haj Asseyed Alavi Mowlana who invites all Muslims to take part in this event.

Keratan akhbar yang memaklumkan kehadiran Syeikh Mahmud di majlis ulang tahun ke 125 Ratib Jalaliyah.

Bumi Sri Lanka merupakan bumi tempat Allah Adam a.s dan Syeikh Mahmud telah Sri Lanka sebanyak 2 kali.

Kunjungan pertama pada Mei kerana menghadiri Majlis Sambutan Ratib Jalaliah yang ke-125 di atas jemputan Thaikka Lebbai. Ketika di sana Syeikh Mahmud telah dirai oleh Maulana Syeikh Alavi Gabenor Colombo. Syeikh Mahmud telah memimpin zikir dan majlis itu telah mendapat liputan TV Sri Lanka. Orang-orang soleh di sana telah berbai'at dengan Syeikh Mahmud. Syeikh Mahmud juga berkesempatan menziarah beberapa makam auliya' di sana. Syeikh Mahmud juga telah dipelawa untuk bertemu Presiden Sri Lanka, tetapi Syeikh Mahmud telah menolak seraya berkata "hari ini adalah hari Jumaat, jadi saya nak bertemu Allah pada hari ini." Pada tahun 2002 Masehi Maulana Syeikh Alavi Gabenor Colombo, Thaikka Lebai dan beberapa orang India telah datang ke Madrasah Nurul Iman Batu Lima dan seterusnya menghadiri majlis 'hol' memperingati kelahiran Syeikh Abdul Qadir Al-Manikapuri di Masjid Kapitan Kling, Pulau Pinang.

Kunjungan Syeikh Mahmud kali kedua pada tahun 2005 Masehi. Maklumat tentang kedatangan Syeikh Mahmud kali ini lambat diterima oleh Maulana Syeikh Alavi lalu beliau telah berkata "sekiranya dia mendapat tahu tentang kedatangan Syeikh Mahmud lebih awal pastilah beliau akan mengumumkan kepada orang ramai dan menganjurkan halkah zikir agar dipimpin oleh Syeikh Mahmud." Beliau berasa satu kerugian yang amat besar sekiranya tidak dapat duduk dalam halqah zikir yang dipimpin Syeikh Mahmud.



Syeikh Mahmud bersama A.J.K majlis sambutan Ratib Jalaliyah ke 125 tahun.



Majlis zikir yang dipimpin oleh Syeikh Mahmud disiarkan secara langsung di televisyen Sri Lanka.



Perbincangan Syeikh Mahmud dengan Jawatankuasa Ratib Jalaliyah. Dari kanan Syeikh Mahmud, Hj. Zainuddin dan Maulana Syed Alavi.




Halqah zikir di Colombo di rumah keluarga Maulana Shuib Alim pada tahun 1999.

Jordan Dan Turki

Pada tahun 1994 Masehi Syeikh Mahmud telah melawat Jordan dan Turki. Lawatan kali ini telah banyak membuka kefahaman yang halus-halus tentang perjuangan para nabi, rasul, ahlullah dan Ashabul Kahfi kepada Syeikh Mahmud. Beliau telah dianugerah oleh Allah tentang kehalusan kesufian yang terdapat dalam kisah Nabi Musa a.s diasuh oleh Nabi Syuaib a.s dan perjuangan Nabi Luth a.s. Ketika di Jordan beliau telah menziarahi makam para auliya' dan Abu Ubaid 'Amir Bin Jarrah r.a sahabat Rasulululllah s.a.w.

Di Turki pula beliau menziarahi tempat-tempat peninggalan sejarah perjuangan Sultan Muhammad Al-Fateh.



Gua Ashabul Kahfi di Amman, Jordan

Yaman

Setakat ini Syeikh Mahmud telah mengunjungi Yaman sebanyak 2 kali.

Tahun 1993 Masehi

Di sana beliau telah menziarahi tempat-tempat peninggalan sejarah perkembangan Islam seperti Masjid yang telah diasaskan para sahabat. Di sana juga beliau telah bertemu orang-orang yang kasih dengan perjalanan ahli sufi.

Pada tahun 2003 Masehi

Mengunjugi Yaman selepas melakukan umrah. Pada kali ini Syeikh Mahmud berkesempatan mengunjugi pusat pengajian Darul Mustapha yang dipimpin oleh Habib Omar. Kunjungan beliau kali ini berbetulan dengan masa orang-orang di sana melakukan ziarah makam Nabi Hud a.s. Mereka juga telah mempelawa Syeikh Mahmud menyertai mereka menziarahi makam Nabi Hud a.s. Syeikh Mahmud telah menolak pelawaan mereka seraya menyebut: “Saya baru sahaja tiba dari menziarahi Sayyidul Mursalin.”



Bergambar di Masjid Tertua di Yaman yang berusia 1300 tahun

Afrika Selatan

1994 Masehi

Ketika di sana beliau telah menghadiri Majlis Kesyukuran Hari Kelahiran yang ke 300 tahun Tajul Arifin Syeikh Yusuf Khuluti Makassar serta pergi menziarahi makamnya dan beberapa auliya' yang lain-lain. Syeikh Yusuf Makassar adalah seorang wali Allah yang berasal daripada Pulau Makassar, Indonesia. Beliau telah menentang penjajahan Kristian Belanda di zamannya. Pihak Belanda telah berjaya menawan beliau dan membuang beliau ke Sri Lanka pada permulaannya dan seterusnya ke Cape Town, Afrika Selatan. Semasa di Sri Lanka dan Afrika Selatan beliau tetap menjalankan kegiatannya menyebarkan Islam dan meniupkan semangat jihad menentang kezaliman kafir musyrikin terhadap orang-orang Islam.

Di samping itu Syeikh Mahmud juga telah pergi bertemu dengan Ahmad Deedat seorang ulama' berketurunan Gujerati yang aktif berdakwah. Ahmad Deedat merupakan ulama' yang pakar tentang kitab Bible pegangan penganut Kristian, dengan hasil dakwah beliau ramailah orang Kristian memeluk Islam.

Semasa di sana juga Syeikh Mahmud telah ternampak sebuah masjid yang reka bentuknya sama dengan masjid yang berada di Bumi Puteh. Reka bentuk masjid itu telah dijadikan contoh asas surau Nurul Iman Hulu Langat. Syeikh Mahmud juga telah menjalinkan tali persaudaraan Islam dengan orang-orang Melayu di Cape Town yang mana mereka ini merupakan keturunan Syeikh Yusuf Khuluti dan para pengikutnya.



Cape Town, Afrika Selatan. Menziarahi Makam Yusuf Khuluti.



Syeikh Mahmud bersama Ahmad Deedat Rahimahullah di Durban.



Masjid yang dibina oleh seorang wali Allah, Durban.

England


Orang yang mustaghraqun Lillah.

Pada tahun 1996 Masehi Syeikh Mahmud digerakkan oleh Allah s.w.t pergi ke England. Ketika berada di sana beliau telah meninjau perkembangan Islam di sana dan melihat bagaimana keadaan manusia kafir musyrikin yang sentiasa bergelumang dengan maksiat. Semasa dalam perjalanan di dalam kereta sekitar Kota London, Syeikh Mahmud telah meminta pemandu kenderaan berhenti di satu tempat dan menyuruh salah seorang ahli rombongan merakam keadaan manusia yang sedang mabuk arak dan maksiat di sebelah kiri jalan raya tetapi dengan tiba-tiba berlaku satu perkara yang tidak terlintas di pemikiran iaitu seorang yang penuh mabuk Allah telah datang menghampiri kenderaan yang dinaiki Syeikh Mahmud dari pihak kanan beliau. Orang tersebut adalah salah seorang yang karam memandang kebesaran Allah, dia telah berjumpa Syeikh Mahmud dan lantas mengucup tangan Syeikh Mahmud kemudian bermadah yang memuji Syeikh Mahmud dalam bahasa Urdhu.

Kata-kata beliau terhadap Syeikh Mahmud yang telah terjemah ke dalam Bahasa Melayu.

Jallah nama ku, Jallah nama ku
Aku memberi salam kepada semua
Tidak kira Hindu atau Muslim

Baba, aku ingin berjabat tangan denganmu
Engkaulah Baba ku dan
Engkaulah sebenarnya Baba

Tolonglah sambut tangan ku
Aku ingin bersalam dengan mu

Tidak ramai yang tahu
Bahawa engkau seorang sultan

Engkaulah Baba ku
Engkaulah Sultan

Engkaulah Baba ku
Dan Engkaulah Sultan

Ketika itu juga Syeikh Mahmud berasa kagum dengan keagungan Allah Yang Maha Suci kerana walaupun negara itu penuh dengan gejala kekufuran dan kesyirikan tetapi di celah-celahnya terdapat seorang ahlullah yang besar.

Menurut Syeikh Mahmud orang tersebut adalah seorang ahlullah yang mengganti tempat Syeikh Abdullah Bin Harun yang meninggal pada tahun 1993 Masehi.

Pada tahun 2002 Masehi sekali lagi Syeikh Mahmud pergi ke England. Ketika di sana beliau telah menziarahi sepupunya, bertemu dengan beberapa orang Islam dan melawat Universiti Oxford. Ketika di sana juga beliau telah mengetahui rahsia tentang kebijakan anak-anak satu keluarga warga Malaysia di dalam akademik. Dengan rahsia itu beliau telah lebih memahami secara lebih halus tentang hadis yang menceritakan bagaimana kejadian manusia ketika sejak dalam perut ibu lagi. Sekembalinya daripada England beliau telah menasihati para ibu yang hamil agar rajin membaca al-Quran dan berselawat serta lain-lain amalan kebaikan apabila kandungan mereka telah berusia 4 bulan. Menurut Saudara lawyer Nor Azmi yang turut serta dalam kunjungan Syeikh Mahmud ke England kali ini, di Universiti Oxford sekarang ini sudah nampak tanda yang positif tentang perkembangan Islam.

Iraq



Menziarahi Makam Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani di Baghdad.

Syeikh Mahmud mengunjungi Iraq pada tahun 1996 Masehi. Setelah melawat London Syeikh Mahmud terus menuju ke Iraq. Di Iraq beliau telah pergi menziarahi makam gurunya Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, Syeikh Junaid Al-Baghdadi, Sirri Sakhati dan lain-lain lagi.



Menziarahi makam Syeikh Junaid al- Baghdadi.

Syria

Tahun 1995 Masehi

Syeikh Mahmud telah pergi bersama beberapa orang ahli jemaahnya. Dalam ziarah kali ini beliau telah menghadiri halqah zikir yang dipimpin oleh seorang wali Allah di sana. Orang-orang yang duduk dalam halqah tersebut rata-ratanya sudah 30 tahun lebih berpengalaman dalam halqah



Jemaah Nurul Iman menyertai majlis zikir di Masjid At-Taubah.



Menziarahi makam Nabi Allah Zulkifli a.s. pada 1996 Masehi.

zikir. Pada mulanya mereka meminta Syeikh Mahmud membawa zikir tetapi Syeikh Mahmud menolak kerana tidak biasa dengan aturcara halqah mereka. Ketika sedang rancak berzikir dengan tiba-tiba salah seorang daripada mereka yang telah mencapai dzaukiah telah menarik tangan Syeikh Mahmud untuk memimpin zikir. Apabila Syeikh Mahmud melambung zikir dalam halqah tersebut, mereka semua telah merasai satu pengalaman yang manis yang tidak pernah mereka alami sebelum ini.

Apabila halqah zikir selesai mereka telah berjumpa Syeikh Mahmud kerana merasa kagum terhadap kebolehan Syeikh Mahmud melambung zikir. Mereka juga bertambah kagum dengan Syeikh Mahmud dan memeluk beliau apabila mereka mengetahui rahsia Syeikh Mahmud iaitu berpengalaman bertemu



Makam Nabi Allah Zulkifli a.s.

Rasulullah s.a.w serta mendapat asuhan daripada baginda di dalam jaga. Mereka mengatakan jarang sangat orang yang mendapat keistimewaan ini, kerana kebanyakan daripada mereka itu hanya bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w.

Pada masa kunjungan ini Syeikh Mahmud telah berkesempatan menziarahi makam Nabi Allah Zulkifli a.s., para sahabat seperti Saiyidina

Bilal dan lain-lain lagi. Syeikh Mahmud juga telah dibawa menziarahi Arba'in oleh seorang wali Allah yang bernama Dr. Najdad. Dr. Najdad mengucap syukur kepada Allah kerana dengan berkat Syeikh Mahmud beliau turut berpeluang menziarahi Arba'in. Ini adalah kerana itulah pertama kali beliau menziarahi Arba'in walaupun beliau lahir dan membesar di Syria. Ketika itu usia beliau sudah menjangkau 69 tahun.

Tahun 2002 Masehi

Pada tahun ini sekali lagi Syeikh Mahmud telah pergi ke Syria bersama dengan saudara Nor Azmi seorang peguam. Kunjungan kali ini beliau telah menziarahi makam Saiyidina Bilal r.a, bertemu beberapa orang ulama' solehin, menziarahi anak-anak didik Nurul Iman yang belajar di sana dan bertemu beberapa orang pelajar Malaysia. Ketika di sana beberapa orang soleh yang mengenali Syeikh Mahmud mengatakan dengan berkat kedatangan Syeikh Mahmud ke Syria hujan rahmat telah turun kerana sebelum ini sudah lama hujan tidak turun di sana.

Tahun 2006 Masehi

Syeikh Mahmud pergi bersama lebih kurang 30 orang ahli jemaah Nurul Iman. Pada masa ini keadaan Syeikh Mahmud sudah mula uzur, beliau mengarah kepada ahli jemaah menziarahi makam para sahabat, auliya, Arba'in dan menghadiri halqah zikir yang dipimpin oleh para auliya' di sana. Para auliya' di sana kagum melihat ahli jemaah Nurul Iman yang di pimpin Syeikh Mahmud kerana semuanya memakai pakaian yang bertepatan dengan sunnah Rasulullah s.a.w. hujan batu telah turun di sana pada kunjungan Syeikh Mahmud kali ini.

China

Syeikh Mahmud telah mengunjungi Beijing, China pada tahun 2000 Masehi. Ketika Syeikh Mahmud tiba di sana pada hari Selasa, 26 September 2000 telah berlaku satu perkara yang besar iaitu sebuah patung Buddha yang berusia 250 tahun telah jatuh dan pecah. Berita tentang patung ini telah di tulis di dalam surat khabar di sana.


Buddha falls

Patung Buddha yang berusia 250 tahun jatuh dan pecah

Di China juga Syeikh Mahmud telah berkesempatan menziarahi makam Tabi'in dan



Menziarahi Makam Tabi'in di Beijing

merenung kembali bagaimana kesungguhan dan perjuangan para ahlullah yang terdahulu memikul amanah Allah dan Rasul. Ketika berada di China juga Allah s.w.t telah membuka kepada beliau dengan lebih mendalam lagi tentang kejahatan dan keganasan nafsu syahwat jantina manusia melalui sejarah Maharaja China yang menyimpan 3000 gundik.

Morocco

Pada 2006 Masehi menziarahi tempat kelahiran Syeikh Ahmad Idris di Faz, Morocco. Syeikh Mahmud berasa kagum kerana melihat keberkatan Syeikh Ahmad Idris masih berkekalan hingga kini dan memuji kesungguhan orang-orang sana menghayati perjalanan ahlullah.

Sebelum ini pada tahun 2002 Syeikh Mahmud telah pergi menziarahi makam Syeikh Ahmad Idris di Jizan, Arab Saudi. Orang-orang yang membawa Syeikh Mahmud ziarah ke makam Syeikh Ahmad Idris ialah Saiyid Muhammad Ali keturunan Syeikh Ahmad Idris serta tiga lagi rakannya yang menetap di Jeddah dan juga Haji Zainuddin. Mereka itu semuanya adalah sahabat Hj. Zainuddin. Haji Zainuddin adalah orang yang mewakafkan tanah tapak surau dan rumah Syeikh Mahmud di Hulu Langat.

Sebelum daripada itu Saiyid Muhammad Ali telah bermimpi melihat Syeikh Ahmad Idris sedang duduk berbual-bual dengan seseorang,



Faz, Morocco tempat kelahiran Syeikh Ahmad Idris r.a.

kemudian dia ingin turut sama dalam perbualan itu tetapi dengan tiba-tiba Syeikh Ahmad Idris telah menyuap sebuku roti ke dalam mulutnya. Apabila dia berjumpa Syeikh Mahmud, barulah dia tahu orang yang berbual dengan Syeikh Ahmad Idris di dalam mimpinya adalah Syeikh Mahmud. Salah satu tujuan beliau membawa Syeikh Mahmud menziarahi makam Syeikh Ahmad Idris ialah kerana beliau hendak memastikan sejauh mana kebenaran mimpinya serta sejauh mana kewibawaan Syeikh Mahmud.

Untuk memasuki kawasan Jizan akan melalui pos kawalan polis. Orang yang tiada visa ziarah tidak akan dibenarkan masuk ke Jizan. Pada masa itu Syeikh Mahmud tidak mempunyai visa ziarah kerana beliau datang ke Saudi dengan visa umrah dan tanpa beliau sedari sebenarnya orang Arab Jeddah tersebut hendak menguji beliau. Apabila hampir sampai dengan pos kawalan polis Syeikh Mahmud telah terdengar suara hatif yang berkata: *"Mereka hendak uji kau Mahmud!"*

Apabila Syeikh Mahmud terdengar kata-kata itu beliau hanya syuhud kepada Allah seraya berkata:

يَا رَبّ

(Ya rabb!) Wahai Tuhanku!

Apabila tiba di pos kawalan itu, pihak polis hanya meminta dokumen daripada Hj. Zainuddin dan rakan-rakan Arabnya sahaja. Mereka tidak memintanya daripada Syeikh Mahmud seolah-olah mereka tidak nampak Syeikh Mahmud.

Bila sahaja kenderaan mereka melepasi pos tersebut, salah seorang kawan Saiyid Muhammad berkata:

"Polis tak nampak Syeikh Mahmud."

Saiyid Muhammad Ali pun berkata: *"Masya Allah Syeikh"* kerana kagum dengan Syeikh Mahmud.

Selepas peristiwa itu mereka sangat menghormati Syeikh Mahmud dan amat mengasihi beliau.

Saiyid Muhammad Ali juga telah menceritakan mimpinya kepada Syeikh Mahmud dan bertanya maksud mimpi tersebut. Syeikh Mahmud memberitahunya maksud mimpi beliau itu akan dijawab dalam mimpi juga, jadi hendaklah dia bersabar menunggu jawapan tersebut.

Filipina

Pada tahun 2006 Masehi Syeikh Mahmud telah pergi meninjau perkembangan Islam di sana.

Kemboja

3-6 Syawal 1428/15-18 Oktober 2007

Kunjungan dilakukan kerana menerima surat daripada ahli Jemaah Majlis Waliyuddin Al-Hikmah, Halqah Zikrullah cawangan Pondok Pesanteren Suryalaya, Indonesia di Kemboja.

Mereka adalah pengamal Toriqah Al-Qadiriah wal An-Naqhsyabandiyyah yang diterima daripada Abah Anum.

Di dalam surat itu mereka telah memaklumkan yang mereka telah istikamah di dalam halqah zikir. Ahli jemaah mereka seramai 120 orang. Jemaah mereka juga telah mendapat tentangan daripada alim-ulama' yang tidak memahami perjalanan ahli sufi

Semasa di dalam halqah mereka telah melihat nur zikrullah yang terang benderang yang memancar sehingga ke langit dan lalu menerangi seluruh Kemboja.

Mereka telah meminta agar Syeikh Mahmud dapat datang ke tempat mereka untuk memberi bimbingan kepada mereka serta menerangkan tentang nur yang telah mereka saksikan semasa dalam halqah zikir.
Surat itu telah ditulis oleh Harun Bin Sulaiman bertarikh 7 Rabi' Al-Akhir 1428 Hijrah.

Ketika Syeikh Mahmud tiba di Lapangan Terbang Phnom Penh Kemboja beliau telah disambut dengan penuh hormat oleh Hj. Mohammad

B. Marwan Senator Kerajaan Kemboja dan Presiden Kesatuan Islam Kemboja.

Dalam kunjungan ini juga Syeikh Mahmud telah pergi ke sempadan Laos di Sungai Mekong. Syeikh Mahmud bersyukur kepada Allah kerana berpeluang melihat bumi Laos iaitu tempat asal-usul keturunan beliau daripada pihak ibunya



Senator Mohammad B. Marwan menyambut ketibaan Syeikh Mahmud di Phnom Penh.

Thailand Dan Sempadan Burma

Thailand adalah merupakan salah satu negara yang menjadi tapak perjuangan Syeikh Mahmud di Asia. Setiap bulan Syeikh Mahmud akan ke Madrasah Nurul Iman Kok Sira, Narathiwat. Kebiasaannya beliau akan



Syeikh Mahmud serta rombongan bergambar di kawasan masjid di Pulau Phuket pada 1988.

berada di sana dalam tempoh 10 hari dan ada juga dalam masa-masa yang tertentu beliau akan pergi ke zawiyahnya di Bangkok.

Salah satu tugas beliau yang penting yang telah beliau laksanakan di Thailand iaitu menutup satelit jin di Phuket pada tahun 1987 Masehi. Tugas ini dilaksanakan atas arahan Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Pada tahun ini beliau telah pergi menutup tiga satelit jin yang terdapat di Asia, iaitu di Pulau Besar di Melaka, Tasik Malaya di Pulau Jawa dan Pulau Phuket di Thailand.

Pada tahun 1988 Masehi Syeikh Mahmud telah pergi ke Mysore sempadan Thailand dan Burma. Dalam perjalanan menuju ke sempadan Burma Syeikh Mahmud dan rombongannya telah bersembahyang di tengah padang di sebuah kampung. Syeikh Mahmud telah bertanya kepada Misykat salah seorang ahli jemaah beliau warga Thailand adakah di kampung tersebut terdapat orang Islam. Misykat memberitahu yang tempat ini tiada orang Islam. Selepas 40 hari daripada peristiwa tersebut telah tersebarlah berita yang mengatakan ramai penduduk kawasan di situ dan sekitarnya telah memeluk agama Islam.


Sampai di sempadan Burma Syeikh Mahmud dan para jemaahnya telah bertemu dengan seorang wali Allah berketurunan Bangladesh. Wali Allah ini telah meminta Syeikh Mahmud mendoakan agar Allah memelihara iman anak cucunya. Wali Allah ini telah mengahwinkan anak perempuannya yang berkelulusan universiti dengan Imam masjid kampungnya demi memelihara agama keturunannya.



Di rumah seorang Wali Allah yang berketurunan Bangladesh di sempadan Burma pada 1988. (kiri sekali)

Mesir

Syeikh Mahmud telah mengunjungi Mesir pada tahun 1996 Masehi. Syeikh Mahmud membawa jemaah seramai lebih kurang 40 orang. Menziarahi makam Saiyid Ahmad Badawi, Imam Syafie, Syeikhul Islam Zakaria Al-Ansari seorang ulama' besar dalam Mazhab Syafie, Luqmanul Hakim, Nabi Allah Danial dan lain-lain. Syeikh Mahmud juga mengunjungi penuntut Malaysia di sana.



Makam Syeikhul Islam Zakaria Al-Ansari r.a di Kaherah.



Makam Nabi Danial a.s dan Makam Luqman Hakim r.a di Iskandariah.



Makam Imam Syafie r.a di Kaherah.

Ulama' Yang Simpati

Tuan Guru Hj. Abdullah Langgar.

Di awal perjalanan Syeikh Mahmud, beliau telah ditentang oleh hampir keseluruhan ulama' Negeri Kedah kecuali beberapa orang sahaja, salah seorangnya ialah Tuan Guru Hj. Abdullah[14] Pondok Langgar Alor Setar.

Hj. Abdullah adalah seorang ulama' yang wara' lagi kasyaf dan merupakan murid Tok Kenali. Beliau telah pergi berjumpa Syeikh Mahmud dan berkata:

> *Mahmud! Pak Su dah lama berdoa dengan Tuhan nak gila macam Mahmud tapi tak dapat-dapat lagi. Tolong tengok Mahmud, kenapa Pak Su tak dapat macam Mahmud.*

Syeikh Mahmud terkejut dengan kata-kata Tuan Guru ini dan beliau berkata: *"Pak Su masih bimbang makhluk."*

Apa yang Pak Su perlu lakukan? Tanya Hj. Abdullah.

Perbaik apa yang Pak Su 'dok' buat sekarang, ujar Syeikh Mahmud.

Lagi Mahmud? Tanya Hj. Abdullah lagi

Banyakkan selawat, Jawab Syeikh Mahmud lagi.

Peristiwa ini berlaku pada tahun 1970 Masehi.

Tuan Guru Haji Jaafar B. Arshad Al-Hafiz.

Beliau merupakan seorang allamah lagi hafiz Al-Quran yang mengajar di Madrasah Ahmadiah Al-Ijtima'iah, Padang Lalang, Bukit Mertajam Seberang Prai. Tuan Guru ini sangat dihormati di kalangan para ulama' semasanya disebabkan peribadi dan kewara'kannya beliau juga mengikuti Jemaah Tabligh. Ihya' Ulumuddin dan Sairus Salikin adalah merupakan kitab asas dalam pengajaran beliau. Beliau juga rajin berkhalwat di dalam pondok khas yang dibina di tepi rumahnya. Beliau tidak bersangka buruk apatah lagi menghalang para pelajarnya mengikuti perjalanan Syeikh Mahmud dan menggalakkan mereka beramal dengan zikir jahr. Walaupun begitu beliau belum pernah bertemu Syeikh Mahmud lagi.

Dua minggu sebelum beliau meninggal Syeikh Mahmud ada menyebut "sekiranya berbetulan dengan rahmat Allah, dia akan pergi menziarahi Tuan Guru Haji Jaafar".

[14] Haji Abdullah Bin Haji Yusuf lahir pada 1907 dan meninggal di Mina, Mekah pada 10 Zul Hijjah 1396 / 1hb Disember 1976 ketika usianya sekitar 69 tahun. Madrasah Makarim Al-Akhlak adalah nama sekolah Arab yang beliau asaskan di Langgar pada tahun 1963 Masehi.

Ketika Tuan guru ini terbaring sakit yang membawa kematiannya beliau tiba-tiba berkata kepada murid-muridnya yang mengikut Syeikh Mahmud yang datang menziarahinya ”kenapa kamu semua tidak mengajak Syeikh Mahmud naik atas rumah sekali? Syeikh Mahmud datang! Sejak itu dia sentiasa menyebut-nyebut nama Syeikh Mahmud. Ahli keluarga dan muridnya telah pergi berjumpa Syeikh Mahmud di Batu Lima, Sik dan menceritakan tentang Tuan Guru Haji Jaafar.

Semasa Syeikh Mahmud pergi menziarahinya para muridnya melihat seolah-olah beliau sedang berzikir dengan Syeikh Mahmud. Tuan Guru itu berkata kepada Syeikh Mahmud; ”tolong doakan saya, saya banyak dosa. Dia juga telah meminta Syeikh Mahmud ”menawarkan” air untuknya. Syeikh Mahmud pun menawarkan air sejuk di dalam jag yang diberikan kepadanya. Menurut Syeikh Mahmud isyarat yang beliau terima hanya menawarkan air sahaja tetapi tidak diizinkan untuk memberi air itu di tangan Tuan Guru Haji Jaafar sebab itulah selepas menawarkan air beliau terus meletakkan sahaja air itu di depannya. Kemudian Tuan Guru itu sendiri telah bangun duduk mengambil air itu dan menuangkan ke dalam cawan lalu meminumnya walaupun dalam keadaan menggigil kerana sangat uzur. Beliau melakukannya sendiri tanpa dibantu oleh orang-orang yang berada disekelilingnya. Pada 6 Syaaban 1406 Hijrah/ 15-4-1985 Masehi beliau pun meninggal dunia, selepas tiga hari Syeikh Mahmud menziarahi beliau.

(Sairus Salikin adalah terjemahan kitab Lubab Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali dalam tulisan jawi. Kitab ini merupakan buah tangan Syeikh Abdus Somad Falimbani, beliau merupakan murid Syeikh Saiyid Muhammad Bin Abdul Karim As Samman Al Madani Qaddasallahu Sirrah yang meninggal pada 2 Zulhijjah 1189 Hijrah. Dikatakan Syeikh Abdus Somad syahid di Pattani sekitar tahun 1203 Hijrah/1789 Masehi sewaktu menyertai umat Islam di sana menentang pencerobohan tentera Siam Buddhis. Ada sebahagian ulama' mengatakan yang beliau telah 'ghaib' sewaktu berkhalwat di Masjid Ligur ataupun samada di Masjid Kerisik, Pattani)

“Gelaran Tok Ayah”

Di peringkat awalnya para pengikut Syeikh Mahmud memanggil beliau dengan panggilan Ustaz Mahmud tetapi pada tahun 1978 Masehi beliau mula dipanggil dengan gelaran Tok Ayah dan diringkaskan oleh Pak Teh Ibrahim dengan panggilan “Ayah” sahaja. Orang yang memulakan panggilan Tok Ayah ini adalah Haji Baharuddin.

Haji Baharuddin adalah seorang yang kasyaf dan mahir di dalam ilmu persilatan, beliau telah mendengar tentang kelebihan yang ada pada Syeikh Mahmud daripada rakan-rakannya. Sebelum itu beliau telah pergi berjumpa dengan orang-orang yang dikatakan hebat lalu menguji mereka tetapi kesemuanya telah beliau perjatuhkan. Tujuan beliau membuat begitu adalah kerana hendak mencari guru yang boleh membimbing beliau mengenal Allah.

Pada tahun 1978 Masehi beliau telah pergi ke Batu Lima kerana hendak bertemu Syeikh Mahmud dan melihat sejauh mana kehebatan Syeikh Mahmud. Apabila beliau bertemu dengan Syeikh Mahmud, Syeikh Mahmud telah menghidangkan kepada beliau dan rakan-rakan beliau air kopi. Peliknya ketika itu Syeikh Mahmud telah menghidangkan kepada beliau secawan kopi yang ditutup dengan piring di atasnya sedangkan kepada orang lain Syeikh Mahmud tidak berbuat begitu. Kemudian Syeikh Mahmud telah mempersilakan mereka semua minum. Haji Baharuddin pun cuba mengangkat piring yang menutup cawannya tetapi tidak berjaya. Beliau telah mencuba beberapa kali dengan sedaya tenaganya tetapi piring yang kecil itu masih belum boleh beliau angkat lagi. Pada masa itu juga beliau telah Allah bukakan kewalian yang Allah anugerahkan kepada Syeikh Mahmud. Beliau pun mengakulah yang Syeikh Mahmud adalah gurunya dunia dan akhirat.

Ketika Haji Baharuddin berada dalam keadaan mabuk dan asyik dengan Allah, beliau telah meminta para ahli jemaah jangan lagi memanggil Syeikh Mahmud dengan panggilan Ustaz Mahmud tetapi panggillah dengan gelaran Tok Ayah.

Hj. Baharuddin ada menjalankan perusahaan membuat roti. Apabila beliau asyik mabuk dengan Allah, Syeikh Mahmud telah mengambil alih pentadbiran kilang rotinya buat sementara waktu selama 6 bulan. Ketika mentadbir kilang roti itu Syeikh Mahmud telah meminta para pekerja agar sentiasa ingat Allah walaupun sedang bekerja. Syeikh Mahmud juga turut sama membantu mereka membuat roti, beliau bersama-sama dengan pekerja lain memikul guni-guni tepung.

Menurut tradisi orang-orang tua yang berada di utara negara Malaysia dan sebahagian negeri Kelantan, gelaran "Tok Ayah" adalah satu gelaran orang yang dianggap mulia dan mempunyai kebolehan yang sangat istimewa serta boleh memimpin dan mendidik masyarakat.

Istilah "Tok" adalah ringkasan kepada gelaran Datuk. Kebiasaannya dalam adat masyarakat Melayu orang yang dianggap hebat, mempunyai pengaruh, banyak pengalaman dan mempunyai kedudukan mulia di sisi masyarakat akan dipanggil dengan datuk di awal nama gelarannya seperti

Tok Wali, Tok Guru, Tok Kadi, Tok Mufti, Tok Imam malah orang-orang yang mempunyai kedudukan dalam agama lain pun turut dipanggil Tok seperti Tok Sami.

Adapun perkataan 'Ayah' pula seerti dengan perkataan abah dan bapa. Sebagaimana dimaklum seorang bapa mempunyai sifat penyayang terhadap anak-anaknya. Seorang bapa sentiasa berkorban demi anak-anaknya, sentiasa memimpin dan mendidik anak-anaknya. Bapa kepada jasad manusia pula sentiasa memikirkan bagaimana hendak membesarkan dan menghidupkan jasad anak-anaknya sahaja walaupun begitu mereka telah mendapat satu kedudukan yang Istimewa di sisi Allah dan Rasul.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda menunjukkan keistimewaan darjat seorang bapa dengan sabdanya:

دُعَاءُ الْوَالِدِ لِوَلَدِهِ كَدُعَاءِ النَّبِيِّ لِأُمَّتِهِ (رَوَاهُ الدَّيْلَمِي)

"Doa seorang bapa untuk anaknya laksana doa seorang nabi untuk umatnya."

Sekiranya bapa kepada jasad manusia pun sudah mendapat keistimewaan daripada Allah dan Rasul apatah lagi bapa yang mendidik kerohanian manusia yang sentiasa memikirkan bagaimana hendak meningkatkan dan menyuburkan keimanan manusia. Mereka ini telah berkorban segala-galanya di dalam mendidik manusia agar mengenal Allah dengan sebenar-benar pengenalan, tentulah lagi mereka ini mempunyai kedudukan yang amat istimewa di sisi Allah.

Di hari ini telah masyhurlah panggilan Syeikh Mahmud di dalam negara ataupun di luar negara dengan gelaran "Tok Ayah" atau "Ayah" ataupun "Tok Ayah Kedah".



Bab 5

Ciri-ciri Kemanusiaan dan Kejinan

مدرسة نور الإيمان

Ciri-ciri Kemanusiaan dan Kejinan

Selagi Ada Thaqolain Selama Itulah Penyangak

Makna thaqolain ialah jin dan manusia. Kedua-duanya merupakan makhluk ciptaan Allah s.w.t yang paling unik. Keunikan mereka ialah kerana jasad mereka dipakaikan dengan akal dan roh. Namun begitu keunikan jin dan manusia tidak mungkin akan terserlah selagi mana roh mereka dibelenggu dengan asal kejadian jasad. Asal kejadian jasad adalah penyangak. Sedikitpun tidak boleh diharapkan. Dia tetap akan menderhaka kepada Allah s.w.t. Justeru, untuk bebas daripada sifat-sifat penyangak maka hendaklah jin dan manusia kembali kepada asal kejadian roh. Manusia dijadikan daripada dua jenis iaitu roh dan jasad.

1) Roh

Roh terbahagi kepada dua iaitu:

I - Roh tabi'i

Roh tabi'i adalah satu kejadian wap atau gas yang keluar dari dalam hati kasar atau jantung. Wap atau gas itu berjalan lancar keseluruh bahagian urat saraf di dalam tubuh badan manusia. Roh seumpama ini boleh juga dinamakan nyawa. Roh jenis ini tidak sedikitpun bernilai di sisi Allah s.w.t.

II - Roh daripada alam kejadian keanehan yang dibahasakan kepada Latifah Rabbaniyyah.

Roh jenis ini adalah satu jisim yang tersangat halus bentuk

rupanya samalah seperti rupa tubuh badan yang kasar. Kejadian roh bahagian kedua ini tidak ada sesiapapun yang mengetahui dari jenis apakah ia dijadikan dan bagaimanakah ia diramunkan. Inilah yang terdapat di dalam maksud firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Isra' ayat 85:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya: *"Mereka akan bertanya kepada mu wahai Muhammad tentang roh, katakanlah olehmu roh itu adalah daripada urusan pekerjaan Tuhanku".*

Roh jenis ini telah mengaku dan mengenal keesaan, keagungan dan kebesaran Allah s.w.t dengan sepenuh-penuh Haqqul Yaqin dan ketika itu roh belum disatukan dengan jasad seperti mana yang terdapat di dalam maksud firman Allah s.w.t di dalam Surah al-A'raf ayat 172:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ

Maksudnya: *"Allah s.w.t bertanya kepada sekalian Arwah bukankah aku Tuhan kamu, maka dijawab oleh mereka sekalian bahkan kami telah menyaksikan engkaulah Tuhan kami".*

Asal kejadian roh inilah yang perlu kita ikut dan asal kejadian roh inilah yang perlu kita kembali. Maka apabila roh itu disatukan dengan jasad, sekiranya ia tenggelam di dalam kejadian jasad celakalah ia dan sekiranya jasad muafakat dengan asal kejadian roh maka berbahagialah ia.

2) **Jasad**

Jasad juga terbahagi kepada dua kejadian iaitu:

1. Jasad kejadian Nabi Adam a.s. yang terdiri daripada empat jenis iaitu:
   I. Tanah
   II. Air
   II. Api
   IV. Angin
2. Jasad asal kejadian manusia selain daripada Nabi Adam a.s. daripada air yang hina seperti maksud firman Allah s.w.t di dalam Surah As-Sajdah ayat 8:

ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ مِن سُلَـٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾

Maksudnya: *"Kemudian Allah s.w.t jadikan keturunan manusia*

itu dari sejenis pati daripada air yang hina. Daripada asal kejadian tanah, air, api, angin dan asal kejadian air yang hina ini terbentuknya satu jisim yang tersangat halus yang dinamakan nafsu dan ianya terbahagi kepada dua:

I. Nafsu yang derhaka yang dinamakan thaqal manusia dan ia terbahagi pula kepada tiga jenis:
   i. Nafsu Ammarah
   ii. Nafsu Lawwamah
   iii. Nafsu Mulhamah

II. Nafsu yang taat dan ianya telah muafakat dengan asal kejadian roh. Ia tidak dinamakan lagi thaqal manusia kerana tidak dibelenggu dengan asal kejadian jasad dan ia terbahagi kepada empat jenis:
   i. Nafsu Mutmainnah
   ii. Nafsu Rodhiah
   iii. Nafsu Mardhiyyah
   iv. Nafsu Kamilah

Apabila kita dapat mencapai salah satu bahagian daripada nafsu yang taat pada ketika itu muafakatlah di antara asal kejadian roh dengan kejadian jasad dan pada ketika itu bebaslah jasad daripada nafsu-nafsu yang derhaka. Asal sifat-sifat derhaka ini keluar daripada nafsu yang derhaka dan ia dibahagikan kepada tiga bahagian:

I. Asal kejadian tanah, air, api dan angin. Asal kejadian inilah keluarnya berbagai-bagai jenis penyakit hati seperti takabbur, bakhil, ujub, sum'ah, riya' dan lain-lain lagi.

II. Asal kejadian air mani yang hina.Hinanya air mani kerana tiga sebab:
   i. Hina kerana penciptanya mengatakan ianya hina
   ii. Hinanya kerana ia keluar dari saluran najis dari alat yang sulit
   iii. Hinanya kerana ada titisan keturunan yang mungkin ada nenek moyang yang berdarah jin, pembunuh, perompak, penzina, tidak menunaikan solat dan lain-lain lagi.

III. Jin dan syaitan yang berdamping semenjak manusia dilahirkan seperti mana yang tersebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w:

"مَا مِنْكُمْ مِن اَحَدٍ اِلاَّ وَقَدْ وُكِّلَ بِهِ قَرِيْنُهُ مِنَ الجِنِّ وَقَرِينُهُ مِن المَلاَئِكَةِ قَالُوا وَاَيَّاكَ
يَارَسُولَ الله ؟ قَالَ وَإِيَّايَ اِلاَّ أنَّ الله عَزَّ وَجَلَّ اَعَانَنِي عَلَيهِ فَأَسْلَمَ فَلاَ يَأْمُرُنِي إلاَّ بِخَيْرٍ"

"Tidak ada seorangpun dari kamu wahai anak Adam melainkan diiringi bersamanya seorang kawan daripada jin (Ahraman) dan seorang daripada malaikat (Mulham). Para sahabat bertanya engkau

juga wahai Rasulullah? jawab Rasulullah s.a.w:
"Akupun sama juga tetapi Allah s.w.t bantuku ke atasnya maka dia memeluk agama Islam dan dia tidak menyuruhku melainkan perkara-perkara yang baik".

Justeru itu, untuk keluar dari sifat-sifat derhaka yang terkeluar dari asal kejadian nafsu yang derhaka hendaklah kita fana' fi as-Syeikh. Makna fana' fi as-Syeikh ialah mengikut susunan guru dan susunan murabbi dengan mematuhi segala aturan syariat dan thoriq. fana' fi as-Syeikh merupakan satu perkara yang penting kerana ia adalah permulaan untuk mengenal Allah s.w.t. Syeikh juga dipanggil mursyid atau murabbi.

Ta'rif Atau Erti Mursyid Dan Murabbi

Mursyid ialah seorang yang telah selesai dirinya daripada latihan kerohanian dan telah mencapai nafsu rodhiah, guru mursyid hanya mampu membimbing muridnya sampai kepada nafsu mutmainnah.

Murabbi ialah seorang yang majzub yang telah selesai dirinya dari berbagai latihan kerohanian dan beliau telah mencapai nafsu mardhiyyah atau kamilah. Guru murabbi berkemampuan membimbing muridnya sampai kepada darjah mutmainnah, rodhiah, sehingga mardhiyyah.

Perkara Yang Perlu Fana' Fi As-Syeikh

Di antara tunjuk ajar Syeikh yang wajib dan perlu dipatuhi bagi seseorang yang hendak memasuki perjalanan kesufian hendaklah berselawat ke atas junjungan besar Nabi s.a.w sebanyak 40,000 kali. Pengajaran itu sejajar dengan perintah Allah s.w.t kepada sekalian mukmin di dalam Surah Al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

"Sesungguhnya Allah s.w.t dan para malaikatNya berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Wahai sekalian orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w".

Bilangan Selawat Yang Perlu Dilakukan

Bilangan selawat sebanyak 40,000 kali adalah untuk membersih darah kejinan dan darah keturunan pembunuh, perompak, penzina, tidak menunaikan solat dan lain-lain lagi.

Sekiranya seseorang itu mahu membersih kesemua asal kejadian tanah, air, api, angin, dan asal kejadian air yang hina dan syaitan yang berdamping semenjak dilahirkan maka hendaklah ia berselawat kepada Nabi s.a.w sebanyak 5 juta enam ratus ribu kali (5.6. juta). Hikmah bilangan selawat sebanyak ini perlu dilakukan kerana di dalam tubuh badan manusia mempunyai 56,000 titik darah. Untuk mencuci satu titik darah yang kotor maka seseorang itu perlu berselawat 100 kali. Ini bermakna untuk memproses setitik darah tersebut perlu berselawat sebanyak lima juta enam ratus ribu kali (5.6. juta). Apabila seseorang murid tekun beramal dengan penuh ikhlas lillah, billah dan fillah insyaallah seseorang itu akan dapat mencapai kepada asal kejadian roh. Ketika itu bebaslah roh daripada cengkaman asal kejadian jasad dan muafakatlah jasad dengan asal kejadian roh. Maka, tercapailah matlamat tujuan asal Allah s.w.t ciptakan jin dan manusia seperti firman Allah s.w.t di dalam Surah Az-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

“Aku tidak ciptakan golongan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan mengabdikan diri kepadaKu”.

Seseorang yang dapat mencapai asal kejadian roh ini tidak takut lagi terhadap bala Allah dan tidak gembira terhadap nikmat Allah. Mereka hanya tahu keredhaan Allah sahaja. Segala masalah keduniaan sama sahaja bagi mereka. Bagi mereka,wang ringgit sama sahaja seperti dedaun yang kering, emas dan perak sama sahaja seperti tanah liat.

Contoh Seorang Yang Dapat Mencapai Asal Kejadian Roh

Peristiwa 1

Peristiwa ini pernah berlaku kepada Syeikh Mahmud. Ada seorang hamba Allah telah menghadiahkan wang sebanyak RM 100,000 kepada

beliau untuk kegunaan peribadi. Beliau mengambilnya dan melihat wang tersebut dengan pandangan mata hatinya. Sedikitpun tidak mempunyai tanda bahawa beliau akan menggunakannya. Wang itu datang hanya sebagai batu loncatan sahaja. Maka beliau menyuruh isterinya, Umi Kalthum menyimpannya. Secara kebetulan pada tahun tersebut syarikat pakej Haji dan Umrah anak lelaki beliau iaitu Mahyuddin mengalami masalah setelah rakan kongsinya menggelapkan wang yang telah dibayar oleh jamaah Haji dan Umrah. Maka, Muhyiddin mengadu masalah ini kepada Syeikh Mahmud. Setelah mendengar aduan tersebut, atas dasar membantu jemaah yang ingin melakukan ibadat di Tanah Suci dan mengelakkan mereka daripada teraniaya oleh penyangak-penyagak yang tidak bertanggungjawab, maka Syeikh Mahmud telah mengeluarkan wang sejumlah RM 100,000 yang telah disimpan sekian lama dan diserahkan kepada Muhyiddin untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.

Selepas peristiwa tersebut, Syarikat Pakej Haji dan Umrah tersebut jatuh bankrap dan hingga kini wang yang telah diberikan oleh Syeikh Mahmud masih belum dijelaskan. Padahal Syeikh Mahmud tidak ada hubung kait langsung dengan syarikat tersebut. Bagi Syeikh Mahmud, peristiwa tersebut sedikitpun tidak terlekat di hatinya. Beliau hanya melihat sandiwara tersebut sebagai satu tesis ujian beliau yang terakhir sempena menamatkan pengajiannya selama 40 tahun di dalam mengharungi perjalanan kesufian. Hanya orang yang telah sampai kepada asal kejadian roh sahaja boleh berbuat demikian dan orang yang telah mencapai asal kejadian roh itu ada juga di antara mereka yang berkahwin, bekerja, makan, minum , bergaul dengan masyarakat, pergi ke pasar dan lain-lain lagi keperluan yang manusia lakukan mereka juga melakukannya tetapi, hati dan roh mereka sentiasa mengingat,mengenang keagungan dan kebesaran Allah s.w.t di dalam setiap detik dan saat .Selain itu, roh mereka juga dapat bertemu dan berhubung dengan roh para Rasul, Nabi dan Auliya'ullah yang telah meninggal dunia sebelum daripada mereka. Walaupun jaraknya berkurun dan berabad lamanya. Hal ini kerana mereka telah bebas daripada cengkaman asal kejadian jasad.

Peristiwa 2

Peristiwa ini berlaku kepada Syeikh Mahmud ketika beliau dan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah melakukan kunjungan hormat ke Jakarta Indonesia untuk bertemu Timbalan Presiden Indonesia, Yusof Kala. Semasa pertemuan tersebut, Syeikh Mahmud menyampaikan salam dan

amanah kerohanian dan kewalian Syeikh Yusof Khulti supaya Yusoff Kala menghidupkan semula perjalanan beliau di Indonesia. Sedangkan Syeikh Yusof Khulti telah meninggal dunia sekitar 300 tahun yang lalu.

Sekiranya manusia yang masih berada di bawah cengkaman asal kejadian jasad bagaimana mungkin boleh bertemu dengan roh para nabi dan rasul dan juga para Auliya'ullah kerana mereka ini ketika di dunia dahulu adalah orang yang telah membebaskan diri mereka daripada asal kejadian jasad dan sekarang mereka berada di alam arwah ataupun alam barzakh. Justeru itu, manusia yang kembali kepada asal kejadian roh dan bebas daripada cengkaman asal kejadian jasad sahaja yang dapat menjelajah dan bertemu dengan roh-roh yang tertentu dengan izin Allah s.w.t.



Bab 6

Zawiyah Syeikh Mahmud dan Madrasah

رسالة نور الإيمان

Zawiyah Syeikh Mahmud dan Madrasah

Zawiyah Dan Madrasah Nurul Iman, Syeikh Mahmud Di Seluruh Malaysia Dan Luar Negara

Zawiyah

Zawiyah bermaksud tempat perhimpunan, tempat beribadat, bermuzakarah, berzikir, bersuluk dan menjalankan aktiviti-aktiviti golongan sufi.

Madrasah

Madrasah adalah tempat pengajian ilmu-ilmu syariat.

Zawiyah dan Madrasah maksudnya sama tetapi zawiyah lebih menjurus kepada nama tempat beribadat untuk orang-orang sufi, manakala madrasah adalah tempat pengajian ilmu-ilmu syariat dan tempat aktiviti-aktiviti ibadah yang lain.

Zawiyah Syeikh Mahmud



Hj. Mohd Kamal B. Hasbullah diamanahkan untuk menjaga Zawiyah di Mekah.

1. **Zawiyah Nurul Iman, Ajyad Mekah Al-Mukarramah**
   Zawiyah ini dimulakan pada tahun 1981 Masehi dengan menyewa sebuah rumah di Syiab Amir, Mekah. Kedudukan zawiyah hanya 0.7 km daripada Masjidil Haram. Kadar sewa yang dikenakan ialah sebanyak RM10 ribu setahun. Rumah ini boleh memuatkan 25 orang ahli jemaah Nurul Iman yang ingin mengerjakan haji dan umrah pada setiap tahun. Pada tahun 2000 sebuah zawiyah yang baru telah didirikan di Ajyad, Mekah. Kedudukan rumah ini sejauh 1 kilometer daripada Masjidil Haram. Zawiyah di Ajyad ini kemudiannya



Papan tanda zawiyah Syeikh Mahmud di Ajyad, Mekah.

telah diubahsuai dan dibina kembali menjadi tiga tingkat yang diperbuat daripada batu dan marmar. Kos pembinaan dan pembelian zawiyah yang baru ini mencecah RM120 ribu. Zawiyah itu kini boleh menampung dan menempatkan 40 orang jemaah haji dan umrah

pada setiap tahun. Zawiyah ini dijaga dan diuruskan oleh Hj Mohd Kamal bin Hasbullah.



Jalan menuju ke zawiyah Syeikh Mahmud di Ajyad, Mekah.



Bahagian hadapan zawiyah Syeikh Mahmud di Ajyad, Mekah.

2. **Zawiyah Nurul Iman Hulu Langat, Selangor**

Zawiyah ini pada permulaannya diasaskan di Batu 12, Gombak pada tahun 1979 Masehi. Haji Mohd Amin yang tinggal berdekatan telah diamanahkan untuk menjaga zawiyah tersebut. Pada ketika itu terdapat lebih kurang 20 orang ahli jemaah yang mengimarahkan zawiyah tersebut. Pada tahun 1986 Masehi, zawiyah ini telah berpindah ke Sungai Long, Hulu Langat, Selangor di atas tanah seluas 3 ekar yang telah diwakaf oleh Haji Zainuddin bin Haji Yusuf. Dengan bertambahnya ahli jemaah, maka pada tahun 1994 Masehi,



Jejantas yang menghubungkan rumah Syeikh Mahmud dengan zawiyah.



Dibawah kubah ini terdapat bilik suluk.



Pintu utama ke ruangan solat lelaki.



Tempat berwuduk.

bangunan zawiyah konkrit 2 tingkat telah dibina. Terdapat lebih daripada 30 keluarga yang menetap di sekitar kawasan zawiyah ini. Kawasan zawiyah telah diperluas lagi pada tahun 2004 dengan pembelian tanah bersebelahan, iaitu seluas 3 ekar. Tanah ini dikhususkan sebahagiannya untuk pembinaan tempat kediaman yang dijangka dapat menempatkan 50 buah keluarga .

Zawiyah ini merupakan zawiyah pusat Nurul Iman di Asia yang sering diziarahi oleh pelawat dari dalam dan luar negara. Zawiyah ini juga menjadi tempat meraikan majlis-majlis keagamaan. Pada penghujung tahun 2007, kerja-kerja penambahan bangunan madrasah dimulakan. Bangunan baru 3 tingkat ini boleh menampung lebih daripada 1,000 ahli jemaah. Pada tahun 2008, kerja naik taraf bangunan madrasah dan pembinaan galeri dibangunkan dengan pesat sempena Majlis Tamat Latihan selama 40 tahun Syeikh Mahmud Al-Majzub pada tahun 2009 .

3. **Zawiyah Nurul Iman Sungai Mas, Kota Tinggi, Johor**

Zawiyah ini bertapak pada tahun 1987 Masehi, di atas sebidang tanah yang diwakaf oleh Cikgu Yusoff bin Md Noor. Zawiyah ini seluas 3 ekar. Zawiyah ini didirikan pada tahun 1995 Masehi setingkat dan diperbuat daripada batu dan marmar. Terdapat empat keluarga yang tinggal dalam persekitaran zawiyah ini. Zawiyah ini juga merupakan tempat perhimpunan mingguan bagi mengadakan majlis zikir dan majlis ilmu. Zawiyah ini sering dikunjungi oleh ahli jemaah yang berada di selatan tanah air terutamanya ahli jemaah daripada Singapura.



Rumah untuk penginapan Tuan Guru.



Ajaran Syeikh Mahmud telah bertapak pada tahun 1987 di Kota Tinggi, Johor dan pembinaan zawiyah pada tahun 1995.

4. **Zawiyah Nurul Iman Kampung Neting, Tumpat, Kelantan**

Zawiyah ini didirikan pada tahun 2001 Masehi, di atas sebidang tanah yang telah diwakaf oleh ahli jemaah Nurul Iman, iaitu Nik Azmi bin Nik Lah seluas suku ekar. Sebuah bangunan zawiyah satu tingkat telah dibina. Disediakan juga sebuah bangunan penginapan setinggi dua tingkat untuk kemudahan penginapan tetamu. Buat masa ini, sebuah keluarga tinggal dalam kawasan ini.



Zawiyah Sheikh Mahmud di Kampung Neting, Tumpat, Kelantan telah diasaskan pada tahun 2001.



Bahagian hadapan zawiyah Sheikh Mahmud di Kampung Neting, Tumpat Kelantan.

5. **Zawiyah Muhyiddin Nurul Iman Asia Bangkok, Thailand**

Pada 13 Safar 1426 Hijrah bersamaan 24 Mac 2005 Masehi, Syeikh Mahmud membuka sebuah zawiyah baru di tengah-tengah Kotaraya Bangkok, iaitu di Muhyiddin Nurul Iman Asia, Tungkru, Bangkok. Tanah ini telah dibeli dengan harga 800 ribu bath daripada Hj. Subki dengan keluasan tanah 168 meter persegi. Bangunan zawiyah setinggi tiga tingkat yang diperbuat daripada batu dan marmar telah dibina di sini. Ustaz Ismail Matree telah diamanahkan untuk mengurus zawiyah ini. Lebih daripada 60 orang ahli jemaah akan datang pada setiap hujung minggu untuk mengadakan aktiviti ibadah di situ.







Bahagian hadapan zawiyah Syeikh Mahmud di Tungkru, Bangkok, Thailand.



Zawiyah Syeikh Mahmud di Tungkru, Bangkok, Thailand. Telah diasaskan pada 13 Safar 1426 Hijrah bersamaan 24 Mac 2005.

6. **Zawiyah Nurul Iman, Cirebon, Jawa Barat, Indonesia**
Zawiyah ini telah didirikan pada awal tahun 2007 Masehi, di Kecamatan Sumber Jaya, Kabupaten Majalengka, Jawa Barat. Zawiyah ini terletak 20 km dari Masjid Kesepuhan, Cirebon, yang didirikan oleh Sunan Gunung Jati, iaitu salah seorang wali songo yang banyak jasanya. Zawiyah ini juga terletak hampir 100 km dari Pondok Pesantren Suryalaya, Tasik Malaya yang didirikan oleh Syeikh Abdullah Mubarok yang terkenal dengan panggilan Abah Sepuh, seorang wali Allah yang menentang penjajahan Belanda. Zawiyah ini telah diamanahkan kepada saudara Suparjo salah seorang ahli jemaah di sana untuk menguruskannya.



Zawiyah Nurul Iman Cirebon, Jawa Barat.

Madrasah Syeikh Mahmud

1. **Madrasah Nurul Iman Batu Lima Sik, Kedah**
Zawiyah ini telah dibangunkan yang berasaskan batu dan marmar pada 10 Muharam oleh Syeikh Mahmud. Zawiyah ini didiami oleh Syeikh Mahmud sekitar tahun 70-an. Tanah ini telah diwakaf oleh ayah Syeikh Mahmud, iaitu Hj Abd. Rahman. Beliau meminta supaya dibina pondok pengajian agama Islam di atas tanah tersebut. Seramai 28 ahli keluarga yang tinggal di sini. Bangunan asal zawiyah ini terdiri daripada enam batang tiang yang beratapkan daun bertam telah digantikan dengan bangunan yang berasaskan batu dan marmar pada 10 Muharam, 1397 Hijrah bersamaan dengan 21 Disember, 1977.

Diperkampungan ini juga diadakan pengajian agama secara Nizomi atau sistem pengajian berkelas yang ditadbir oleh 5 orang guru yang berkelulusan Afdhol Ulama' (M.A) dari Pakistan. Seramai 100 orang pelajar putera dan puteri sedang mengikuti pengajian disini. Bermula dengan Kelas I'dadi, Thanawi dan Aliyah, pihak Asatizah yang diamanahkan untuk mentadbir Madrasah Nurul Iman disini telah mengorak langkah dengan mengadakan kelas Daurah Al-Hadis. Kelas ini lebih menumpukan kepada pengajian Al-Hadis daripda Kitab Sunan Sittah (Sohih Al-Bukhari, Sohih Al-Muslim, At-Termizi, Sunan Abu Daud, Nasai dan Ibnu Majah).


Pintu gerbang ini merupakan laluan utama ke Madrasah Nurul Iman Syeikh Mahmud.



Ruangan tempat berwuduk lelaki.

Pandangan hadapan Madrasah Nurul Iman Batu Lima, Sik.



Zawiyah Syeikh Mahmud yang pertama di Batu Lima, Sik telah diasaskan pada 10 Muharram 1397H bersamaan 21 Disember 1977.



Ruangan solat untuk muslimah.

2. **Madrasah Nurul Iman Kok Sira Narathiwat, Thailand**

Zawiyah ini telah bertapak di selatan negara Thailand pada tahun 1986 Masehi. Zawiyah ini dibina hasil muafakat antara ahli jemaah Thailand yang mengenali dan mengikuti perjalanan yang dibawa oleh Syeikh Mahmud sejak di Kota Mekah lagi. Pada tahun 1988 Masehi, sebidang tanah yang berkeluasan 20 ekar telah dibeli dengan harga RM 9000.00. Zawiyah yang berasaskan batu dan marmar setinggi dua tingkat telah dibina pada tahun 1990 Masehi. Terdapat 36 keluarga tinggal secara tetap di sini. Di perkampungan ini juga diadakan kelas pengajian secara pondok, yang ditadbir oleh lima orang guru yang mendapat kelulusan daripada pondok-pondok pengajian agama di selatan Thailand.



Rumah kediaman ahli jemaah Syeikh Mahmud di Kok Sira, Thailand.



Gerbang ini merupakan laluan utama ke Madrasah Syeikh Mahmud.



Zawiyah Syeikh Mahmud yang telah didirikan pada tahun 1990 Masehi.

Cawangan Madrasah Nurul Iman

1. **Cawangan Nurul Iman Lorong Seri, Alor Setar**

   Pada peringkat permulaannya, ahli jemaah Nurul Iman di Alor Setar tidak mempunyai zawiyah yang tetap. Mereka hanya melakukan aktiviti ibadah di surau taman perumahan. Pada tahun 1988 Masehi, Hj. Azmi telah mewakafkan sebidang tanah seluas satu ekar setengah miliknya untuk dijadikan perkampungan Nurul Iman serta membina sebuah zawiyah. Seramai lima buah keluarga yang tinggal secara tetap di perkampungan ini.



2. **Cawangan Nurul Iman Pulau Pangkor, Perak**

   Zawiyah ini telah diasaskan pada tahun 1986 Masehi, di Telok Bidara Pulau Pangkor dan lokasinya terletak di persisiran pantai. Buat masa sekarang, dua buah keluarga tinggal secara tetap dalam kawasan zawiyah ini dan 4 buah keluarga lain tinggal di luar kawasan zawiyah. Zawiyah ini sering digunakan oleh Syeikh Mahmud bagi Majlis Khalwah atau pun suluk untuk murid-muridnya daripada seluruh pelusuk tanah air.



Chalet untuk penginapan Syeikh Mahmud.





Pandangan Nurul Iman Pulau Pangkor dari laut.

3. **Cawangan Nurul Iman Bayan Lepas, Pulau Pinang**
   Zawiyah ini mula dibina pada tahun 1999 Masehi, di atas sebidang tanah yang diwakaf oleh Zulkifli bin Mat Dan dari Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Lokasinya berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa, Pulau Pinang. Zawiyah ini juga digunakan oleh Syeikh Mahmud untuk penganjuran Majlis Suluk. Hanya sebuah keluarga yang tinggal secara tetap dalam kawasan zawiyah ini.



Cawangan di Bayan Lepas telah mula dibina pada tahun 1999 Masehi.

4. **Cawangan Nurul Iman Selancar Satu, Pahang**
   Zawiyah ini diasaskan pada tahun 1982 Masehi oleh Hj. Muhamad Isa bin Ishak (Pak Kob) bertempat di sebuah surau Rancangan Felda

yang dibiayai oleh DARA. Oleh sebab, ahli jemaah Syeikh Mahmud sentiasa mengimarahkan surau tersebut, maka secara tidak langsung perlantikan pengerusi surau dan jawatan kuasa lain disandang oleh ahli jemaah Nurul Iman. Selain dijadikan tempat bersolat dan majlis zikir, zawiyah ini juga dijadikan tempat pengajian Al-Quran dan Asas Fardhu Ain yang dikendali oleh Imam Besar, Masjid Selancar Satu.



Cawangan Madrasah Nururl Iman di Lepar Hilir, Pahang

Bangunan surau ini telah dibina pada tahun 1992 dan ia adalah milik wakaf untuk orang ramai. Oleh kerana ia telah diimarahkan oleh ahli jemaah Madrasah Nurul Iman disitu, makan maka secara tidak langsung perlantikan AJK surau adalah ahli jemaah Madrasah Nurul Iman.

Selain daripada Halqah zikir, aktiviti kuliah agama juga dijalankan secara berkala oleh pihak jabatan agama. Seramai 8 keluaraga tinggal di sekitar zawiyahn tersebut.



5. **Cawangan Nurul Iman Satun, Thailand**

Cawangan Nurul Iman Satun menjalankan aktiviti halqah zikir di surau lama yang di bina pada tahun 1989 Masehi. Pada tahun 2003 persekolahan Nurul Iman telah dimulakan di kawasan yang berhampiran yang dikendalikan oleh Hj. Sorliheen b. Hj. Ali. Jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di sini adalah lebih kurang 70 orang.



Surau Nurul Iman Satun, Thailand.



Bangunan persekolahan Nurul Iman di Satun.

Madrasah Nurul Iman:

Visi, Misi dan Matlamat

1. *Visi:* لِيَعْبُدُون (Liya' budun) yang bermaksud untuk mengabdikan diri kepada Allah Ta'ala ataupun menjadi hamba Allah sehamba-hambanya Allah di bumi Allah.

2. *Misi:* Untuk mejadi hamba Allah sehamba-hambanya di bumi Allah, oleh itu ahli jamaah Nurul Iman perlu menghayati dan menerapkan didalam kehidupan sifat-sifat berikut :
   - i. Zuhud - ialah kosong tangannya daripada memiliki sesuatu dan memandang hal keduniaan lekeh, hina dan menggilapkan kesannya daripada hati.
   - ii. Yaqin - menghilangkan keraguan pada sesuatu yang ghaib dan tetap pada ilmunya,tidak berdolak-dalik serta tidak berubah-ubah hati.
   - iii. Khusyuk – sentiasa takut dan hina yang berkekalan dihati kepada tuhan yang mengetahui alam ghaib.
   - iv. Tawadhu' – tunduk, patuh,dan melaksanakan perintah Allah serta dapat menerima teguran.
   - v. Tazallul – hina diri.
   - vi. Tamalluq –rintihan hati untuk bertemu Allah dan dengan permulaan kasih sayang (mahabbah) datangnya rindu.
     - (tamalluq) hati sentiasa rindu untuk bertemu Allah.
   - vii. Takhauwwuf – rintihan ketakutan sehingga tenang di hati dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah .

3. *Matlamat:* "Tanha anil fahsha iwal munkar":

   تَنْهَى عَنِ الفَحْشَاء وَ المُنكَر

   Menegah atau menghalang darıpada melakukan kekejian dan kemungkaran.



Bab 7

Ruhul Zikri *Jilid 1*

رسالة نور الإيمان

Ruhul Zikri *Jilid 1*

Petikan dari buku Ruhul Zikri Jilid 1 ini mengandungi sebahagian dari kata-kata sufi Syeikh Mahmud Al-Majzub yang lebih dikenali dengan Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Mahmud Al-Kedahi di alam kesufian, pengasas Madrasah Nurul Iman. Kata-kata ini dipetik daripada syarahan dan nasihat beliau kepada murid-muridnya. Kata-kata sufi yang diungkap oleh Syeikh Mahmud mempunyai mutiara kata makna yang mendalam, dimana ada sebahagian daripada kata-kata beliau tidak boleh difahami atau dibuat bandingan secara langsung mengikut fahaman orang awam.

Mutiara kata yang indah dan bermakna ini juga diharap dengan rahmat dan kasih sayang Allah dapat menangkis tuduhan-tuduhan liar selama ini terhadap ilmu Tasawwuf. Semoga petikan dari buku ini menjadi santapan rohani yang dapat membersihkan jiwa dan mendorong hati untuk menjadi hamba Allah yang sehamba-hambaNya di dunia ini, Insya Allah.

1. Perkara kerohanian tidak boleh difahami dengan akal, nafsu dan ilmu. Jika boleh dengan ilmu, sudah tentulah Imam Ghazali tidak mengaji dengan Yusuf Nasaji dan Syeikh Abdul Wahab Sya'rani tidak mengaji dengan Ali Khawas. Cukuplah mereka ini menjadi contoh.
2. Belajar kereta perlu ada guru, nak kenal Allah tak perlu guru. Ini awal-awal lagi syaitan tipu.
3. Duka dan suka di dalamnya makrifah lebih manis daripada madu, lebih putih daripada susu. Duka dan suka di dalamnya kekufuran dan kesyirikan lebih pahit daripada hempedu dan lebih busuk daripada budu.

4. Kalau nak berjalan (di dalam perjalanan Ahlullah). Mengaku kita tak terpakai (tak berguna dan banyak dosa), lebih senang, mudah-mudahan Allah s.w.t. ampun dosa kita.
5. Bila ibadat kita palsu, kita ikut hawa nafsu. Seperti kapal terbang palsu yang banyak jual di kedai.
6. Selagi mana kita boleh ikut hawa nafsu menunjukkan kita masih palsu.
7. Cari jalan mengendalikan ummah asalkan mempraktikkan Sunnah.
8. Orang yang diberi mudah (untuk menjalani jalan kesufian) apabila ada darah (keturunan) kesufian. Tiada dosa besar. Tiada amalan kejinan (khadam). Banyakkan selawat, istighfar, zikir dan baik adab dengan Allah s.w.t., zuhud, tinggalkan makhluk, bersungguh-sungguh dengan Allah s.w.t., istiqomah, tegas, tiada tujuan dunia dan akhirat.
9. Selagi mana terasa kita banyak ibadat, itu tanda kurang ikhlas tidak menuju "Rodhiah" tetapi terhenti kepada Abid tidak فَنَاْ الفَنَا (fana' 'ul-fana').
10. Perkara kerohanian tidak boleh difahami melainkan rahmat Allah s.w.t semata-mata, melalui Rasulullah s.a.w, melalui ahli zaman dan dengan bermunajat kepada Allah s.w.t. Kalau kenal (tahu tentang perkara kerohanian) dengan cerita-cerita orang (perasaan kita itu tidak sah).
11. Kalau tak senang dengan sesuatu, DIAM! Cakap salah tak cakap salah, cakaplah kerana Allah s.w.t. Semoga jadi hamba Allah s.w.t.
12. Kerja dunia boleh tangguh-tangguh, kerja akhirat tak boleh tangguh-tangguh.
13. Watak Auliya': Kena maki tak mudarat, kena puji tak manfaat.
14. Kenal Allah s.w.t. lebih mudah daripada kenal para wali, kerana mereka Allah s.w.t. pakaikan dengan sifat kekurangan. Sebagai mana kafir musyrikin tidak mengenal Rasulullah s.a.w. (walhal Rasulullah, Allah s.w.t. pakaikan baginda dengan penuh sifat-sifat kesempurnaan).
15. Hendak kenal wali tanyalah Allah s.w.t., jangan tanya orang.
16. Para wali tidak boleh dikenal dengan hawa nafsu.
17. Saya berdoa kepada Allah s.w.t. nak jadi hamba Allah s.w.t., bukan nak jadi wali.
18. Buat ibadat nak jadi wali, SYIRIK!
19. Allah s.w.t. tak pilih orang malas jadi wali.
20. Kalau kita kasih orang yang Tuhan benci, itu satu penyelewengan.
21. Orang yang sebenar cinta Allah s.w.t. tidak takut menghadapi cabaran hidup dunia.

22. Saya nak bawa kamu jadi hamba Allah s.w.t.
23. Saya tak ajar kamu melampau (berani dan semangat yang tak ketahuan). Saya tak ajar kamu menjadi pengecut. Saya ajar kamu jadi hamba Allah s.w.t. yang bertaqwa.
24. Saya hamba Allah s.w.t. macam kamu juga. Saya tidak tahu melainkan apa yang ALLAH s.w.t bagi tahu. Kalau Dia tak bagi tahu, saya pun tak tahu.
25. Dia Tuhan! kita hamba. Jangan campur urusan Tuhan. Manusia jenis apa ini? Dia nak atur Tuhan. Dia suruh Tuhan ikut dia.
26. Taslim (penyerahan). Nak pun tidak, tak nak pun tidak. Cepat pun tidak, lambat pun tidak.
27. Hidup atas dunia tak mahu ikut nabi, auliya' atau orang soleh. Bila mati nak duduk sekali dengan orang soleh, ini cerita kartun.
28. Waktu hidup ikut Firaun, Qarun dan Haman. Bila mati nak masuk syurga, dengan nabi Musa a.s. dan Harun a.s. Logik tak?
29. Tak guna hidup kalau mementingkan diri sendiri sahaja.
30. Uwais Al-Qarni, jasadnya mengembala unta, rohnya mengembala manusia beriman kepada Allah s.w.t.
31. Manusia, banyak tak dapat taufik hidayah sebab ikut nafsu ammarah kemudian (dalam masa yang sama mereka) berdoa dengan Tuhan (agar dianugerah sama seperti orang yang berjaya di sisi Allah). Sepatutnya kena tinggalkan nafsu dulu. Allah s.w.t. jadikan nafsu ammarah supaya kita tinggalkan bukan untuk ikut.
32. Cara cuci hati, banyakkan baca Al-Quran, ingat mati dan hadir majlis zikir. Bila hati suci, barulah ada tauhid.
33. Ilmu (kesufian) ini bukan boleh diwarisi. Kalau boleh tentulah saya bagi anak isteri saya dulu, tetapi ia adalah anugerah Tuhan.
34. Saya mengaji (ilmu perjalanan Ahlullah) dengan air mata (banyak menangis).
35. Penyatuan orang mukmin dengan air mata (menangis kerana mengenangkan keagungan Tuhan). Penyatuan orang yang tak mukmin dengan gelak ketawa. Macam kera maka jadilah kera.
36. Tuhan tidak bagi taufik hidayah pada orang yang zalim. Sebesar-besar kezaliman ialah mengikut hawa nafsu.
37. Berjayanya seseorang itu sebanyak mana tumpuan yang dibuat. Banyak tumpuannya, banyaklah kejayaannya, kurang tumpuannya, maka kuranglah kejayaannya.
38. Matlamat saya bukannya batu, kayu (bangunan) dan ramai orang, tetapi saya nak orang yang bersungguh mengikuti garisan syariat dan toriq.

39. Saya mengajar ilmu para wali bukannya ilmu tok sami!
40. Saya hanya boleh nasihat, saya tak boleh memberi manfaat dan mudharat. Buat ibadat nak fadhilat, nanti berkulat. Buat nak berkat nanti melekat.
41. Saya kagum dengan ketahanan yang ada pada Hallaj, orang korek mata, kerat tangan dia, dia tidak rasa sakit.
42. Nasihat hanya boleh diberi sebelum nyawa di halqum (garghorah). Selepas garghorah tidak ada gunanya lagi.
43. Kesufian bukan boleh didapati dengan seminar dan pena. Kesufian boleh didapati dengan zuhud dan yakin.
44. Kekufuran tidak boleh menghilangkan kekufuran. Hanya kerasulan, kenabian dan kewalian sahaja yang boleh menghilangkan kekufuran.
45. Hanya ketaqwaan yang tinggi sahaja yang boleh menundukkan kesombongan, kekufuran dan kesyirikkan sebagai mana Ibrahim Khalilullah menghancurkan kerajaan Namrud.
46. Jangan buat ibadat pura-pura, nanti jadi kura-kura.
47. Kamu jangan biadab dengan Allah s.w.t.!
48. Kamu jangan jadi seperti kerengga, dia duduk di pokok buah-buahan tetapi tak makan buah, bila ada manusia nak ambil buah dia pun kacau (marah).
49. Saya berjalan tidak kisahkan orang. Jangan kacau orang. Orang kacau kita, tidak mengapa.
50. Firman Allah Ta'ala: وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ﴿١٠﴾
    Maksudnya *"Hendaklah kamu berzikir banyak, mudah-mudahan kamu semua mendapat kejayaan"* (Surah Al-Jumaah Ayat 10).

    Dalam ayat ini Allah s.w.t. tidak bagi tahu banyak mana (bilangan nak kena zikir), sekurang-kurang banyak ialah sampai (darjah nafsu) mutmainnah."
51. Selagi belum mutmainnah, selama itu punah ranah.
52. "Ada yang lain lagikah? Tak ada lagi dah. Mari kita pakat duduk di atas لا إله إلا الله (La ilaha illAllah"). Kata-kata Tok Ayah Said r.a.
53. Nabi Yunus a.s., duduk dalam perut ikan tapi, tak jadi tahi, sebab baginda membaca لاَ إِلَهَ إلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِين ("La ilaha illa anta subhanaka inni kuntu minazzolimin"). Oleh itu supaya kita, tidak menjadi tahi dunia, maka banyakkanlah membaca "La ilaha illa anta subhanaka inni kuntu minazzolimin".
54. Ulama' terhijab dengan ilmunya, 'abid terhijab dengan ibadahnya, zahid terhijab dengan zuhudnya dan soleh terhijab dengan kesolehannya. Ini semuanya dinamakan hijab nurani.

55. Bila mata kita muafakat dengan syariat, telinga kita muafakat dengan syariat, fikiran kita muafakat dengan syariat, tangan kita muafakat dengan syariat, namanya bersungguh-sungguh.
56. Sekiranya apa yang saya anjurkan, sampaikan atau yang saya lakukan ini tidak muafakat dengan garisan Al-Quran dan Sunnah tolong jangan pakai. Saya menerima setiap kritikan yang membina.
57. Matlamat kita ialah keimanan dan ketaqwaan dan menentang kekufuran dan kesyirikan di dalam segenap aspek
58. Kita tidak menentang sains dan teknologi kerana ia adalah rahmat Allah s.w.t. tetapi kita menentang kekufuran dan kesyirikan di dalam sains dan teknologi.
59. Saya berdoa kepada Allah s.w.t. “Ya Allah, hamba mu ini tak pandai nak memanggil (menyeru) berdakwah macam orang lain. Jadi Engkau hantarlah mereka-mereka yang Engkau kehendaki dan rahmati ke sini, sebagaimana Nabi Ibrahim a.s. di perintah oleh Allah s.w.t. menyeru manusia datang ke rumahNya Baitullah).
60. “Buat kerana Allah, Mahmud!” Nasihat Tuan Guru Haji Husin Dol r.a. kepada saya.
61. Perjalanan saya muafakat dengan perjalanan Maulana Ilyas r.a. (Pengasas Jemaah Tabligh, Ahli Zaman Abad 14 Hijrah) dari segi menghancur hati kepada Allah s.w.t. cuma caranya berbeza tetapi matlamatnya sama. Seperti nelayan nak menjadi jutawan, tauke kilang nak jadi jutawan, peladang nak jadi jutawan. Walaupun caranya berbeza tetapi matlamat mereka sama, nak jadi jutawan!
62. Kamu boleh paksa anak kamu untuk dunia, tak cukup dengan sekolah pergi tuisyen lagi. Tapi kenapa dengan halqah zikir kamu tak boleh buat?
63. Sebenarnya kita kena asuh perkara ini (jalan orang-orang muqarrabin) daripada awal lagi kerana semua wali Allah s.w.t. yang besar-besar, mula diasuh sejak daripada kecil.
64. Punca-punca kehancuran umat Islam hari ini tidak ada lain iaitu ananiah ikut nafsu.
65. Bukan orang lain dan unsur-unsur lain merosakkan kamu tetapi nafsu kamulah yang merosakkkan kamu sendiri.
66. Air mata takut Allah s.w.t. tak sama dengan air mata lembu. Macamana air mata lembu? Bila dia lapar dia menangis, bila dia sakit dia menangis, bila anak dia mati dia menangis. Macam itulah air mata orang tidak takut Allah s.w.t.
67. Menurut hadis, setitik air mata orang yang takut Allah s.w.t. boleh memadamkan api neraka. Apatah lagi api dunia dan bom atom, bom

nuklear - kalau dibandingkan dengan api neraka! Sebab itulah Ibllis dan konco-konconya mencari jalan untuk memupuskan jalan-jalan orang yang takut Allah.

68. Allah s.w.t. menceritakan di dalam Al-Quran:

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ

Mafhumnya "Sesungguhnya zikrullah itu Maha Besar, Maha Agung" (Surah Al-Ankabut Ayat 45).
Maknanya zikrullah itu lebih hebat daripada bom atom. Pasal inilah Yahudi dan konco-konconya menghalang orang berzikir dan halqah zikir.

69. Kalau beramal nak dunia, nak hebat, nak kebal dan bermacam-macam lagi samalah dengan Iblis. Iblis berdoa (meminta kebolehan atau kehebatan) kepada Allah nak menyesatkan manusia.

70. Serban putih dan jubah putih senang dibeli, yang tiada dijual perut (jiwa) yang bersih walaupun hendak dibeli dari wali Allah bahkan dari Rasulullah (pun tidak boleh) kerana taufiq dan hidayah di tangan Allah.

71. Hari ini ramai orang membicarakan karomah para aulia, karomah Sultan Auliya' Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani tetapi kenapa tidak mengkaji cara-cara dan punca-punca hendak mendapat karomah.

72. Saya menceritakan perjalanan muqarrabin. Oleh itu janganlah kamu menghukum (membuat andaian) di atas pandangan orang-orang hasanah. Kerana kebaikan orang-orang hasanah adalah kekejian bagi orang muqarrabin.

73. Manusia di hari ini hanya menceritakan para aulia yang dah mati seperti Ibnu Arabi, Al Ghazali, Hallaj dan ramai lagi. Tetapi kenapa mereka tak mahu mencari para aulia yang hidup di zaman kita ini ? Seolah-olahnya mereka mahu auliya' yang dah mati itu hidup semula, lebih baik minta Rasullah s.a.w. hidup balik untuk membimbing kita, kerana baginda Sayyidul Mursalin, ini lebih afdal!

74. Kamu, kereta boleh beli tetapi jam loceng untuk mengejut waktu tahajjud tak boleh beli!

75. Berpegang teguhlah dengan kitab Allah dan Sunnah Rasullullah s.a.w.

76. Orang kafir yang makan ular, bisa ular tidak menjejaskan mereka kerana dalam badan mereka ada sel-sel darah ular. Kita orang Islam tak makan ular, kemudian kita tak buat pula perkara yang lebih bisa dari bisa ular (istighfar, selawat dan zikir).

77. Bila (iman) kita lemah, maka orang-orang yang lebih lemah daripada kita akan mengambil kesempatan daripada kelemahan kita. Jalan

penyelesaiannya, dengan kita memperbaiki diri kita.

78. Allah s.w.t. tak terima doa orang yang mengikut nafsu ammarah.
79. Maafkan segala kesalahan orang-orang yang membuat kesalahan dengan kita walaupun mereka tidak memohon maaf.
80. Orang yang tak berani menghadapi ujian, itu orang bodoh. Kalau tak ada ombak yang besar macam mana orang yang main luncur ombak hendak rasa keseronokan bermain ombak.
81. Kalaulah binatang buas boleh dilatih sebagaimana harimau, gajah dan beruk sarkas dilatih untuk membuat pertunjukkan (boleh dijinakkan), apatah lagi manusia walhal mereka seindah-indah makhluk Allah, kerana Allah berfirman:

    لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

    "Sesungguhnya telah Kami jadikan manusia di dalam seindah-indah bentuk" (Surah At-Tin Ayat 4).
82. Jadilah hamba Allah, buatlah kerana Allah, MasyaAllah!
83. Jikalau kulit saya kamu salin ke tubuh kamu, darah saya kamu tukar ke dalam jasad kamu, daging dan tulang saya kamu pakai sekalipun! Kamu tak akan dapat sebagaimana saya dapat sekiranya kamu tak bersungguh sebagaimana saya bersungguh-sungguh dengan Allah.
84. Bukan nak (zikir dengan suara) kuat, bukan perlahan. Matlamat kita hancur hati dengan Allah tetapi kebiasaannya nak hancurkan batu gunung untuk buat jalan kena gunakan bahan letupan. Kemudian batu tadi di masukkan di dalam mesin penghancur, tentulah proses ini mengeluarkan bunyi yang kuat. Apatah hati manusia lebih keras dari batu.
85. Saya tak bimbang anak-anak saya tak makan kerana rezeki, (sebab) Allah sudah jamin. Yang saya bimbang anak-anak saya tak ada iman.
86. Saya tak setuju dengan orang-orang yang hanya bercerita tentang datuk nenek mereka orang hebat, orang soleh dan tok wali. Dia tu macam mana? Sepatutnya dia boleh (dapat) lebih lagi, atau pun sekurang-kurangnya dapat sama macam datuk nenek mereka. Kalau guru buat matan, murid buat syarah. Ini tidak, masuk hutan! (tak terpakai).
87. Fahaman Wahabi ialah fahaman yang berpegang kuat dengan zahir syariat. Mereka tidak terbuka rahsia syariat. Jika kita berpegang kuat dengan syariat dan hakikat, mereka tak boleh makan kita.
88. Kalaulah anjing yang mengikut pemuda Ashabul Kahfi, Allah masukkan ke dalam syurga. Apatah manusia yang bersungguh-sungguh mengikuti perjalanan Ahlullah. Ada orang yang menulis nama-nama mereka (Ashabul Kahfi) untuk dibuat azimat sahaja.

Ini saya tak setuju, sepatutnya kita kena ikut jejak langkah mereka untuk menyelamatkan iman. Kita pun akan sama dapat kekuatan macam mana yang Allah anugerahkan kepada mereka.

89. Kamu tentang makan, kamu pandai. Untuk menyedapkan sesuatu makanan berbagai ramuan digunakan, tetapi kenapa untuk mendapat kemanisan di dalam ibadah kamu tak pandai?
90. Duduklah "tang" manapun, di parit longkang, di dalam istana, di atas, di bawah, di tepi, di tengah, di laut atau di darat. Matlamat kita ialah kehambaan.
91. Pohonlah kepada Allah untuk berjumpa dengan guru yang boleh membimbing kamu ke jalan Allah.
92. Di dalam perjalanan Ahlullah, baka keturunan adalah salah satu perkara yang sangat penting. Sebab itulah Rasullullah s.a.w. suruh memilih perempuan yang beragama untuk dijadikan isteri.
93. Untuk menyucikan darah-darah keturunan yang tak terpakai, darah kejinan, darah kekufuran dan kesyirikan. Hendaklah menghabiskan selawat sebanyak 5.6 juta.
94. Kalau kita tak larat nak berjalan, jadilah tangga untuk orang-orang yang nak berjalan.
95. Setengah orang seronok membaca dan mendengar karomah Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani. Nasihat Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dia tak baca! Bacalah nasihat Syeikh Abdul Qadir al -Jilani, di dalam kitab Fathul Ghaib dan Fathur Rabbani.
96. Ada dua jalan manusia menuju Allah s.w.t:
    - **Jalan Nubuwwah**
      Jalan Nubuwwah bermula sejak Nabi Adam a.s hingga Nabi Muhammad s.a.w. Jangka masa ini tidak diketahui oleh sebarang manusia, kecuali Allah s.w.t sahaja. Inilah jangka masa manusia mencapai Allah s.w.t melalui bimbingan nubuwwah, di mana wahyu sentiasa di turunkan. Zaman Nubuwwah ini telah berakhir dengan Nabi Muhammad s.a.w dan tidak akan bermula lagi.
    - **Zaman Wilayat (kewalian)**
      Zaman Wilayat di mana para aulia menunjukkan manusia jalan kepada Allah s.w.t sehingga akhir zaman. Bila zaman Nubuwwah berakhir, maka dari situ zaman Wilayat bermula. Wilayat bermula dengan para-para sahabat, diikuti oleh para tabien yang berlandaskan hadis Akbaru Tabik, Uwais Al Qarni. Jalan ini berterusan hingga Syeikh Abdul Qadir al -Jilani pada abad ke 5 Hijrah di mana mahkota Wilayat telah di anugerahkan kepada beliau. Zaman Wilayat ini bermula

dari zaman sahabat hingga ke zaman Sayyidina Muhammad Al-Mahdi. Semua auliya' di dalam dunia ini mencapai Allah melalui warasatul auliya' (bimbingan para Auliya'). Allah s.w.t membimbing mereka melalui syariat, toriqat, hakikat dan makrifat. Pancaran nur kalimah (La ila ha illAllah) yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w sentiasa dikawal dan dipelihara oleh para auliya' supaya memancar dan bersinar.

97. Saya kalungkan mutiara di leher anjing, mudah-mudahan ia menjadi kambing.
98. Sembahyang 5 waktu di wajibkan pada tahun ke 10 daripada kenabian dan kerasulan. Sebelum itu Rasulullah menyuruh para sahabat menguatkan iman dengan banyak menyebut لا إله إلا الله (La ila ha illAllah).
99. Bilal bin Rabbah r.a seorang hamba abdi. Orang yang dipandang hina oleh masyarakat tetapi berhubung dengan keimanan dan tauhid, dia seorang yang mulia dan cerdik. Beliau tidak tunduk kepada kekufuran dan kesyirikan walaupun jasadnya disiksa. Di hari ini, kita ada ramai golongan cerdik pandai, ada pensyarah, ada jurutera, ada doktor, ada ulama', tetapi berhubung dengan keimanan dan tauhid, kita jauh ke belakang dan lebih bodoh daripada Bilal r.a.
100. Kamu jangan sangka, kamu ikut saya, duduk majlis saya, sembahyang belakang saya, kamu dah dapat masuk syurga. Saya pun belum tentu lagi Allah nak letak di mana, di syurga atau neraka!
101. (zero, zero, one) ini nombor kod Ahlullah. Kosong dunia, kosong akhirat, hanya Allah yang Esa.
102. Bergaul dengan jutawan berasa nak manfaat dari mereka. Syirik! Tengok benda seronok, berasa seronok. Syirik dengan 'seronok'. Duduk dengan orang jahat dan ganas, berasa takut dia kacau kita. Syirik dengan 'takut' pula. Bila tengok perkara yang tak elok dan tak berkenan, tak nak dan tak mahu pula. 'Syirik dengan tak nak'. Tengok perkara yang berkenan dan menawan berasa nak. Syirik dengan 'nak' pula
103. Kalau kereta rosak ada tukang yang akan baikinya. Kalau orang rosak siapa yang nak baiki?
104. Jadilah hamba Allah sehamba-hambanya. Kalau orang bertanya siapa yang paling banyak dosa? Angkatlah tangan!
105. Berdoalah kepada Allah supaya buta mata daripada melihat perkara yang dilarang. Pekak telinga daripada mendengar perkara yang dilarang. Bisu mulut daripada bercakap perkara yang ditegah.

Batukan anggota daripada melakukan perkara yang Allah larang.

106. Orang munafiq di zaman ini tak senang dengan pakaian sunnah.
107. لاَحَولَ وَ لاَ قُوَّةَ إلاَّ بِاللهِ (La hau la wala quwwata illa billah) cakap senang, nak duduk di atas garisannya payah.
108. Kemerdekaan yang sebenar ialah apabila bebas daripada belenggu hawa nafsu.
109. Orang Melayu terhijab dengan bahasa Melayunya, orang India terhijab dengan bahasa Tamilnya. Orang Cina terhijab dengan bahasa Cinanya. Orang Jawa terhijab dengan bahasa Jawanya. Orang "ARAB" pun terhijab dengan bahasa Arabnya.
110. Perkara yang kita tak tahu tidak semestinya perkara tersebut tak betul.
111. Orang yang loyar buruk dengan Allah s.w.t ialah orang yang loyar buruk dengan auliya' Allah.
112. Bala yang Allah kenakan kepada kita adalah setimpal dengan amal perbuatan kita. Bila kita buat kebajikan. Pandanglah, bahawa itu semuanya anugerah dan rahmat Allah. Kalau buat perkara yang tak berbetulan dengan jalan keredhaanNya janganlah disandarkan kepada Allah. Salahkan nafsu kita sendiri. Ini tidak! Bila buat kebajikan kita rasa ada "share" (berkongsi) dengan Tuhan. Bila buat maksiat dikatakan pula ini qodho Tuhan. Inilah puncanya manusia tak sampai Tuhan dan semakin jauh daripada "rahmatNya". Tidak lain kerana biadabnya kita!
113. Guru saya pesan. "Mahmud! Janganlah ajar adab nanti mereka biadab. Ajarlah mereka beribadat sehingga mereka beradab!"
114. Apabila tidak senang dengan aturcara "perjalanan Ahlullah" itu tandanya ada darah kejinan mengalir di dalam jasad. Untuk menghilangkannya hanyalah dengan فَنَاً فِى الشَّيخ ("Fana'-fi-syaikh" yakni mematuhi segala aturan guru). Guru yang ikhlas tidak akan membawa muridnya masuk "neraka".
115. Para auliya' (wali-wali Allah) tidak menyembunyikan "Ilmu". Orang dunialah yang menyembunyikan ilmu. Kerana ada kepentingan dan tak ikhlas. Mereka takut anak murid mereka lebih bijak! Bersalahan dengan auliya', mereka mahu murid-murid mereka lebih cemerlang dan berjaya.
116. Bila buat sesuatu ikut hawa nafsu maka akan timbullah penyesalan yang berpanjangan.
117. Benda dan perkara yang dah berlaku, jangan kata "Silap!" Tuhan buat "Tak silap". Yang silapnya pasal kita "Ikut hawa nafsu!"
118. "Buat apa nak zikir (suara) kuat-kuat? Allah s.w.t. bukan pekak!

Zikir perlahan pun Allah s.w.t. dengar". Ini cakap orang yang tidak kenal Tuhan, cakap orang kafir. Habis itu Allah s.w.t. jadikan petir yang berbunyi kuat itu, dia tidak dengar ke? Memang Allah s.w.t. tidak pekak tetapi yang pekak itu "nafsu", dia tidak mahu dengar dan ikut perkara yang Allah s.w.t. redha. Itulah sebabnya disuruh berzikir dengan suara yang kuat. Memang berzikir dengan sirr lebih afdhol daripada zikir (suara) kuat. Tapi ini untuk orang yang dah sampai.

119. Selaku umat Rasulullah s.a.w. di abad 15 Hijrah ini. Saya akan bersungguh-sungguh memperjuangkan dan mempertahankan perjalanan Ahlullah.
120. Bacalah diri sendiri (tengok keburukan sendiri). Jangan baca (tengok) keburukan orang lain.
121. Bereskan kekufuran dan kesyirikan di dalam diri kita dulu. Janganlah bersibuk dengan kekufuran dan kesyirikan di luar kita.
122. Dalam hadis Rasulullah s.a.w. menyatakan "bahawa para sahabat umpama bintang-bintang di langit". Walaupun mereka berlainan bidang seperti bertani, berniaga, kaya, miskin, panglima, hamba abdi dan lain-lain tetapi mereka mempunyai satu rahsia dengan Tuhan iaitu memiliki sifat "kehambaan". Inilah perjalanan Ahlullah.
123. Gagahnya satu-satu zaman itu di sebabkan gagahnya para auliya' (wali-wali Allah) di zaman itu.
124. Air hujan yang turun dari langit "jernih". Tapi bila sampai di bumi jadi keruh, kotor dan berwarna merah disebabkan tanah. Begitulah rahmat Allah yang turun dari langit, "suci". Tapi perut (hati) kamu yang mengotorkan rahmat Allah itu. Kenapa air hujan yang turun di laut jernih? Sebab air laut jernih.
125. Sembahyang ada waktu. Zikrullah tidak ada waktu tertentu. Zikrullah kena dilakukan sepanjang waktu. Semua para nabi dan rasul berzikir.
126. Selagi mana kita terasa reti. Selama itulah kita tak reti!
127. Terasa adanya "kita". Itulah kesalahan yang besar.
128. Selagi terasa adanya kita. Selama itulah kita menderita.
129. Kita tak soal UMNO ka, PAS ka, ADIL ka. Kita akan berganding bahu dengan orang-orang yang sanggup berdiri, mengikuti aturcara kebangkitan (Islam).
130. Abad 15 Hijrah ialah abad kebangkitan Islam.
131. Semua para auliya' di dalam dunia sepakat mengharamkan rokok.
132. Satu batang rokok yang dihisap menjadi hijab dengan Allah selama 40 hari.

133. Serban, jubah dan janggut lambang orang soleh.
134. Pakai baju, dulukan tangan kanan, buka baju dulukan tangan kiri. Pakai kain dulukan kaki kanan, tanggalkan kain, dulukan kaki kiri, pakai seluar duduk dulu dan mulakan dengan kaki kanan kemudian barulah berdiri, buka seluar dulukan kaki kiri. Nak pakai kasut/ selipar dulukan kaki kanan nak buka, dulukan kaki kiri. Pakai kain tindihkan kanan di atas pihak kiri. Ni kamu tidak! pakai ikut "DAN!". Tak ikut sunnah, ikut syaitan, tak ada zikrullah. Zikrullah tak masuk dalam badan lagi. Kamu ingat perkara ni kecik! Kalau perkara kecik tidak boleh nak jaga, macam mana nak jaga perkara yang lebih BESAR?
135. Buang atau cukur janggut, simpan misai, macam Hindu! Ikut Hindu! Rasulullah s.a.w. suruh panjangkan janggut, andamkan misai.
136. Semua nabi-nabi dan rasul-rasul alaihimussalatu wassalam dibangkitkan oleh Allah s.w.t. untuk menguatkan iman dan taqwa dahulu. Bila iman dan taqwa dah kuat, barulah perkara-perkara lain akan ikut kuat. Ini tidak, nak kuat ekonomilah, kuatkan itulah, inilah. Nabi Adam a.s. mula-mula di turunkan ke bumi ini apa yang dibuat dulu? Baginda menangis takutkan Allah s.w.t. selama 40 tahun. Adakah baginda buat benda lain dulu?
137. Kenapa orang Islam yang dulu-dulu hebat dan kuat. Sebab mereka kuat berpegang dengan Allah s.w.t. dan Sunnah. Kita sekarang tidak, sebab itulah orang Islam sekarang lemah.
138. Kita jangan di perbudak-budakkan oleh budak-budak dunia.
139. Orang yang baik merasa dirinya jahat! Orang yang jahat merasa dirinya baik! Dalam bala ada nikmat. Dalam nikmat ada bala. Sebab itulah semua kekasih Allah di dalam penderitaan.
140. Bala ada 4 jenis:
   - سِرَاجٌ لِلعَارِفِين (Sirajun-lil-ariffin) penerang bagi para arifbillah.
   - يَقْظَةٌ لِلمُرِيدِين (Yaqozatun-lil-muridin) penyedar bagi orang yang hendak mengenal Allah.
   - إِصْلَاحٌ لِلمُؤمِنِين (Islahun-lil-mukminin) membaikkan orang yang beriman.
   - هَلَاكٌ لِلغَافِلِين (Halakun-lil-ghafilin) membinasakan orang yang lalai pada Allah s.w.t.
141. Punca bohsia dihari ini (keruntuhan moral) ialah disebabkan suntikan yang diberi kepada bayi yang mengandungi hormon lembu atau kuda. Apa kerja lembu dan kuda? Jadi budak-budak ini ikut perangai lembu dengan kudalah! Yang ada hormon manusia sahaja pun, payah nak asuh apatah lagi yang ada hormon lembu dengan kuda. Inilah cara

Yahudi dan Nasrani untuk melemahkan orang Islam. Mereka tahu sekarang ini adalah masa kebangkitan Islam. Mereka bunuh sel-sel kesolehan yang terdapat dalam anak-anak orang Islam. Sebagaimana Firaun membunuh anak-anak Bani Israel kerana takutkan Musa a.s.

142. Wajib taat kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang "mengajak" kita taat kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.
143. Cara perubatan yang tak menggunakan dadah seperti akar kayu dan homeopati ini adalah lebih baik. Perubatan yang menggunakan dadah boleh merosakkan saraf kita. Itu yang menyebabkan payah masuk zikir jika saraf sudah rosak!
144. Saya buat kerja saya. Saya tak kisah orang nak marah ke atau suka!
145. Di jalan Allah s.w.t. tidak ada mujadalah, mubahasah, munaza'ah dan munakasyah (bertengkar, berdebat, berbahas). Yang ada di jalan Allah s.w.t. hanya أَمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَات (beriman dan beramal soleh).
146. Penyelewangan hadis. Betullah! Rasulullah s.a.w suruh tuntut ilmu sampai ke negeri China, tetapi masalahnya bila kita hantar penuntut kita ke China, mereka jadi China!, hantar ke Amerika jadi Amerika!, hantar ke England jadi England!. Pasal kita tidak beri mereka kekuatan (iman dan taqwa) terlebih dahulu. Hadis ini Rasulullah s.a.w. menceritakan di mana dan pada bila? Pada masa iman para sahabat dah cukup kuat. Inilah penyelewengan hadis namanya.
147. Kalau perut dah kenyang macam mana nak meratib?
148. Satu orang Tuan Guru (Sg. Pau Kedah) komen apa yang saya anjurkan. Saya bagi tahu dia, "Pak Cik! Kalau Mahmud buat ikut hati - mati. Ikut nafsu, lesu. Kalau Mahmud buat kerana Allah masyaAllah. Tengoklah nanti bagaimana Mahmud gila (majzub) ini memimpin manusia ke jalan Allah".
149. Di dalam tubuh badan manusia ada 56 ribu titik darah. Untuk menyuci satu titik darah tidak terpakai, perlu berselawat sebanyak 100 kali. Bermakna untuk memproses setiap titik darah tersebut perlu berselawat sebanyak 5.6 juta.
150. Dalam perjalanan Ahlullah, selagi belum mutmainnah dikira orang baru. Walau dah 30 tahun ikut tapi belum mutmainnah di kira masih orang baru.
151. Cara-cara memohon guru mursyid.
    a. Selalu buat sembahyang hajat.
    b. Banyakkan membaca لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِين (Laila hailla anta subhanaka inni kuntu minaz zolimin), istighfar dan selawat.

c. Berdoa - “Ya Allah dengan berkat Rasulullah s.a.w. dan berkat para waliMu yang besar-besar. Pertemukan aku dengan orang yang Kau kasih untuk membimbing hambaMu yang dhaif, zalim dan jahil lagi banyak dosa ini semata-mata dengan rahmatMu sahaja. Ya Allah!”.

151. **Dari mana hendak kemana,**
Singgah di dunia jangan buat bencana;
Di akhirat nanti jadi merana,
Kekal di dalam selama-lamanya.

152. Fahaman agama ini luas. Ada fahaman syariat, ada fahaman toriqat, ada fahaman hakikat dan ada fahaman makrifat. Untuk berjalan pertama-tama sekali kena kasih dengan syariat, kena kasih pada Rasulullah s.a.w

153. Segala amalan khurafat yang menghalang kita didalam perjalanan dihapuskan dengan berselawat.

154. Hanyalah dengan memperbanyakkan mengingati Allah sahaja akan membuka laluan kepada kita untuk memahami tauhid.

155. Yang dikatakan memperbaiki diri ialah kita perlulah bersifat zuhud dan yaqin kepada Allah Taala.

156. Apabila tidak zuhud akan timbullah penyakit tamak. Dari penyakit tamak akan timbul pula syak wasangka terhadap Allah.

157. Tidak ada jalan lain untuk keluar daripada penyakit tamak dan syak wasangka terhadap Allah melainkan dengan zuhud.

158. Punca kita jauh dari Allah tidak dapat merasai kemanisan iman kerana kita tamak. Kalau tamak hendakkan syurga pun Allah s.w.t keluarkan dari syurga (kisah Nabi Adam a.s), apatah kalau kita tamak hendakkan dunia.

159. Pupuklah dangan zuhud dan yakin kepda Allah supaya timbul dalam perasaan kita: ”Dia Tuhan”.

160. Setiap amalan yang tidak sampai makrifah akan jadi sampah.

161. Untuk mendapat yakin kenalah tinggalkan nafsu amarah terlebih dahulu. Dengan nafsu ammarah tidak akan wujud keyakinan kerana dia musuh Allah dan sentiasa bercanggah dengan Allah.

Penutup

Akhir kalam, kami memohon kepada Allah s.w.t dengan keagungan dan kebesaranNya, dengan keberkatan mukjizat Saiyidul Mursalin Nabi Muhammad s.a.w. dan juga 856 orang para auliya' Allah yang bertugas di abad ini agar diberi petunjuk kepada kita semua untuk mengikut jejak langkah para kekasihNya.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.



اَلْمَدْرَسَةُ نُوْرُالإِيْمَان * مَعْهَدُنَا مَعْهَدُ الإِيْمَان

نَتَعَاهَدُهَا لِتَعَلُّمِ الإِيْمَان * نَدْرُسْ فِيْهَا الْعُلُوْمْ وَالْعِرْفَان

نَتَعَلَّمُ فِيْهَا الأَحَادِيْثَ وَالْقُرْآن * لِنُرْضِ اللهَ فِيْ فِرَادِيْسَ وَالْجِنَان

نُحِبُّهَا بِكُلِّ جَذْوَةِ الْجِنَان * يَا لَفَخْرَ لِلْعُصُوْرِ وَالآزِمَان

يَا اللهُ يَا عَلِيْمُ يَا رَحِيْمُ يَا رَحْمَان* أَحْيِهَا وَأَبْقِهَا اِلَى آخِرِ الزَّمَان

Inilah Madrasah Nurul Iman
Maktab kami Maktab menghayati Iman
Kami beriqrar untuk mempelajari Iman
Kami belajar berbagai ilmu pengetahuan
Kami belajar ilmu Hadis dan Al-Quran
Di Syurga Firdaus, kami diredhai Tuhan
Terhadapnya hati penuh kecintaan
Wahai kebanggaan setiap masa dan zaman
Ya Allah! Ya 'Alim! Ya Rahim! Ya Rahman!
Hidupkanlah kekalkanlah Madrasah ini
hingga keakhir zaman.

المُرَبِّي

قد وَلَّدَ يا شيخنا العرفان # محمود قدسي تزيّن خُلُقٍ مثالِ

يا من يحوز رضى الرحمن حقّاً # مرقّى الورى بجلال الله رحمان

يلقى جوده كلّ المُلتمس بك يا # قدوةً أملاحُها من قبس الثقلِ

للناس هم وَرِثُوا في اليوم هدى # هم الشموس وهم النور حولاه

لا تحزنن قلباً غائباً يمضي # مثل الفرح بلقاء وأقران

هنالك رب الورى من فضله وهبا # لولاك الفوز مع كلٍّ من إخوانه

لولاك علّمنا تقيّاً وعافية # لما اكتملت الآثار بمشهاد

صلى وسلم رب العالمين على # خير الورى آله وصحبه أعوان

والحمد لله ربنا وأنعمنا # منة الأيادي بشكر دوم أزماني

[1] [illegible]

حماك الله الشيخ محمود القدسي

Al-Murabbi (Pendidik kerohanian)

Kerana Allah kebaikanmu wahai Guru Mursyid kepimpinan makrifah
Mahmud Al-Kedahi Guru Murabbi ciptaan Tuhan Al-Mannan

Wahailah Tuan yang menguasai keredhoan Tuhan Al-Hannan
Tuhan dengan sifat Jamalullah Tuhan Al-Rahman

Melimpah ruahlah kemurahan tiap-tiap yang datang mengadapmu
Wahailah ikutan Aslaf,kami didalam limpahan Tuhan Al-Dayyan

Untuk manusia kedukaan dan bagiku pada hari ini banyak kedukaan
Kedukaan di dalam hutang,kedukaan di dalam cahaya dan kehairanan

Jangan engkau tinggalkan si fakir didalam kesusahan kebutaan
Sesat didalam perjalanan dengan ranjau dosa dan pancaraoba

Memuliakan akan engkau oleh Tuhan umat manusia dengan limpah rahmatnya
Dan mengurniakan anak-anakmu dan murid-muridmu akan kejayaan beserta tiap-tiap saudara seperjuangan

Menganugerahkan akan engkau ilmu Ladunni dan keafiatan
Mencapai sahabat-sahabat engkau dari Tuhan Al-Bari dengan limpahanNya

Selawat dan salam Rabbul Alamin keatas sebaik-baik hambamu
Serta keluargamu dan para sahabat seperjuangan


Dan kami puji Allah wahai Tuhan kami dan memberi nikmat akan kami
Daripadanya bimbingan juga kesyukuran kekal zaman berzaman

*Dikarang oleh Maulana Abdul Qadir Musliyar (Universiti Sa'adiyah Kerala, India)
Khas untuk Syeikh Mahmud Al-Kedahi

Lampiran



Qutubiya Manzil telah dihadiah oleh Maulana Jalil sewaktu Syeikh Mahmud mengunjungi India pada tahun 1997. Maulana Jalil menulis Qutubiya Manzil ini selepas beliau mengalami satu pengalaman kerohanian.




Tulisan tangan Maulana Jalil Mohideen yang membuka rahsia kewalian Syeikh Mahmud.

Penghargaan dari Maulana Jalil Mohideen buat Syeikh Mahmud.

Toriqat Ahmadiyyah Di Malaysia

Toriqat Ahmadiyyah di Malaysia berasal dari 3 sanad yang berbeza iaitu:



Glosari

Perkataan	*Erti*
Jazbah	Sentakan Allah/Tarikan Allah.
Majzub	Orang yang mendapat jazbah.
Jahr	Suara nyaring.
Arifbillah	Seseorang yang mengenal Allah yang kebiasanya mendapat jazbah.
Syeikh	Dari segi bahasa ialah seseorang yang telah mencapai umurnya 40 tahun Dari segi istilah bermaksud seseorang yang mempunyai kelebihan dan keutamaan di dalam sesuatu bidang walaupun usianya masih muda.
Salik	Seseorang yang berjalan menuju ke hadrat Allah melalui syariat dan toriqat.
Mujaddid	Seseorang yang dianugerahkan Allah ilmu untuk mengendali manusia ke jalan Allah melalui usaha pembaharuan roh Islam.
Umumi	Satu sistem pengajian agama yang diadakan tanpa mengasingkan pelajar mengikut kelas-kelas tertentu
Nizomi	Satu sistem pengajian agama yang diadakan mengikut susunan kelas-kelas tertentu.
Jahiliah	Seorang yang tiada mempunyai pegangan di dalam perkara haram atau halal di dalam urusan hukum hakam agama.
Thanawi	Kelas yang berada di pertengahan di antara kelas yang ada di I' dadi (persediaan) dan 'Aliyah (tinggi).
Mengqhodo'	Menunaikan atau menyempurnakan apa yang telah ditinggalkan.
Tajrid	Seseorang yang istiqamah di dalam maqamnya dan tidak terpengaruh dengan usaha.
Kasyaf	Orang yang Allah buka mata hati untuk melihat benda ghaib.
Lisanul hal	Bahasa dengan perlakuan dan perbuatan.
Dzaukiah	Merasai kemanisan di dalam ibadah dengan kecenderungan hati atau kekuatan pancaindera dalaman.
Wara'	Menjauhi daripada dosa, maksiat dan perkara syubhat.
Khadam	Orang yang berkhidmat.
Syatoh	Spontan.
Siddiqin	Orang yang jujur dengan Allah.
Mentalaah	Mengulangkaji.

Zulmah	Kegelapan dosa dan maksiat.
Sohbah	Berdamping atau berkawan.
Uwaisiah	Seseorang yang mendapat bimbingan di alam kerohanian dengan seseorang yang tertentu sepertimana Uwais Al-Qarni mendapat bimbingan daripada Rasulullah s.a.w.
Haul / Houl	Perhimpunan bagi menyambut hari ulang tahun pengasas sesebuah aliran toriqat.
Halqah zikir	Bulatan yang dilakukan oleh para ahli sufi ketika berzikrullah.
Istiqamah	Tekun atau tetap di dalam melakukan sesuatu ibadat kepada Allah.
Istidraj	perkara yang menyalahi adat yang berlaku kepada orang kafir, munafik dan fasiq.
Hijab	tabir yang mendinding seseorang daripada melihat kebesaran dan keagungan Allah s.w.t.

PERINGATAN:
Sekiranya pembaca ada kemusykilan dengan isi kandungan penulisan ini silalah merujuk terus kepada Tok Ayah Syeikh Mahmud Muhyiddin Abdul Qadir Mahmud Al-Kedahi.
Tel: 012-3045698 atau 03-90214863